

فَتِيحَن تِيْتَه

PETIKAN TITAH

"KERAJAAN sesungguhnya tidak lupa melakukan apa saja untuk kebajikan rakyat." - Titah sempena Hari Keputeraan baginda ke-54 tahun pada 15 Julai, 2000.

Pelita BRUNEI

Membudayakan Masyarakat Bermaklumat



مانيسش ايمان

MANISNYA IMAN

"DAN perintahlah keluarga serta umatmu mengerjakan sembahyang dan hendaklah engkau tekun bersabar menaikannya." - Surah Thaahaa ayat 132.

TAHUN 46 BILANGAN 28

RABU 11 JULAI, 2001/1422 ربيع الآخر 19

DITERBITKAN PADA SETIAP HARI RABU

PERCUMA

دولة كباوه دولي توان فاتيك

Daulat Kebawah Duli Tuan Patik

UTAMAKAN PELAJARAN AL-QURAN

BERAKAS, 4 Julai. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bertitah, menyeru kita supaya menyuburkan rasa cinta terhadap Al-Quran sambil membuktikannya dengan penghayatan yang bersungguh-sungguh kerana Al-Quran apabila dibaca bukan saja pembacanya akan mendapat ganjaran daripada Allah, malah juga yang turut mendengar akan sama-sama beroleh pahala seperti juga dengan pembacanya sendiri.

"Inilah keistimewaan Al-Quran yang tidak ada pada yang lain-lain kecuali Al-Quran semata-mata, sesungguhnya Al-Quran tidak pernah menghampakan peminat-peminatnya atau lebih tepat lagi pencinta-pencintanya, mereka ini pasti akan memperoleh manfaatnya dan rahmatnya sama ada ketika di dunia lagi mahupun di akhirat.

Beta dari dulu sampai sekarang tidak pernah jemu mengingatkan supaya pelajaran Al-Quran itu tetap diutamakan bagi tujuan untuk menjadikan segenap lapisan

Oleh Aliddin Haji Moktal

umat Islam di negara ini tahu dan pandai membaca Al-Quran," titah baginda di Majlis Pertandingan Membaca Ayat-ayat Suci Al-Quran Bahagian Dewasa Peringkat Kebangsaan di Pusat Persidangan Antarabangsa di sini.

Baginda bertitah bahawa bagi mencapai maksud ini, kita perlu mengenal pasti cara-cara yang boleh menyampaikan kita kepada matlamat tersebut, di antaranya dengan menggunakan alat penyampai yang betul lagi berkesan.

Bagi pelajaran Al-Quran, titah baginda, alat terpenting ialah tulisan untuk menghasilkan bacaan, tanpa tulisan bacaan tidak akan menjadi, begitulah pentingnya tulisan sebelum bacaan.

Sehubungan dengan itu, baginda bertitah menimbulkan tentang tulisan jawi yang berasal daripada huruf Arab, sementara bahasa Arab pula adalah bahasa Al-Quran, jadinya melihat kepada hakikat ini nyatalah tulisan jawi itu ada hubungannya dengan Al-Quran iaitu suatu hubungan yang sedia rapat.

Lihat muka 3

Keluaran Khas sempena Hari Keputeraan Kebawah DYMM

PELITA BRUNEI keluaran hari ini menerbitkan Keluaran Khas sempena Sambutan Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-55 Tahun. Keluaran Khas tersebut mengandungi 24 muka surat yang antara lain memuatkan rencana mengenai aktiviti-aktiviti Kebawah Duli Yang Maha Mulia serta mengenai perkembangan dan kemajuan Negara Brunei Darussalam.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan mengurniakan piala kepada johan qari Pertandingan Membaca Ayat-ayat Suci Al-Quran Bahagian Dewasa Peringkat Kebangsaan, Mudim Haji Metassim bin Haji Metussin.



BAGINDA berkenan mengurniakan piala kepada johan qariah Pertandingan Membaca Ayat-ayat Suci Al-Quran Bahagian Dewasa Peringkat Kebangsaan iaitu Dayang Hajah Siti Noor Dzu-hairah binti Haji Awang Damit.

ANTARA YANG MENARIK

Ristaan :

Pemasangan Lampu Isyarat Lalu Lintas Pertama

- Muka 3

Kartun :

Senyum Budiman

- Muka 3

Nama-nama Baik Menurut Islam :

- Muka 3

Sukan :

- Muka 13, 14 dan 15

Belia :

Perkhemahan Belia A-bangsa : Lebih 1,000 peserta luar ikut serta

- Muka 9 ANEKA

Menyusur Mukim dan Kampung :

- Muka 10 ANEKA

Pelajar :

Lebih 4,500 murid dan penuntut sertai program Unit Pendidikan Khas

- Muka 11 ANEKA

TAHUKAH AWDA

PEGAWAI dan kakitangan kerajaan yang ke luar negeri tanpa kebenaran adalah menyalahi Peraturan Am (General Order) menurut Bab 9 boleh dikenakan tindakan tatatertib dan dibuang kerja.

KONTAK PELITA BRUNEI

<http://www.brunet.bn/news/pelita/pelita1.htm>

e-mel: pelita@brunet.bn

TALIAN PENTING PELITA BRUNEI

02 383 941 / 02 383 804

Faks : 02 381004 / 02 380507



A Kingdom Of Unexpected Treasures



دَعْنِ نَامَ اللَّهِ يَغْمِهَا
قُومُورُهُ دَانْ مَهَا قِيَابِغْ

Dari Sidang Pengarang

11 JULAI, 2001 BERSAMAAN 1422 ربيع الآخر 19

PELITA BRUNEI MAJU SETAPAK LAGI

DITERBITKAN 46 tahun yang lalu, akhbar rasmi kerajaan PELITA BRUNEI telah memainkan peranan sebagai wadah penyaluran maklumat dua hala antara kerajaan dan rakyat. Sehingga ke hari ini, ia masih lagi berfungsi dan relevan sebagai lidah rasmi kerajaan, meskipun menghadapi cabaran dan peredaran masa yang memerlukan perubahan dan peningkatan baik dari segi pendekatan mahupun mutu persembahan.

Peredaran masa memberikannya cabaran yang begitu hebat terutamanya ledakan Teknologi Informasi dan Komunikasi (ICT) yang menjadikan cara penyaluran dan mendapatkan maklumat boleh dibuat dalam masa yang cepat meskipun dalam jarak yang agak jauh. Maklumat boleh disalurkan dan didapatkan melalui internet, laman web, e-mel dan sebagainya. Walaupun teknologi tersebut memberikan impak dan cabaran kepada media cetak, tetapi 'surat khabar' masih lagi dianggap relevan, dan diperlukan sebagai salah satu alat penyebaran maklumat yang berkesan.

Suasana semasa juga menghendaki PELITA BRUNEI bersaing dengan akhbar-akhbar harian tempatan bersifat komersial yang menghidangkan kepelbagaian bahan berita dalam dan luar negeri yang tidak terbatas, termasuk yang diambil melalui 'wire' dengan gaya pengolahan penulisan rencana dan berita mengikut dasar agensi masing-masing.

Walaupun sebagai akhbar rasmi kerajaan, PELITA BRUNEI yang sentiasa menitikberatkan protokol, menjaga dan mempromosikan imej kerajaan dan kepimpinan negara, memberikan dasar-dasar dan etika semasa kerajaan dan jauh sekali daripada memuatkan tulisan-tulisan kontroversi dan sensasi atau bertentangan dengan hasrat dan matlamat negara, tetapi ia masih boleh ditingkatkan melalui pendekatan pemberitaan yang dibuat secara lebih mendalam, di samping menjaga mutu penulisan. Pemberitaan bukan sahaja berbentuk informatif semata-mata, malah mungkin boleh dibuat secara investigatif atau memerlukan analisa dan pandangan dalam penulisan rencana.

Ke arah memenuhi tuntutan dan keseimbangan tersebut, maka Pelancaran Rasmi Wajah Baru PELITA BRUNEI pada 7 Julai lepas dengan reka bentuk kepala akhbar (mast head) yang lebih menyerlah bersisilkan 'MEMBUDAYAKAN MASYARAKAT BERMAKLUMAT' selain menambah ruangan baru dalam edisi induk an edisi ANEKA, diharapkan akan dapat membawa sedikit peningkatan kepada akhbar tersebut.

Selain berwajah baru, PELITA BRUNEI mulai keluaran hari ini akan menghidangkan ruangan baru termasuk ekonomi, alam sekitar, kesihatan, keagamaan, ASEAN, Oleh-oleh Dari Brunei Shell, profil, ristaan, pelajar, Menyusur Mukim dan Kampung, wanita, Kartun 'Senyum Budiman' selain mengekalkan dan mengemaskinikan ruangan-ruangan yang sedia ada.

Ruangan-ruangan baru tersebut ada di antaranya akan menemui pembaca pada setiap minggu, manakala sebahagiannya akan disarkan dua kali atau sekali sebulan. Semoga ruangan-ruangan baru yang lebih khusus serta memberikan penekanan kepada tajuk-tajuk di atas itu akan dapat memenuhi kehendak semasa.

Pada masa yang sama, saranan Dato Paduka Haji Hazair bin Haji Abdullah, Setiausaha Tetap Jabatan Perdana Menteri semasa melancarkan wajah baru 'PELITA BRUNEI' yang antara lain mengharuskan perubahan mast head baru itu bukan sekadar pada fizikal 'outlook' muka depannya sahaja, tetapi hendaklah juga dari segi isi berita, gaya pengolahan serta mutu penulisan seiring dengan ruangan-ruangan baru yang relevan lagi menepati kehendak terkini dan cabaran abad ke-21' itu hendaklah dilihat secara positif dalam perspektif yang luas oleh semua pemberita dan sidang editorial.

Bagi merealisasikan hasrat serta memenuhi cita rasa pelanggan yang terdiri daripada pelbagai lapisan rakyat merangkumi pihak kerajaan, swasta serta masyarakat umum di peringkat dewasa, belia, kanak-kanak, penuntut dan ahli akademik, maka sewajarnya akhbar ini memantapkan dirinya yang termampu tanpa mengabaikan etika dan matlamat penerbitannya.

Ekspektasi yang begitu tinggi daripada masyarakat umum terhadap peningkatan akhbar tersebut, insya-Allah akan dapat direalisasikan, meskipun bukan secara drastik tetapi secara berterusan dari masa ke semasa. Kesungguhan dan kepekaan semua karyawan PELITA BRUNEI dengan keupayaan dan kelengkapan yang terbatas jika digembleng secara bersepadu akan membuahkan hasil yang diharapkan.

Dalam pada itu, sokongan dan kerjasama semua pihak khususnya agensi-agensi awam, swasta, pertubuhan-pertubuhan bukan kerajaan dan orang ramai, terutamanya dari segi memberikan fakta-fakta dan butir-butiran terkini, pendapat dan pandangan secara lebih telus, terbuka serta cepat akan dapat membantu para pemberita dan penyunting melahirkan berita yang bukan sahaja sahih, tetapi juga memuaskan semua pihak bagi kebaikan bersama.

Bagi menjadikan umat Islam pandai membaca Al-Quran

MESTI MENGUASAI TULISAN JAWI

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh

Bismillahir Rahmanir Rahim

ALHAMDULILLAH! Rabbil 'Aalameen, Wabihee Nasta'eenu 'Alaa Umuuriddunya Waddeen Wassalaatu Wassalaamu 'Alaa Asyrafil Mursaleen. Sayyidina Muhammadin Wa'alaa Aalihi Wasahbihi Aajma'een Waba'du.

Beta bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu Wataala, kerana dapat bersama-sama hadir di majlis yang penuh dengan kebajikan ini.

Sekian banyak majlis diadakan atau akan terus diadakan, tetapi tidaklah sama dengan Majlis Membaca Al-Quran dan menghayati Al-Quran.

Kerana Al-Quran apabila dibaca, bukan saja pembacanya akan mendapat ganjaran daripada Allah, malahan juga yang turut mendengarnya akan sama-sama beroleh pahala, seperti juga dengan pembacanya sendiri.

Inilah keistimewaan Al-Quran itu, tidak ada pada yang lain-lain, kecuali Al-Quran semata-mata.

Sesungguhnya Al-Quran tidak pernah menghampakan peminat-peminatnya, atau lebih tepat lagi pencinta-pencintanya. Mereka ini pasti akan memperolehi manfaat dan rahmat, sama ada ketika di dunia lagi, mahupun setelah berada di akhirat.

Maka ke arah ini, marilah kita sama-sama menyuburkan rasa cinta terhadap Al-Quran, sambil membuktikannya dengan penghayatan yang bersungguh-sungguh.

Beta dari dulu sampai sekarang tidak pernah jemu mengingatkan, supaya pelajaran Al-Quran itu tetap diutamakan, bagi tujuan untuk menjadikan segenap lapisan umat Islam di negara ini tahu dan pandai membaca Al-Quran.

Maka bagi maksud ini, kita perlu mengenal pasti cara-cara yang boleh menyampaikan kita kepada matlamat tersebut. Di antaranya ialah dengan menggunakan alat penyampai yang betul lagi berkesan.

Bagi pelajaran Al-Quran, alat terpenting ialah tulisan untuk menghasilkan bacaan. Tanpa tulisan, bacaan tidak akan menjadi.

Begitulah pentingnya tulisan, sebelum bacaan.

Sehubungan dengan ini, beta ingin menimbulkan di sini tentang 'Tulisan Jawi'. Ianya berasal dari huruf Arab, sementara bahasa Arab pula adalah bahasa Al-Quran.

Jadi melihat kepada hakikat ini, nyatalah tulisan jawi itu ada hubungannya dengan Al-Quran, iaitu suatu hubungan yang sedia rapat. Dan dengan itu, pada hemat beta, barang siapa yang ingin menguasai bacaan Al-Quran, maka kenalalah dia mesti menguasai tulisan jawi pula.

Dalam makna, tanpa jawi, tidaklah mungkin

untuk membaca Al-Quran dengan baik. Dan jika hendak membacanya juga dengan tulisan yang lain selain jawi seperti tulisan rumi, maka bacaan itu tidaklah dapat dijamin sempurna dan betul.

Maka berdasarkan ini, adalah wajar dan bahkan mustahak, untuk kita menguatkan asas jawi itu daripada peringkat terendah lagi sampailah ke peringkat yang tinggi.

Ia mesti diterapkan melalui pembelajaran di sekolah dan pusat pengajian sebagai dasar yang mantap dan kekal. Dengan cara ini, insya-Allah, budaya jawi akan dapat hidup dan subur dengan akhirnya dapat pula melahirkan generasi yang berjati-diri Al-Quran.

Inilah satu perkara fardu dan bukan impian untuk kita lakukan.

Kita tidak boleh asyik dan tenggelam dengan unsur-unsur yang baru semata-

mata, sementara yang lama dan asli kita abaikan.

Ingatlah, kita datang daripada unsur asli dan lama, iaitu suatu yang pernah memartabatkan kita.

Apabila kita ingin dikenali dan dipandang tinggi, maka unsur asli dan lama ini hendaklah dipelihara terus dengan sebaiknya, supaya jelas bentuk dan gambaran keperibadian kita. Hanya bangsa yang mempunyai peribadi saja yang akan dihormati.

Demikianlah sedikit peringatan dan saranan daripada beta. Semoga dengan niat baik kita kepada Al-Quran, kita akan sama-sama memperolehi apa yang kita kehendaki, berupa kesejahteraan di dunia dan kebahagiaan di akhirat. Amin.

Sekian, Wabillahir Taufik Walhidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.



TITAH Kebawah Duli Yang Maha Mulla Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam di Majlis Pertandingan Membaca Al-Quran Bahagian Dewasa Peringkat Kebangsaan Tahun 1422H/2001M pada 12 Rabiulakhir, 1422/3 Julai, 2001 bertempat di Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas.

AL-QURAN apabila dibaca, bukan saja pembacanya akan mendapat ganjaran daripada Allah, malahan juga yang turut mendengarnya akan sama-sama beroleh pahala, seperti juga dengan pembacanya sendiri.

NAMA-NAMA BAIK MENURUT ISLAM

MEMILIH NAMA, BAGAIMANA TATA-
CARANYA MENURUT AJARAN ISLAM
ISLAM AGAMA YANG LENGKAP

AJARAN agama Islam meliputi semua aspek kehidupan manusia. Pengajaran yang terkandung dalam Kitab Suci Al-Quran dan Sunnah Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam mengandungi pengajaran dan panduan yang menyeluruh, dan tidak dapat dipertikaikan betapa sesuaiannya ajaran Islam dalam konteks kehidupan manusia sampai bila-bila, serta tidak memilih tempat dan zaman. Ajaran agama Islam yang terkandung dalam Al-Quran dan Sunnah Nabi meliputi hal pendidikan jiwa, pembangunan generasi, membentuk ummah, menyuburkan kebudayaan dan menanam asas-asas kehormatan dan tamadun. Semuanya itu untuk memandu manusia supaya keluar daripada kesesatan, kejahilan, huru-hara kepada cahaya tauhid, cahaya ilmu pengetahuan, petunjuk dan ketenteraman jiwa. Sebagaimana Allah Taala berfirman dalam Surah Al-Maa'idah ayat 15 dan 16 yang tafsirnya:

"*Sesungguhnya telah datang kepadamu cahaya dari Allah dan kitab yang menerangkan. Dengan kitab itulah Allah menunjuki orang-orang yang mengikuti keredaan-Nya ke jalan keselamatan, dan (dengan kitab itu pula) Allah mengeluarkan orang-orang itu dari gelap-gelita kepada cahaya yang terang-benderang dengan izin-Nya dan menunjuki mereka ke jalan yang lurus.*"

Jika kita fahamkan dari ayat tersebut, setiap perkara yang kita akan laksanakan perlulah matlamatnya untuk

Dari muka I

Menurut baginda, barang siapa yang ingin menguasai bacaan Al-Quran, maka kenalah dia mesti menguasai tulisan jawi pula dalam makna tanpa jawi tidaklah mungkin untuk membaca Al-Quran dengan baik, dan jika hendak membacanya juga dengan tulisan yang lain selain jawi seperti tulisan rumi, maka bacaan itu tidaklah dapat dijamin sempurna dan betul.

"Maka berdasarkan ini adalah wajar dan bahkan mustahak untuk kita menguatkan asas jawi itu daripada peringkat terendah lagi sampailah ke peringkat yang tinggi. Ia mesti diteraskan melalui pembelajaran di sekolah dan pusat pegajian sebagai dasar yang mantap dan kekal," titah baginda.

Dengan cara ini, insya-Allah titah baginda, budaya jawi akan dapat hidup dan subur dengan akhirnya dapat pula melahirkan generasi yang berijtihad diri Al-Quran. Inilah satu perkara fardu dan bukan impian untuk kita lakukan.

Baginda bertitah, "Kita tidak boleh asyik dan tenggelam dengan unsur-unsur yang baru semata-mata, sementara yang lama dan asli kita abaikan. Ingatlah kita datang daripada unsur asli dan lama iaitu suatu yang pernah memartabatkan kita apabila kita ingin dikenali dan dipandang tinggi, maka unsur asli dan lama ini hendaklah dipelihara terus dengan sebaik-baiknya supaya jelas bentuk dan gambaran keperibadian kita, hanya bangsa yang mempunyai peribadi saja yang akan dihormati.

Demikianlah sedikit peringatan dan suranan daripada baginda, semoga dengan niat baik kita kepada Al-Quran, kita akan sama-sama memperoleh apa yang kita kehendaki berupa kesejahteraan di dunia dan kebahagiaan di akhirat.

diperhitungkan oleh Allah di akhirat nanti. Oleh itu, setiap sesuatu yang kita buat perlu berlandaskan ketetapan Allah Subhanahu Wataala dan tidak terkecuali dalam memilih nama, sama ada nama anak atau tempat seperti rumah kediaman kita.

Islam mengajar kita supaya memilih nama yang baik untuk anak, dan melarang kita menamakan anak dengan nama yang bermaksud tidak baik, kerana di Hari Akhirat nanti, setiap orang akan dipanggil dengan nama masing-masing sebagaimana sabda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam yang diriwayatkan oleh Abu Daud yang ertinya:

"*Dari Abu Darda, katanya, Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda: Sesungguhnya kamu Hari Kiamat nanti akan dipanggil dengan nama-nama kamu dan nama bapa-bapa kamu, oleh itu pakailah nama-nama yang baik untuk diri kamu.*"

Pemilihan nama bagi anak-anak menurut ajaran Islam perlulah mempunyai pengertian yang baik, kerana nama tersebut akan dipanggil di Hari Akhirat nanti. Manakala di dunia pula, kita dipanggil atau disebut orang dengan nama kita sendiri. Jika ianya mengandungi erti, doa dan harapan yang murni, insya-Allah, sebutan nama tersebut akan terangkat sebagai doa, begitu juga sebaliknya.

CIRI-CIRI NAMA YANG BAIK

Islam telah menentukan ciri-ciri nama yang baik untuk kita demi kebaikan anak-anak kita di dunia dan di akhirat nanti seperti berikut:-

1) Nama yang bererti pujian, misalnya Muhammad atau Ahmad yang bererti terpuji, manakala bagi perempuan pula seperti nama Hasanah bererti baik atau Muaddibah bererti beradab.

2) Nama yang disukai oleh Allah, misalnya Abdullah dan Abdul Rahman, sebagaimana sabda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam yang diriwayatkan oleh Muslim dan Ibnu Umar Radiallahuanhu yang ertinya:

"*Sebaik-baik nama kamu di sisi Allah Azzawajalla ialah Abdullah dan Abdul Rahman.*"

3) Nama yang mengandungi doa dan harapan, misalnya Saleh ertinya yang baik, atau Ali ertinya yang berkedudukan tinggi.

4) Nama yang mengandungi makna semangat, misalnya, Saifullah ertinya Pedang Allah atau Qamaruddin ertinya (cahaya) bulan agama.

5) Apabila kedua-dua ibu bapa tidak sepakat untuk memberikan nama anak yang baru lahir, maka yang lebih berhak menentukan nama anak berkenaan ialah bapanya. Perkara ini telah dijelaskan oleh Allah dalam Surah Al-Ahzab ayat 5 yang tafsirannya:

"*Panggillah mereka dengan (nama) kepada bapa-bapa mereka, itulah yang lebih adil di sisi Allah.*"

Bersambung

TEKAD PEMEDULIAN ORANG RAMAI JABATAN ADAT ISTIADAT NEGARA

BIL	PERKHIDMATAN	TPOR
1	Menimbang surat permohonan untuk mendapatkan ceramah, bengkel dan taklimat mengenai Adat Istiadat	3 hari
2	Menimbang surat permohonan untuk dimasukkan ke dalam Senarai Jemputan Pengiran-pengiran Peranakan.	14 hari
3	Memproses permohonan bagi mengadakan Majlis Bertahlil di Kubah Makam Diraja.	2 hari
4	Menimbang surat permohonan untuk mendapatkan senarai Jemputan Di Majlis-majlis Yang Beristiadat.	3 hari
5	Memberikan ulasan dan pandangan ke Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri mengenai permohonan daripada kementerian-kementerian dan jabatan-jabatan kerajaan, persatuan-persatuan dan syarikat-syarikat swasta untuk menggunakan logo masing-masing.	3 hari
6	Memberikan ulasan dan pandangan ke Jabatan Kastam dan Eksais Diraja mengenai penahanan bendera Negara Brunei Darussalam dan benda-benda yang mengandungi Panji-panji Kerajaan yang dibuat atau dibawa masuk dari luar negeri melalui pos-pos kawalan.	1 hari
7	Memberikan kebenaran permohonan dari kementerian-kementerian dan jabatan-jabatan kerajaan, persatuan-persatuan dan ahli-ahli perniagaan untuk meminjam bendera dan kerusi dan lain-lain yang melibatkan keberangkatan diraja di dalam majlis-majlis rasmi.	2 hari

RISTAAN..... RISTAAN.....

Pemasangan lampu isyarat lalu lintas pertama



LAMPU isyarat lalu lintas yang pertama di negara ini mula beroperasi pada hari Sabtu, 15 April, 1967 di persimpangan Jalan Sultan dan Jalan Chevalier, Bandar Brunei (Bandar Seri Begawan) diikuti lampu isyarat lalu lintas di persimpangan Jalan Sultan dan Jalan Elizabeth II dan simpang Jalan Kumbang Pasang dan Jalan Sekolah pada 22 April, 1967. Semua peralatan yang dipesan dari United Kingdom telah dipasang oleh Jabatan Elektrik Brunei mulai pertengahan bulan Mac, 1967. Projek bernilai \$100,000.00 itu antara lain bertujuan memberi kemudahan kepada para pemandu dan bagi mengelakkan kemalangan. Pegawai Daerah Brunei dan Muara, Awang Ali bin Awang Besar yang juga Pengerusi Lembaga Bandaran Brunei ketika itu telah merasmikan penggunaan lampu-lampu isyarat lalu lintas berkenaan.

SENYUM BUDIMAN



BISAI SUDAH TU, GANYA ISI-ISINYA,
MUTU TULISAN NYA MAU JUA BARU.

BERANGKAT KE PERHIMPUNAN KHAS WANITA

Oleh Siti Muslihat HS



BERAKAS, 7 Julai. - Dalam memperingati kelahiran junjungan besar Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam, kaum wanita di negara ini tidak ketinggalan untuk sama-sama menyemarakkan sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam.

Berangkat bagi sama-sama menyemarakkan sambutan yang berlangsung di Pusat Persidangan Antarabangsa di sini, ialah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha dan Duli Yang Teramat Mulia Pengiran Isteri Hajah Mariam.

Keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia dan Duli Yang Teramat Mulia dijunjung oleh para Penasihat Bersama Majlis Perhimpunan Khas Wanita yang diketuai oleh isteri Menteri Hal Ehwal Ugama, Datin Hajah Yukmas.

Juga berangkat ialah Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Masna dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Amal Umi Kalthum Al-Islam.

Majlis bermula dengan bacaan ayat-ayat suci Al-Quran oleh Dayang Hajah Siti Noor Dzuhairah binti Haji Awang Damit, johan qariah baru-baru ini.

Pengerusi Bersama Jawatankuasa Perhimpunan Khas Wanita kali ini, Datin Paduka Dr. Hajah Intan binti Haji Mohd. Salleh dalam sembah alu-aluannya turut menyentuh mengenai acara sambutan tahun ini yang dimuatkannya dengan sebuah Forum Khas yang bertajuk "Akidah Kukuh Negara Selamat."

Forum tersebut mengambil kira situasi sekeliling masa kini yang semakin mencabar keimanan umat Islam dan setentunya memerlukan kepada pengukuhan dan penghayatan kepada akidah atau keyakinan kaum wanita khususnya.

Para ahli panel terdiri daripada Dayang Hajah Fatimah binti Haji Abdul Ghani, Penolong Pengarah Pengajian Islam; Dayang Hajah Intan binti Haji Kassim, Pemangku Pengarah Biro Pencegah Rasuah dan Dr. Dayang Hajah Kalsom binti Haji Abdul Latif, Pemangku Pengarah Perkhidmatan Kesihatan.

Lihat muka 5



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha dan Duli Yang Teramat Mulia Pengiran Isteri Hajah Mariam serta ahli-ahli kerabat diraja yang lain berangkat ke Dewan Plenari bagi majlis sambutan Maulud (atas).

Gambar-gambar oleh
Harun HR dan
Ramli Tengah

KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri dan Duli Yang Teramat Mulia Pengiran Isteri serta kerabat diraja yang lain berkenan menerima penerangan ringkas mengenai pameran gambar-gambar kejayaan qari dan qariah Negara Brunei Darussalam di peringkat kebangsaan dan antarabangsa sejak tahun 70-an lagi (kiri).



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha berkenan menerima penerangan ringkas mengenai pameran gambar-gambar kejayaan qari dan qariah Negara Brunei Darussalam di peringkat kebangsaan dan antarabangsa sejak tahun 70-an lagi (kiri).

DULI Yang Teramat Mulia Pengiran Isteri Hajah Mariam berkenan menyaksikan petbagai produk yang dipamerkan dan dijual sempena Perhimpunan Khas Wanita di Majlis Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam yang diadakan di Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas (kanan).



FORUM Khas yang bertajuk "Akidah Kukuh Negara Selamat" dibentangkan oleh ahli-ahli panel di Majlis Sambutan Maulud itu (kanan). Sementara gambar kiri, persembahan nasyid dan Dikir Marhaban menyeronjolkan majlis.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri dan Duli Yang Teramat Mulia Pengiran Isteri berkenan menerima junjung ziarah ahli-ahli jawatankuasa majlis sejourus tiba di Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas (kanan). Sementara gambar atas, baginda dan Duli Yang Teramat Mulia sama-sama mendengarkan Forum Khas.



Dari muka 4

Persembahan Nasyid dan Dikir Marhaban gabungan Kementerian Hal Ehwal Ugama, Jabatan Perubatan dan Kesihatan, Kementerian Kesihatan serta Majlis Wanita Negara Brunei Darussalam menyerikan majlis.

Sebelum berangkat meninggalkan majlis, Kebawah Duli Yang Maha Mulia dan Duli Yang Teramat Mulia serta ahli-ahli kerabat diraja yang lain dijunjung untuk menyaksikan Pameran Kemajuan dan Pencapaian Wanita Islam.

Pameran yang merupakan acara sampingan itu turut memaparkan kesihatan wanita, pelbagai bentuk kemajuan dan pencapaian wanita dalam bidang perniagaan

dan kemajuan ekonomi. Pameran Ristaan Perhimpunan Khas Wanita bagi tempoh enam tahun lalu serta pameran pencapaian qari dan qariah Negara Brunei Darussalam.

Sementara itu, persatuan-persatuan wanita yang bergabung di bawah Majlis Wanita Negara Brunei Darussalam juga tidak ketinggalan mempamerkan produk masing-masing.

Majlis Perhimpunan Khas Wanita tahun ini dikendalikan bersama oleh Kementerian Hal Ehwal Ugama, Kementerian Kesihatan dan Majlis Wanita Negara Brunei Darussalam.

Sebelum berangkat meninggalkan majlis, Kebawah Duli Yang Maha Mulia dan Duli Yang Teramat Mulia berkenan menerima junjung ziarah.



BAGINDA dan Duli Yang Teramat Mulia Pengiran Isteri berkenan menyaksikan pelbagai piala dan cenderamata yang dimenangi oleh qari dan qariah negara di Pertandingan Membaca Ayat-ayat Suci Al-Quran di peringkat kebangsaan dan antarabangsa.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha dan Duli Yang Teramat Mulia Pengiran Isteri Hajah Mariam berkenan menerima penerangan ringkas mengenai kesihatan wanita yang dipamerkan oleh Kementerian Kesihatan (atas). Sementara gambar kanan, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Masna dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Amal Umi Kalthum Al-Islam tertarik dengan pameran pencapaian qari dan qariah negara.



PERHIMPUNAN Khas Wanita sempena sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam dihadiri ribuan wanita daripada pelbagai peringkat termasuk pegawai-pegawai kanan kerajaan, pasukan-pasukan beruniform dan pelajar-pelajar perempuan.

PELITA BRUNEI berwajah baru



SETIAUSAHA Tetap Jabatan Perdana Menteri, Dato Paduka Haji Hazair ketika hadir di Majlis Pelancaran Rasmi Wajah Baru PELITA BRUNEI. Juga hadir di majlis itu ialah ketua-ketua jabatan dan pegawai-pegawai kanan kerajaan. - Gambar oleh Masri Osman.

DALAM usaha mendukung visi dan misi Jabatan Penerangan bagi mewujudkan masyarakat Brunei bermaklumat, akhbar rasmi kerajaan, PELITA BRUNEI yang kini menjangkau usia 46 tahun, mulai keluaran 11 Julai, 2001 berwajah baru.

'MEMBUDAYAKAN MASYARAKAT BERMAKLUMAT' menjadi slogan dalam merealisasikan peranan yang dipertanggungjawabkan.

Perubahan ini akan memaparkan beberapa ruangan dalam edisi induk dan edisi ANEKA meliputi bidang ekonomi, sosial, alam sekitar, kesihatan dan pendidikan, di samping memuatkan ruangan kemasyarakatan agama dan nama-nama rumah dalam Islam dan kartun yang dinamakan 'Senyum Budiman'.

Majlis Pelancaran Rasmi disempurnakan oleh Setiausaha Tetap Jabatan Perdana Menteri, Dato Paduka Haji Hazair bin Haji Abdullah pada hari Sabtu, 15 Rabiul-akhir, 1422 bersamaan 7 Julai, 2001 di Bilik Persidangan Pehin Orang Kaya Shahbandar, Jabatan Penerangan, Lapangan Terbang Lama, Berakas, jam 8.30 pagi.

Di majlis itu, Pengarah Penerangan, Abd Ghani Pg. Hj. Metusun dalam ucapan alu-aluannya, antara lain menyentuh sejarah dan perkembangan PELITA BRUNEI.

PELITA BRUNEI mula diterbitkan pada tahun 1956, sebagai lidah rasmi kerajaan akan terus memainkan peranan penting dalam memberigakan dan menyebarkan maklumat mengenai perkembangan dan pembangunan negara secara dua hala di antara kerajaan dengan rakyat.

'MEMBUDAYAKAN MASYARAKAT BERMAKLUMAT' menjadi slogan dalam merealisasikan peranan yang dipertanggungjawabkan.

Pada hari Rabu, 15 Februari, 1956 di zaman pemerintahan Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, akhbar yang diberi nama PELITA BRUNEI berjaya diterbitkan. Penerbitannya diangkayahkan oleh Perkhidmatan Penerangan Negeri Brunei yang ketika itu dipimpin oleh Ketua Pegawai Penerangan, Yang Amat Mulia Pengiran Setia Negara Pengiran Haji Mohd. Yusof bin Pengiran Haji Abdul Rahim (sekarang menjadi Pesuruhjaya Tinggi Negara Brunei Darussalam ke Malaysia).

Pada peringkat awal penerbitannya, akhbar itu dicetak secara siklostil (stensil) dengan sembilan muka surat termasuk halaman kandungan setiap dua minggu sekali pada hari Rabu. Jumlah cetakkannya juga tidak tetap. Kadang-kadang mencapai sehingga 1,000 naskhah bergantung kepada keperluan dan keadaan semasa. Penyebarannya sampai ke kampung-kampung pedalaman sebagaimana sasaran jangkauan semasa merancang penerbitannya untuk menyampaikan maklumat kepada seluruh rakyat.

Kandungan utamanya ialah maklumat dan berita mengenai perkembangan dan kemajuan yang dilaksanakan oleh kerajaan. Di samping itu ia juga memuatkan hasil-hasil tulisan penulis tanah air dalam pelbagai topik termasuk sastera dan budaya. Dalam masa yang sama, akhbar ini membawa mesej menggalakkan rakyat membaca dan menuntut ilmu.

Peredaran masa terus membawa PELITA BRUNEI berkembang, daripada cetakan stensil kertas biasa, bertukar pula kepada cetakan moden dalam bentuk tabloid. Penukaran wajah baru PELITA BRUNEI ini menyerlah pada keluaran 18 Februari, 1959. PELITA BRUNEI terus menempa sejarah bilamana pada 7 Julai, 1965, ia meningkatkan penerbitannya kepada sekali seminggu dan keluarannya masih pada hari yang sama iaitu setiap hari Rabu. Sebelum ini akhbar ini menemui khalayak pada setiap hari Rabu minggu pertama dan ketiga setiap bulan.

Ukuran dan hari penerbitannya dikekalkan hingga ke hari ini. Namun demikian akhbar ini terus menyerlah dengan wajah-wajah pembaharuan yang dibuat dari masa ke semasa sesuai dengan aspirasi pembaca dan perkembangan zaman.

Perubahan yang ketara ialah pada kepala akhbar (mast-head). Namun isi kandungannya juga telah dipelbagaikan dengan ruangan-ruangan khusus seperti rencana, cerpen, puisi, sastera dan budaya, sukan, hiburan, agama, belia dan iklan-iklan yang terkandung dalam tiga edisi iaitu edisi induk, edisi ANEKA dan edisi IKLAN yang juga dikenali sebagai akhbar tiga dalam satu.

Berikut ialah urutan perubahan ke atas kepala akhbar (mast-head) PELITA BRUNEI:

Keala akhbar pertama digunakan sejak 15 Februari, 1956 - 1961;

Keala akhbar kedua, 1961 - 1963;

Keala akhbar ketiga, 1963 - 1964;

Keala akhbar keempat, 1964 - 1965;

Keala akhbar kelima, 1965 - 1967;

Keala akhbar keenam, 1967 - 1974;

Keala akhbar ketujuh, 1974 - 1976;

Keala akhbar kelapan, 1976 - 1977;

Keala akhbar kesembilan, 1978 - 1982;

Keala akhbar kesepuluh, 1983 - 1986;

Keala akhbar kesebelas, 1986 - 1992;

Keala akhbar kedua belas, 1993 - 2001.

Dan hari ini, 11 Julai, 2001, kami persembahkan lagi kepala akhbar PELITA BRUNEI yang baru.

Tulisan PELITA diketarakan lagi dengan warna merah bagi huruf rumi dan warna hitam bagi khat jawi dengan ukuran yang lebih besar. Perkataan BRUNEI yang bermaksud Negara Brunei Darussalam lebih ditonjolkan sesuai dengan martabatnya sebagai sebuah negara yang merdeka lagi berdaulat. Tulisan-tulisan bertatarbelakangkan separuh lingkaran air mulih yang melambangkan Negara Brunei Darussalam masih terus utuh dengan

UKURAN dan hari penerbitannya ini dikekalkan hingga ke hari ini. Namun demikian akhbar ini terus menyerlah dengan wajah-wajah pembaharuan yang dibuat dari masa ke semasa sesuai dengan aspirasi pembaca dan perkembangan zaman.

amalan kehidupan ciri-ciri budaya orang Melayu yang murni. Di dalam lingkaran air mulih ialah bunga simpur - bunga rasmi Negara Brunei Darussalam yang keunikannya lebih menyerlah lagi apabila ia diangkat menjadi lambang Persidangan APEC 2000 di negara ini. Lambang Kerajaan Negara Brunei Darussalam yang menjadi kebanggaan rakyat Brunei berada di sebelah kanan, sementara Petikan Titah dan Manisnya

Iman mengapit di kiri dan kanan kepala akhbar. Maka jelas kepala akhbar baru ini menggambarkan konsep Melayu Islam Beraja (MIB) yang menjadi landasan kehidupan berbangsa dan bernegara di Negara Brunei Darussalam. Di bahagian bawah tulisan dan lambang-lambang itu terdapat perkataan 'MEMBUDAYAKAN MASYARAKAT BERMAKLUMAT' yang menjadi moto akhbar ini.

PELITA BRUNEI HADAPI SAINGAN

Oleh Abd. Karim HAB

BERAKAS, 7 Julai. - Setiausaha Tetap Jabatan Perdana Menteri, Dato Paduka Haji Hazair bin Haji Abdullah berharap, PELITA BRUNEI sebagai akhbar rasmi kerajaan akan dapat mengangkat dan 'put across' secara 'credible' dan berwibawa serta tepat maklumat-maklumat kerajaan termasuk perkembangan dan kemajuan dalam kerajaan.

PELITA BRUNEI dalam situasi bukan lagi sebagai satu-satunya akhbar di negara ini, tetapi menghadapi saingan daripada akhbar-akhbar harian yakni 'in-depth' dengan membuat susulan kepada agensi-agensi berkenaan bagi mendapatkan ulasan dan tambahan yang akan memberikan nilai tambah dan 'cutting-edge' kepada akhbar PELITA BRUNEI dan menjadikan waliah atau berbeza daripada akhbar-akhbar harian yang lain," jelas Dato Paduka Haji Hazair.

"PELITA BRUNEI bukan setakat memetik dan memuat daripada teks-teks ucapan yang disampaikan, tetapi mengolah berita secara terperinci yakni 'in-depth' dengan membuat susulan kepada agensi-agensi berkenaan bagi mendapatkan ulasan dan tambahan yang akan memberikan nilai tambah dan 'cutting-edge' kepada akhbar PELITA BRUNEI dan menjadikan waliah atau berbeza daripada akhbar-akhbar harian yang lain," jelas Dato Paduka Haji Hazair.

Matlamat itu, tambah Dato Paduka, tidak mustahil dicapai kerana PELITA BRUNEI hanya dikeluarkan seminggu sekali dan para penyunting serta pemberita mempunyai masa yang cukup untuk membuat kajian dan susulan lanjutan. Tegasnya, para penyunting dan pemberita perlu bersedia mengubah sikap daripada hanya bergantung kepada teks ucapan untuk menulis berita kepada mendapatkan huraian dan ulasan lanjut berpanduan teks-teks ucapan.

Dalam waktu yang sama, Dato Paduka Haji Hazair berpendapat, kehadiran akhbar-akhbar harian yang menyajikan pelbagai berita setempat dari sudut dan perspektif yang berbeza dan kadangkala ada laporan yang sama ada sengaja atau tidak dibuat kurang tepat dan mengelirukan masyarakat pembaca mengenai isu-isu dalam ke-

rajaan, memerlukan PELITA BRUNEI berperanan dalam membentukkan keadaan sedemikian.

PELITA BRUNEI, menurut Dato Paduka Haji Hazair, berperanan membentukkan imej kerajaan dengan menyediakan ruangan-ruangan yang tertentu yang memberikan penjelasan terhadap isu-isu yang dibangkitkan di dalam akhbar-akhbar tempatan.

Peranan mengubah dan menaikkan imej kredibiliti PELITA BRUNEI yang sedemikian, jelas Dato Paduka Haji Hazair adalah bergantung kepada kumpulan sidang pengarang (editorial) yang matang dan peka kepada perkembangan semasa.

"Perubahan ini memerlukan komitmen daripada kepimpinan dan pegawai-pegawai kanan Jabatan Penerangan, bukan semata-mata melekatkan tanggungjawab kepada bahagian dan anggota kakitangan di bahagian PELITA BRUNEI Jabatan Penerangan," tegas Dato Paduka Haji Hazair.

Dato Paduka Haji Hazair menyatakan harapan dan saranan ini semasa Majlis Pelancaran Rasmi Wajah Baru PELITA BRUNEI di Jabatan Penerangan di sini.

Menyentuh pertukaran mast-head PELITA BRUNEI, Dato Paduka Haji Hazair berharap, langkah itu bukan setakat perubahan luaran di muka hadapan, tetapi meliputi aspek perisian berita, penulisan dan pengolahan berita, ruangan baru yang relevan dengan perkembangan dan permintaan masa kini dan bentuk-bentuk rencana termasuk mutu bahan dan penulisan yang sejajar dengan perkembangan dan cabaran-cabaran yang dihadapi di abad ke-21.

ATUR STRATEGI DAN PENDEKATAN KERJA BARU

BERAKAS, 7 Julai. - Setiausaha Tetap Jabatan Perdana Menteri, Dato Paduka Haji Hazair bin Haji Abdullah berkata, Jabatan Penerangan perlu bersedia mengatur strategi dan pendekatan kerja yang baru bagi menghadapi cabaran dan jangkaan para pelanggannya, di samping mengambil kira perkembangan dan perubahan teknologi baru media dan kesannya kepada masyarakat umum di negara ini.

Jabatan Penerangan sebagai penghubung dan penyedia platform maklum balas di antara kerajaan dengan orang ramai, tambah Dato Paduka Haji Hazair, amat perlu mempergiatkan kerja-kerja di peringkat akar umbi melalui program-program bersemuka (interpersonal). Tanpa adanya perdampingan, penglibatan dan respon daripada orang ramai yang berterusan, hajat dan hasrat bagi mengukuhkan hubungan di antara rakyat dan kerajaan tidak akan tercapai.

Dato Paduka Haji Hazair semasa berucap di Majlis Pelancaran Rasmi Wajah Baru Akhbar PELITA BRUNEI di Jabatan Penerangan di sini, juga menekankan bahawa kesedaran bernegara dan bermasyarakat yang jitu perlu sentiasa ditanamkan kepada orang ramai, terutama sekali di kalangan golongan generasi muda dan belia dalam menghadapi dunia tanpa sempadan dan pengaliran maklumat yang tidak terhad.

"Dalam kita menuju cara hidup yang lebih canggih dan global, perkara asas seperti cintakan negara dan raja, kehidupan bermoral, beragama dan bertatasusila adalah perlu diperkukuh dan dikekalkan untuk mewujudkan

Oleh Abd. Karim HAB



SETIAUSAHA Tetap Jabatan Perdana Menteri, Dato Paduka Haji Hazair menjelaskan, kesedaran bernegara dan bermasyarakat yang jitu perlu sentiasa ditanamkan kepada orang ramai.

masyarakat dan negara berdaulat yang stabil, aman dan maju," tegas Dato Paduka Haji Hazair.

Sehubungan itu, Dato Paduka Haji Hazair menyarankan kepada para pegawai Jabatan Penerangan agar memperkaya bahan-bahan maklumat yang akan disebarkan kepada orang ramai, dalam usaha mempergiatkan dan memperbanyakkan kegiatan interpersonal terutama untuk penyebaran maklumat yang terkini dan tepat.

"Mereka perlu mengikuti secara dekat mengenai perkembangan dalam kerajaan dan menjelaskan kepada orang ramai secara spontan dan 'credible'," ujar Dato Paduka Haji Hazair.

Dalam waktu yang sama, Dato Paduka Haji Hazair juga mengingatkan bahawa pendekatan baru yang selaras dengan perkembangan teknologi informasi dan komunikasi juga perlu dipergiatkan, melalui aplikasi teknologi dalam bidang tugas penerangan bagi mengekalkan hubungan harmoni dan akrab antara kerajaan dan rakyat.

Sehubungan itu, jelas Dato Paduka Haji Hazair, komunikasi bersemuka sebagai contoh perlu disesuaikan dan diselaraskan dengan teknologi berbentuk 'chat-internet' dan program-program bercorak interaktif di kalangan pelbagai lapisan masyarakat, kerana melalui strategi tersebut, orang ramai selaku audien penting akan dapat diakses dan didekati.

Bagi memanfaatkan sepenuhnya bahan penerbitan akhbar dan penerbitan berbahasa Melayu dan Inggeris jabatan itu dan menyalurkan maklumat lebih berke-

san, Dato Paduka Haji Hazair juga menyarankan agar satu sistem bank maklumat dan pengumpulan data yang relevan secara 'on-line' hendaklah dikembangkan, bagi menyediakan perkhidmatan rujukan kepada orang ramai tempatan dan luar negara mengenai perkara-perkara yang berkaitan dengan kerajaan dan negara.

"Bank maklumat dan kumpulan data berkenaan bukan sahaja akan memberikan informasi yang berguna, tetapi juga akan dapat memberikan maklumat yang lebih tepat dan sahih mengenai kerajaan dan negara kepada orang ramai. Melalui cara ini, segala bentuk penyelewengan maklumat mengenai negara dan kerajaan akan dapat diperbetulkan," ujar Dato Paduka Haji Hazair.

Sehubungan itu, Dato Paduka Haji Hazair berharap, setiap pegawai dan kakitangan jabatan itu akan berusaha bersungguh-sungguh mendapatkan kemahiran baru dan bersikap positif terhadap kerja iaitu bersedia 'turun tangan', dan 'turun padang' serta 'bebasah bekaring'. Bahkan lebih penting mereka perlu mengetahui dan memahami matlamat dan misi jabatan untuk melaksanakan mereka merancang dan melaksanakan kerja secara lebih terarah dan berkesan.

"Penekanan terhadap hubungan di antara kerajaan dengan orang ramai merupakan agenda utama kerja Jabatan Penerangan yang mesti dilakukan secara berterusan dan berupaya mengolaknya dalam bentuk yang lebih relevan, berkesan dan sesuai dengan latar belakang masyarakat Brunei masa kini," tegas Dato Paduka Haji Hazair.

Menyalurkan maklumat k'jaan secara berkesan

BERAKAS, 7 Julai. - Perubahan akhbar rasmi kerajaan PELITA BRUNEI bermatlamat memenuhi cita rasa pembaca, selain meningkatkan lagi kualitinya agar lebih berpengaruh dan mampu membawa perubahan, menggerakkan minda untuk berfikir tentang diri, persekitaran, masyarakat dan usaha-usaha kerajaan serta kehidupan masa depan.

Pengarah Penerangan, Abd. Ghani Pg. Hj. Metusin ketika menyatakan perkara itu di Majlis Pelancaran Rasmi Wajah Baru Akhbar PELITA BRUNEI di Bilik Persidangan Pehin Orang Kaya Shahbandar selanjutnya menambah, akhbar yang berpengaruh adalah akhbar-akhbar yang mengukus ketenangan dan mampu membangunkan kesedaran diri dalam suasana hidup bersatu padu dan harmoni.

"Sesungguhnya, inilah kekuatan yang kita hasratkan.

Insyallah dengan keketatan semangat untuk memartabatkan kewibawaan kerajaan, maka Jabatan Penerangan akan sentiasa meneroka ke arah cara untuk menyampaikan maklumat secara lebih berkesan ke arah mencirikan bangsa dan negara yang kita cintai ini," jelasnya.

Pengarah Penerangan selanjutnya menjelaskan bahawa pencapaian PELITA BRUNEI ini bukanlah kejayaan satu-satu pihak, tetapi adalah hasil penat lelah secara kolektif termasuk semua bekas Pengarah-pengarah Penerangan yang telah menyedikan landasan lalu PELITA BRUNEI mengharungi zaman menjana maklumat untuk mengangkat martabat bangsa dan negara.



PENGARAH Penerangan, Abd. Ghani Pg. Hj. Metusin menjelaskan, perubahan akhbar rasmi kerajaan PELITA BRUNEI bermatlamat memenuhi cita rasa pembaca.

Di atas sumbangan itu, Pengarah Penerangan mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada mereka yang terlibat, termasuk Jabatan Percetakan Kerajaan yang memberikan kerjasama dan sokongan padu dalam sama-sama menjayakan penerbitan PELITA BRUNEI.

Menyentuh mengenai usaha meningkatkan kualiti dan kewibawaan akhbar itu, Pengarah Penerangan menyatakan bahawa jabatan berkenaan sentiasa bersikap terbuka menerima teguran, pandangan atau idea-idea baru yang menyumbang ke arah MEMBUDAYAKAN MASYARAKAT BERMAKLUMAT.

"Pada kesimpulannya, proses untuk menuju kecemerlangan sesebuah akhbar rasmi, kita hendaklah sentiasa segar dengan maklumat-maklumat yang tepat dan memerlukan usaha yang berterusan daripada semua pihak bagi

Oleh Haji Ahat HI

memastikan PELITA BRUNEI tidak ketandusan informasi yang sahih dan berautoriti," terang Pengarah Penerangan.

Terdahulu dari itu, Pengarah Penerangan menyatakan, di peringkat awal penerbitan PELITA BRUNEI hanya dapat diusahakan secara cetakan silkokstik (stensil) menggunakan kertas biasa 18 muka surat dan terbit dua kali sebulan setiap hari Rabu minggu pertama dan terakhir.

Jumlah cetakan sekitar 500 ke 1,000 naskhah yang memuatkan berita-berita sekitar aktiviti pembangunan dan hal-ehwal perjalanan kerajaan, sebagaimana dalam titah Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, "Pejabat Penerangan kita telah mengeluarkan berita kerajaan PELITA BRUNEI yang akan dapat dibaca oleh penduduk-penduduk negeri, terutama oleh penduduk-penduduk yang jauh dari pekan, yang diam di darat-darat dan di ulu-ulu. Saya percaya berita yang dapat menceritakan perjalanan dan usaha-usaha kerajaan dari satu masa akan memberi peluang kepada penduduk-penduduk semua mengikuti atas keadaan kemajuan negeri dan perkhidmatan-perkhidmatan yang dijalankan bagi kebajikan mereka."

Pada 18 Februari, 1959, PELITA BRUNEI menamatkan zaman stensil dan bertukar corak menjadi akhbar tabloid yang dicetak dengan mesin cetakan moden di Syarikat Brunei Press di Kuala Belait.

Selepas itu, PELITA BRUNEI terus menempa sejarah dengan meningkatkan penerbitannya kepada sekali seminggu dan masih pada setiap hari Rabu mulai keluarannya 7 Julai, 1965.

Kini PELITA BRUNEI sudah menjangkau usia 46 tahun dengan melalui banyak perubahan dan perkembangan. Perubahan yang ketara sekali ialah pada 'mast-head' atau kepala akhbar. Sepanjang tempoh itu juga peningkatan dari segi isi kandungan turut berkembang.

Pada hari ini, 7 Julai sekali lagi PELITA BRUNEI menempa sejarah bilamana wajah baru PELITA BRUNEI dilancarkan oleh Setiausaha Tetap Jabatan Perdana Menteri, Dato Paduka Haji Hazair bin Haji Abdullah.

MENEMPA ERA BARU

BERAKAS, 7 Julai. - PELITA BRUNEI kini menempa era baru dengan perubahan kepala akhbar (mast-head), kolum, logo, ruangan khas dan kandungan ruangan-ruangan baru.

Menurut Pengarah Penerangan, Abd. Ghani Pg. Hj. Metusin, edisi induk memuatkan berita-berita dan ruangan-ruangan agama, Tahukah Awda, Ristaan yang memaparkan keadaan pembangunan serta infrastruktur yang lama dibandingkan dengan perubahan menerusi usaha-usaha kerajaan ketika ini, Tekad Pemudulan Orang Ramai (TPOR) kementerian-kementerian/jabatan-jabatan kerajaan dan ruangan mengenai hal-ehwal perkhidmatan awam.

Edisi ANEKA pula katanya, dipenuhi dengan multi disiplin penulisan yang terdiri daripada rencana umum, sastera dan budaya, puisi, belia, alam sekitar, pelajar, kesihatan, Ole-ole Dari Brunei Shell, ekonomi, Minda Pembaca, Alai Pintar dan lain-lain.

Sementara itu, edisi IKLAN katanya, dikhususkan untuk mengiklankan kerajaan dan agensi-agensi separuh kerajaan bukan sahaja berbentuk jawatan-jawatan kosong, malahan juga pengumuman atau maklumat-maklumat ringkas.

"Dengan adanya ruangan-ruangan tersebut akan dapat memberi peluang bagi kementerian-kementerian dan



SETIAUSAHA Tetap Jabatan Perdana Menteri, Dato Paduka Haji Hazair menerima cenderamata daripada Pengarah Penerangan, Abd. Ghani Pg. Hj. Metusin.

Oleh Haji Ahat HI

jabatan-jabatan kerajaan untuk menyalurkan apa jua bahan berita dan maklumat yang difikirkan perlu untuk pengetahuan orang ramai. Dalam erti kata lain, gelanggang sudah disediakan, maka terpuanglah kepada pihak-pihak berkenaan untuk mengisikan atau memanfaatkan-nya," terangnya.

Menyentuh mengenai peningkatan pengeluaran, Pengarah Penerangan menyatakan jabatan berkenaan juga berhasrat untuk meningkatkan pengeluaran PELITA BRUNEI daripada sekali kepada dua kali seminggu pada masa akan datang. Bagaimanapun, ianya bergantung kepada keupayaan pencetak.

Melalui perkembangan itu, Pengarah Penerangan percaya dengan cara sedemikian, segala maklumat mengenai hal-ehwal kerajaan dan negara akan dikongsi bersama oleh rakyat dan penduduk.

"Dengan adanya maklumat yang cukup, mudah diperolehi dan meyakinkan, rakyat akan lebih peka terhadap perkembangan semasa yang mana akan mendorong mereka menyumbang dan memainkan peranan dalam pembangunan dan kemajuan negara," tegas Pengarah Penerangan.

PERTANDINGAN MEMBACA AYAT-AYAT BAHAGIAN DEWASA PERINGKAT KE

Oleh Aliddin Haji Moktal
dan Abu Bakar Haji Abd. Rahman

BERAKAS, 4 Julai. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat ke Majlis Pertandingan Membaca Al-Quran Bahagian Dewasa Peringkat Akhir Kebangsaan di Pusat Persidangan Antarabangsa di sini.

Kebangkitan baginda dijunjung oleh Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Jawatan Luar Pekerma Raja Dato Seri Utama Dr. Ustaz Haji Awang Md. Zain yang juga selaku Pengerusi Jawatankuasa Tertinggi Pertandingan.

Berangkat sama ialah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, DYT Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah, DYT Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisura Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah, YTM Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Malik dan YTM Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Mateen.

Majlis bermula dengan persembahan bacaan Al-Quran oleh Awang Haji Nasrul Fakhri bin Haji Yahya, johan Pertandingan Membaca Al-Quran Sekolah-sekolah Agama Senegara (Kategori B), dan tafsirnya dibacakan oleh Awangku Haji Haslin bin Pengiran Haji Ali.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam kemudiannya berkenan mengurniakan titah.

Ini diikuti dengan pengumuman keputusan pertandingan oleh Pengerusi Jemaah Hakim, Kadi Besar Negara Brunei Darussalam, Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Paduka Seri Utama Dato Paduka Seri Setia Haji Awang Salim bin Haji Besar yang antara lain menjelaskan bahawa mutu bacaan para qari dan qariah dalam pertandingan itu keseluruhannya adalah sederhana.

Johan qari dan qariah dalam pertandingan itu ialah Mudim Awang Haji Metassim bin Haji Metussin dan Dayang Hajah Siti Noor Dzuhairah binti Haji Awang Damit, masing-masing telah dapat mempertahankan kejuaraan mereka tahun lepas.

Mereka juga akan mewakili Negara Brunei Darussalam ke peringkat antarabangsa yang akan diadakan di Kuala Lumpur.

Mejar (B) Haji Abdul Rahman bin Haji Mohd. Salleh, seorang pendatang baru muncul naib johan, dan Awang Haji Mohd. Daud bin Haji Abdul Kadir yang tidak asing lagi dalam pertandingan itu hanya menduduki tempat ketiga.

Sementara naib johan qariah pula disandang oleh Dayang Hajah Siti Wardah binti Mejar (B) Haji Abdul Rahman, seorang remaja baru yang mampu menyaingi para qariah yang sudah berpengalaman dan tempat ketiga jatuh kepada Dayang Hajah Aminah binti Haji Abd. Manaf yang juga tidak asing lagi dalam pertandingan membaca Al-Quran peringkat kebangsaan dan antarabangsa.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan mengurniakan penyampaian hadiah kepada para peserta dan pemenang dalam pertandingan itu.

Johan menerima wang tunai sebanyak \$5,000.00, piala rebutan, sijil penyertaan berserta piala dan hadiah iringan. Sementara naib johan menerima wang tunai sebanyak \$3,000.00, sijil penyertaan, piala dan hadiah iringan, dan tempat ketiga menerima wang tunai sebanyak \$2,000.00, sijil penyertaan, piala dan hadiah iringan. Manakala saguhati menerima wang tunai sebanyak \$1,000.00, sijil penyertaan, piala dan hadiah iringan.

Seramai lapan orang peserta yang terdiri daripada empat qari dan empat qariah telah memperdengarkan bacaan mereka.

Enam qari dan qariah yang terpilih bertanding adalah melalui Pertandingan Membaca Al-Quran Bahagian Dewasa Peringkat Separuh Akhir yang telah diadakan dalam bulan Mei yang lalu kecuali johan menunggu tahun lepas sahaja tidak bertanding.

Bagi memberkati majlis, doa selamat dibacakan oleh Mufti Kerajaan, Yang Dimuliakan Lagi Dihormati Pehin Dato Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned.

Sebelum berangkat meninggalkan majlis, baginda telah berkenan berangkat bagi menyaksikan pameran mengenai pencapaian bacaan Al-Quran qari dan qariah negara di peringkat kebangsaan dan antarabangsa.

Pameran yang bertajuk, 'Pameran Pencapaian Qari-qari dan Qariah-qariah Negara Brunei Darussalam', bertujuan untuk menyebarkan kepada orang ramai mengenai pencapaian para qari dan qariah negara kita di dalam bidang pembacaan Al-Quran peringkat kebangsaan dan antarabangsa. Di samping itu juga ianya untuk menarik minat orang ramai dalam mempelajari, mendalami dan menghalusi bidang pembacaan Al-Quran.

Di antara koleksi atau barang-barang yang dipamerkan adalah seperti gambar-gambar kenangan para qari dan qariah semasa mengikuti pertandingan, sijil-sijil penyertaan, piala-piala dan juga cenderamata yang dimenangi sama ada di dalam dan luar negeri juga di samping cenderamata dari negara-negara yang mengundangi mereka untuk membuat persembahan bacaan Al-Quran.

Pameran itu juga memuatkan tayangan slaid imbas kembali persembahan johan qari Negara Brunei Darussalam di Majlis Tilawah Al-Quran Peringkat Antarabangsa Tahun 1977 iaitu Awang Haji Mashod bin Awang Haji Damit dan sambutan bagi mengalu-alukan kepulangannya ke tanah air.

Sementara itu pada 3 Julai, seramai empat orang qari dan empat orang qariah telah memperdengarkan bacaan ayat-ayat suci Al-Quran masing-masing di Pertandingan Membaca Ayat-ayat Suci Al-Quran Bahagian Dewasa Peringkat Kebangsaan di Dewan Plenari Pusat Persidangan Antarabangsa di sini.

Berangkat merasmikan pertandingan tersebut ialah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan mengurniakan piala kepada naib johan qari Pertandingan Membaca Al-Quran Bahagian Dewasa Peringkat Akhir Kebangsaan, Mejar (B) Haji Abdul Rahman bin Haji Mohd. Salleh.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia berkenan mengurniakan piala kepada naib johan qariah Pertandingan Membaca Al-Quran Bahagian Dewasa Peringkat Akhir Kebangsaan, Dayang Hajah Siti Wardah binti Mejar (B) Haji Abdul Rahman (atas).

KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia berkenan menyaksikan pameran pencapaian qari-qari dan qariah-qariah Negara Brunei Darussalam dalam bidang pembacaan Al-Quran peringkat kebangsaan dan antarabangsa, sambil dilirangi oleh Pengarah Pusat Da'wah Islamiah, Awang Haji Adam bin Haji Ahmad (kanan).



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisura Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Malik dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Mateen berkenan menyaksikan pameran pencapaian para qari dan qariah negara di bidang pembacaan Al-Quran peringkat kebangsaan dan antarabangsa.



Berangkat ke Majlis Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, DYT Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah, DYT Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisura Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah, YTM Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Malik dan YTM Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Mateen.

Sementara itu, Mufti Kerajaan, Yang Dimuliakan Lagi Dihormati Pehin Dato Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned, telah berkhidmat untuk berdoa selamat bagi para peserta dan pemenang dalam pertandingan.

Tambahan pula, Duli Yang Teramat Mulia berkenan berjumpa dengan peserta yang telah diadukan dalam pertandingan.

Sementara itu, Mufti Kerajaan, Yang Dimuliakan Lagi Dihormati Pehin Dato Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned, telah berkhidmat untuk berdoa selamat bagi para peserta dan pemenang dalam pertandingan.

Yang Teramat Mulia berkenan berjumpa dengan peserta yang telah diadukan dalam pertandingan.

Daripada 116 orang peserta, hanya 60 orang sahaja yang layak ke peringkat seterusnya.

Pertandingan ini telah berlangsung sejak ke-42 sejak tahun 1977.

Mereka yang layak ke peringkat seterusnya ialah Abdul Rahman bin Haji Mohd. Salleh, Dayang Hajah Siti Wardah binti Mejar (B) Haji Abdul Rahman dan Abdul Kadir bin Haji Abdul Kadir.

Manakala Dayang Hajah Siti Wardah binti Mejar (B) Haji Abdul Rahman dan Abdul Kadir bin Haji Abdul Kadir.

Persekitaran bersih t-jawab bersama

GADONG, 1 Julai. - Pemangku Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Mulia Dato Seri Paduka Awang Haji Abidin menekankan bahawa dalam mewujudkan kebersihan serta kebersihan alam sekitar adalah tanggungjawab bersama semua pihak.

Keprihatinan dan tanggungjawab ini hendaklah sentiasa dihidupkan dan dipupuk supaya kesedaran semua pihak tentang penjagaan kebersihan alam sekitar akan sentiasa wujud dan mantap dalam pemikiran dan amalan setiap anggota masyarakat di negara ini, jelas Yang Mulia Dato Seri Paduka di Majlis Kempen Kebersihan Sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-55 Tahun pada 15 Julai ini yang berlangsung di kawasan Gadong di sini.

Peranan dan tanggungjawab orang ramai dalam sama-sama menjaga kebersihan katanya, tidak dapat dinafikan di mana kempen-kempen yang sama terus diadakan di mukim-mukim dan kampung-kampung, baik di darat mahupun di perairan sentiasa diadakan, tetapi kegiatan ini belum mencukupi kerana ada segolongan dalam masyarakat kita yang tidak menghiraukan dan masih belum sedar akan nilai-nilai kebersihan dan masih lagi mengamalkan tabiat membuang sampah merata-rata, baik di darat mahupun di perairan.

"Kesedaran masyarakat terhadap kebersihan secara menyeluruh adalah perlu, kerana orang ramai adalah selaku pengguna. Kita perlukan kempen kesedaran 'Jangan Membuang Sampah Merata-rata', ianya bukannya lagi semata-mata kempen memutik dan membuang sampah, tetapi kesedaran hendaklah sentiasa ditanam di jiwa kita akan perlunya kebersihan alam dan memamerkan alam persekitaran yang cantik," jelasnya.

Minda kita tambahkan, perlulah diubah ke arah positif dan sensitif terhadap kebersihan.

Keindahan alam sekitar, termasuk pantai-pantai dan sungai-sungai adalah nikmat anugerah Allah Subhanahu Wataala kepada manusia yang pada asalnya adalah bersih, tetapi kita yang mengotori dan mencemarinya dengan pelbagai bentuk pencemaran oleh itu katanya, kita selaku orang ramai perlulah menjaga alam sekitar kita supaya bersih.

Kita selaku pengguna yang menggunakannya memerlukan tempat yang bersih, selesa, tenang, sihat dan segar tetapi jika sebaliknya tempat itu kotor akan membuat kita sesak dengan pemandangan dan bau yang kurang menyenangkan kita, ujarnya.

Beliau menyeru kepada masyarakat di Daerah Brunei dan Muara khususnya supaya sama-sama mewujudkan dan mempertingkatkan kesedaran terhadap penjagaan dan pemeliharaan kebersihan dan mencantikkan alam sekitar kita, baik di halaman rumah, kampung, mukim, bandar, daerah dan negara.

Terdahulu dari itu, Pengerusi Kempen Kebersihan, Awang Robert Kho Hoe Kiat, Presiden Dewan Perniagaan Tionghoa berkata, amalan menjaga kebersihan patut diamalkan oleh masyarakat kita pada masa akan datang. Malahan sekiranya tiada kempen kebersihan

Oleh Aliddin HM

sekali pun, amalan kebersihan patut menjadi amalan semua.

"Ini kerana persekitaran yang sihat dan selesa merupakan aspek yang penting dalam perkembangan fizikal dan mental anak-anak. Mahukah kita sekiranya anak-anak yang bakal menjadi pemimpin negara pada masa akan datang hidup dalam suasana yang tercemar," ujarnya.

Sebagai sebuah negara yang maju tambanya, Negara Brunei Darussalam tidak terlepas daripada gejala sampah dan kotoran yang dibuang di merata-rata tempat.

Di sekitar kawasan Gadong katanya, terdapat tempat-tempat yang masih menjadi tempat untuk membuang sampah sarap dan bahan buangan yang lain. Gejala ini sekiranya tidak dihindari akan mencacatkan pemandangan di negara ini, apatah lagi pada tahun ini adalah Tahun Melawat Brunei (TMB) 2001.

"Kita tidak mahu pelancong yang melawat di negara ini akan merasa kegelisahan di atas kekotoran di sekitar kawasan negara ini," jelasnya.

Beliau menyeru orang ramai supaya beramai-ramai berganding tenaga membersihkan kawasan persekitaran Gadong di sini.

Kempen kebersihan yang diadakan ini merupakan persediaan sebelum Sambutan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam pada 15 Julai ini.

Menyertai kempen kebersihan itu terdiri daripada Jabatan Daerah Brunei dan Muara, Jabatan Perkhidmatan Bomba, Pasukan Polis Diraja Brunei, Jabatan Bandaran, para penuntut sekolah-sekolah menengah dan syarikat-syarikat swasta yang beroperasi di kawasan Gadong.

Kawasan yang terlibat dibersihkan bermula dari bangunan Gadong Properties dan kawasan persekitaran Gadong tersebut.

SUNGLIANG, 1 Julai.

- Semua ahli-ahli bekas anggota Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB) diseru turut serta dalam membuat perkara berkebaikan dan bermanfaat bagi kesejahteraan penduduk dan masyarakat.

Yang Amat Mulia Pengiran Sanggamara Diraja Mejar Jeneral (B) Pengiran Haji Ibnu Ba'asith, Timbalan Menteri Pertahanan yang juga Yang Dipertua Persatuan Bekas Perajurit Negara Brunei Darussalam membuat seruan itu sejurus sebelum merasmikan Projek Pengasas Mencantikkan Pantai Peranginan Kampong Sungai Liang yang diadakan di kawasan pantai tersebut.

Yang Amat Mulia bersabda, sebagai seorang bekas perajurit yang telah memperolehi latihan-latihan disiplin yang tinggi dan berbagai-bagai latihan secara pengalaman semasa menjadi anggota tentera supaya akan dapat menggunakan pengalaman mereka untuk menolong masyarakat sekeliling menuju ke arah kemajuan dan pembangunan kampung seperti yang dihasratkan oleh negara dan agama.

Sehubungan dengan itu, Yang Amat Mulia menyeru mereka supaya menjauhi aktiviti-aktiviti tidak



PEMANGKU Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Mulia Dato Seri Paduka Awang Haji Abidin ketika hadir melancarkan Kempen Kebersihan yang berlangsung di kawasan Gadong. - Gambar oleh Masri Osman.



YANG Amat Mulia Pengiran Sanggamara Diraja Mejar Jeneral (B) Pengiran Haji Ibnu Ba'asith, Timbalan Menteri Pertahanan yang juga selaku Yang Dipertua Persatuan Bekas Perajurit Negara Brunei Darussalam bergambar ramai bersama bekas anggota Angkatan Bersenjata Diraja Brunei, Cawangan Kampong Sungai Liang di Majlis Projek Mencantikkan Pantai Peranginan Sungai Liang.

Bekas anggota ABDB diseru bantu penduduk dan masyarakat sekeliling

Oleh Dk. Hjh. Saidah PHOA

sihat yang boleh membawa keburukan, bukan saja kepada diri dan keluarga mereka tetapi juga kepada keamanan dan kesentosaan masyarakat dan negara yang tercinta ini.

Yang Amat Mulia juga menyeru mereka supaya sentiasa taat setia kepada pemerintahan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Menyentuh mengenai kempen kebersihan yang dilaksanakan, Yang Amat Mulia bersabda ianya boleh dijadikan asas bagi membudayakan sikap bersih dan menghargai kebersihan di kalangan masyarakat.

"Walaupun kempen ini berakhir, sikap dan tabiat pembersih akan terus dihayati dan insya-Allah lambat-laun ia akan men-

jadi budaya kita selaras dengan tuntutan dan ajaran Islam yang mengutamakan kebersihan dan juga menjaga kualiti alam sekitar," harap Yang Amat Mulia.

Dalam menayakan projek seumpama itu, sabda Yang Amat Mulia setentunya mempunyai keteguhan semangat setia kawan. Keprihatinan yang mantap dan disiplin yang tinggi.

Yang Amat Mulia bersabda, jika ciri-ciri sedemikian tidak dimiliki, projek tersebut sangat sukar dilaksanakan.

Sehubungan dengan itu, Yang Amat Mulia berharap penduduk kampung berkenaan khasnya dan penduduk Negara Brunei Darussalam amnya akan dapat menggunakan pantai tersebut dengan sepenuhnya bagi tujuan bersukan, rekreasi dan beriadah di samping menikmati udara bersih dan menyegarkan.

Ketua Kampong Sungai Liang, Awang Haji Mohd. Azmi bin Abdullah yang juga bekas Pegawai

Waran 1 (B) dalam ucapan alu-aluannya berkata, kerjasama yang padu di kalangan bekas-bekas perajurit cawangan Kampong Sungai Liang dan penduduk kampung tersebut dapat dilaksanakan melalui projek tersebut.

Dari itu, beliau berharap, bantuan dan kerjasama semua pihak akan berterusan kerana tanpa bantuan mereka, projek tersebut tidak akan mendapat kejayaan.

Majlis tersebut dianjurkan oleh Persatuan Bekas Perajurit Cawangan Kampong Sungai Liang dengan diserikan pelbagai persembahan kebudayaan daripada penduduk kampung berkenaan dan persatuan kampung serta Pasukan Angkatan Bersenjata Diraja Brunei.

Sejak dua tahun lalu, pantai tersebut tidak seindah dan secantik seperti sekarang ini yang telah menjadi salah sebuah pantai yang indah, bersih dan menyeronokkan kepada setiap pengunjungnya.



KANAK-KANAK ini tidak melepaskan peluang menyaksikan lebih dekat lagi peralatan senjata yang digunakan oleh Angkatan Bersenjata Diraja Brunei semasa pameran tersebut.



MENTERI Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Dugadong Seri Lela Dato Seri Paduka Haji Awang Hussain ketika membuat lawatan ke Kompleks Sukan Daerah Temburong yang baru, yang terletak di Kampong Batu Apoi. - Gambar oleh Masri Osman.

Bahasa Melayu perlu dikuasai

Bukan dijadikan pasport dapatkan dermawasiswa

KAMPONG RIMBA, 28 Jun. - Masyarakat di negara ini sepatutnya terus memartabatkan bahasa Melayu terutama semasa berada di alam pekerjaan, walaupun kadang-kadang boleh bertolak ansur dengan bahasa Inggeris dan bahasa lain yang dipelajari.

Di samping itu negara tidak mahu melihat golongan pelajar menguasai bahasa Melayu hanya setakat untuk lulus dalam peperiksaan peringkat 'O' yang menjadi pasport untuk mendapatkan dermawasiswa.

Gesaan ini dibuat oleh Timbalan Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka, Awang Haji Abdul Hakim bin Haji Muhd. Yassin ketika berucap di Majlis Pelancaran Minggu Bahasa yang diselenggarakan dengan Pertandingan Akhir Bahasa Piala Hajah Norjum bagi Maktab Sains Paduka Seri Begawan Sultan (MSPSBS), Kampong Rimba.

Katanya, pelajar tidak harus bersikap berpuas hati dan mesti terus berusaha lebih gigih lagi menguasai bahasa Melayu, walaupun peratus kelulusan bagi mata pelajaran bahasa Melayu sejak beberapa tahun kebelakangan ini meningkat.

Jelasnya, sikap terus berusaha itu penting supaya lebih ramai anak bangsa dan warga Brunei menguasai bahasa Melayu dan dapat mengemukakan idea yang kompleks dengan jelas dan tepat.

"Sebagai orang Brunei mereka mestilah memiliki bahasa Melayu yang mantap kerana bahasa itu menunjukkan bangsa," katanya.

Katanya lagi, sejak kedatangan bahasa Inggeris dan bahasa lain, orang Brunei bersikap pragmatik walaupun kadang-

kadang mudah bertolak ansur kerana bahasa Inggeris juga perlu dipelajari untuk menguasai ilmu, kerana ini tujuan sistem pendidikan dwibahasa.

"Kita timba sebanyak mungkin ilmu melalui bahasa Inggeris, Perancis, Sepanyol, Arab, Cina malah bahasa serantau seperti Thailand, Tagalog, Viet Nam dan Myanmar," katanya.

Oleh kerana itu tambahnya, penuntut-penuntut Tionghoa lebih beruntung kerana menguasai lebih dua bahasa dan dialek.

"Bagaimanapun kita orang Brunei, jangan sampai warisan yang sangat berharga ini lenyap seperti yang berlaku kepada bahasa Yunani dan Sanskrit," jelasnya lagi.

Usaha MSPSBS mengadakan Minggu Bahasa sangat baik kerana ia boleh mewujudkan kesan yang positif terhadap pengembangan bahasa Melayu, ujarnya.

Pertandingan bahas antara rumah-rumah di maktab itu disertai oleh empat buah rumah iaitu Hulubalang, Pahlawan, Panglima dan Laksamana.

Rumah Laksamana (selaku pembangkang) yang dianggotai oleh Dayang Nursyawani Sani, Syazana Ebil, Noorul Fariha Haji Jalil dan Dina Diyanah Abdul Hamid muncul sebagai juara.

Manakala bagi pihak pencadang, Rumah Panglima yang dianggotai oleh Siti Norhanida Haji Yusof, Amalina Haji Mohd. Taib, Siti Masyurah Haji Tahir dan Siti Afsah Abu Bakar menjadi naib johan.

Oleh
Abdullah Asgar

PELAJAR tidak harus bersikap berpuas hati dan mesti terus berusaha lebih gigih lagi menguasai bahasa Melayu, walaupun peratus kelulusan bagi mata pelajaran bahasa Melayu sejak beberapa tahun kebelakangan ini meningkat.



ABDUL Azim bin Abdullah Goh melafazkan ikrar pengislamannya dengan disaksikan oleh Pemerintah Angkatan Bersenjata Diraja Brunei, Yang Dimulikan Pehin Orang Kaya Lela Pahlawan Dato Seri Laila Jasa Mejar Jeneral Haji Awang Mohd. Jaafar. - Gambar oleh Hamedi HM.

DAERAH TEMBURONG PUNYA KOMPLEKS SUKAN SENDIRI

Oleh
Aliddin HM

TEMBURONG, 26 Jun. - Pembinaan kompleks sukan di Daerah Temburong akan dapat memberikan kemudahan untuk bersukan kepada para penduduk khususnya para belia di daerah berkenaan.

Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Dugadong Seri Lela Dato Seri Paduka Haji Awang Hussain menyatakan demikian semasa membuat lawatan ke Kompleks Sukan Daerah Temburong yang baru di Kampong Batu Apoi di sini.

Yang Berhormat seterusnya menjelaskan bahawa sebahagian daripada projek yang dijalankan itu akan siap tidak lama lagi.

Yang Berhormat menambah, projek tersebut adalah rancangan kemajuan lima tahun dan sebahagiannya akan dapat

digunakan sebelum menjelang ulang tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam pada bulan Julai ini.

Yang Berhormat berkata, Daerah Temburong juga mempunyai para atlet yang berpotensi dalam bidang-bidang sukan dan ada di antara mereka telah terpilih dalam skuad kebangsaan bola sepak di negara ini.

Dalam lawatan itu, Yang Berhormat telah meninjau lebih dekat lagi kemajuan pembinaan kompleks sukan tersebut.

Kompleks sukan itu menelan belanja B\$4.6

juta dan dijangkakan siap dalam 14 bulan. Oleh kerana ada masalah teknikal, maka projek pembinaan kompleks sukan itu tergendala buat sementara.

Pembinaan kompleks sukan itu adalah bagi fasa pertama yang mengandungi padang bola sepak, belapan bagi acara larian yang mempunyai lapan lorong jenis 'mondo synthetic track' dan yang pertama dibina di negara ini serupa dengan belapan di Sukan Olimpik Sydney, Australia. Selain itu trek untuk lompat kijang dan lompat jauh juga disediakan.

Sementara kemudahan-kemudahan lain yang terdapat di kompleks sukan itu ialah 'grandstand' yang boleh memuatkan 500 orang penonton, bilik pentadbiran, bilik menyimpan pakaian bagi lelaki dan wanita, tandas dan stor.



TIMBALAN Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka, Awang Haji Abdul Hakim bin Haji Muhd. Yassin ketika hadir selaku tetamu kehormat di majlis Pelancaran Minggu Bahasa dan Pertandingan Akhir Bahasa Piala Hajah Norjum di Maktab Sains Paduka Seri Begawan Sultan. - Gambar oleh Ramli Tengah.

Keyakinan terhadap Islam dorong pemuda Tionghoa

BOLKIAH, 29 Jun. - Kesedaran dan keyakinan terhadap Islam telah mendorong seorang pemuda Tionghoa untuk memeluk agama Islam dan majlis pengislamannya berlangsung di Surau Bolkliah Garison.

Oleh
Haji Ahat HI

Beliau yang bertugas di Penanjong Garison itu dikenali dengan nama Islamnya sebagai Abdul Azim bin Abdullah Goh dan majlis tersebut diserikan dengan persembahan zikir marhaban.

Hadir di majlis tersebut ialah Pemerintah Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB), Yang Dimulikan Pehin Orang Kaya Lela Pahlawan Mejar Jeneral Dato Seri Laila Jasa Haji Awang Mohd. Jaafar, yang juga menyampaikan cenderamata dan Pegawai Pemerintah Askar Simpanan Melayu Diraja Brunei, Lt. Kolonel Haji Mohd. Said.

DYTM berkenan lancarkan Tapak Web Rasmi BIT

BERAKAS, 9 Julai. - Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah berkenan berangkat bagi Melancarkan Tapak Web Rasmi Majlis Teknologi Maklumat Kebangsaan Negara Brunei Darussalam (BIT) yang berlangsung di Kementerian Perhubungan di sini.

Keberangkatan Duli Yang Teramat Mulia telah dijunjung oleh Menteri Perhubungan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Amar Pahlawan Dato Seri Setia Haji Awang Zakaria yang juga selaku Pengerusi Majlis Teknologi Maklumat Kebangsaan Negara Brunei Darussalam (BIT).

Majlis bermula dengan bacaan Surah Al-Faatihah yang dipimpin oleh Yang Dimuliakan Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin.

Dalam sembah ucapan alu-aluan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Amar Pahlawan Dato Seri Setia Haji Awang Zakaria menyentuh mengenai perkembangan Teknologi Maklumat Komunikasi semakin meluas di negara ini khususnya dalam penggunaan Internet bagi urusan sektor kerajaan dan swasta, maka kerajaan baru-baru ini telah memperkenalkan satu undang-undang yang digelar 'Electronic Transaction Order 2001 (ETO)'.

Undang-undang baru ini adalah satu instrumen yang penting dalam menggalakkan penggunaan media elektronik dalam urusan-urusan pentadbiran kerajaan dan urusan-urusan perniagaan, jelas Yang Berhormat.

Pengakutan undang-undang tersebut tambah Yang Berhormat, adalah merupakan satu langkah untuk menjamin keselamatan dalam pengendalian urusan-urusan rasmi ataupun urusan niaga yang dilakukan melalui Internet. Langkah ini juga adalah selaras dengan hasrat Majlis Teknologi Maklumat Kebangsaan Negara Brunei Darussalam untuk memperkasakan teknologi maklumat di dalam perkhidmatan awam melalui e-kerajaan dan di dalam sektor swasta melalui e-dagang.

Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah kemudiannya berkenan melancarkan Tapak Web Teknologi Maklumat Kebangsaan Negara Brunei Darussalam (BIT).

Dengan perasmian Tapak Web Majlis Teknologi Maklumat Kebangsaan itu akan dapat menampilkan dan menyebarkan perkembangan aktiviti-aktiviti yang berhubung kait dengan Majlis Teknologi Maklumat Kebangsaan Negara Brunei Darussalam

terutama dalam menyalurkan informasi dan penyertaan interaktif kepada pihak awam khususnya.

Antara inisiatif-inisiatif utama yang dijalankan oleh Majlis Teknologi Maklumat Kebangsaan Negara Brunei Darussalam ini ialah pelaksanaan satu pelan tindakan strategik bagi menggalak penggunaan IT di kalangan kementerian-kementerian, jabatan-jabatan dan agensi-agensi kerajaan.

Pelan tindakan itu juga dihasratkan untuk mendukung pencapaian matlamat di dalam Wawasan Perkhidmatan Awam Negara Brunei Darussalam Abad

Ke-21.

Bagi memberkati majlis, doa selamat telah dibacakan oleh Yang Dimuliakan Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin.

Duli Yang Teramat Mulia juga berkenan menyaksikan mini pameran yang mempamerkan kemajuan dan perkembangan teknologi-teknologi terkini yang dipersembahkan oleh pihak swasta tempatan dan luar negeri.

Majlis Teknologi Maklumat Kebangsaan Negara Brunei Darussalam ditubuhkan untuk membimbing dan memudahkan perkemba-

ngan strategik dan penerapan teknologi-teknologi maklumat terkini bagi seluruh negara dan meneroka sepenuhnya potensi penggunaan teknologi maklumat bagi kesejahteraan dan kemakmuran negara.

Ianya memainkan peranan utama sebagai badan yang membantu melaksanakan strategi-strategi dan rancangan-rancangan tindakan kebangsaan serta membimbing sektor awam dan swasta berinteraksi secara bersepadu dalam penggunaan teknologi maklumat di negara ini.

Di samping itu juga ianya akan bertindak sebagai

penggerak bagi mencapai wawasan, misi dan matlamat-matlamat Perancangan Strategik Teknologi Maklumat Tahun 2000 dan seterusnya dikenali dengan 'IT Strategic Plan 2000 and Beyond'.

**Oleh Aliddin HM
Gambar-gambar
oleh Pengiran Haji
Bahar PHO dan
Abdullah HAD**



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah berkenan melancarkan Tapak Web Rasmi Majlis Teknologi Maklumat Kebangsaan Negara Brunei Darussalam (BIT). Majlis berlangsung di Kementerian Perhubungan.



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah berkenan menyaksikan mini pameran mengenai kemajuan dan perkembangan teknologi-teknologi terkini yang dipersembahkan oleh pihak swasta tempatan dan luar negeri. Juga kelihatan mengiringi Duli Yang Teramat Mulia ialah Menteri Perhubungan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Amar Pahlawan Dato Seri Setia Haji Awang Zakaria selaku Pengerusi Majlis Teknologi Kebangsaan Negara Brunei Darussalam (gambar atas dan kiri).

BENGKURONG, 8 Julai. - Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Azemah Ni'matul Bolqiah berkenan berangkat merasmikan Hari Terbuka Pusat Ehsan Al-Ameerah Al-Hajjah Maryam di sini.

Berangkat sama ialah Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Fadilah Lubabul Bulqiah.

Keberangkatan Yang Teramat Mulia dijunjung oleh ahli-ahli Lembaga Pengurusan Rumah Ehsan Al-Ameerah Al-Hajjah Maryam serta ahli-ahli jawatankuasa kerja hari terbuka pusat tersebut.

Di majlis itu, Yang Teramat Mulia berdua juga berkenan menyaksikan gerai-gerai pameran dan jualan serta menyaksikan ahli-ahli persatuan membuat hasil

Berkenan rasmi Hari Terbuka Pusat Ehsan Al-Ameerah Al-Hajjah Maryam

kerja tangan.

Terdahulu, Awang Haji Ahmad bin Haji Abdullah, Pengerusi Majlis yang juga ahli Persatuan Orang-Orang Cacat Berkerusi Roda dan Cacat Anggota (PAPDA) dalam sembah alu-aluannya antara lain berkata, penubuhan dan kejayaan pusat tersebut adalah atas kurnia penglibatan dan keprihatinan Duli Yang Teramat Mulia Pengiran Isteri Hajah Maryam.

Oleh Sahari Akim

Beliau juga merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada semua dermawan dan sukarelawan yang telah bermurah hati menyumbangkan derma, tenaga, masa dan buah fikiran semata-mata untuk kebajikan insan-insan istimewa di pusat itu.

Antara objektif hari terbuka itu ialah untuk memberikan ruang pendekatan di antara insan-insan istimewa serta ahli yang menghadapi gangguan psikologi untuk berinteraksi dengan masyarakat dalam suasana kekeluargaan.

Ia juga diharapkan akan dapat memberikan kesedaran akan wujudnya pusat khas tersebut untuk insan-insan istimewa, selain membuktikan bahawa mereka juga berkemampuan mengadakan aktiviti-aktiviti riadah, sekali gus menjadi insan yang produktif di samping sama-sama menayakan Tahun Melawat Brunei (TMB) 2001.

Lebih 30 buah gerai menjual beraneka jenis barangan dan makanan dibuka pada hari itu termasuk pameran statik Angkatan Bersenjata Diraja Brunei, aktiviti menunggang kuda dan lain-lain.

Pusat Ehsan Al-Ameerah Al-Hajjah Maryam dilengkapi dengan pelbagai kemudahan yang boleh memenuhi keperluan ahli-ahlinya selaras dengan tujuan penubuhannya untuk memperbaiki dan meningkatkan taraf kehidupan serta kebajikan insan-insan istimewa di negara ini.

Insan-insan istimewa di pusat itu dilatih dalam pelbagai kegiatan seperti penghasilan kerja tangan, tanaman hidroponik, tanaman bunga orkid, menjahit di samping belajar agama, bahasa Inggeris, Braille dan muzik.

Pusat itu kini mempunyai lebih kurang 300 orang ahli dengan lebih daripada 10 orang sukarelawan.



YANG Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Azemah Ni'matul Bolqiah berkenan menyaksikan gerai pameran dan jualan sejour berkenan merasmikan Hari Terbuka Pusat Ehsan Al-Ameerah Al-Hajjah Maryam. Berangkat sama di majlis itu ialah Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Fadilah Lubabul Bulqiah. - Gambar oleh Masri Osman.



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendara Seri Maharaja Permaisura Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah bersabda menyanjarkan para jurulatih tempatan dan luar negeri supaya memilih atlet atau pasukan yang berkemampuan memberikan saingan, berdisiplin dan bebas daripada perkara-perkara yang berkaitan dengan 'doping'.

Bersabda di Majlis Perjumpaan Mesyuarat Majlis Olimpik Kebangsaan Negara Brunei Darussalam bersama jurulatih-jurulatih

kebangsaan, Duli Yang Teramat Mulia menjelaskan mana-mana atlet yang pencapaiannya tidak dapat bersaing dengan atlet negara lain hendaklah dikeluarkan dari skuad Sukan negara-negara Asia Tenggara Ke-21.

Selain dari itu sabda Duli Yang Teramat Mulia, mana-mana atlet yang mempunyai disiplin yang kurang memuaskan dan mempunyai masalah perlu digugurkan

Lumba perahu sempena TMB

NEGARA Brunei Darussalam akan menganjurkan Kejohanan Lumba Perahu Tradisi sempena Tahun Melawat Brunei (TMB) 2001 anjuran bersama Jabatan Belia dan Sukan, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama dan Persatuan Lumba Perahu Kebangsaan.

Dalam mesyuarat mengenai kejohanan itu yang dipengerusikan oleh Ketua Pegawai Kebudayaan, Belia dan Sukan, Awang Mohd. Amin bin Begawan Pehin Khatib Dato Paduka Haji Awang Siraj berkata bahawa kejohanan tersebut akan disertai oleh pasukan-pasukan jemputan dari negara-negara ASEAN dan pasukan tempatan.

Kejohanan dari 10 hingga 13 Ogos depan itu akan mempertandingkan dalam empat kategori perlumbaan iaitu 10 pekayuh lelaki bagi acara 800 meter dan 20 pekayuh lelaki acara 800 meter bagi perlumbaan pasukan tempatan manakala peringkat terbuka antarabangsa ialah 10 pekayuh lelaki acara 800 meter dan 20 pekayuh lelaki 800 meter.

Pemenang pertama bagi perlumbaan pasukan-pasukan tempatan 10 dan 20 pekayuh sejauh 800 meter bagi pasukan-pasukan tempatan yang masing-masing akan menerima hadiah wang tunai \$1,000.00 berserta pingat dan bagi perlumbaan terbuka antarabangsa 10 pekayuh sejauh 800 meter pemenang akan menerima hadiah wang tunai \$3,000.00 berserta pingat, manakala perlumbaan antarabangsa 20 pekayuh sejauh 800 meter akan menerima hadiah wang \$1,000.00 berserta pingat.



BERSEDIA... Sebahagian daripada 221 orang kanak-kanak menerima sijil mengikuti Kursus Latihan Asas Renang baru-baru ini anjuran Jabatan Belia dan Sukan. Gambar Harun HR.

Sukan SEA ke XXI Kuala Lumpur: HANYA ATLET BERKEMAMPUAN, BERDISPLIN DISOKONG

Oleh Haji Ahat HI

dari skuad negara walaupun mereka terdiri daripada atlet yang berpotensi untuk meraih kemenangan.

"Dengan ini saya harapkan semua jurulatih-jurulatih hendaklah menghadapi pendapat secara profesional tanpa dibayangi atau di 'influence' oleh pihak persatuan atau

mana-mana pihak kerana jika jurulatih-jurulatih membuat keputusan dengan tidak secara profesional, penyertaan kita akan menghadapi kegagalan-kegagalan dan kerugian," sabda Duli Yang Teramat Mulia.

Duli Yang Teramat Mulia berharap semua jurulatih berterus terang di majlis perjumpaan itu, kerana semua nama-nama atlet hendak-

lah dihantar sebelum pertengahan bulan Julai 2001.

"Perlu saya tegaskan sekali lagi supaya atlet yang dipilih hendaklah mencapai tahap harapan untuk bersaing, lulus ujian 'fitness' dan tidak mempunyai masalah disiplin termasuk bebas dari perkara yang berkaitan dengan 'doping,'" sabda Duli Yang Teramat Mulia.



PERJUMPAAN Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisura Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah berkenan berangkat menghadiri perjumpaan mesyuarat dengan jurulatih-jurulatih Sukan SEA Ke-21. - Gambar oleh Hamadi HM.

Skuad menembak tidak beraksi di Sukan SEA

Oleh Haji Ahat HI

basikal, bola sepak, golf, karatedo, lawn bowl, pencak silat, sepak takraw, renang, taekwondo dan tenis yang kini dalam pertimbangan untuk menyertai di temasya dwitahunan kali ini.

Pengunduran acara menembak itu disabdakan oleh Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisura Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah, Presiden Majlis Olimpik Kebangsaan semasa Majlis Perjumpaan Mesyuarat Majlis Olimpik Kebangsaan Negara Brunei Darussalam bersama dengan jurulatih-jurulatih kebangsaan ke Sukan SEA Ke-21 Kuala Lumpur.

Para penembak sabda Duli Yang Teramat Mulia, kini berada di luar negeri dan mereka tidak dapat menjalani latihan bagi persiapan tersebut.

"Oleh sebab Sukan SEA hanya tinggal 65 hari lagi dan untuk memulakan latihan juga tidak mencukupi, maka para pasukan menembak tidak akan menyertai temasya kali ini," sabda Duli Yang Teramat Mulia.

"Meskipun kita mempunyai peluang dalam acara skeet namun, disebabkan ketiadaan mereka di negara ini kita terpaksa

tidak menyertainya," sabda Duli Yang Teramat Mulia.

Pada temasya Sukan SEA Ke-XX dua tahun lalu di Negara Brunei Darussalam skuad menembak berjaya merangkul sebuah pingat perak acara skeet perseorangan dan pingat gangsa acara skeet berpasukan.

Sementara itu sebelas daripada 15 acara sukan yang dipertimbangkan menyertai Sukan SEA kali ini masing-masing telah membentangkan laporan-laporan dan latihan pencapaian atlet dan pasukan mereka ke hadapan majlis Duli Yang Teramat Mulia dan ahli-ahli Majlis Olimpik Kebangsaan Negara Brunei Darussalam.

Ralat

KETERANGAN gambar dalam Ruangan Sukan KELUARAN PELITA BRUNEI 4 Julai, 2001 di muka 15 (gambar atas sekali) hendaklah dibaca Yang Amat Mulia Pengiran Muda Abdul Fattaah berkenan menyampaikan Piala Rebutan... bukannya Yang Amat Mulia Pengiran Muda Abdul Mu'min. - Penyunting.



PENGARAH Hal Ehwal Korporat Brunei Shell Company Sendirian Berhad, Awang Haji Zainal Abidin bin Haji Md. Ali menyampaikan hadiah kepada pasukan yang menjuarai Kategori 'A' iaitu Pasukan Jabatan Kerja Raya selepas menumpaskan ABDB dan Unit Simpanan Gurkha. - Gambar oleh Ramli Tengah.

JKR juara Kategori 'A', PEDOMAN juara Belia

JABATAN Kerja Raya (JKR) muncul menjuarai Kejohanan Tarik Kalat Kategori 'A' Peringkat Daerah Brunei dan Muara selepas menumpaskan Pasukan Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB) dan Pasukan Unit Simpanan Gurkha dalam pertarungan akhir di Taman Haji Sir Muda Omar 'Ali Saifuddien di ibu negara.

Di pertarungan akhir itu, ABDB dan U. S. Gurkha gagal memberikan cabaran dengan masing-masing mengalami kekalahan melalui dua tarikan.

Dengan kemenangan itu, JKR merangkul hadiah wang tunai \$1,500.00 berserta piala sumbangan Bank Islam Brunei Berhad (IBB), manakala ABDB yang menduduki tempat kedua, memenangi hadiah wang tunai \$1,000.00 berserta piala, manakala tempat ketiga, U. S. Gurkha merangkul hadiah wang tunai \$500.00. Pertandingan sempena sambutan Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam itu disertai oleh 21 pasukan yang terdiri daripada kementerian-kementerian, jabatan-jabatan, sektor swasta, persatuan dan pertubuhan awam.

Oleh Haji Ahat HI

Bagi Kategori 'C' Belia 21 Tahun Ke Bawah 700 kilogram terkumpul pula, dijuarai oleh Persatuan PEDOMAN selepas menumpaskan Mukim Saba dalam pertarungan akhir. Sementara Sekolah Menengah Arab Laki-Laki Hassanah Bolkiah menduduki tempat ketiga setelah menumpaskan Persatuan AKSE.

Juara Kategori 'C' Belia 21 Tahun Ke Bawah menerima hadiah wang tunai \$600.00, naib johan menerima wang tunai \$300.00 dan ketiga, menerima hadiah wang tunai \$100.00 sumbangan Kingston Beverage & Creamery Sendirian Berhad (PEPSI).

Perlawanan Tarik Kalat : POLIS RANAPKAN IMPIAN JKR

PASUKAN POLIS 'A', meranapkan impian Jabatan Kerja Raya (JKR) untuk mengekalkan gelaran juara Kejohanan Tarik Kalat Kategori Bebas peringkat daerah, apabila tewas dalam pertarungan akhir di Taman Haji Sir Muda Omar 'Ali Saifuddien di ibu negara.

Dalam penentuan sekali tarikan itu, POLIS 'A' mengekalkan corak bertahan dan selepas itu bertindak cergas menarik serentak tanpa memberikan ruang kepada JKR untuk bertahan.

"Ternyata tarikan penentuan itu memihak kepada kami selepas melihat barisan peserta JKR tidak

Oleh Haji Ahat HI

stabil, saya mengarahkan pasukan saya melakukan tarikan kejutan tanpa berhenti," terang Pengarah



Pasukan Polis, Awang Haji Tassim Bustam.

Pada asasnya JKR katanya, merupakan pasukan yang mantap, berpengalaman dan sukar ditundukkan. Bagaimanapun dengan semangat dan

azam yang tinggi, barisan POLIS 'A' berjaya menundukkannya.

Beliau menjelaskan, "Kejayaan mengatasi juara bertahan ini merupakan satu sejarah yang akan mendorong pasukan kami untuk berlatih lebih giat bagi pertandingan peringkat daerah-daerah dan selanjutnya Kejohanan Borneo nanti."

POLIS 'A' dan JKR mara ke peringkat akhir setelah masing-masing mempunyai empat mata, manakala Pasukan 995 Bomba di tempat ketiga.

Sejumlah 23 pasukan yang terdiri daripada jabatan-jabatan kerajaan, sektor swasta, persatuan-persatuan belia dan pertubuhan awam menyertai dalam pusingan awal dan di akhir perlawanan, hadiah-hadiah disampaikan oleh wakil Pengarah Hal Ehwal Korporat Brunei Shell Petroleum Company Sendirian Berhad, Awang Haji Zainal Abidin bin Haji Md. Ali.



BERJAYA — Pasukan Polis Diraja Brunei menjuarai Kategori Bebas setelah menumpaskan juara bertahan, Jabatan Kerja Raya dalam tarikan penentuan. - Gambar oleh Ramli Tengah.

Kejohanan Ping Pong Kementerian Kesihatan



KELIHATAN para peserta ketika sedang berlawan bagi menumpaskan lawan masing-masing dalam Kejohanan Ping Pong antara bahagian-bahagian di Kementerian Kesihatan yang berlangsung di Kompleks Sukan Rumah Sakit Raja Isteri Pengiran Anak Saleha. - Gambar oleh Pengiran Rafae PDPHM.

AWANG Ansari bin Haji Abdullah muncul sebagai juara setelah mengalahkan Awang Azrin bin Haji Taha dalam Kejohanan Akhir Ping Pong Perseorangan Terbuka anjuran Badan Kebajikan Sukan dan Sosial (BKSS), Kementerian Kesihatan di Kompleks Sukan Rumah Sakit Raja Isteri Pengiran Anak Saleha (RIPAS) pada 29 Jun lalu.

Dalam set pertama, Awang Ansari menang dengan kiraan mata 21 - 10, set kedua, Awang Azrin menang 22 - 20. Dalam set penentuan, kedua-dua pemain menunjukkan permainan yang sangat baik yang akhirnya dimenangi oleh Awang Ansari dengan kiraan 21 - 8.

Sementara tempat ketiga dimenangi oleh Awang Haji Mumin bin Haji Hussin.

Oleh Aliddin HM

Dalam perlawanan bergu terbuka pula, pasangan Lim Soon Hin dan Awang Ansari bin Haji Abdullah muncul juara setelah mengalahkan pasangan Pengiran Haji Zainal bin Pengiran Haji Md. Daud dan Haji Mumin bin Haji Hussin dengan 'straight set' 21 - 11 dan 21 - 18. Manakala tempat ketiga dimenangi oleh pasangan Norzan bin Abdullah dan Pengiran Md. Helmi bin Pengiran Burut.

Dalam kategori berpasukan pula, Klinik-Klinik Pakar muncul juara setelah menundukkan Makmal Saintifik & Kesihatan Awam dengan kiraan 3 - 2, dan Kementerian Kesihatan.

an menduduki tempat ketiga.

Pasukan Kementerian Kesihatan pula telah diisytiharkan sebagai juara tiga tahun berturut-turut bermula pada tahun 1998, 1999 dan 2000.

Kejohanan tersebut disertai oleh 24 peserta bagi perseorangan terbuka. Dalam acara bergu pula disertai oleh lapan pasukan dan berpasukan disertai tujuh buah pasukan.

Kejohanan Ping Pong tersebut telah bermula pada 10 Jun yang lalu, dan sistem perlawanan dalam semua kategori adalah pukul keliling.

Penyampaian hadiah kepada para pemenang disempurnakan oleh tetamu kehormat di majlis itu, Awang Yusof bin Amba, Ketua Pegawai Eksekutif RIPAS, Kementerian Kesihatan.

Kementerian Pembangunan juara badminton

IMPIAN Jabatan Belia dan Sukan (JBS) untuk merangkul piala Kejohanan Badminton Antara Ke-menterian-kementerian, Jabatan dan Agensi Per-badanan Kerajaan tidak kesampaian, apabila mereka kecundang 4 - 2 kepada Kementerian Pembangunan dalam perlawanan akhir di Dewan Serbaguna Kompleks Sukan Hassanal Bolkiah, Berakas.

Mereka yang sudah mendahului 2 - 1 daripada kemenangan pasangan pertama, Dato Paduka Haji Talib/Imay Hendra dan pasangan ketiga, Yakub Tengah/Huzaini Salleh terpaksa akur apabila pasangan keempat,

kelima dan keenam gagal memberikan sebarang mata.

Lebih mengecewakan JBS lagi, jurulatih badminton, Yadie Riady yang berpasangan bersama Haji Md. Zali serta bekas pe-

Oleh Haji Ahat HI

main kebangsaan, Wahab Maksin dan Fadli Masri gagal menyumbang mata kemenangan apabila dua

pasangan itu masing-masing tumpas dalam tiga perlawanan.

Sebaliknya, Kementerian Pembangunan yang sebelum itu mencatatkan kemenangan pertama melalui pasangan kedua, Ro-

binson Goh/Mirusin Haji Hashim, nyata lebih menyerlah menyapu bersih tiga perlawanan terakhir.

Selepas kedudukan 2 - 1, pasangan keempat Kementerian Pembangunan, Haji Murni Mohammad/

Ahmad Haji Tassim berjaya menyamakan kedudukan 2 - 2 setelah menundukkan pasangan JBS, Haji Md. Zali/Yadie Riady 11 - 15, 15 - 7, 15 - 5.

Pasangan kelima, Ermadena Haji Talib/Jailani Salleh menambahkan lagi satu mata menjadikan 3 - 2 selepas pasangan JBS, Yakub Dollah/Jubni Mokti gagal memberikan tentangan setelah tumpas 15 - 5, 15 - 1.

Meskipun ketinggalan, pasangan JBS, Wahab Maksin/Fadli Masri cuba bangkit untuk menyamakan kedudukan, namun mereka kemudiannya tewas dalam pertarungan rubber set kepada pasangan Zailani Yui/Zaini Sapeh, 15 - 13, 10 - 15, 11 - 15 menjadikan kedudukan keseluruhan 4 - 2.



MESKIPUN membantu memenangi perlawanan pertama, namun pasukan yang diwakili oleh Dato Paduka Awang Haji Talib gagal merangkul piala dalam kejohanan tersebut. - Gambar oleh Ramli Tengah.



PASUKAN Kementerian Pembangunan (membelakangi kamera) bermain cemerlang menumpaskan Jabatan Belia dan Sukan 4 - 2 dalam perlawanan akhir di Dewan Serbaguna Kompleks Sukan Hassanal Bolkiah, Berakas. - Gambar oleh Ramli Tengah.

AKADEMIK DAN KEGIATAN LUAR HARUS SEIMBANG

Oleh Dk. Hjh. Saidah PHOA

MUMONG, 24 Jun. - Guru Besar Sekolah Rendah Muhammad Alam, Cikgu Hajah Rosnah binti Haji Wasli berkata, sistem pendidikan seharusnya seimbang antara akademik dan kegiatan luar.

Katanya, adalah menjadi naluri kanak-kanak terutama di peringkat sekolah rendah, suka kepada permainan kerana dalam permainan atau bersukan terdapat unsur-unsur yang boleh mengembangkan minda mereka, menanamkan sifat setia kawan serta berdisiplin dan yang lebih penting lagi meningkatkan kesihatan supaya sihat dan cergas.

Beliau menyampaikan harapannya itu di Kejohanan Senaman dan Olahraga bagi sekolah-sekolah rendah kerajaan dan bukan kerajaan Daerah Belait yang diadakan di Kompleks Sukan Mumong.

Dari itu beliau berharap, pelajar-pelajar yang mengambil bahagian dalam kejohanan tersebut dapat manfaat dari segi kesihatan dan gembira memenangi acara yang dipertandingkan.

Selaku pengerusi kejohanan, beliau berharap dengan adanya kejohanan tersebut akan dapat melahirkan ahli sukan muda yang berpotensi untuk mewakili di Kejohanan Sekolah-sekolah ASEAN.

Sehubungan dengan itu, beliau berharap pelajar-pelajar yang menyertai kejohanan tersebut akan bertanding dengan penuh semangat kesukanan dan mematuhi disiplin sukan.

Kejohanan tersebut dirasmikan oleh tetamu kehormat, Ketua Bahagian Akli dan Pakaian Beruniform, Jabatan Ko-Kurikulum, Awang Mohd. Abdoh bin Awang Haji Damit.

Kejohanan tersebut dibahagikan kepada dua bahagian iaitu senaman dan olahraga. Sebanyak 11 buah sekolah rendah kerajaan dan sebuah sekolah bukan kerajaan menyertai 24 acara balapan dan 12 acara padang, manakala acara senaman telah pun dipertandingkan lebih awal bagi tujuan kelancaran sukan dan menjimatkan masa.

Basikal : Chiang Chiew Lee masih kukuh di tangga teratas

CHIANG Chiew Lee terus mengukuhkan kedudukannya tangga teratas dalam sembilan perlumbaan basikal anjuran Persekutuan Basikal Negara Brunei Darussalam (PBNBD) yang kini mengutip 157 mata.

Beliau berada di tempat pertama perlumbaan uji masa perseorangan sejauh 45 kilometer dengan mencatat 1 jam 3 minit 15.21 saat.

Perlumbaan yang disertai oleh seramai 28 pelumba itu menggunakan sepenuhnya laluan Sukan SEA Ke-20 tahun 1999. Tempat kedua ialah Ariffin Hashim, 1 jam 7 minit 04.22 saat, manakala Abdullah Asgar di tempat ketiga dengan catatan 1 jam 7 minit 58.24 saat.

Setakat ini, kedudukan keseluruhan setelah lima perlumbaan berlalu, Chiang Chiew Lee masih di tangga teratas diikuti oleh Abdullah Asgar, 125 mata; ketiga, Hatnan Haji Buang, 106 mata; keempat, Haji Herman Haji Timbang, 91 mata; keli-

**Oleh
Haji Ahmad HS**

ma, Jaidi Haji Adi, 82 mata dan Arshad Besar masih mengutip 68 mata.

Keputusan perlumbaan pada 24 Jun lalu telah mengubah sedikit kedudukan keseluruhan yang mana

Jaidi Haji Adi mengambil tempat kelima.

Menurut Yang Dipertua PBNBD, sempena Sambutan Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-55 Tahun, perlumbaan jarak jauh atau perlumbaan beramai-ramai akan diadakan penghujung

Julai ini.

Jarak perlumbaan tersebut dianggarkan 160 kilometer yang bermula dari Pekan Belait dan berakhir di Stadium Negara Hassanal Bolkiah, Berakas.

Dari itu, beliau menyeru kepada semua peminat sukan lumba basikal di negara ini supaya memu-

lakan latihan dari sekarang kerana pihak penganjur mungkin akan menyediakan hadiah yang lumayan kepada 10 pelumba teratas di perlumbaan itu nanti.

Katanya, perlumbaan sampingan bagi kanak-kanak 13 tahun ke bawah juga akan diadakan di stadium bagi sama-sama memeriahkan perlumbaan berkenaan.



SYABAS Pelajar ini berjaya lebih dahulu sampai ke garisan penamat dalam acara 800 meter lelaki 'B' di Kejohanan Senaman dan Olahraga bagi sekolah-sekolah rendah kerajaan dan bukan kerajaan Daerah Belait.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan bergambar kenangan bersama para Menteri Tenaga ASEAN sejurus menerima mengadap para menteri itu di Istana Nurul Iman.

Berkenan menerima mengadap Menteri-menteri Tenaga ASEAN

BANDAR SERI BEGAWAN, 5 Julai. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah berkenan menerima mengadap Menteri-menteri Tenaga ASEAN yang berlangsung di Istana Nurul Iman.

Di majlis tersebut, baginda mengalu-alukan

Oleh
Bolhassan HAB

Menteri-menteri Tenaga ASEAN ke Negara Brunei Darussalam. Baginda juga telah disembahkan dengan keputusan-keputusan mesyuarat.

Menteri-menteri Tenaga ASEAN berada di negara ini bagi menghadiri Mesyuarat Ke-19 Menteri Tenaga ASEAN.

Hadir di majlis tersebut

ialah Menteri Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Setia Pahlawan Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Rahman; Setiausaha Tetap Jabatan Perdana Menteri, Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Seri Utama Dato Seri Paduka Haji Awang Yahya dan Setiausaha Tetap Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama, Awang Haji Abdul Rahman bin Haji Ibrahim.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menerima mengadap Pemerintah Tertinggi Angkatan Tentera Diraja Thailand, Jeneral Sampao Choosiri di Istana Nurul Iman.

Kebawah DYMM menerima mengadap Pemerintah Tertinggi Tentera Thailand

BANDAR SERI BEGAWAN, 4 Julai. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah berkenan menerima mengadap Pemerintah Tertinggi Angkatan Tentera Diraja Thailand, Jeneral Sampao Choosiri di Istana Nurul Iman di sini.

Jeneral Sampao Choosiri diiringi oleh Duta Besar Thailand ke negara ini, Tuan Yang Terutama Tuan Thinakorn Kanasuta dan pegawai-pegawai kanan Angkatan Tentera Diraja Thailand.

Turut hadir di Majlis Mengadap itu ialah Penasihat Khas Kebawah Duli Yang Maha Mulia di Jabatan Perdana Menteri

Oleh Aliddin HM

merangkap Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Diraja Dato Laila Utama Haji Awang Isa; Pemerintah Angkatan Bersenjata Diraja Brunei, Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Lela Pahlawan Mejar Jeneral Dato Seri Laila Jasa Haji Awang Mohd. Jaafar; Setiausaha Tetap Jabatan Perdana Menteri, Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Seri Utama Dato Seri Paduka Haji Awang Yahya dan Setiausaha Tetap Kementerian Pertahanan, Dato Paduka Awang Haji Mohd. Alimin.

Al-QURAN UBAT SEGALA PENYAKIT

BERAKAS, 4 Julai. - Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah bersabda, Pertandingan Membaca Ayat-ayat Suci Al-Quran memberikan kesedaran betapa Al-Quran itu tidak boleh diabaikan, sama ada dari segi membacanya mahupun dari segi mengamalkan ajaran-ajarannya.

Sabda Duli Yang Teramat Mulia, membaca Al-Quran bukanlah setakat menggerakkan lidah dan bibir saja, sedangkan hati kita lalai dan masygul dengan perkara-perkara keduniaan.

Oleh itu, tegas Duli Yang Teramat Mulia, membaca Al-Quran itu hendaklah dengan hati yang khusyuk dan jiwa yang bulat kepada Allah, kerana membaca Al-Quran bererti kita berkata-kata dengan kalamullah.

Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota bersabda demikian di Majlis Pertandingan Membaca Ayat-ayat Suci Al-Quran Bahagian Dewasa Peringkat Kebangsaan Tahun 1422 Hijrah/2001 Masihi di Dewan Plenary, Pusat Persidangan Antarabangsa di sini.

"Kita wajib bersyukur kerana telah ditakdirkan menjadi orang Islam, kerana sebagaimana yang kita tahu sebagai orang Islam itu adalah sentiasa terikat dengan Al-Quran dan kita tidak boleh lari dan tidak boleh terpisah daripada Al-Quran tersebut, walaupun hanya untuk satu hari saja," sabda Duli Yang Teramat Mulia.

Duli Yang Teramat Mulia men-

Oleh Abu Bakar HAR

jelaskan, kerana sebagai orang Islam kita diperintahkan untuk bersembahyang sehari semalam sebanyak lima kali dan bukannya sekali dan di dalam sembahyang itu kita wajib dan digalakkan membaca Al-Quran.

Menyentuh mengenai era globalisasi yang penuh dengan berbagai-bagai penyakit dan cabaran ini, Duli Yang Teramat Mulia bersabda, alangkah beruntungnya menjadi orang Islam kerana memiliki Al-Quran yang berperanan besar untuk merawat penyakit-penyakit jiwa yang sedang melanda umat manusia hari ini.

Antara penyakit-penyakit tersebut, sabda Duli Yang Teramat Mulia termasuklah penyakit resah gelisah, penyakit takut, penyakit tamakkan kuasa dan kedudukan, sehingga dengan adanya penyakit-penyakit berkenaan boleh mendorong seseorang melakukan perkara-perkara yang di luar keredaan Allah.

"Al-Quran bukan saja mampu menjana tamadun dan kemajuan umat yang mengamalkannya, bahkan juga menjadi ubat kepada segala penyakit dan rohani mereka, di samping dengan jaminan-Nya jua bahawa orang-orang yang membaca Al-Quran itu tidaklah akan sampai kepada penyakit-penyakit yang merosakkan itu, kerana Al-Quran itu merupakan penawar hati dan perasaan dan inilah kelebihan umat yang memiliki Al-Quran itu," sabda Duli Yang Teramat Mulia.

Oleh itu, sabda Duli Yang Teramat Mulia menyarankan agar meneruskan bersahabat dengan Al-Quran serta meneruskan juga majlis-majlis seperti malam tersebut, sebagai wadah membimbing dan mengasuh umat Islam ke arah pembacaan Al-Quran yang semurnya.

Kibarkan bendera sempena Hari Keputeraan

SEMPENA Sambutan Hari Keputeraan Ke-55 Tahun Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam hendaklah mengibarkan bendera mulai hari Khamis 13 Julai, 2001 hingga hari Selasa 31 Julai, 2001.

Bagi Pengiran-pengiran hendaklah mengibarkan bendera peribadi mereka, orang-orang yang dikurniakan gelaran hendaklah mengibarkan bendera masing-masing dan orang ramai hendaklah mengibarkan bendera Negara Brunei Darussalam.

KEPIMPINAN BAGINDA MEMBAWA RAKYAT KEKAL BAHAGIA

دربیتکن اوله جباتن فرائغن، جباتن فردان منتری دان دجیتق اوله جباتن فرجیتقن کراجان، نگارا برونی دارالسلام.

Diterbitkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dan dicetak oleh Jabatan Percetakan Kerajaan, Negara Brunei Darussalam.

HARI KEPUTERAAN MERUPAKAN MANIFESTASI NEGARA

TANGGAL 15 Julai setiap tahun adalah merupakan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanah Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam. Pada Tahun 2001 ini, genaplah usia baginda ke-55 tahun yang mana sambutan merayakannya akan mula diraikan pada hari Ahad, 15 Julai ini yang tinggal beberapa hari saja lagi. Segala persiapan-persiapan telah diatur dan disusun dengan rapi di seluruh pelusuk tanah air. Sesungguhnya sambutan tersebut merupakan tradisi dan juga sambutan perayaan yang amat bersejarah dalam kehidupan kita berbangsa dan bernegara. Di samping itu juga merupakan salah satu hari-hari kebesaran negara yang amat penting dan besar ertinya.

Dengan rasa tanggungjawab dan komitmen yang padu, sambutan ini melibatkan rakyat di pelbagai peringkat dalam kerajaan. Bagi sama-sama memeriahkan sambutan perayaan itu, setiap jawatan-kuasa yang dibentuk, memainkan peranannya yang lebih aktif. Pelbagai acara dan persembahan yang diadakan semata-mata untuk memenuhi segala yang dihasratkan dan juga merupakan kemuncak perayaan dalam jangka masa satu tahun. Selain dari itu, penglibatan pihak swasta dan orang ramai daripada pelbagai peringkat masyarakat, sudah tentunya akan mewujudkan semangat bekerjasama bagi menandai dan menyemarakkan lagi perayaan tersebut.

Meraikan Hari Keputeraan raja kita yang dikasihi adalah merupakan sebahagian daripada cara kehidupan bangsa kita dan juga bertujuan untuk menyatupadukan masyarakat. Ia sebenarnya lebih daripada sekadar acara gembira ria, tetapi merupakan suatu manifestasi negara yang mempunyai seorang raja yang amat pemedulian dan prihatin terhadap kehidupan, keamanan dan kesejahteraan rakyat dan penduduk yang bernaung di bawah payung baginda.

Penglibatan rakyat di pelbagai peringkat dalam kerajaan sudah tentunya merupakan sebahagian daripada tradisi bersejarah

OLEH MASAZLINNAH HJ. ABDUL MAJID

memperjelaskan lagi kedudukan negara ini sebagai negara beraja.

Oleh yang demikian, walaupun pelbagai acara yang diadakan, semangat serta kesedaran bernegara adalah amat penting kerana kita mempunyai raja yang berdaulat. Kita amat mengharapkan setiap persembahan memberi kesan yang lebih dalam dan bermakna. Kesan yang sedemikian itu memang selayaknya kita harapkan, sebab kita percaya sebahagian daripada kekuatan bangsa kita, ketahanan serta kekukuhannya sepanjang sejarah Negara Brunei Darussalam adalah mendapat tunjangan daripada corak kerajaan dan pemerintahan beraja.

Sesungguhnya taat setia rakyat dan penduduk negara ini tidak berbelah bahagi kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, kerana perayaan seumpama itu berjaya mendatangkan kebajikan dan kesejahteraan yang menyeluruh dan berpanjangan. Di samping itu juga memupuk dan menyuburkan lagi kesegaran suasana negara beraja itu. Segenap lapisan masyarakat, rakyat dan penduduk bumi bertuah ini dapat menikmati kemakmuran, keamanan

Rakyat dan penduduk semuanya terlibat sama ada dalam acara-acara persembahan, membuat persiapan dan sekurang-kurangnya menghadirkan diri bagi sama-sama memeriahkan perayaan berkeajaan. Acara kemuncak bagi perayaan di daerah-daerah ialah Majlis Ramah Mesra Bersama Rakyat yang mana rakyat semua golongan dan peringkat umur datang menjunjung ziarah, beramah mesra dan berinteraksi secara bersemuka bersama baginda. Kesetiaan kepada baginda itu amat ketara di majlis tersebut yang diadakan di setiap daerah di negara ini. Sesungguhnya majlis yang indah permai seumpama itulah yang merupakan satu-satunya manifestasi negara sebenarnya, dalam erti kata lain mengeratkan dan mewujudkan lagi institusi raja dan rakyat yang telah sekian lama tumbuh dan bersemi di bumi Negara Brunei Darussalam.

Rakyat dan penduduk negara ini berpeluang membuktikan semangat bersatu padu dan bekerjasama dalam majlis tersebut serta menumpukan taat setia kepada raja, yang merupakan pemerintah tertinggi di negara ini. Baginda adalah merupakan seorang ketua negara, ketua agama dan ketua adat istiadat yang sentiasa pri-

lian terhadap kebajikan rakyat baginda. Bilamana keberangkatan baginda bercemar duli di keempat-empat daerah menunjukkan kepada kita, betapa kasih dan sayangnya baginda kepada rakyat dan penduduk di negara ini. Justeru itu, kita selaku rakyat dan penduduk hendaklah sentiasa siap siaga dan memberi sokongan padu kepada pimpinan baginda serta membuktikan semangat bekerjasama, di samping menyerlahkan lagi imej Negara Brunei Darussalam di mata dunia antarabangsa sebagai sebuah negara Melayu Islam Beraja yang aman dan makmur.

Bersempena menyambut perayaan tahun ini, seperti tahun-tahun yang sudah dan lazimnya, marilah kita beramai-ramai menghadirkan diri ke masjid-masjid dan surau-sarau untuk sama-sama bersembahyang fardu Maghrib berjemaah, membaca tahlil dan memohon doa kesyukuran sempena Hari Keputeraan Baginda Ke-55 Tahun. Semoga Allah melanjutkan usia baginda dan memberkati hasrat murni baginda untuk membangun negara dan berjaya membawa negara ke mercu kegemilangan. Maka sebagai rakyat dan penduduk, kita perlu mendukung serta bersemangat padu memberikan kerjasama dan komitmen sepenuhnya kepada kerajaan baginda dalam mempertingkatkan lagi kemajuan negara. Daulat Kebawah



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanah Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menerima junjung ziarah pelbagai lapisan masyarakat yang hadir di Majlis Ramah Mesra Bersama Rakyat yang diadakan setiap tahun sempena sambutan Hari Keputeraan baginda. Kegembiraan jelas terpancar di wajah baginda di mana sahaja baginda berpeluang menemui rakyat dan penduduk negara ini.

MERAIKAN Hari Keputeraan raja kita yang dikasihi adalah merupakan sebahagian daripada cara kehidupan bangsa kita dan juga bertujuan untuk menyatupadukan masyarakat. Ia sebenarnya lebih daripada sekadar acara gembira ria, tetapi merupakan suatu manifestasi negara yang mempunyai seorang raja yang amat pemedulian dan prihatin terhadap kehidupan, keamanan dan kesejahteraan rakyat dan penduduk yang bernaung di bawah payung baginda.



DATANGLAH BERAMAI-RAMAI KE MASJID-MASJID

SEMBAHYANG fardu Maghrib berjemaah, membaca tahlil dan doa kesyukuran sempena Sambutan Perayaan Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-55 Tahun, akan diadakan pada hari Sabtu malam Ahad, 22 Rabiulakhir, 1422 bersamaan dengan 14 Julai, 2001 bermula jam 6.00 petang, dengan penumpuan di masjid-masjid utama seperti berikut dan juga di seluruh masjid dan balai ibadat di Negara Brunei Darussalam:-

DAERAH BRUNEI DAN MUARA

1. Jame' 'Asr Hassanil Bolkiah, Kiarong;
2. Masjid Omar 'Ali Saifuddien, Bandar Seri Begawan;
3. Masjid Al-Ameerah Al-Hajjah Maryam, Kampong Jerudong;
4. Masjid Setia Ali, Pekan Muara;
5. Masjid Sharif Ali, Sengkurong;
6. Masjid Al-Muhtadee Billah, Sungai Kebun;
7. Masjid Mohamed Bolkiah, Serusop;
8. Masjid Kampong Perpindahan Lambak Kanan.

DAERAH BELAIT

1. Masjid Mohammad Jamalul Alam, Kuala Belait;
2. Masjid Pekan Seria;
3. Masjid Perpindahan Kampong Pandan, Kuala Belait.

DAERAH TUTONG

1. Masjid Hassanal Bolkiah, Pekan Tutong.

DAERAH TEMBURONG

1. Masjid Utama Mohd. Salleh, Pekan Bangar.

Pegawai-pegawai dan kakitangan kerajaan serta orang ramai adalah diharapkan dan dialu-alukan untuk bersama-sama hadir ke masjid-masjid utama tersebut di atas khususnya di Jame' 'Asr Hassanil Bolkiah, Kiarong bagi bersama-sama meramaikan dan memberkati sambutan Perayaan Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-55 Tahun pada tahun ini.

وقت ۲ سمبلیغ باکی دایره توتوغ دتمبه ساتو مینیت دان دایره بلایت دتمبه تیگ مینیت، سمبلیغ فرض جمعة (سلورو تکارا پرولی دار السلام دمولای دری فوکل 12.45 تفاری.

Bismillah, Walhamdulillah Wassalatu Wassalamu 'Ala Rasulillah, Wa'ala Aalihie Wasahbihi Waman Walah.

SEMBAHYANG fardu lima waktu sehari semalam wajib dikerjakan. Ganjaran dan fadilatnya adalah amat besar sekali. Demikian juga sebaliknya, meninggalkan sembahyang itu akan dibalas dan dihukum dengan hukuman yang sangat berat.

Sembahyang itu adalah merupakan tiang agama. Sembahyang juga merupakan kepala bagi segala pendekatan diri kepada Allah Subhanahu Wataala dan awal permulaan bagi ketaatan hamba terhadap Tuhannya.

Banyak terdapat di dalam Al-Quran dan hadis Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam yang menyatakan hikmat dan kelebihan sembahyang lima waktu itu. Seperti mana juga banyak peringatan yang mengancam tentang sesiapa yang lalai atau lalai mengerjakan sembahyang, lebih-lebih lagi yang meninggalkannya.

Kelebihan dan hikmat mendirikan sembahyang itu di antaranya ialah:

i. Dapat menghindarkan diri seseorang daripada melakukan kejahatan dan kemungkaran.

ii. Boleh menghapuskan dosa, sebagaimana air menghilangkan kotoran.

iii. Sesiapa menjaga sembahyang lima waktu dengan sempurna taha-rahnya dan menjaga waktu-waktu sembahyang, maka baginya cahaya dan kejayaan pada Hari Kiamat kelak. Tetapi jika sebaliknya nescaya berhimpunlah dia pada Hari Kiamat bersama-sama Qarun, Firaun, Haman dan Ubai bin Khalaf.

iv. Sembahyang adalah merupakan kunci Syurga.

v. Allah Subhanahu Wataala berjanji untuk memasukkan ke Syurga terhadap hamba-Nya yang mengerjakan sembahyang lima waktu yang tidak melalaikan atau meringan-ringankannya.

Sementara orang yang meninggalkannya pula adalah berdosa besar serta mendapat balasan dan hukuman yang sangat

SEMPAHIYANG ORANG SAKIT

Bilangan 123
Bahagian Pertama

berat, sebagaimana firman Allah Subhanahu Wataala yang tafsirnya:

"(Setelah melihat orang-orang yang bersalah itu, mereka berkata):Apakah yang menyebabkan kamu masuk ke dalam Neraka Saqar?" Orang-orang yang bersalah itu menjawab: "Kami tidak termasuk dalam kumpulan orang-orang yang mengerjakan sembahyang." (Surah Al-Muddatssir: 42-43)

Bagi orang yang lalai pula Allah Subhanahu Wataala berfirman yang tafsirnya:

"(Kalau orang yang demikian dikira dari bilangan orang-orang yang mendustakan agama), maka kecelakaan besar bagi orang-orang ahli sembahyang, (iaitu) me-

reka yang berkeadaan lalai daripada menyempurnakan sembahyangnya." (Surah Al-Ma'un: 4-5).

Oleh yang demikian, janganlah sekali-kali diabaikan kewajipan sembahyang itu. Kerana ia merupakan unsur asas kekuhan agama, apabila hilang unsur asas ini nescaya akan binasalah agama.

Tuntutan menunaikan sembahyang itu adalah berterusan selama mana akal fikiran sedar dan waras sekalipun dalam keadaan sakit, tidak ada ke-longgaran untuk meninggalkannya. Maka berhubung dengan perkara ini, persoalan yang ingin kita jelaskan di sini ialah bagaimana cara orang sakit mengerjakan sembahyang.

SEMPAHIYANG ORANG SAKIT

Orang yang sakit tidak terlepas daripada tuntutan wajib sembahyang fardu. Dia tetap dituntut mengerjakannya dengan apa jua yang terdaya olehnya tanpa meninggalkan sebarang rukun fi'li sembahyang kecuali dalam keuzuran. Mengenai gambaran keuzuran itu akan dijelaskan berikut ini.

TIDAK BERDAYA UNTUK BERDIRI

Berdiri dalam sembahyang fardu itu adalah salah satu rukun sembahyang yang mesti dilakukan. Akan tetapi jika seorang mukallaf itu tidak berdaya untuk berdiri maka haruslah dia bersembahyang duduk. Manakala yang tidak berdaya duduk dan berdiri maka haruslah dia bersembahyang secara baring. Sebagaimana sabda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wa-

sallam yang maksudnya:

"Sembahyanglah dengan cara berdiri, jika engkau tidak berdaya maka dengan cara duduk, dan jika engkau tidak berdaya (dengan cara duduk) maka dengan cara berbaring (sembahyang merusuk)." (Hadis riwayat Bukhari).

Apabila seseorang mukallaf itu tidak berdaya sembahyang berdiri disebabkan keuzuran yang bersangkutan, seperti mengalami masyaqqah (kesukaran), takut menambahkan lagi kesakitan jika dia berdiri, takut tenggelam apabila berdiri di atas perahu, takut jatuh kerana pening kepala atau seumpamanya, maka haruslah dia bersembahyang duduk, sebagaimana sabda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam di atas.

Orang sakit yang tidak berdaya sembahyang ber-



IRSYAD HUKUM

DARI JABATAN MUFTI KERAJAAN
JABATAN PERDANA MENTERI
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

Website: WWW.brunet.bn/gov/mufti

E-mail : mufti@brunet.bn

Fatwa@brunet.bn

diri itu tidak perlu lagi mengulangi semula sembahyang tersebut sesudah hilang keuzuran dan masyaqqahnya selepas itu. Mengenai pahala bagi orang sakit itu tidaklah berkurangan, bahkan sama saja pahalanya jika dia sembahyang berdiri. Sebagaimana sabda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam yang maksudnya:

"Apabila seseorang itu sakit atau musafir, maka ditulis baginya (pahala) sama seperti apa yang dikerjakannya sewaktu bermukim dan semasa sihat." (Hadis riwayat Bukhari).

SEMPAHIYANG SUNAT TANPA BERDIRI

Namun dalam soal berdiri ini, para fuqaha tidak berselisih pendapat mengenai keharusan sembahyang sunat dilakukan

dalam keadaan duduk, walaupun orang itu berdaya untuk berdiri. Walaupun begitu sembahyang sunat dengan berdiri itu adalah lebih afdal dan mendapat pahala yang besar berbanding dengan sembahyang duduk atau berbaring. Sebagaimana sabda Rasulullah Sallallahu Alaihi wasallam yang maksudnya:

"Sesiapa yang sembahyang berdiri, maka itulah yang lebih utama. Dan sesiapa yang sembahyang duduk, maka baginya separuh pahala daripada pahala sembahyang berdiri. Dan sesiapa yang sembahyang tidur (berbaring merusuk), maka baginya separuh pahala daripada sembahyang duduk." (Hadis riwayat Bukhari).

Bersambung

AGAMA Islam amat menganjurkan kepada umatnya agar sentiasa berbuat kebaikan dan kebajikan, baik terhadap sesama manusia malah juga terhadap binatang dan juga tumbuh-tumbuhan.

Allah Subhanahu Wataala juga telah mengurniakan kepada kita manusia dengan kelebihan akal dan hati. Maka dengan kelebihan inilah kita dapat merasakan kesenangan, kesesahan, bahagia, derita dan sebagainya.

Dan umat manusia itu pula tidak dapat lari daripada kehidupan bermasyarakat. Di dalam masyarakat ini termasuklah jiran tetangga, hidup berjiran ini penting kerana manusia itu tidak akan mampu hidup bersendirian dan manusia itu juga saling memerlukan di antara satu sama lain bagi memenuhi keperluan masing-masing.

Siapa yang dimaksudkan dengan jiran tetangga

itu bolehlah kita sifatkan sebagai orang-orang yang tinggal bersebelahan dengan rumah, bersebelahan kampung, daerah malahan lebih besar daripada itu ia itu jiran yang bersebelahan dengan negara kita.

Agama Islam memerintahkan agar para penganutnya menjaga dan menghormati perasaan jiran tetangga. Ini kerana jiran itu adalah mereka yang paling hampir dengan kita selain daripada saudara-mara kita sendiri, walaupun mereka itu langsung tiada pertalian darah ataupun mereka itu berbeza pegangan dan agama.

Allah Subhanahu Wataala berfirman dalam Surah An-Nisa' ayat 36 yang bermaksud: "Dan hendaklah kamu beribadat kepada Allah dan janganlah kamu sekutukan Dia dengan sesuatu apa jua; dan hendaklah kamu berbuat baik kepada kedua ibu bapa, dan kaum kerabat, dan anak-anak yatim, dan orang-orang miskin, dan jiran tetangga yang

Menjaga hati jiran tetangga

dekat, dan jiran tetangga yang jauh."

Sabda Baginda Sallallahu Alaihi Wasallam yang diriwayatkan oleh Al-Imam Muslim dari Abu Syuraih Al-Khuzai Radiallahuanhu maksudnya: "Barang siapa beriman kepada Allah dan Hari Akhirat (Kiamat), maka hendaklah ia berbuat baik kepada jiran tetangganya."

Menyakiti hati dan perasaan jiran adalah satu perbuatan yang dicela Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam kerana akibat perbuatan itu boleh menyebabkan perasaan saling membenci, dendam, iri hati dan sebagainya timbul, sedangkan perasaan-perasaan sedemikian itu adalah dilarang di dalam agama Islam sebagaimana terdapat di dalam hadis yang diriwayatkan oleh Al-Imam Muslim daripada Anas bin

Malik Radiallahuanhu bahawa Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda yang maksudnya: "Janganlah kamu saling membenci, janganlah kamu saling dengki-mendengki dan janganlah kamu saling bermusuhan dan jadilah kamu hamba Allah yang bersaudara. Tidak halal bagi seorang Muslim menjauhi saudaranya (sesama Muslim) lebih dari tiga hari."

Apa yang sepatutnya berlaku ialah agar kita umat muslimin ini bersifat lembut dan berkasih sayang terhadap saudara-saudara sesama dengan hadis yang diriwayatkan oleh Al-Imam Bukhari dari Nu'man bin Basyeer Radiallahuanhu, Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda yang maksudnya: "Engkau melihat orang-orang Mukmin dalam kasih



Menuju Keredaan Allah

كلوان ثورة دعوه اسلاميه

sayangnya dan kecintaannya dalam tolong-menolongnya seperti tubuh, yang jika sakit satu anggota tubuh itu lalu menyebabkan semua anggota tubuhnya tidak tidur (kerana sakit)."

Akan tetapi apabila jiran tetangga kita itu bukan beragama Islam, kita juga seharusnya menghormati mereka agar timbul juga nanti perasaan yang serupa terhadap kita. Sebagaimana dalam hadis yang diriwayatkan oleh Al-Imam At-

Tabarani daripada Mu'awiyah bin Haidah Radiallahuanhu katanya: Aku telah bertanya kepada Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam: "Ya Rasulullah! Apakah hak jirananku?" Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam pun bersabda: Jika beliau sakit hendaklah kamu menjaruhinya, jika beliau meninggal dunia, hendaklah kamu menghantar jenazahnya ke kubur. Jika beliau meninggal hendaklah memberikan hujung kepadanya, jika beliau me-

lakukan keburukan hendaklah kamu menutup keburukannya dan jika beliau ditimpa oleh sesuatu musibah hendaklah memberikan takiah kepadanya. Janganlah meninggalkan bangunan kamu lebih tinggi dari bangunanmu lalu menyebabkan angin terhalang masuk ke dalam rumahnya. Janganlah menyakiti nyawa dengan bau masakan kamu melainkan kamu memberikannya sedikit dari masakan kamu."



SETIAUSAHA Tetap Kementerian Hal Ehwal Ugama, Pengiran Dato Paduka Haji Y. usof bin Pengiran. Kula ketika menyampaikan hadiah terbaik kepada seorang rekrut yang terpilih daripada pengambilan rekrut lelaki Ke-144. Majlis berlangsung di Penanjong Kem. - Gambar oleh Hamadi HM.



PEMERINTAH Angkatan Bersenjata Diraja Brunei, Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Lela Pahlawan Mejar Jeneral Dato Seri Laila Jasa Haji Awang Mohd. Jaafar bin Haji Abdul Aziz menyematkan lencana kepada pegawai kadet baru. - Gambar oleh Hamadi HM.

Jangan lalai menjaga keselamatan negara

Oleh Abdullah Asgar

TUTONG, 29 Jun. - Pegawai-pegawai baru dan rekrut terlatih yang baru menamatkan latihan asas mereka sebagai seorang tentera di dalam Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB) dinasihati supaya memanfaatkan dan menggunakan sebaiknya segala panduan asas dalam menjalankan tugas yang dipertanggungjawabkan ketika mula bertugas nanti.

Tetapi adalah mustahak bagi mereka sekalian berusaha lagi dalam meningkatkan pengetahuan, kemahiran serta kefahaman yang berterusan seiring dengan perkembangan dan keadaan semasa.

Peringatan tersebut dilahirkan oleh Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Ugama, Pengiran Dato Paduka Haji Yusof bin Pengiran Kula ketika berucap di Perbarisan Tamat Latihan Rekrut Lelaki Pengambilan Ke-114 di Penanjong Kem di sini.

Jelasnya, perlulah diingat bersama arus permodenan negara melalui kemajuan sains dan teknologi serta era globalisasi serta telah banyak berubah.

"Perubahan ini tidak bermakna semuanya akan membahayakan kebaikan tetapi perlu diingat akan kesan-kesan sampingan lain yang negatif seperti gejala sosial dan kegiatan anti Islam yang boleh meracuni rohani dan jasmmani serta sekali gus boleh mengancam akan kestabilan

negara," kata Pengiran Dato Paduka.

Menurutnya, beringat dan berwaspada bahawa di tengah-tengah keadaan aman tenteram dan sejahtera, yang dinikmati ketika ini, seharusnya janganlah mereka sekalian lalai dan mudah terpengaruh serta terikut-ikut kepada perkembangan, trend dan kegiatan yang kurang sihat atau budaya negatif yang tidak senonoh.

Kerana katanya, budaya negatif tersebut boleh menjuruskan kepada kerugian dan kebinasaan, di samping boleh menjadikan kita semua lalai dalam menjalankan tugas dan tanggungjawab.

"Jauhilah gejala sosial dengan berpegang teguh disiplin tentera yang telah ditanamkan ke dalam diri kamu masing-masing, di samping menguatkan keimanan dengan sentiasa mengingati Allah agar ianya akan dapat menjadikan diri kamu seorang tentera yang cekap, produktif dan beriman serta menepati tahap kematangan dan kemahiran yang tinggi," tegas beliau selanjutnya.

Ujarnya, bagi rekrut yang beragama Islam janganlah melakukan perkara yang mungkar yang bertentangan dengan Islam, perlembagaan, undang-undang dan peraturan negara.

Ini kerana tambahnya, tempoh perjalanan dan perjuangan mereka sebagai angkatan tentera masih jauh dan lama, maka kuatkan dan tingkatkanlah pengetahuan, kefahaman dan penghayatan agama Islam supaya mereka sentiasa mendapat perlindungan dan keredaan Allah jua.

Seramai 150 orang rekrut baru menamatkan latihan asas mereka termasuk 17 orang bakal pegawai kadet, enam orang daripadanya merupakan Pegawai Kadet Wanita.

Tetamu kehormat juga menyampaikan hadiah-hadiah terbaik kepada rekrut yang terpilih. Bagi rekrut lelaki terbaik ialah Mohd. Zaki Liadin, penembak rifle M16 terbaik, Usmarizal Usin; terbaik 'heavy barrel automatic rifle', Soffyhairol bin Haji Abdul Momin dan terbaik bagi latihan jasmani ialah Suhyini Silim.

Bagi Pegawai-pegawai Kadet Lelaki dan Wanita penyematan lencana mereka diadakan di Mes Pegawai Penanjong Kem oleh Pemerintah ABDB, Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Lela Pahlawan Mejar Jeneral Dato Seri Laila Jasa Haji Awang Mohd. Jaafar bin Haji Abdul Aziz.

Jauhilah gejala sosial dengan berpegang teguh disiplin tentera yang telah ditanamkan ke dalam diri kamu masing-masing, di samping menguatkan keimanan dengan sentiasa mengingati Allah agar ianya akan dapat menjadikan diri kamu seorang tentera yang cekap, produktif dan beriman serta menepati tahap kematangan dan kemahiran yang tinggi.

KOMPENI ASKAR WANITA CAPAI USIA 20 TAHUN

BERAKAS, 29 Jun. - Kompeni Askar Wanita (KAW), Angkatan Tentera Perkhidmatan Bersenjata Diraja Brunei, kini telah menjangkau usianya ke-20 tahun. Dalam usia tersebut kompeni berkenaan telah dianggotai seramai 725 orang dalam semua peringkat.

Sempena ulang tahun penubuhannya itu, kompeni berkenaan mengadakan majlis sambutan yang diselenggarakan dengan pelancaran buku kenangan sempena 20 tahun tertubuhnya Kompeni Askar Wanita.

Di majlis yang berlangsung di Dewan Gerak Badan, Berakas Garison di sini, Pegawai Pemerintah, Kompeni Askar Wanita, Hajah Maimun binti Mat Yassin menjelaskan, Kompeni Askar Wanita dianggotai oleh seramai 39 orang Pegawai tidak termasuk Pegawai-pegawai Kadet dan 686 lain-lain peringkat yang kesemuanya terdiri daripada anak tempatan.

"Dari segi latihan terutama latihan asas rekrut, ianya telah diambil alih sepenuhnya oleh Kompeni Rekrut Pusat Latihan Angkatan Bersenjata Diraja Brunei.

Begitu juga bagi ujian-ujian asas ketenteraan kini di kendalikan sepenuhnya oleh unit-unit di mana anggota-anggota wanita ditugaskan. Walau bagaimanapun Markas Kompeni Askar Wanita masih mengendalikan latihan-latihan ulang kaji bagi ahli-ahli tetap yang mana sangatlah berfaedah bagi mereka yang mengahdirinya," jelasnya semasa memberikan kata alu-aluan di majlis itu.

Oleh Siti Muslihat HS

Sementara itu, dalam hal pertukangan dan pekerjaan pula katanya, Kompeni Askar Wanita adalah sebuah unit membantu selaras dengan tujuan penubuhannya.

"Anggota-anggota wanita kini telah berkecimpung dalam 28 jenis pertukangan berbanding dengan hanya enam pertukangan pada tahun 1982.

Dengan keramaian 725 orang semua peringkat, Kompeni Askar Wanita telah membuktikan kewujudannya sebagai unit yang mampu menjalankan sebahagian tugas-tugas atau pertukangan yang dahulunya hanya dilakukan oleh anggota-anggota lelaki," jelasnya lagi.

Majlis sambutan diselenggarakan dengan pelancaran buku perkembangan dan pencapaian kompeni berkenaan dalam tempoh 20 tahun penubuhannya, yang mana penerbitan buku tersebut diharap akan dapat dijadikan bahan rujukan dan kenangan khusus buat semua anggota wanita Angkatan Bersenjata Diraja Brunei.

Tetamu kehormat di majlis itu ialah Pemerintah Angkatan Tentera Perkhidmatan Bersenjata Diraja Brunei, Yang Dimuliakan Pehin Datu Inderasugara Kolonel Haji Awang Mohammad Yusof bin Abu Bakar yang seterusnya melancarkan buku berkenaan.

Hiasan muka depan buku berkenaan direka oleh

20412 Koperal Sariani Khairunnisa binti Abdullah @ Sariani binti Sirul dari Bahagian Pergigian, Kompeni Askar Wanita Penanjong Garison.



PEMERINTAH Angkatan Tentera Perkhidmatan Bersenjata Diraja Brunei, Yang Dimuliakan Pehin Datu Inderasugara Kolonel Haji Awang Mohammad Yusof bin Abu Bakar ketika menyampaikan cenderamata kepada 20412 Koperal Sariani Khairunnisa binti Abdullah yang telah mencipta hiasan muka depan buku perkembangan dan pencapaian Kompeni Askar Wanita sempena 20 tahun penubuhannya. - Gambar oleh Ramli Tengah.

MINDA PEMBACA MINDA PEMBACA MINDA PEMBACA

Perpaduan lambang kesejahteraan negara

NEGARA kita tercinta, Negara Brunei Darussalam, merupakan negara Melayu Islam Beraja (MIB). Konsep MIB ini merupakan falsafah negara kita yang melambangkan sebuah negara yang menjadikannya bahasa Melayu dan agama Islam sebagai bahasa dan agama rasmi negara, serta beraja yang membawa erti negara kita adalah di bawah naungan seorang pemerintah yang berdaulat dan dihormati oleh seluruh rakyat. Jadi, sesuai bagi kita untuk mengatakan bahawa falsafah inilah yang membentuk identiti negara kita.

Sebagai sebuah negara yang beridentiti Melayu Islam Beraja, kita harus sedar, kewujudan negara kita berpandukan ketiga-tiga konsep tersebut. Menyentuh mengenai konsep beraja dan bagaimana ia boleh menyelaraskan kepada manifestasi negara kita. Selain satu daripada kegiatan beraja yang diadakan di negara kita ialah sambutan Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia. Setiap tahun, menjelang 15 Julai, seluruh rakyat akan turut serta meraikan dan memeriahkan sambutan besar-besaran hari keputeraan raja yang dikasihi.

Rakyat dikehendaki mengibarkan bendera Negara Brunei Darussalam di luar rumah mereka sebagai tanda taat setia kepada baginda. Anak-anak sekolah tidak ketinggalan untuk ikut serta dalam acara sambutan di

padang dan juga acara perarakan di jalan raya. Ini semua menandakan bahawa seluruh rakyat hormat dan kasih kepada pemerintah mereka dan perasaan inilah yang merupakan manifestasi negara.

Di samping itu, beberapa minggu sebelum hari keputeraan menjelang, radio dan televisyen berulang kali memenayangkan dan memainkan lagu-lagu Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia. Ini setentunya membangkitkan kesedaran di kalangan rakyat bahawa sebuah acara besar-besaran akan berlangsung dan seluruh rakyat dari segenap pelusuk bumi Negara Brunei Darussalam akan sama-sama ikut serta dalam acara tersebut. Ini akan mewujudkan rasa bersatu padu antara satu sama lain kerana walau sesiapa pun jua, sama ada dari Brunei-Muara, Tutong, Belait dan Temburong, kita mengetahui bahawa kita berada di bawah naungan seorang pemerintah yang sentiasa memementingkan kesejahteraan negara dan kebahagiaan rakyatnya.

Persepaduan dan kesetiaan ini akan ditambah lagi apabila Kebawah Duli Yang Maha Mulia berkenan berangkat bercemar duli dalam Majlis Ramah Mesra Bersama Rakyat sempena Hari Keputeraan baginda. Setiap tahun kita lihat, rakyat berduyun-duyun untuk beramah mesra dengan baginda. Ini membuktikan bahawa semangat patriotik sudah tertanam di dalam jiwa rakyat yang akan sanggup berbuat apa saja demi raja dan negara yang tercinta. Dengan sistem pemerintahan beraja yang berterusan dijalankan di negara kita, ia akan membawa kepada perpaduan di kalangan rakyat. Inilah ciri yang amat diperlukan untuk membina sebuah negara yang mempunyai bangsa yang maju dan negara yang sejahtera.

Siti Zuliana binti Haji Masri,
No 12, Simpang 59, Kampong Serasa,
Muara, BT 1728.
No. k/p: 297670

TAJUK-TAJUK MINDA PEMBACA AKAN DATANG

1. 'Perayaan Hari Keputeraan Kebawah DYMM Wujudkan Perpaduan dan Kerjasama'. Tarikh tutup 14 Julai, 2001.
2. 'E-Pelajaran - Kemudahan Terkini dan Pemangkin Budaya'. Tarikh tutup 21 Julai, 2001.
3. 'ASEAN Mengharungi Cabaran Abad 21'. Tarikh tutup 28 Julai, 2001.

Pendapat awda hendaklah ditaja jarak langkah dua baris dan panjang pendapat awda mestilah antara 300 hingga 500 patah perkataan. Nama penuh, nombor kad pengenalan, alamat lengkap dan nombor telefon jika ada hendaklah disertakan dan hendaklah dihantar kepada :

Sidang Penyunting,
Minda Pembaca,
Unit Pelita Brunei,
Jabatan Penerangan,
Lapangan Terbang Lama, Berakas,
Bandar Seri Begawan, BB 3510,
Negara Brunei Darussalam.

<http://www.brunet.bn/news/pelita/pelita1.htm>
email: pelita@brunet.bn

MINDA yang terpilih minggu ini dari tajuk yang telah kami kemukakan iaitu 'Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Merupakan Manifestasi Negara'. Mereka akan menerima hadiah sebanyak \$40.00. Pendapat yang berjaya itu adalah seperti berikut :

15 Julai tarikh penuh gemilang

KEDATANGAN 15 Julai adalah tarikh yang penuh gilang-gemilang bagi Negara Brunei Darussalam sejak 55 tahun yang lalu di mana pada tarikh itulah Kebawah Duli Yang

Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanali Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam diputerakan. Dan setentunya kedatangan-

an tarikh ini akan disambut dengan penuh meriah pada setiap tahun.

Pihak kerajaan yang dibantu dengan pelbagai kelompok masyarakat sama-sama mencari buah

fikiran untuk mempelbagaikan acara-acara untuk disambut dan akan diselenggarakan untuk memenuhi kegemilangan tarikh tersebut.

Antara acara-acara yang akan diadakan setiap tahun ialah Sembahyang Fardu Maghrib dan Isyak berjemaah, Membaca Surah Yaasin dan Doa Kesyukuran yang diadakan di kesemua masjid, surau dan balai ibadat di seluruh negara. Barisan kehormatan di Tandan Haji Sir Muda Omar 'Ali Saifuddin di ibu negara, Istiadat Mengadap dan Mengurniakan Bintang-Bintang Kebesaran Negara Brunei Darussalam di Istana Nurul Iman.

Acara-acara lain yang akan disambut sempena hari keputeraan ini juga adalah seperti pertandingan kanak-kanak sihat, pertandingan lampu cucuk, pertandingan kebersihan dan landskap, pertandingan bintang keputeraan, perlumbaan berbasikal, lumba perahu, pertandingan memasak dan kraf tangan, peraduan memancing dan sebagainya.

Acara-acara yang telah disediakan oleh pihak kerajaan dan juga setiap kelompok masyarakat ini bukan sahaja untuk memeriah-

kan suasana hari gemilang itu, bahkan juga untuk menarik perhatian dan minat rakyat asing sama ada yang bekerja di negara ini ataupun untuk melancang dan menjadikan tarikh itu salah satu kenangan manis mereka selama berada di Negara Brunei Darussalam. Tambahan lagi pada tahun 2001 ini adalah bertepatan dengan Tahun Melawat Brunei.

Sesungguhnya setiap 15 Julai, segenap lapisan rakyat Negara Brunei Darussalam akan merayakan hari keputeraan baginda. Bandar Seri Begawan akan bermandikan cahaya lampu-lampu neon yang beraneka warna, dihiasi dengan pintu-pintu gerbang serta persembahan pentas diadakan di kawasan letak kereta berhadapan Bangunan Alat Kebesaran Diraja di ibu negara. Begitu juga di daerah-daerah yang lain, rakyat dan penduduk daerah tersebut akan turut mengadakan acara sambutan Hari Keputeraan baginda, dengan acara dan persembahan yang tersendiri.

Fatin Nurhaifa binti Abdullah Payong,
C1, Berek Polis
Lamunin, TG 2343,
Tutong.
No. k/p: 280430

Hari Keputeraan KDYMM merupakan manifestasi negara

BAGI Negara Brunei Darussalam, 15 Julai adalah merupakan hari yang amat bermakna kerana hari itu adalah Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanali Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Setiap tahun hari keputeraan baginda akan disambut dengan pelbagai acara dan aktiviti bagi mendekatkan lagi kedua-dua belah pihak, dan sambutan yang berlangsung setiap tahun inilah yang dapat membuktikan bahawa di bawah pimpinan baginda negara kita walaupun kecil, kaya dan

aman makmur serta menjadi tempat bagi rakyat untuk bernaung dan berlindung.

Bumi bertuah ini semakin makmur dan dapat memberi kesenangan dan kejayaan kepada setiap rakyatnya serta banyak memberi peluang kepada rakyat untuk sama-sama memainkan peranan dalam membangun dan menstabilkan lagi keadaan ekonomi negara kita.

Baginda telah memerintah dan memimpin Negara Brunei Darussalam dengan adil dan bijaksana dan dengan adanya sifat inilah, negara dapat berkembang menjadi sebuah negara yang semakin maju dan di-

segani di kalangan masyarakat antarabangsa.

Jelas terbukti bahawa baginda merupakan seorang raja yang berdaulat, berkarisma serta berwibawa. Baginda telah dapat menjamin keutuhan dan kemantapan Negara Brunei Darussalam yang kini menjadi sebutan bukan saja di rantau ini, malah di peringkat antarabangsa.

Telah tersebar ke seluruh pelusuk dunia, bahawa Negara Brunei Darussalam adalah merupakan sebuah negara yang aman, sejahtera dan berajaikan seorang sultan yang dipandang tinggi dan berkarisma.

Pada setiap 15 Julai, diadakan sambutan secara

besar-besaran dan meriah di keempat-empat daerah bagi menunjukkan betapa baginda mendapat tempat di hati setiap rakyat. Dengan adanya sambutan seperti itu dipatlah raja dan rakyat beramah mesra dan saling berinteraksi antara satu sama lain.

Secara tidak langsung, sambutan hari keputeraan juga menunjukkan bahawa negara yang di bawah pimpinan baginda adalah merupakan sebuah negara maju dan sedang berkembang pesat seiring dengan negara-negara yang lain.

15 Julai merupakan cuti awam bagi Negara Brunei Darussalam. Setiap rakyat memanjangkan doa agar baginda sentiasa

BERAKAS, 30 Jun. - Siri Taklimat Penerangan anjuran Bahagian Hubungan Kemasyarakatan, Jabatan Penerangan bertujuan bagi menyediakan wadah (platform) kepada rakyat dan penduduk negara ini mendapatkan pelbagai maklumat, di samping berpeluang mengadakan perbincangan secara terbuka mengenai pelbagai isu melibatkan kepentingan orang ramai.

Pengarah Penerangan, Abd. Ghani Pg. Hj. Metusin berkata demikian ketika Siri Taklimat Penerangan Bagi Pengusaha-pengusaha Kolam Air Tawar Majlis Perundingan Mukim Amo dan Majlis Perundingan Mukim Bokok Daerah Temburong bertempat di Bilik Persidangan Pehin Orang Kaya Shahbandar di sini.

"Melalui cara perundingan dan permuzakarah seumpama inilah yang akan me-

wujudkan suasana aman dan persefahaman di antara kerajaan dan rakyat. Melalui perundingan seumpama ini jugalah akan membantu mengekalkan perpaduan di kalangan semua lapisan rakyat dan penduduk di negara ini," tegas Abd. Ghani.

Beliau menambah, tidak dapat dinafikan bahawa perpaduan dalam menangani sesuatu isu itu adalah formula yang dapat membawa kepada kejayaan yang menyumbang kepada keharmonian dan kemakmuran negara.

Di majlis itu, Pengarah Penerangan juga berharap agar para peserta tersebut akan dapat memanfaatkan taklimat dari Jabatan Perikanan dan Jabatan Tanah serta lawatan ke Tapak Perusahaan Ternakan Udang Asialati di Kampong Telisai, Tutong.

Juga hadir di majlis itu ialah Timbalan Pengarah Penerangan, Awang Haji Mohd. Salleh bin Abdul Latif serta pegawai-pegawai kanan Jabatan Penerangan.

Sementara itu pegawai-pegawai dari Jabatan Perikanan, Awang Haji Abdul Razid bin Haji Metali dan Awang Haji Ibrahim bin Haji Momin ketika memberikan taklimat antara lain menerangkan bahawa pemeliharaan ikan air tawar sudah bermula sekitar tahun 60-an, sementara pemeliharaan ikan air laut dan kupang hijau pula sekitar tahun 80-an, manakala pemeliharaan ikan dalam sangkar dan udang dalam kolam bermula pada tahun 90-an.

Bagi mengembangkan industri akuakultur itu, pihak kerajaan menyediakan keperluan-keperluan asas seperti lesen, surat kebenaran, tapak kawasan untuk disewa, kepakaran teknikal, bekalan benih-benih ikan, pemprosesan dan pemasaran.

Pada peringkat permulaan, seluas empat hektar bagi kolam dan 0.2 hektar bagi sangkar diberikan kepada pengusaha, manakala tambahan kawasan akan diberikan selepas operasi peringkat awal berjaya dimajukan.

Ketika ini, seluas 142 hektar kawasan telah diusahakan bagi pemeliharaan udang, seluas 50 hektar kawasan bagi pemeliharaan ikan air laut dalam sangkar, manakala

Oleh
Sahari Akim

lebih kurang 15 hektar lagi diusahakan bagi kolam kultur air tawar.

Pemangku Penolong Pesuruhjaya Tanah, Awang Rahmat bin Haji Jaafar dalam taklimatnya pula antara lain menerangkan mengenai Akta Hakmilik Tanah Strata 1999 dan Akta Pemaju yang akan diperkenalkan dan masih dalam penelitian dan kelulusan.

Beliau dalam taklimatnya juga menyentuh mengenai dasar dan polisi tanah, garis pandu mengenai tatacara dan proses permohonan tanah, garis pandu pelaburan dalam sektor hartanah di samping menerima pandangan dan cadangan ke arah pembaikan tatacara dan prosedur permohonan tanah.

Menyentuh mengenai cara mendapatkan tanah untuk kegiatan pertanian dan ternakan, beliau menerangkan lazimnya para pengusaha menggunakan beberapa kaedah seperti melalui pembelian, penyewaan dan pemajakan tanah persendirian, tanah kerajaan, tanah pajakan, dan tanah yang dikenal pasti oleh pihak kerajaan.

Menurutnya, jika pengusaha mendapatkan tanah kerajaan selain daripada penggunaan Tanah Lesen Tumpang Sementara (TOL), mereka juga boleh memajak tanah kerajaan dengan cara pembelian bergantung kepada penggunaannya di mana pada kebiasaannya pajakan akan diberikan tempoh selama 25 tahun hingga 99 tahun tertakluk kepada penggunaan yang dipohonkan.

Kadar bayaran premium bagi syarat khas tanah untuk tanaman padi ialah lima peratus, institusi lima peratus, pertanian 10 peratus, sebuah rumah kediaman 10 peratus, sebuah rumah dan perniagaan sampingan 15 peratus, perumahan dan perniagaan sampingan 25 peratus, kilang/workshop/stor dan lain-lain 35 peratus, perusahaan dan perniagaan 50 peratus dan rumah pangsa sebanyak 50 peratus.

Permuzakarah wujud persefahaman antara kerajaan dan rakyat



PENGARAH Penerangan, Abd. Ghani Pg. Hj. Metusin ketika hadir di Majlis Taklimat Penerangan Bagi Pengusaha-pengusaha Kolam Ikan Air Tawar Majlis Perundingan Mukim Amo dan Majlis Perundingan Mukim Bokok, Daerah Temburong. Majlis berlangsung di Jabatan Penerangan.

Lima penuntut lawat Jabatan Penerangan

BERAKAS, 27 Jun. - Seramai lima orang penuntut dari sekolah menengah di negara ini akan mengikuti beberapa program pertukaran ke luar negeri telah mengadakan lawatan ke Jabatan Penerangan di sini.

Rombongan yang disertai oleh guru pengiring bagi para penuntut berkenaan telah dialu-alukan oleh para pegawai Jabatan Penerangan.

Para penuntut tersebut telah diberikan taklimat mengenai latar belakang struktur pentadbiran kerajaan Negara Brunei Darussalam oleh Penolong Pegawai Penerangan, Awang Kassim bin Haji Abdul Rahman sebagai persediaan mereka apabila ditanya mengenai

pemerintahan Negara Brunei Darussalam yang berlangsung di Bilik Persidangan Pehin Orang Kaya Shahbandar di sini.

Rombongan yang berkesempatan beramah mesra dengan Timbalan Pengarah Penerangan, Awang Haji Mohd. Salleh bin Abdul Latif dan seterusnya dibawa melawat Pameran Gambar dan Aktiviti-aktiviti Jabatan Penerangan.

Para penuntut tersebut akan mengikuti rancangan pertukaran ke luar negara iaitu 'ASEAN Students' Exchange Pro-

Oleh Aliddin HM

gramme, Singapore', 'Hugh O'brian Youth World Leadership Congress Washington DC, United States Of America' dan 'The Spaceship Earth Children's Conference Tochigiprefecture, Utsunomiya, Japan'. Mereka dijangka bertolak meninggalkan negara ini menuju ke tempat-tempat berkenaan pada hari Jumaat depan.



TIMBALAN Pengarah Penerangan, Awang Haji Mohd. Salleh bergambar kenangan bersama para penuntut sekolah menengah di negara ini yang akan mengikuti program pertukaran ke luar negara ketika membuat lawatan ke Jabatan Penerangan. - Gambar oleh Halim HS.



PARA peserta Kursus Pengurusan Penyeliaan daripada pelbagai agensi kerajaan bergambar kenangan di Institut Perkhidmatan Awam (IPA) sejeurus menamatkan kursus.

32 peserta hadiri Kursus Pengurusan Penyeliaan

GADONG. - Seramai 32 peserta daripada pelbagai agensi kerajaan telah mengikuti Kursus Asas Pengurusan Penyeliaan yang dikendalikan oleh Institut Perkhidmatan Awam (IPA) pada 25 - 28 Jun yang baru lalu. Kursus bertujuan memberi daya saing budaya Etika Kerja dan Rukun Akhlak dalam erti kata mendisiplinkan diri berpandukan 'Imam Salat dan Tanggungjawabnya'.

Beberapa panduan telah dimuatkan, termasuklah sedikit panduan dalam merancang, me-

nyusun, mengelinga, motivasi, membimbing, menyusun di samping berdoa, usaha, ikhtiar, tawakal dan 'buat tia' adalah sebahagian daripada konsep pegangan penyeliaan yang berkesan.

Di akhir kursus, peserta telah diuji melalui Bengkel Tawakal yang bertujuan mempertingkatkan fikiran bernas, tabah menghadapi sebarang kemusykilan, menanam semangat setia kawan dalam berpasukan dan melaksanakan rancangan secepatnya.



SETIAUSAHA Tetap Kementerian Pendidikan, Dato Paduka Awang Haji Ali Hashim ketika merasmikan Majlis Pelancaran Jubli Emas Sekolah Menengah Muhammad Jamalul Alam (SMJA) dengan memukul gong. - Gambar oleh Halim HS.

Sumber manusia aset negara yang berharga

Oleh Samle Haji Jait

BANDAR SERI BEGAWAN, 29 Jun. - Dasar dan matlamat pendidikan Negara Brunei Darussalam telah mendaulatkan atau menyatukan rakyat adalah sumber dan harta negara yang paling penting dan berharga daripada hutan, minyak dan tanah kerana harta berunsur manusia tidak 'exhaustible' atau habis.

Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam juga menyedari 'premise' berkenaan menjadi pelaburan dalam sumber manusia yang paling berharga dan menjadi wadah negara yang berterusan.

"Ini adalah satu langkah negara bagi kita mengekalkan tahap kemajuan sekarang dan juga satu cara mempertahankan daya saing bagi masyarakat dan negara di masa depan," jelas Setiausaha Tetap Kementerian Pendidikan, Dato Paduka Awang Haji Ali Hashim ketika membacakan teks ucapan Pemangku Menteri Pembangunan dan Timbalan Menteri Pendidikan, Yang Berhormat Dato Seri Paduka Dr. Awang Haji Ahmad di Majlis Pelancaran Jubli Emas Sekolah Menengah Muhammad Jamalul Alam, di sini.

Menurut Yang Berhormat, rakyat yang berpendidikan

tinggi, berakhlak tinggi, berperibadi tinggi akan memberi sumbangan dan kemajuan negara di semua lapangan serta menjadi aset kepada negara.

Memajilkan dan menghayati kepentingan ilmu juga amat penting sehingga satu masa nanti orang-orang Brunei disanjung kerana kekayaan ilmu pengetahuan dan kaya kemahiran.

Menyentuh pencapaian peperiksaan, Yang Berhormat menjelaskan sistem dwibahasa telah menampilkan perubahan calon-calon lulus, sementara pencapaian pelajar-pelajar dalam peperiksaan GCE 'N', 'O' dan 'A' level sejak 17 tahun juga meningkat.

"Kita berani mengatakan bahawa sistem yang kita gubal cukup bertepatan dan terus menampilkan kualiti," jelas Timbalan Menteri Pendidikan.

Pencapaian peperiksaan awam yang memuaskan masih menjadi sukut-sukat utama kepada sistem pendidikan yang baik, efektif dan berjaya. Oleh itu akauntabiliti atau dasar perlu diteliti.

Sistem pendidikan perlu sensitif dan peka terhadap ekspektasi pendidikan yang semakin tinggi dengan mengatur langkah terperinci bukan saja menyediakan infrastruktur pendidikan malah bertanggungjawab kepada pembaikan hasil dan 'output' sistem pendidikan khasnya bagi keputusan peperiksaan awam.

Dalam kajian Kementerian Pendidikan mengikut nisbah peratus keramaian rakyat dan penduduk tetap yang berkelulusan tinggi dibanding dengan jumlah penduduk yang mempunyai kelulusan 'tertiary education' seperti ijazah pertama, ijazah kedua, diploma dan persijilan tinggi sejak sembilan tahun didapati masih di tahap rendah.

Yang Berhormat berkata, ini dapat kita buktikan dengan melihat perbandingan kadar yang hendak dicapai oleh negara-negara seperti Amerika Syarikat dan Australia yang mempunyai kadar di antara 75 peratus, United Kingdom dan Republik Korea masing-masing 52 dan 68 peratus, sementara Hong Kong mencatatkan 34 peratus.

Yang Berhormat berpendapat Negara Brunei Darussalam perlu dan wajib mempunyai kumpulan besar daripada rakyat dan penduduknya mempunyai kelulusan 'tertiary education' dalam anggaran 25 ke 30 peratus daripada jumlah penduduk Negara Brunei Darussalam di masa hadapan.

Negara Brunei Darussalam sejak 1993 telah melaksanakan Dasar Pendidikan 12 Tahun bagi semua anak-anak di seluruh negara.

Pandangan pengunjung dan pembeli perlu dianalisa

GADONG, 29 Jun. - Dorongan bagi membeli barangan lebih mencuit hati jika produk itu mempunyai ciri-ciri menarik dan pengusaha-pengusaha pandai memperagakan produk masing-masing.

Pengetahuan mengenai kewujudan sesuatu produk adalah langkah awal bagi membuka selera anggota masyarakat membeli produk tempatan, dan melalui pameran tersebut masyarakat akan lebih mengetahui produk-produk yang dihasilkan oleh pengusaha tempatan.

Pengarah Pengurusan dan Kewangan, Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama, Awang Haji Hefni me-

Oleh
Haji Ahmad HS

nyatakan perkara itu di Majlis Perasmian Bazar Makanan dan Produk SME Brunei berlangsung di Pusat Perniagaan Hortikultur Rimba di sini.

Menurut Awang Haji Hefni, pengusaha hendaklah menggunakan pencapaian produk mereka sebagai satu sukatan untuk menilai daya saing keluaran masing-masing.

"Pandangan dan ulasan pengunjung dan pembeli adalah sesuai untuk dikumpul, dikumpul dan dianalisa. Cara ini insya Allah akan dapat membantu pengusaha-pengusaha

membaiki kelemahan atau mengukuhkan lagi ciri-ciri produk yang mereka keluarkan," katanya.

Dengan keyakinan dan pengalaman jelasnya, pengusaha-pengusaha tempatan akan dapat mendorong mereka untuk meninjau pasaran di luar negara dengan mengikuti pameran perdagangan negara ahli APEC, malahan juga dapat mempamerkan produk masing-masing serta membuat jaringan yang boleh menguntungkan.

Di majlis itu, beliau juga mengingatkan kepada pengusaha-pengusaha tempatan untuk merebut peluang-peluang yang disediakan oleh pihak kera-

jaan, antaranya Skim Kemudahan Perusahaan, Skim Kewangan Mikro Kredit dan Khidmat-khidmat Bimbingan Perusahaan.

Kira-kira 50 buah pengusaha menyertai bazar makanan tersebut yang berjalan selama tiga hari. Ianya dianjurkan oleh Majlis Peniaga-Peniaga Wanita Brunei Darussalam (MPWBD).

Matlamat bazar itu antaranya untuk mempergiatkan kaum wanita dalam perniagaan, mempromosikan produk-produk tempatan dan untuk menambah tabung kewangan MPWBD.



PARA pengusaha hendaklah menggunakan pencapaian produk mereka sebagai satu sukatan untuk menilai daya saing keluaran masing-masing, jelas Pengarah Pengurusan dan Kewangan, Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama, Awang Haji Hefni. - Gambar oleh Haji Masmaleh HMA.



PELBAGAI produk keluaran para pengusaha tempatan dipamerkan di Majlis Bazar Makanan dan Produk SME Brunei yang diadakan di Pusat Perniagaan Hortikultur, Rimba. - Gambar oleh Haji Masmaleh HMA.

PEPERIKSAAN LONDON ED EXCEL INTERNATIONAL G.C.E 'O' & 'A' LEVEL JANUARI 2001

JABATAN Peperiksaan, Kementerian Pendidikan memaklumkan bahawa pendaftaran bagi peperiksaan di atas akan dibuka kepada penduduk yang bermastautin di Negara Brunei Darussalam.

Adalah juga seterusnya dimaklumkan bahawa pendaftaran bagi mereka yang baru mencapai umur 12 tahun adalah berjalan seperti biasa.

KAD PENGENALAN KUNING

Bulan	Nombor
Jun 2001	262601 - 275201
Julai 2001	275202 - 287802
Ogos 2001	287803 - 300403
September 2001	300404 - 313004
Oktober 2001	313005 - 325605

KAD PENGENALAN UNGU

Bulan	Nombor
April 2001	200001 - 204201
Mei 2001	204202 - 208402
Jun 2001	208403 - 212603



JABATAN PENERBANGAN AWAM KEMENTERIAN PERHUBUNGAN

Bilangan Tawaran : CAD/AFS/G.1 - 1/01
TAWARAN BAGI MEMBEKAL DAN MENGHANTAR 10,000 LITRES
FOAM LIQUID AFF 6 %

Syarat-Syarat Tawaran :

1. TAWARAN-TAWARAN adalah bagi membekal dan menghantar 10,000 litres Foam Liquid AFF 6 % kepada Perkhidmatan Bomba Lapangan Terbang, Jabatan Penerbangan Awam, Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei.
2. Tawaran-tawaran hendaklah dihantar dalam sampul surat yang tertutup tanpa menunjukkan identiti atau logo pembekal/pemborong dan ditulis dengan : TAWARAN BAGI MEMBEKAL DAN MENGHANTAR 10,000 LITRES FOAM LIQUID AFF 6 %. Bilangan Tawaran : CAD/AFS/G.1 - 1/01. Tarikh tutup pada 23 Julai, 2001 kepada : Pengerusi Lembaga Tawaran Negara, Kementerian Kewangan, Tingkat 8, Bangunan IBB, Jalan Pemancha, Bandar Seri Begawan, BS 8710, Negara Brunei Darussalam.
3. Tawaran-tawaran hendaklah sampai kepada Lembaga Tawaran Negara tidak lewat jam 2.00 petang pada hari Isnin 23 Julai, 2001 jam 2.00 petang.
4. Dokumen tawaran boleh diperolehi daripada Bahagian Kewangan, Tingkat Bawah Ibu Pejabat Jabatan Penerbangan Awam, Lapangan Terbang Antarabangsa, Negara Brunei Darussalam dengan bayaran yuran sebanyak \$ 100.00 tunai (tidak dikembalikan).
5. Penerangan yang lebih lanjut bolehlah diperolehi daripada Ketua Pegawai Bomba, Lapangan Terbang, Jabatan Penerbangan Awam, Negara Brunei Darussalam. Telefon : (02) 330142 sembugan 1632.
6. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak semestinya menerima tawaran-tawaran yang rendah atau lain-lain tawaran.



JABATAN RADIO DAN TELEVISYEN BRUNEI JABATAN PERDANA MENTERI

Bilangan Tawaran : RTB/12/01 : Tajuk Tawaran : 'SUPPLY AND DELIVERY OF SPARES FOR TV TRANSMITTERS AND TV CODECS'

Syarat-Syarat Tawaran :

1. TAWARAN-TAWARAN adalah dipelawa bagi "Supply And Delivery Of Spares of TV Transmitters and TV Codecs" in accordance with the general requirement and subject to the terms and conditions prescribed herein.
2. Tawaran-tawaran hendaklah dihantar dalam sampul surat yang tertutup bertulis dengan Tawaran "SUPPLY AND DELIVERY OF SPARES FOR TV TRANSMITTERS AND TV CODECS". Tender No: RTB/12/01, tanpa menunjukkan identiti pembekal/pemborong dan ditujukan kepada : Pengerusi Lembaga Tawaran Negara, Kementerian Kewangan, Tingkat 8, Bangunan IBB, Jalan Pemancha, Bandar Seri Begawan BS 8710, Negara Brunei Darussalam. Tidak lewat jam 2.00 petang hari Isnin 23 Julai, 2001.
3. Tiga salinan cerai-bagian teknikal tawaran berkenaan hendaklah dihantar kepada : Pengerusi, Radio Televisyen Brunei, Jabatan Perdana Menteri, Jalan Stoney, Bandar Seri Begawan BS 8610, Negara Brunei Darussalam. UP: Jurutera Pengusa, tidak lewat jam 2.00 petang Hari Isnin 23 Julai 2001.
4. Dokumen-dokumen tawaran dan penerangan-penerangan yang lanjut bolehlah diperolehi dari Pejabat Jurutera Pengusa, Tingkat 6, Bangunan Radio Televisyen Brunei, Bandar Seri Begawan BS 8610, Negara Brunei Darussalam dengan membayar sebanyak B\$50.00 tidak dikembalikan.

KELUARAN KHAS

Pelita قلیتا برونی BRUNEI



Membudayakan Masyarakat Bermaklumat



*Sempena Hari Keputeraan Kobawah Duli Yang Maha Mulia
Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan
Negara Brunei Darussalam Ke-55 Tahun pada 15 Julai 2001*

Komitmen Kebawah DYMM di arena antarabangsa

DAULAT
KEBAWAH
DULI
TUAN
PATIK

KETOKOHAN dan kewibawaan raja kita, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan

Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam di pentas antarabangsa semakin menyerlah dan dihormati, bukan sahaja oleh pemimpin-pemimpin di Benua Asia Tenggara malah pemimpin-pemimpin kuasa besar seperti Amerika Syarikat, Russia, Republik Rakyat China, Britain dan Perancis. Pemimpin-pemimpin dunia kagum terhadap komitmen baginda dalam sama-sama mewujudkan keamanan dunia sejagat. Melalui ketokohan dan kegigihan bagindalah, bumi kita Negara Brunei Darussalam terus terkenal dan termasyhur di seluruh pelusuk dunia baik di timur mahupun di barat.

Di mesyuarat dan persidangan antarabangsa, baginda sering menyuarakan dengan tegas mengenai pendirian negara kita terhadap keamanan dan keselamatan dunia. Baginda beserta pemimpin dunia sering bekerjasama dalam menyelesaikan apa-apa jua masalah dan isu-isu global yang menghambat kestabilan dunia, baik di bidang ekonomi atau politik. Selain daripada itu, baginda juga berperanan dan terlibat secara langsung dalam sama-sama menghalau tujuan mesyuarat-mesyuarat antarabangsa seperti Pertubuhan Negara-negara Asia Tenggara (ASEAN), Sidang Kemuncak Ketua-ketua Ekonomi Asia Pasifik (APEC), Mesyuarat Ketua-ketua Kerajaan Komanwel (CHOGM), Sidang Kemuncak Negara-negara Islam



OLEH HAJI JAAFAR HAJI IBRAHIM

(OIC), Sidang Kemuncak Pergerakan Negara-negara Berkecuali (NAM) dan Sidang Kemuncak Asia-Eropah (ASEM). Pendek kata, komitmen yang baginda hulurkan amatlah besar dan berharga sekali di arena antarabangsa.

Komitmen yang amat besar dan bukti ketokohan baginda ialah kejayaan baginda mempengerusikan Sidang Kemuncak Ketua-ketua Ekonomi APEC 2000 yang diadakan di Bandar Seri Begawan tahun lalu. Dengan kepimpinan dan ketokohan baginda mengemudi mesyuarat terbesar itu, APEC 2000 adalah antara yang paling cemerlang dalam sejarah APEC sejak diadakan pada tahun 1993. Baginda telah mendapat pujian daripada pemimpin-pemimpin APEC. Sesungguhnya pujian yang diberikan kepada baginda itu adalah sesuatu yang membanggakan bagi negara kita yang kecil ini.

Satu lagi bukti ketokohan Kebawah Duli Yang Maha Mulia yang semakin terserlah ialah apabila baginda bersama-sama Presiden Republik Rakyat China, Tuan Yang Terutama Presiden Jiang Zemin mempengerusikan bersama Mesyuarat Peringkat Tertinggi mengenai inisiatif Pembangunan Kapasiti Manusia (HCB) di Beijing, Republik Rakyat China pada bulan Mei yang lalu. Mesyuarat berkenaan adalah atas inisiatif baginda sendiri yang diilhamkan semasa sidang APEC 2000, dan mendapat restu dari persetujuan sebuah suara daripada ketua-ketua ekonomi APEC.

Dalam masa setahun yang lalu, baginda telah berangkat menghadiri beberapa mesyuarat antarabangsa iaitu di Sesi Plenari sem-

TITAH DI PBB Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ketika bertitah di Sesi Plenari Sidang Kemuncak Milenium di Dewan Perhimpunan Agung Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu pada 8 September, 2000.

pena Sidang Kemuncak Milenium di Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) di New York, Sidang Kemuncak Asia-Eropah (ASEM) di Republik Korea, Sidang Kemuncak Tidak Rasmi Ketua-ketua Kerajaan Asia Tenggara (ASEAN) di Republik Singapura dan Mesyuarat Peringkat Tertinggi bagi membincangkan inisiatif Pembangunan Kapasiti Manusia (HCB) di Republik Rakyat China.

PERANAN DI PBB

Di badan dunia itu, baginda telah berangkat dan bertitah selama tiga kali di New York iaitu semasa Negara Brunei Darussalam diterima menjadi anggota ke-106, Sidang Kemuncak Sempena 50 Tahun Penubuhan PBB dan Sidang Kemuncak Milenium pada tahun 2000. Sejak menggotainya 17 tahun yang lalu, baginda telah memainkan peranan yang aktif dalam menyelesaikan sebarang apa jua konflik dan pertelingkahan yang dihadapi masyarakat antarabangsa. Tegasnya baginda telah turut memberikan sumbangan yang besar dan bermakna kepada badan dunia itu dalam sama-sama menyatukan perpaduan manusia sejagat.

Baginda bertitah di podium PBB, menegaskan peranan Negara Brunei Darussalam yang tegas dalam menyuarakan pendirian yang terpuji terhadap isu-isu antarabangsa yang berupa konflik politik di Timur Tengah, Eropah dan di Benua Asia Tenggara. Selain itu kita juga menghulurkan sumbangan dalam membantu kemiskinan dan keburlan akibat peperangan, bencana alam dan lain-lain tragedi yang terdasya dan terpuji oleh kita.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam semasa bertitah di Persidangan Milenium PBB pada 8 September, 2000 telah menjelaskan bahawa Negara Brunei Darussalam akan memberikan sokongan yang padu terhadap peranan PBB di arena antarabangsa dan akan terus menyertai dan mendukung aktiviti pertubuhan badan dunia itu mengikut keupayaan.

Baginda juga melahirkan keyakinan bahawa PBB mampu memberikan perlindungan, harapan dan keselamatan kepada negara-negara kecil seperti Negara Brunei Darussalam terutama sekali apabila era Perang Dingin berakhir telah membahagi dunia berdasarkan ideologi yang mendedahkan dunia kepada ancaman perang nuklear.

Sehubungan dengan itu baginda dengan lantang menegaskan bahawa negara-negara kecil dan sedang membangun termasuk Negara Brunei Darussalam merasakan lebih terancam dan digunak sebagai boneka percaturan politik dunia.

Di podium PBB itu baginda juga bertitah memberi amaran bahawa globalisasi bukan sahaja mendatangkan keuntungan ekonomi yang banyak, tetapi juga mendatangkan kesan-kesan buruk seperti jenayah antarabangsa, keganasan dan pemencilan negara sedang membangun dan kurang membangun.

"Kesan-kesan ini perlu diatasi, dan ini merupakan bebanan berat bagi sesebuah negara. Justeru itu, peranan PBB untuk mengimbangi kepentingan negara-negara yang berjaya dan kurang berjaya adalah sangat penting dalam era ekonomi baru," titah baginda menegaskan.

"Isu globalisasi merupakan salah satu cabaran yang dihadapi oleh masyarakat antarabangsa yang diakibatkan oleh kesan kemajuan teknologi maklumat," titah baginda melahirkan ketimbangan.

Ke arah itu, baginda telah menyuarakan pentingnya program-program kesihatan dan pendidikan untuk negara miskin dan kurang membangun, di samping membantu mereka untuk sama-sama menikmati era globalisasi dan teknologi maklumat kerana dengan cara itu akan dapat mendirikan satu asas kukuh yang akan dapat membina masa depan yang cerah bagi negara-negara berkenaan.

Sehubungan itu, baginda menegaskan, salah satu cara yang terbaik bagi mewujudkan suasana antarabangsa yang stabil ialah dengan memberikan pengetahuan dan peluang-peluang bagi memajukan ekonomi, sosial dan teknologi kepada negara-negara yang sedang dan kurang membangun.

MEMANTAPKAN ASEAN

Sejak menjadi anggota ASEAN pada tahun 1984, baginda telah berperanan sama dalam mengarahkan haluan dan matlamat pertubuhan serantau itu. Yang jelas penglibatan baginda dalam ASEAN adalah berperanan secara aktif dan pro-aktif serta tegas dalam memberikan nafas baru kepada ASEAN sebagai sebuah pertubuhan serantau yang berwibawa dan mantap. ASEAN tetap menjadi "corner stone" dalam dasar luar negara kita.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia sejak menghadiri Sidang Kemuncak ASEAN Ke-3 di Manila, Republik Filipina pada tahun 1987, sering kali menitikberatkan perihatinnya ASEAN memelihara keamanan serta menghormati hak dan kebebasan hidup berjinan tanpa mengira saiz dan kekuatan masing-masing. Tetapi apa yang penting ialah

Lihat muka III



TITAH AMANAT Baginda ketika bertitah di Pembukaan Rasmi Mesyuarat Peringkat Tertinggi mengenai inisiatif Pembangunan Kapasiti Manusia (HCB) dalam APEC di Beijing, Republik Rakyat China pada 15 Mei, 2001.



BARISAN PEMIMPIN ASEM ... Kebawah Duli Yang Maha Mulia bersama-sama 25 pemimpin Asia-Eropah mengabadikan gambar kenangan semasa Sidang Kemuncak Asia-Eropah pada 20 Oktober, 2000 di Republik Korea.

Dari muka II

memantapkan lagi prinsip dan falsafah ASEAN dalam menyelesaikan sebarang apa jua isu dan masalah yang timbul bagi mencapai cita-cita ASEAN untuk menjadikan rantau ini sebagai zon aman, bebas, dan berkecuali seperti yang termaktub dalam Perisytiharan ASEAN Tahun 1976.

Semasa Sidang Tidak Rasmi Ketua-ketua Kerajaan ASEAN di Singapura pada November 2000, baginda telah mencadangkan agar negara-negara ahli ASEAN meneruskan usaha ke arah perubahan ekonomi bagi mengekalkan pertumbuhan ekonomi di rantau ini, dan penubuhan program-program khusus dan dasar-dasar di kalangan ASEAN bagi meningkatkan lagi usaha-usaha tersebut.

Baginda juga mengetengahkan cabaran bagi menghadapi dasar-dasar kewangan dan ekonomi serantau demi untuk mengembalikan keyakinan pelabur ke rantau ini. Baginda juga menyuarakan kebimbangan terhadap masalah-masalah yang dihadapi oleh masyarakat ASEAN dalam menyesuaikan diri dengan perubahan-perubahan teknologi dan ekonomi serta mengenai keadaan politik dan keselamatan serantau.

Sehubungan dengan itu baginda mencadangkan bahawa ASEAN perlu mengambil kesempatan trend globalisasi masa kini dengan memperbaiki lagi kemahiran dan pengetahuan masyarakat supaya mereka mempunyai kemahiran yang bersesuaian untuk menyertai ekonomi baru dan bersaing dengan masyarakat dunia.

"Ahli-ahli ASEAN tidak semata-mata wujud secara bersama tetapi berinteraksi dan bekerjasama dalam keadaan aman dan persahabatan yang melimpahi peringkat pembinaan kepercayaan," titah baginda mengharapkan.

JAYAKAN APEC

Dalam pertubuhan APEC, Kebawah Duli Yang Maha Mulia memperlihatkan ketokohan yang amat membanggakan kita semua. Baginda sering berangkat menghadiri Sidang APEC bermula tahun 1993 di Seattle. Peranan baginda terus menyerlah dan baginda sendiri banyak memberikan idea-idea dan pandangan baru khususnya dalam menghadapi arus ekonomi baru.

Idea dan inisiatif Negara Brunei Darussalam supaya diadakan mesyuarat peringkat tinggi mengenai pembangunan tenaga manusia di kalangan anggota APEC mendapat sambutan. Realiti itu menjadi kenyataan apabila Negara Brunei Darussalam dan Republik Rakyat China menganjurkan bersama mesyuarat berkenaan di Beijing selama dua hari pada 15 dan 16 Mei yang lalu. Baginda dan Presiden Jiang Zemin telah membuka rasmi mesyuarat yang julung-julung kalinya diadakan di abad 21 ini.

Mesyuarat tersebut disifatkan sebagai Mesyuarat Peringkat Tinggi mengenai pembangunan tenaga manusia yang berkaitan pembangunan kapستي manusia yang bertujuan meningkatkan pembangunan tenaga manusia dalam APEC di bawah ekonomi baru. Mesyuarat itu diadakan bertepatan kegawatan ekonomi global yang dihadapi ketika ini.

Ketika bertabit di pembukaan rasmi mesyuarat itu, baginda mahukan agar setiap anggota APEC menghadapi arus perubahan teknologi dengan cara dan tindakan masing-masing sungguh-pun perkara sedemikian bukanlah sesuatu yang mudah untuk dicapai. Selain daripada itu baginda juga menyeru ahli-ahli APEC memaksimumkan faedah daripada keuntungan pasaran-pasaran yang kini terbuka luas dalam perdagangan dan pelaburan.

"Untuk mendapatkannya kita mesti memperluaskan masyarakat kita dengan tenaga yang sentiasa terkini. Secara keseluruhan jika masyarakat APEC berhasil dalam ekonomi baru, kejayaan yang dicapai amatlah bererti," titah baginda.

Pembangunan sumber tenaga manusia (HRD) yang memberi penekanan kepada pembangunan kapستي adalah sebahagian daripada tema Sidang APEC 2000 yang dipengerusikan oleh Negara Brunei Darussalam. Apa yang membanggakan, keseluruhan perwakilan yang menghadiri mesyuarat itu melahirkan penghargaan terhadap inisiatif Negara Brunei Darussalam itu. Mereka memuji langkah kita itu dan melahirkan keyakinan bahawa kita akan dapat memainkan peranan yang lebih penting dalam APEC di masa mendatang. Penghargaan yang tinggi itu memberikan kita satu keyakinan yang baru dan sekali gus menaikkan imej negara di mata dunia.

Di bandar raya Beijing itu juga, Baginda telah memberikan jaminan bahawa Negara Brunei Darussalam akan bersedia memberikan sokongan penuh dan bantuan kepada Republik Rakyat China dalam memastikan kejayaan Sidang Kemuncak Ketua-ketua Ekonomi APEC di Shanghai bulan Oktober depan.

Komitmen Kebawah DYMM di arena antarabangsa



TERAJU ASEAN Baginda mengabadikan gambar ramai bersama pemimpin ASEAN semasa Sidang Kemuncak Tidak Rasmi Ketua-ketua Kerajaan ASEAN di Republik Singapura yang berlangsung pada 24 November, 2000.

Ketikhlasan baginda untuk menghulurkan bantuan itu mencerminkan betapa baginda ingin melihat kecemerlangan APEC itu berterusan. Selain daripada itu akan dapat meningkatkan lagi kerjasama rapat yang sedia terjalin antara Beijing dan Bandar Seri Begawan. Inilah sebenarnya yang diinginkan oleh baginda selain daripada kejayaan APEC itu sendiri.

KERJASAMA ASIA-EROPAH

"Mesyuarat Asia-Eropah (ASEM) yang menemukan 10 pemimpin Asia dan 16 pemimpin Benua Eropah termasuk Suruhanjaya Eropah itu merupakan satu lagi lembaran baru dalam era pertukaran ekonomi, politik dan sosial. Kedua-dua rantau berkenaan memang bersedia menghadapi segala perubahan dramatik yang akan membawa pelbagai manfaat di mana realitinya Benua Asia mempunyai kekayaan sumber alam, sementara Eropah mempunyai kemahiran dan pengalaman yang luas dalam bidang teknologi. Kedua-dua benua memerlukan antara satu sama lain dalam sebuah perkampungan global.

Di Sidang Ketiga ASEM di Republik Korea, baginda bersama-sama pemimpin Asia-Eropah telah menunjukkan peranan yang menggalakkan dalam merealisasikan dimensi kerjasama baru antara kedua-dua benua berkenaan. Sejak menghadiri Mesyuarat ASEM Pertama di Bangkok 1996 dan ASEM Kedua di London 1998, baginda juga telah mengemukakan pandangan dan saranan yang konstruktif. Antara lain baginda bertitah:

"Jika kita dapat melakukan kesemua ini, saya berpendapat hanya akan menjadi yang unggul bagi mesyuarat yang pertama, sekali gus sebagai permulaan yang baik ke arah proses perundingan yang baru. Kita mengharapkan langkah-langkah yang lebih konkrit dapat diambil bila kita mengadakan pertemuan di masa-masa akan datang."

Baginda juga menyarankan dan menekankan peranan penting yang dimainkan oleh Kesatuan Eropah dalam membantu negara-negara sedang membangun menyesuaikan keadaan negara masing-masing dengan keadaan ekonomi moden. Baginda selanjutnya menekankan perlunya bantuan diberikan kepada penduduk bagi mengatasi kesan negatif globalisasi serta pentingnya untuk mengembangkan kemahiran-kemahiran utama dalam ekonomi baru dalam era globalisasi.

Dalam hubungan ini, baginda menyanjung inisiatif Kesatuan Eropah mengenai penglibatan mereka di arena antarabangsa seperti memberi sokongan kepada usaha-usaha Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) dalam usaha perdamaian dan pengawalan senjata.

Sesungguhnya, peranan dan komitmen yang baginda tunjukkan di arena antarabangsa bukan sahaja mengenalkan nama negara kita, malahan yang penting imej negara kita di mata dunia semakin menyinar dan menyerlah. Ketokohan dan kewibawaan baginda itu insya-Allah akan berterusan di mana kita percaya baginda akan memainkan peranan yang lebih aktif lagi bersama-sama pemimpin dunia untuk mewujudkan keamanan dunia sejagat.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha dan Duli Yang Teramat Mulia Pengiran Isteri Hajah Mariam merupakan sumber inspirasi kejayaan wanita di negara ini. Gamber atas kelihatan baginda dan Duli Yang Teramat Mulia berkenan bergambar ramai sebagai tanda kenangan bersama isteri para pemimpin anggota APEC sempena dengan Persidangan APEC 2000 di negara ini. Juga kelihatan ialah kaum wanita kita yang sama-sama menjayakan APEC 2000.

Kebawah DYMM Raja Isteri dan DYTM Pengiran Isteri

OLEH ZUBAIDAH HS



PEMBABITAN wanita di negara ini dalam pelbagai bidang telah banyak menyumbang kepada sosio-budaya dan ekonomi negara. Hari ini wanita kita telah membuktikan bahawa mereka 'boleh' sama ada sebagai isteri, ibu dan sebagai pekerja. Sumbangan wanita kepada negara tidak dapat disangkal lagi. Kejayaan mereka dalam banyak bidang telah terbukti, walaupun tidak ada pendedahan mengenainya.

Kaum wanita kita sudah ramai yang mencapai kejayaan dan kegemilangan dalam memiliki ilmu pengetahuan dan mempunyai pekerjaan dengan kedudukan yang amat membanggakan.

Dalam kerjaya misalnya, tenaga kerja di Negara Brunei Darussalam secara purata telah meningkat daripada 46.4 peratus dalam tahun 1991 kepada lebih kurang 50 peratus dalam tahun 1998. Menurut Statistik Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA), pada tahun 1999 jumlah pegawai dan kakitangan wanita dalam perkhidmatan awam adalah lebih kurang 17,030 yang menjadikan sebanyak 42.6 peratus daripada jumlah kakitangan kerajaan dalam perkhidmatan awam.

Peningkatan penglibatan kaum wanita dalam pembangunan negara menunjukkan satu petanda yang positif. Dengan peningkatan tersebut menandakan peranan wanita amat menyerlah dalam bidang sosioekonomi, sosio budaya negara dan juga dalam menjalankan tugas dan tanggungjawab khususnya dalam perkhidmatan awam.

Anggapan sesetengah masyarakat bahawa wanita hanya dikategorikan sebagai pekerja yang kurang baik atau pekerja yang berbentuk kasual, wanita sebagai kumpulan orang yang 'kurang' bagi mengisikan sebarang pekerjaan terutamanya bagi mereka yang berkahwin dan mempunyai anak adalah tidak tepat.

Ini kerana wanita telah ramai yang mempersiapkan dan mengukuhkan diri mereka dengan ilmu yang mampu membantu mereka menangani setiap masalah. Kemantapan ilmu yang mereka perolehi juga membantu dalam menangani apa jua cabaran yang datang.

Hari ini, wanita telah bekerja lebih keras bagi membolehkan mereka membuktikan bahawa mereka adalah seorang pekerja yang berkebolehan, di sebalik peranannya yang pelbagai iaitu sebagai isteri, ibu dan pekerja. Dari itu mereka tidak harus dieksploitasikan.

Dalam pembangunan sosial dan kebajikan di negara ini misalnya, kaum wanita telah sama-sama mengambil peranan yang penting, dan tidak hanya bergantung kepada pihak kerajaan semata-mata. Wanita kita telah memainkan peranan yang sama penting dan memberikan sumbangan yang bukan sedikit, melalui kegiatan-kegiatan kemasyarakatan, persatuan-persatuan sukarela dan pertubuhan-pertubuhan wanita.

DAULAT
KEBAWAH
DULI
TUAN
PATIK

Inspirasi kejayaan wanita

Mereka sama-sama bermuzakarah, bertukar-tukar fikiran, berkongsi pendapat, bertolong-tolongan, menerima tunjuk ajar, mendirikan perniagaan, meningkatkan ekonomi, perindustrian, membuat kerja-kerja amal kebajikan dan menubuhkan badan-badan khidmat nasihat di seluruh negara bagi membantu wanita-wanita yang kurang bernasib baik.

DIKTIRAF

Wanita di negara ini boleh dianggap bertuah, kerana kerajaan pimpinan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam mengiktiraf sumbangan yang diberikan oleh kaum wanita terhadap pembangunan negara.

Bilangan wanita yang mencapai kejayaan dan berkelulusan tinggi khususnya di bidang profesional seperti perundangan, kedokteran, kejuruteraan, arkitek dan lain-lain bidang yang mencabar semakin meningkat. Kejayaan itu, selain daripada usaha dan kegigihan mereka juga disebabkan oleh dasar pucuk pimpinan negara yang tidak membezakan antara kaum lelaki dan wanita sebagaimana yang telah diamalkan oleh kebanyakan negara luar.

Dengan adanya kelulusan-kelulusan tinggi yang diperolehi oleh wanita kita, banyak jawatan-jawatan tinggi dan penting dalam pentadbiran negara dan di sektor-sektor swasta telah diisi oleh kaum hawa.

Perkara ini menunjukkan bahawa wanita telah diakui sebagai sumber tenaga manusia yang sama mustahaknya, bukan hanya sebagai isteri dan ibu tetapi sebagai anggota masyarakat yang aktif dan berpotensi bagi kejayaan pembangunan negara.

Selain pengiktirafan kerajaan, kejayaan wanita di negara ini juga mendapat perhatian yang khusus daripada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha dan Duli Yang Teramat Mulia Pengiran Isteri Hajah Mariam. Baginda dan Duli



PENGLIBATAN wanita kita dalam industri pertanian telah meningkat dari tahun ke setahun. Salah satu bidang pertanian yang berkembang luas ialah penanaman pokok-pokok bunga yang dikenali pasti banyak menyumbang kepada ekonomi negara. Gamber atas, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri dan Duli Yang Teramat Mulia Pengiran Isteri berkenan menyaksikan pameran bunga-bunga hidup yang diusahakan oleh salah sebuah persatuan wanita di negara ini.

Lihat muka V

Dari muka IV

Yang Teramat Mulia adalah sumber inspirasi kepada kejayaan kaum wanita negara ini dalam pelbagai bidang.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri dan Duli Yang Teramat Mulia Pengiran Isteri amat mengambil perhatian berat terhadap perkembangan kaum wanita di negara ini sama ada di segi ekonomi, agama, sosial, kebudayaan dan lain-lain lagi.

CABARAN DI BIDANG EKONOMI

Kejayaan kaum wanita kita dalam bidang ekonomi satu contoh yang amat ketara peningkatannya ketika ini. Mereka telah pun ramai merebut peluang yang terbuka luas menceburi bidang perniagaan dan perusahaan bagi sama-sama membantu ekonomi negara, di samping dapat membantu dan menambah pendapatan keluarga. Perkara ini tidak kira dilakukan oleh wanita-wanita korporat di bandar yang sentiasa berhadapan dengan pelbagai kemudahan yang canggih, tetapi juga diceburi oleh wanita-wanita di luar bandar secara kecil-kecilan ataupun besar-besaran.

Mengikut perangkaan yang berdaftar di Pusat Sumber dan Piawai, Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama, sekitar pertengahan tahun 90-an telah mencatatkan lebih 200 orang pengusaha wanita telah melibatkan diri dalam bidang perniagaan yang merangkumi bidang-bidang pertanian, perikanan, perkilangan, menjual barang-barang keperluan, kedai jahit, pembuat dan pembekal makanan dan pakaian, pemborong dan lain-lain lagi.

Daripada jumlah tersebut, bidang pertanian mencatatkan jumlah yang terbesar yang telah dikendalikan oleh kaum wanita, diikuti bidang perikanan dan menjual barang-barang keperluan dan kedai jahit.

Peningkatan yang amat ketara ketika ini, kaum wanita kita telah ramai yang menceburi dalam perusahaan kecil dan sederhana (SMEs) yang memang digalakkan oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia bagi membantu ekonomi negara agar tidak hanya bergantung kepada sumber gas dan minyak semata-mata. Malahan cabaran dalam perusahaan kecil dan sederhana ini telah menjadi topik utama dalam Mesyuarat Rangkaian Pemimpin-pemimpin Wanita APEC 2000 (APEC WLCN) yang berlangsung di negara ini tahun lepas.

Kini, wanita yang sering disifatkan sebagai penghuni rumah, tidak ketinggalan dengan pendedahan pertumbuhan fenomena internet dan laluan teknologi siber. Mereka kini dengan mudah boleh menjalankan perniagaan mereka dari rumah. Perkembangan-perkembangan teknologi ini telah membuka peluang yang luas bagi para pengusaha wanita di Negara Brunei Darussalam.

Bagi mengharungi cabaran ini, peniaga wanita kita perlu lebih bekerjasama dengan banyak pihak di arena antarabangsa untuk membina kemampuan para pengusaha wanita dalam teknologi komunikasi dan maklumat dan seterusnya menyiapkan diri bagi menghadapi cabaran-cabaran yang datang bersama era ekonomi baru.

Dalam hal ini, Pusat Sumber dan Piawai, Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama merupakan pemangkin dalam penyediaan bantuan dan teknikal dan kewangan serta latihan keusahawanan bagi perusahaan kecil dan sederhana (SMEs).

Menerusi seminar-seminar dan ceramah-ceramah yang diadakan oleh pusat itu, wanita kita dapat menambah ilmu pengetahuan serta mengembangkan minda serta mengetahui dan seterusnya menilai sejauh mana kebolehan kaum wanita di negara ini berfikir, merancang dan bertindak demi membantu perekonomian negara.

Memandangkan kepada peluang yang besar dalam SMEs, para peniaga wanita di negara ini telah pun melancarkan Laman Webnya sendiri. Laman web tersebut adalah di bawah naungan Majlis Peniaga Wanita Brunei Darussalam (WBCBD) yang bertujuan mendedahkan para peniaga wanita mengenai pengetahuan elektronik iaitu sejajar dengan kemajuan zaman dan kepentingan elektronik.



INDUSTRI pembuatan dan pembekalan makanan juga terus meningkat, di mana penglibatan kaum wanita dalam industri ini khususnya dalam perusahaan kecil dan sederhana telah dapat membantu ekonomi negara. Gambar atas, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri dan Duli Yang Teramat Mulia Pengiran Isteri berkenan menyaksikan pameran dan jualan beraneka jenis makanan dan kuih-muih yang dikendalikan oleh persatuan wanita di negara ini.

Kebawah DYMM Raja Isteri dan DYTm Pengiran Isteri inspirasi kejayaan wanita

tronik dagang (e-dagang) sebagai pemangkin ke arah kemajuan perniagaan mereka.

Laman web ini mempunyai objektif utamanya, iaitu untuk memperkenalkan peniaga wanita di negara ini. Kedua, sebagai alat rangkaian dan perikatan strategik; ketiga, untuk memberikan maklumat kepada para ahlinya mengenai semua isu-isu yang berhubung kait dengan perkembangan semasa yang terkini; keempat, untuk mengetengahkan projek-projek atau inisiatif Majlis Peniaga Wanita Brunei yang boleh memberikan sumbangan kepada perkembangan jangka panjang peniaga wanita dalam perniagaan dan kelima, untuk meningkatkan saiz pasaran melalui elektronik.

MW/NBD BERGABUNG DENGAN ACWO

Di samping berjaya dalam bidang kerjaya, dan ekonomi, wanita kita juga amat ketara kejayaannya dalam berpersatuan. Persatuan-persatuan kebajikan wanita yang telah lama bertapak telah semakin kukuh dan mantap, manakala persatuan-persatuan baru semakin menyerlah.

Majlis Wanita Negara Brunei Darussalam iaitu indung kepada kebanyakan persatuan-persatuan wanita di negara ini telah berjaya dan telah pun menjadi ahli kepada persatuan wanita antarabangsa. Salah satu daripadanya ialah Persekutuan Pertubuhan-Pertubuhan Wanita ASEAN (ACWO). Badan ini telah dapat menyatupadukan pergerakan-pergerakan persatuan-persatuan wanita di negara ini, iaitu dengan bertindak sebagai sebuah badan untuk bertukar-tukar fikiran, maklumat dan badan penghubung antara kerajaan mahupun dalam pergerakan antarabangsa.

Sehingga kini, Majlis Wanita Negara Brunei Darussalam telah pun banyak menyertai berbagai-bagai kegiatan antarabangsa, seperti forum wanita, seminar serantau, bengkel latihan dan beberapa kegiatan luar negeri yang mendedahkan kaum wanita negara ini kepada dunia antarabangsa.

Dalam Persekutuan Pertubuhan Wanita ASEAN yang mana dianggotai oleh sepuluh negara ASEAN, telah banyak mengangkat martabat wanita, tidak terkecuali wanita negara ini. Dalam perhimpunan agung ketujuh pertubuhan ini yang diadakan di Manila, Republik Filipina telah membentangkan beberapa resolusi. Antara resolusi itu ialah membantu para wanita di sektor ekonomi dan pengeluaran; pemeliharaan alam sekitar; kesihatan; pembangunan program pendidikan; kebudayaan dan media; penyertaan dalam politik; hak asasi dan keganasan terhadap wanita dan kanak-kanak perempuan serta isu keluarga dan kemasyarakatan.

Di samping itu kejayaan Persatuan Pandu Puteri Negara Brunei Darussalam mengendalikan Persidangan Serantau Asia Pasifik Ke-7, Persatuan Pandu Puteri dan Pengakap Sedunia (WAGGGS) pada bulan Mei lepas, bukan sahaja penghormatan khusus kepada persatuan itu, tetapi juga penghormatan kepada negara ini selaku tuan rumah.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri selaku Penuang Diraja Persatuan Pandu Puteri Negara Brunei Darussalam menyifatkan persidangan itu sebagai mercu tanda dalam sejarah pergerakan persatuan wanita di negara ini.

KESIMPULANNYA

Kemasukan tenaga wanita dalam membantu pentadbiran dan kemajuan negara sememangnya telah terbukti dengan ramainya penglibatan tenaga golongan itu masa kini. Mereka yang dahulunya bertindak sebagai kaum ibu yang membimbing serta membantu suami dalam mentadbir rumah tangga kini telah beralih tugas, kerana wanita yang bekerjaya kini semakin ramai dan mereka tidak perlu rasa tergutut oleh cabaran.

Wanita sebenarnya adalah penyumbang bagi pelapis menuju kemajuan dan kestabilan negara, baik dari segi ekonomi, sosial, agama sebagainya. Wanita negara ini tanpa mengira bangsa dan agama perlu bergerak seiring dan menjadi tulang belakang negara dan sebagai pelapis yang mantap.



PERUSAHAAN kraf tangan daripada buluh yang diusahakan oleh peniaga wanita menarik perhatian orang ramai dan juga pelancong.

Perumahan negara bawa kesejahteraan rakyat

OLEH HAJI AHAT HAJI ISMAIL

PROGRAM daripada Skim-skim Rancangan Perumahan yang diungkuhkan oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah berjaya memberikan kesejahteraan kehidupan rakyat selaras dengan matlamat perancangan untuk menyediakan rakyat negara ini dengan tempat tinggal yang mencukupi dan selesa.

Penyertaan melalui Skim Rancangan Perumahan Negara, Skim Tanah Kurnia Rakyat Jati, Skim Pengurniaan Tanah dan Infill (SPT) dan Skim Ekspo Perumahan 99, memberikan golongan rakyat terutama yang berpendapatan rendah, rakyat yang tidak mempunyai tanah, dan rakyat yang tidak dapat memajukan tanah mereka disebabkan masalah tertentu, berpeluang sama-sama menikmati kehidupan harmoni.

SKIM PERUMAHAN

Kesemua skim-skim tersebut mendapat sambutan daripada kalangan rakyat dan pihak kerajaan terus memberikan perhatian utama dengan merancang dan menyediakan peruntukan melalui rancangan-rancangan kemajuan negara.

Beberapa skim perumahan telah digubal termasuk yang pertama sekali iaitu Skim Perpindahan dan kemudiannya ditingkatkan lagi sebagai Rancangan Perumahan Negara dan juga Skim Tanah Kurnia Rakyat Jati.

Dengan memperkenalkan skim-skim tersebut, sambutan dan permintaan daripada lapisan masyarakat di negara ini amat menggalakkan sehingga rancangan-rancangan memajukan perumahan kos rendah merupakan salah satu komponen terbesar dalam peruntukan Rancangan Kemajuan Negara dan peruntukan tahunan Jabatan Kemajuan Perumahan dan Jabatan Kerja Raya.

ASAS PERLAKSANAAN

Pemedulian kerajaan terhadap rancangan perumahan pada dasarnya telah dilaksanakan semasa pemerintahan



ayahanda Kebawah Duli Yang Maha Mulia, Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien apabila Rancangan Perumahan/Perpindahan Negara (yang pertama) yang memperuntukkan 56 ekar tanah bermula pada tahun 1951.

Rancangan tersebut dikenalal oleh Jabatan Perpindahan Kampong Ayer ke darat dan sejumlah 28 keluarga dari Kampong Bendahara Lama (Kampong Ayer) berpindah ke kawasan perpindahan Kampong Bunut di Mukim Kilanas dengan menerima sebidang



MENINJAU Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berarigkat meninjau kawasan perumahan di Kampong Rimba.

tanah seluas 2.0 ekar untuk tujuan pembinaan rumah dan kegiatan pertanian.

PERPINDAHAN KEDUA

Seterusnya Jabatan Perpindahan Kampong Ayer mengendalikan Rancangan Perumahan/Perpindahan Negara (Kedua) tahun 1953 memperuntukkan Perpindahan Kampong Burong Pinggal Berakas, Kampong Pancha Delima, Kampong Pengiran Siraja Muda, Kampong Anggerek Desa dan Kampong Orang Kaya Besar Imas juga di Mukim Berakas.

Rancangan tersebut umum-

nya adalah untuk memindahkan sebahagian penduduk penduduk Kampong Ayer ke darat dan seramai 48 keluarga menyertai rancangan Perpindahan Kampong Burong Pinggal Berakas dan setiap keluarga diperuntukkan tanah seluas 0.5 ekar, manakala rancangan Perpindahan Kampong Pancha Delima, Kampong Pengiran Siraja Muda, Kampong Anggerek Desa dan Kampong Orang Kaya Besar Imas disertai oleh 197 keluarga dengan masing-masing diperuntukkan tanah seluas 2.0 ekar.

Kemudian pada tahun

1994, Kampong Pancha Delima, Kampong Pengiran Siraja Muda, Kampong Anggerek Desa dan Kampong Orang Kaya Besar Imas dirancang semula dengan tiap-tiap lot asal (keluasan 2.0 ekar) dibahagikan kepada beberapa bahagian lot. Ketua keluarga (pemilik lot asal) mendapat satu lot keluasan 0.5 ekar dan selebihnya diperuntukkan kepada anak-anak pemilik lot asal berkenaan dengan masing-masing diperuntukkan seluas 0.25 ekar.

Kawasan perpindahan itu pada mulanya dikawal oleh Jabatan Kemajuan Perumahan

(Jabatan Perpindahan sebelumnya) dan sekarang pengawalannya di bawah Jabatan Perancangan Bandar dan Desa.

PERPINDAHAN KETIGA

Rancangan Perumahan/Perpindahan Negara Ketiga pula melibatkan 54 keluarga menyertai rancangan Perpindahan Kampong Jaya Setia Berakas dan setiap keluarga diperuntukkan dua lot iaitu satu lot bagi bangunan rumah keluasan 0.5

Lihat muka VII



TERSUSUN Pembinaan lot-lot rumah Skim Perumahan di Daerah Belait berjalan lancar mengikut perancangan dan peringkat.



INFRASTRUKTUR perhubungan jalan raya terdapat di setiap kawasan perumahan bagi memudahkan hubungan perjalanan para penduduk.

Perumahan negara bawa kesejahteraan rakyat

Dari muka VI

ekar dan satu lot keluasan 4.5 ekar pula untuk tanaman pokok getah. Bagaimanapun, daripada lot-lot tersebut diambil balik oleh kerajaan kerana terlibat dengan rancangan Lapangan Terbang Antarabangsa Berakas serta jalan raya.

Sementara itu rancangan Perpindahan Kampong Jaya

Bakti Berakas khas melibatkan perpindahan bagi pegawai-pegawai kerajaan yang tinggal di Kampong Ayer. Seramai 37 keluarga menyertai rancangan itu dengan diperuntukkan tanah seluas 0.75 ekar bagi pembinaan rumah daripada Skim Pinjaman Kerajaan dan selebihnya ditanami dengan pokok buah-buahan.

DILANJUTKAN

Pemedulian terhadap rancangan perumahan ini dilanjut-

kan kemudian oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassan Bolkiah Mu'izzaddin Wadaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dalam titah baginda semasa membuka rasmi Persidangan Majlis Mesyuarat Negeri Ke-21 di Dewan Majlis pada 21 Disember, 1983 yang bertitah untuk menyediakan satu rancangan secara besar-besaran membahagikan tanah kepada rakyat jati yang tidak mempun-



PRIHATIN Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkesempatan beramah mesra dengan rakyat yang terpilih menyertai Skim Rancangan Perumahan Negara.

nyai tanah untuk membolehkan mereka mendirikan rumah di atas tanah itu.

Syarat-syarat dan peraturan-peraturan pembahagian tanah itu, titah baginda, akan disusun dengan teliti supaya pembahagian itu akan dapat dilaksanakan dengan secara adil dan saksama, supaya mereka yang benar-benar memerlukan tanah dan rumah kediaman akan diberikan keutamaan.

Baginda bertitah menjelaskan bahawa skim pembahagian tanah itu akan dikaitkan dengan satu tabung bantuan pembinaan rumah untuk rakyat, yang mana butir-butirnya akan disusun supaya membolehkan rakyat jati yang telah mendapat tanah di bawah skim berkenaan memperoleh pinjaman wang untuk membina rumah kediaman.

Ke arah merealisasikan hasrat baginda itu, Jabatan Kemajuan Perumahan bertanggungjawab bagi perancangan, reka bentuk, pelaksanaan, mengendalikan pemeliharaan serta memperluaskan fungsinya daripada menempatkan penduduk yang tinggal di Kampong Ayer ke darat kepada menyediakan rumah untuk semua rakyat yang berkelayakan melalui Skim Rancangan Perumahan Negara.

KAWASAN DIMAJUKAN

Berdasarkan kaji selidik dan proses tertentu, sembilan kawasan yang terdiri dari Lambak Kanan, Rimba, Mentiri dan Meragang di Daerah Brunei-Muara; Bukit Beruang, Daerah Tutong; Kampong Pandan, Sungai Liang/Lumut, Lurong Tengah, Seria, Daerah Belait dan Kampong Rataie di Daerah Temburong telah mendapat perkenan untuk dimajukan bagi Skim Rancangan Perumahan Negara.

Perlaksanaan kawasan-kawasan tersebut berjalan lancar mengikut Rancangan Kemajuan Negara dengan menyediakan lima jenis rumah yang terdiri daripada kelas 'A', 'B', 'C', 'D' dan 'E' dengan masing-masing berharga antara B\$52,000.00 ke B\$95,000.00

RANCANGAN KEMAJUAN NEGARA

Dalam Rancangan Kemajuan Negara Kelima (1985-1990), sejumlah 534 buah rumah dan 56 unit teres telah disiapkan bagi beberapa kawasan di Daerah Brunei-Muara,

Tutong dan Temburong seperti berikut:

- * 464 buah rumah dan 56 unit teres di Skim Perumahan Lambak Kanan.
- * 42 buah rumah di Skim Perumahan Bukit Beruang.
- * 28 buah rumah di Skim Perumahan Kampong Rataie.

Kemudian dalam Rancangan Kemajuan Negara Keenam (1991-1995), sejumlah 3,131 buah rumah, 84 unit teres dan 72 unit flat transit berjaya dilaksanakan di keempat-empat daerah seperti berikut:

- * 1,399 buah rumah, 84 unit teres di Skim Perumahan Lambak Kanan, 227 buah rumah di Skim Perumahan Kampong Rimba, 546 buah rumah dan 72 unit flat transit di Skim Rancangan Kampong Mentiri.
- * 346 buah rumah di Skim Perumahan Bukit Beruang Tutong.
- * 49 buah rumah di Skim Perumahan Kampong Rataie Temburong.
- * 564 buah rumah di Skim Perumahan Kampong Pandan Belait.

Pada tahun 1996 pula sejumlah 489 buah rumah juga telah dapat disiapkan dengan jumlah:

- * 143 buah rumah di Skim Perumahan Lambak Kanan dan 92 buah di Skim Perumahan Kampong Rimba.
 - * 147 buah rumah di Skim Perumahan Kampong Pandan, Belait.
 - * 116 buah rumah di Skim Perumahan Bukit Beruang, Tutong.
- Pada tahun berikutnya 1997 pula sejumlah 470 buah rumah telah berjaya disiapkan di Daerah Brunei-Muara dan Daerah Belait yang masing-masing dibahagi kepada:
- * 61 buah di Skim Perumahan Lambak Kanan dan 294 buah rumah di Skim Perumahan Kampong Rimba.
 - * 75 buah rumah di Skim Perumahan Kampong Pandan Belait.

LOT SRPN

Keseluruhannya, setakat ini sejumlah 2,417 lot didiami oleh kira-kira 15,750 penduduk dalam Skim Rancangan Perumahan Negara Lambak Kanan, di Kampong Rimba sejumlah 2,500 lot didiami oleh 16,250 penduduk, Kampong Mentiri

sejumlah 700 lot didiami oleh 4,600 penduduk, Kampong Serasa 52 lot didiami oleh 340 penduduk, Bukit Beruang 1,690 lot didiami oleh 11,000 penduduk, Kampong Pandan 1,450 lot didiami oleh 10,000 penduduk dan Kampong Rataie 428 lot didiami oleh 2,800 penduduk.

Selain kemudahan perumahan, setiap kawasan juga dilengkapi dengan kemudahan-dewan serbaguna bagi kegiatan-kegiatan riadah, masjid untuk beribadat, struktur perhubungan jalan raya serta sekolah-sekolah rendah dan menengah yang semata-mata untuk memberikan kesejahteraan hidup rakyat.

MAJLIS EKONOMI NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

Melihat kepada keperluan perumahan yang sentiasa meningkat, Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia melalui Projek Pemulihan Ekonomi, Majlis Ekonomi Negara Brunei Darussalam tahun ini akan membina 140 unit rumah kelas 'D' dan 71 unit teres di Rancangan Perumahan Negara Lambak Kanan, Rimba dan Kampong Pandan.

Pembinaan yang sebahagiannya sudah dijalankan ini akan dapat membantu mengurangkan senarai menunggu bagi pemohon-pemohon yang layak menyertai Rancangan Perumahan Negara.

SIFAT PEMEDULIAN

Sebagai kesimpulannya, usaha pemedulian Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia amat dihargai dan disanjung tinggi oleh rakyat ke arah menjadikan taraf hidup rakyat lebih selesa, aman dan damai.

Sumbangan sedemikian dapat meringankan beban rakyat terutama mereka yang berpendapatan rendah yang tidak mampu memiliki rumah, dapat memiliki rumah kediaman sendiri melalui beberapa skim yang diperuntukkan dengan syarat-syarat tertentu.

Justeru, sikap keprihatinan dan sifat penyayang yang dimiliki oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam terhadap rakyat, memperlihatkan baginda seorang pemimpin yang sentiasa berusaha ke arah kemajuan dan kesejahteraan rakyat sebagaimana yang telah dinikmati ketika ini.



INDAH Kemudahan untuk melakukan amal ibadat di masjid tidak diabaikan malahan sentiasa diambil kira dalam perancangan Skim Perumahan Negara.

DI ERA globalisasi ini setiap negara di dunia tidak kira negara maju atau negara sedang membangun berlumba-lumba dengan pelbagai cara untuk meningkatkan dan memantapkan ekonomi negara masing-masing.

Keadaan ekonomi negara yang mantap bergantung kepada kerjasama dan perpaduan semua pihak bagi menjayakannya kerana tanpa adanya sikap sedemikian itu sesuatu usaha yang hendak dicapai tidak akan berhasil.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sempena sambutan perayaan Hari Kebangsaan Ke-15 antara lain bertitah, "Kerjasama yang seerat-eratnya di antara kera-

jaan dan rakyat amatlah mustahak. Tanpa kerjasama yang sedemikian itu, program-program kerajaan tidak akan dapat berjalan dengan lancar."

Di Negara Brunei Darussalam, jika di zaman sebelum kita mencapai kemerdekaan kita masih bergantung sepenuhnya kepada hasil pendapatan minyak dan gas, namun sekarang pergantungan ekonomi negara terhadap hasil kedua-dua sumber tersebut telah beralih mengikut peredaran masa dengan meneroka pelbagai cabang industri sama ada industri ringan, kecil atau sederhana.

Selain itu kejatuhan harga minyak yang membimbangkan negara-negara pengeluar minyak utama dunia tidak terkecuali negara kita, telah cukup memberi petanda bahawa hasil minyak tidak selamanya memenuhi keperluan negara.

TINGKATKAN EKONOMI

Dari itu telah memberikan ilham bahawa kita, tidak ada pilihan lain selain daripada mempelbagaikan bidang perindustrian ke arah meningkatkan ekonomi negara.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam semasa melawat Industri perkilangan kayu tempatan.

Perindustrian mantapkan ekonomi negara

OLEH DK. HJH. SAIDAH PHOA

Tindakan mempelbagaikan industri di negara ini perlu dilakukan di samping industri minyak dan gas yang sedia ada meskipun negara masih mampu meng-

hasilkan kedua-dua sumber asli tersebut hingga di tahun-tahun berikutnya. Gabungan kedua-dua industri minyak dan gas serta penemuan industri-industri

lain akan lebih meningkatkan dan memantapkan lagi ekonomi negara.

Sehubungan dengan itu, Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia melalui Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama berusaha meningkatkan dan memajukan pelbagai bidang

perindustrian antaranya perindustrian yang berasaskan kepada sumber-sumber utama seperti keperluan ma-

tungan, berikutan permintaan penggemar-penggemar makanan laut di negara ini yang semakin meningkat.

Penghasilan makanan laut selain dipasarkan begitu saja, ianya juga boleh diproses dalam bentuk makanan lain seperti keropok, bebola ikan atau udang dan ikan masin.

Selain itu kita juga mempunyai prospek dalam bidang pertanian iaitu pengeluaran beras, buah-buahan tempatan, sayur-sayuran dan ternakan.

Penghasilan sayur-sayuran hampir mencapai tahap keperluan sendiri. Pencapaian itu berikutan semakin ramai rakyat menceburi diri dalam perusahaan tersebut meskipun sebahagiannya dilakukan secara sambilan sahaja.

Manakala bidang ternakan seperti lembu, kam-

DI NEGARA Brunei Darussalam, jika di zaman sebelum kita mencapai kemerdekaan kita masih bergantung sepenuhnya kepada hasil pendapatan minyak dan gas, namun sekarang pergantungan ekonomi negara terhadap hasil kedua-dua sumber tersebut telah beralih mengikut peredaran masa dengan meneroka pelbagai cabang industri sama ada industri ringan, kecil atau sederhana.

kanan.

Temakan ikan air tawar dan dalam sangkar terapung serta udang harimau mempunyai masa depan yang cerah untuk dimajukan sebagai salah satu bidang industri mengun-

bing dan ayam pedaging serta telur juga amat menggalakkan dan ianya telah dapat menampung keperluan negara.

Lihat muka IX



INDUSTRI simen terus mendapat pasaran yang menggalakkan dan meningkat.



INDUSTRI pakaian tempatan menembusi pasaran antarabangsa.



BAGINDA dengan penuh minat menyaksikan hasil-hasil pakaian tempatan.

Dari muka VIII

MENGURANGKAN PENGALIRAN WANG

Sungguhpun tidak dapat dinafikan sebahagian besar daripada keperluan barang-barang makanan di negara ini masih bergantung kepada pembekal dari luar negara, tetapi adalah lebih baik lagi jika keperluan tersebut dibekalkan sendiri oleh pengusaha-pengusaha tempatan bagi mengurangkan pengaliran wang ke luar negara. Barang-barang tersebut lebih murah harganya dijual di pasaran dan lebih tinggi mutunya dan masalah pengangguran sedikit sebanyak boleh diatasi.

Salah sebuah syarikat yang menempa nama ketika ini ialah Syarikat Sabli yang membekalkan pelbagai keperluan makanan seperti kicap, sos, rempah ratus dan makanan dalam paket atau tin yang dijual di gedung-

gedung perniagaan di negara ini.

Dengan adanya syarikat tempatan seumpama itu akan dapat membantu negara dalam mengatasi masalah pengangguran yang tidak dapat dielakkan bukan sahaja berlaku di negara ini tetapi juga meliputi seluruh dunia.

Manakala perusahaan air galian juga memberikan petanda yang cerah untuk berkembang maju dalam perindustrian, terutama sekali perusahaan kecil dan industri ringan yang perlu diberikan dorongan sematamata bagi mencapai matlamat untuk menggantikan import dan meningkatkan eksport.

Sementara dalam bidang pembuatan pakaian juga tidak kurang mendapat sambutan menggalakkan di negara ini terutama sekali musim-musim perayaan seperti Hari Raya Aidilfitri. Pada waktu-waktu seumpama itu kedai-kedai membuat pakai-

an terutama pakaian wanita telah menerima tempahan sebulan atau dua bulan sebelum Hari Raya menjelang.

Mereka yang mempunyai kemahiran dan modal yang mencukupi, tidak akan sia-sia membuka perusahaan seumpama itu sebaliknya akan mengaut lebih banyak keuntungan daripadanya.

Usaha kerajaan memajukan sektor pelancongan di negara ini telah mendapat sokongan daripada semua pihak, sama ada pihak swasta, masyarakat kampung dan bandar, persatuan dan juga usahawan perseorangan.

Di samping perusahaan seperti itu, persatuan wanita atau orang-orang perseorangan yang mempunyai kepakaran dan minat dalam mengusahakan hasil kraf tangan atau makanan tradisional seperti kerepek ubi, pelbagai jenis kuih kering atau beraneka jenis jeruk

Perindustrian mantapkan ekonomi negara

boleh dipasarkan di negara ini.

Jika negara lain berjaya menghasilkan perusahaan seumpama itu dan boleh menembusnya hingga ke pasaran luar negara, kenapa kita tidak mengikut jejak mereka dengan menghasilkan perusahaan kita sendiri dan jika perlu menandingi mereka.

MEMPERKENAL MAKANAN TEMPATAN

Melalui perusahaan sedemikian itu kita juga akan dapat mempromosikan ne-

Dengan langkah sedemikian mereka bukan sahaja mendapat pulangan hasil yang lebih menguntungkan tetapi juga akan dapat mendedahkan negara ini kepada mata dunia.

Sememangnya sektor pelancongan boleh mendatangkan banyak faedah kepada kita. Antara faedah yang sering dikaitkan dengan sektor tersebut ialah perolehan daripada pertukaran mata wang asing, pewujudan peluang pekerjaan dan niaga, penyediaan infrastruktur dan pengindahan kawasan supaya lebih menarik.

Usaha kerajaan memajukan sektor pelancongan di negara ini telah mendapat sokongan daripada semua pihak, sama ada pihak swasta, masyarakat kampung dan bandar, persatuan dan juga usahawan perse-

orangan.

Bagi negara maju, sektor berkenaan memainkan peranan utama bagi menggerakkan ekonomi negara itu. Negara-negara membangun seperti ASEAN juga memberi pendekatan terhadap sektor tersebut

Kebanyakan negara ASEAN termasuk negara kita memang kaya dengan sumber alam semula jadi. Kehijauan flora dan fauna, taman rekreasi dan pantai yang cantik merupakan daya tarikan utama kepada pelancong.

Perkembangan infrastruktur berasaskan sumber alam semula jadi boleh mendatangkan pulangan yang besar kepada ekonomi negara. Untuk mencapai hasrat itu, alam sekitar perlu dipelihara dan dikekalkan untuk menghasilkan nilai tambahan, pekerjaan dan produktiviti.



BEKALAN ayam pedaging negara ini mencukupi untuk keperluan saradiri.



PERUSAHAAN Sabli merupakan perusahaan tempatan yang berjaya berkembang maju.

Sempena TMB 2001 juga pengusaha-pengusaha kecil dan sederhana dilibatkan sama dalam pelbagai ekspo yang diunkayahkan di negara ini. Melalui ekspo tersebut, pengusaha-pengusaha akan dapat memperkenalkan produk mereka masing-masing dan jika berpeluang akan dapat meneroka bidang perniagaan lebih luas lagi dengan membuka perniagaan usaha sama dengan pengusaha-pengusaha luar negara.

DAULAT
KEBAWAH
DULI
TUAN
PATIK

Institusi masjid kukuh syiar Islam

KEISTIMEWAAN sebuah masjid itu bukan terletak kepada kecantikan reka bentuk dan kelengkapan infrastrukturnya, tetapi yang lebih penting lagi ialah aspek keilmuan dan kerohanian yang menyumbang kepada pembentukan jati diri umat Islam yang beriman dan bertakwa, termasuk golongan belia di negara ini dalam menghadapi cabaran dan pengaruh yang boleh mendatangkan kemudaratkan kepada umat Islam.

Masjid bukanlah sama seperti bangunan-bangunan yang lain. Masjid mempunyai status yang tersendiri dengan tidak mengira apa jua saiz dan bentuknya. Orang yang berada di dalamnya bukanlah sebarang orang tetapi mereka ini adalah golongan yang ingin beribadat bagi memperoleh pahala dan keredaan serta ingin menghampirkan diri kepada Allah Subhanahu Wataala.

Orang yang memakmurkan masjid baik untuk bersembahyang atau mengerjakan apa-apa jua kebajikan adalah semata-mata untuk beribadat bagi memperoleh pahala dan keredaan daripada Allah Subhanahu Wataala dan jika dalam masa itu juga mereka berniat dengan niat beriktikaf, maka pahalanya berganda-ganda, akan diterima sebagai amal kebajikan. Namun masjid bukan setakat untuk bersembahyang atau mengerjakan ibadah sahaja malah ianya boleh dijadikan sebagai pusat ilmu.

Kita amat mengalu-alukan kecenderungan bagi memanfaatkan masjid sebagai pusat ilmu dengan mengadakan kutubkhanah-kutubkhanah atau mini kutubkhanah bagi kegunaan orang ramai merujuk dan membaca kitab-kitab. Ini adalah salah satu langkah bagi menarik minat orang ramai untuk sentiasa memakmurkan masjid di samping memperdalam ilmu pengetahuan.

Keberkesanan penyebaran ilmu ini akan tambah ketara lagi bilamana terdapat para Pegawai Masjid sendiri yang mampu menjadi guru kepada orang ramai. Dalam makna mereka juga imam dan mereka juga muslim kepada jemaah masing-masing. Tentunya langkah ini akan tambah meningkatkan imej dan kewibawaan para Pegawai Masjid itu sendiri, di samping mempererat lagi hubungan silaturahim antara orang ramai dengan pihak masjid.

LAMBANG KEMULIAAN

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ketika berangkat merasmikan salah sebuah masjid di negara ini.

Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah bertitah bahawa masjid adalah penting dalam menonjolkan syiar Islam di negara ini. Kerana masjid adalah lambang kemuliaan dan keagungan yang sebenar-benarnya.

Menurut baginda, sejarah telah menunjukkan bahawa di mana sahaja Islam itu bertapak dengan kuatnya, pembinaan masjid adalah diutamakan, tidak pernah diabaikan. Ia dibina seindah dan sekukuh yang mungkin. Perkara ini insya-Allah tidak akan berakhir sampai bila-bila.

"Cubalah kita lihat sahaja umpamanya, berapa kali pembesaran dan pemodenan dilakukan ke atas Masjid-masjid Al-Haram di Mekah dan An-Nabawi di Madinah. Semuanya ini membuktikan tentang keajaiban dan kebenaran Islam yang menjadikan masjid itu sebagai 'Rumah Allah'," titah baginda sempena merasmikan Masjid Kampung Bunut pada 16 Julai, 1993.

Menurut baginda, sejarah juga membuktikan bahawa masjid bukan sahaja digunakan untuk sembahyang, malah juga untuk membina kehidupan. Daripadanya terpancar segala macam ilmu, perkhidmatan dan dakwah. Ia tidak pernah berhenti daripada berfungsi. Atas alasan inilah masjid itu perlu diberikan perhatian yang khusus dan istimewa sebagai pusat kegiatan ummah.

Apa yang perlu, masjid akan dapat menjadi pusat pemikiran, pusat perkembangan ilmu atau dengan kata lain pusat tercetusnya budaya dan tamadun ummah. Masjid juga merupakan wadah yang terpenting bagi umat Islam, di mana di sinilah mereka bangun dan tumbuh selaku umat yang paling dimuliakan oleh Allah.

Satu gambaran yang menggemirakan di negara kita, masjid-masjid amatlah sangat

mendapat sambutan daripada kalangan umat Islam di mana ada terdapat masjid kampung misalnya yang baru dibina berdasarkan keramaian penduduknya dengan jangkaan ianya akan dapat menampung keperluan jemaah sehingga untuk sekian tahun, tetapi apabila telah siap dan mula digunakan, maka masjid tersebut didapati sudah pun penuh dan sempit bagi menampung keramaian para jemaah. Ini adalah petanda meningkatnya kema-juan dari segi rohani.



BANGUNAN-BANGUNAN masjid yang dibina di negara ini adalah sebagai pusat ilmu.

OLEH ALIDDIN HAJI MOKTAL

KEGIATAN BERMANFAAT

Bagi tujuan untuk menyemarakkan dan terus menyuburkan fungsi masjid dalam kehidupan masyarakat, hendaklah diikuti dengan langkah-langkah penerusan dan galakan, misalnya dengan mengadakan lebih banyak kegiatan-kegiatan yang bermanfaat yang bercorak ilmu yang akan berjalan dengan cara yang teratur serta berterusan pada setiap masjid di negara ini.

Sehubungan dengan itu, Kementerian Hal Ehwal Ugama melalui Jabatan Hal Ehwal Masjid telah merancang dan menyusun 51 aktiviti takmir yang dikendalikan oleh Bahagian Takmir/Daerah Masjid-masjid, Surau dan Balai-balai Ibadat di seluruh

negara sepanjang bulan Januari lalu sehingga Disember tahun 2001.

Aktiviti-aktiviti itu meliputi kegiatan harian, mingguan, bermusim serta berkala yang melibatkan semua golongan usia dalam usaha jabatan berkenaan memberi kesedaran dan kefahaman kepada orang ramai terutama para imam, ahli Jawatan Kuasa Takmir Masjid serta mendidik pertumbuhan mental, fizikal dan rohani masyarakat sekeliling.

Kegiatan-kegiatan yang dirancang dan disusun itu diharapkan akan dapat meneruskan lagi peranan masjid sebagai pusat kebajikan, persaudaraan, perkenalan dan penghubung sebarang masalah.

Lihat muka XI

SEJARAH telah menunjukkan bahawa di mana sahaja Islam itu bertapak dengan kuatnya, pembinaan masjid adalah diutamakan, tidak pernah diabaikan. Ia dibina seindah dan sekukuh yang mungkin. Perkara ini insya-Allah tidak akan berakhir sampai bila-bila.

Dari muka X

Program aktiviti Takmir Masjid tahun 2001 pula dijangka akan terus berupaya menarik lebih ramai penyer-taan orang ramai melalui siri-siri kursus, pertemuan belia, forum dan bengkel agama serta ceramah-ceramah motivasi. Antara kursus yang di-sasarkan kepada golongan belia serta kakitangan jabatan kerajaan termasuk Kursus-kursus Fardu Ain, Kifayah, Keluarga Bahagia dan Pengu-kuhan Akidah.

Inilah caranya bagaimana kita menggunakan masjid untuk memupuk serta memper-kaya 'personality' jemaah da-lam bidang-bidang ilmu, ke-rohanian, mental dan moral. Keberkesanan institusi masjid itu haruslah dipantau dari masa ke semasa agar potensi-nya dapat dimanfaatkan dan

bermanfaat yang bercorak ilmu secara teratur dan ber-terusan.

Baginda menyarankan, ji-ka semua masjid belum dapat mengadakan aktiviti tersebut, maka sekurang-kurangnya masjid-masjid utama dan masjid kampung yang ramai jemaahnya patutlah mem-punyai kelas-kelas agamanya yang berjadual tetap, di sam-ping fungsi dasarnya menyalaurkan dakwah dan khidmat asuhan secara umum.

Seterusnya baginda mene-kankan, melalui usaha-usaha itu kita dapat menggunakan masjid untuk memupuk dan memperkaya personaliti je-maah dalam bidang-bidang ilmu kerohanian, mental dan moral.

Sesebuah masjid itu titah baginda, akan menjadi hebat di hati manusia walaupun bentuknya sederhana sahaja apabila ia rancak berfungsi



DALAM siri lawatan ke kampung-kampung dan mukim-mukim negara ini, baginda juga berkesempatan mengadakan lawatan ke masjid-masjid seperi dalam gambar atas yang memperlihatkan baginda melawat salah sebuah masjid di Daerah Tutong.

Institusi masjid kukuh syiar Islam

pencapaiannya boleh ditingkatkan.

Masjid di dalam era globalisasi memerlukan kepimpinan yang bervisi, pegawai yang kreatif dan aktiviti yang bersesuaian dengan kehendak semasa yang menjurus kepada keimanan dan ketakwaan.

Untuk merealisasikan misi dan visi tersebut, masjid sebagai organisasi yang progresif harus memikirkan pendekatan segar dan mampu merancang strategi yang ber-paya membawanya ke tahap cemerlang.

Sebagaimana yang pernah dititahkan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam menekankan setiap masjid perlu disusuli dengan langkah-langkah pemeliharaan dan galakan seperti mengadakan aktiviti-aktiviti

menjalankan kegiatan-kegiatan keilmuan dan keagamaan.

Masjid adalah salah satu syiar agama yang amat penting. Tanpa masjid tidak akan wujud umat yang disegani serta berdaulat kerana masjid adalah merupakan punca dan sumber rahmat serta keberkatan daripada Allah Subhanahu Wataala. Memandangkan betapa pentingnya institusi masjid ini maka Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah meluluskan suatu peruntukan khas dalam Rancangan Kemajuan Negara Ke-6 bagi pembinaan masjid-masjid baru di seluruh negara. Hasrat suci tersebut telah tercapai dengan tidak ada sebarang halangan dan kesukaran.

Adalah menjadi tanggungjawab setiap umat Islam bagi memelihara masjid dengan sewajarnya. Kita sama-

sama mencurahkan buah fikiran dalam pelbagai rancangan berkebajikan di samping meningkatkan komitmen yang amat bermakna bagi menepati matlamat memakmurkan masjid. Komitmen kita sangat penting.

Tugas ini bukan semata-mata diserahkan kepada para Pegawai Masjid atau pihak agensi kerajaan yang bersangkutan tetapi menjadi tugas kita semua bagi sama-sama memeriah dan memberi erti sebenarnya kepada masjid yang berfungsi sebagai pusat ibadat dan pusat ilmu.

Dengan komitmen bersepadu daripada semua pihak diharap akan bertambah kukuh lagi masjid sebagai pusat ilmu dalam usaha mempertingkatkan kekuatan iman dan memperteguh semangat dan perpaduan umat Islam di bumi darussalam yang bertuah ini.



BAGINDA ketika berkenan merasmikan Masjid Kampong Bunut.



ORANG yang berada di dalam masjid bukanlah sebarang orang. Mereka adalah golongan yang ingin beribadat bagi menghampiri diri kepada Allah Subhanahu Wataala.

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

DAULAT KEBAWAH DULI TUAN PATEK

Meningkatkan Kemakmuran

"Mudah-mudahan berkat niat baik kita semua dalam menjalankan usaha-usaha dan rancangan-rancangan kerajaan, maka negara akan dapat menyaksikan hasilnya yang lumayan berupa: kemakmuran, keamanan dan kesejahteraan yang berpanjangan."



Perkara ini, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah, Mirzaakha Waddullah Bin Al-Muhammadiyah Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'at Al-Khazri Waddullah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Sempena Perayaan Hari Keputeraan Baginda Ke-55 tahun berempat di Istana Sanggahsanjaya Istana Besar, Istana Negeri Brunei pada hari Sabtu, 13 Rabiulakhir, 1421 bersamaan 15 Julai, 2000.

Memperingati Hari Puja Usia Yang Ke-55



بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

DAULAT KEBAWAH DULI TUAN PATEK

Kepimpinan

"Dalam usaha meningkatkan kesetabilan serantau, Negara Brunei Darussalam akan terus mengutamakan prinsip-prinsip kerjasama bersama dengan negara-negara sahabat."

Perkara ini, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mirzaakha Waddullah Bin Al-Muhammadiyah Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'at Al-Khazri Waddullah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Sempena Perayaan Hari Keputeraan Baginda Ke-55 tahun berempat di Istana Sanggahsanjaya Istana Besar, Istana Negeri Brunei pada hari Sabtu, 13 Rabiulakhir, 1421 bersamaan 15 Julai, 2000.

Memperingati Hari Puja Usia Yang Ke-55



بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

DAULAT KEBAWAH DULI TUAN PATEK

Raja Penyayang

"Dalam keadaan dunia yang mengalami perubahan serta cabaran yang hebat di abad baru ini, alhamdulillah, kita di negara ini terus dapat menikmati keamanan, pembangunan dan kemajuan, hasil dari usaha dan kerjasama semua pihak, baik ia pihak kerajaan mahupun sektor swasta, serta rakyat dan penduduk di negara ini".

Petikan titah, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah Ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Sempena Perayaan Hari Keputeraan Baginda Ke-54 tahun bertempat di Balai Singgahsana Indera Buana, Istana Nurul Iman pada hari Sabtu, 13 Rabiulakhir, 1421 bersamaan 15 Julai, 2000.

*Memperingati
Hari Puja Usia
Yang Ke-55*



بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

DAULAT KEBAWAH DULI TUAN PATEK

Memantapkan Akidah

"Sebagai sebuah negara yang mengamalkan ajaran-ajaran Islam menjadi cara hidup, maka kita akan terus bergerak menjalankan ajaran-ajaran yang indah itu dalam kehidupan kita."

Petikan titah, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah Ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Sempena Perayaan Hari Keputeraan Baginda Ke-54 tahun bertempat di Balai Singgahsana Indera Buana, Istana Nurul Iman pada hari Sabtu, 13 Rabiulakhir, 1421 bersamaan 15 Julai, 2000.

*Memperingati Hari Puja
Usia Yang Ke-55*



OLEH BOLHASSAN HAJI ABU BAKAR

ABAD ke-21 memerlukan peranan daripada setiap individu untuk sama-sama melaksanakan tanggungjawab yang dipikulkan, sama ada mereka berada di sektor awam atau swasta termasuk para belia yang sering dikategorikan sebagai aset penting kepada pembangunan negara.

Dengan kepesatan teknologi yang semakin pantas mengheret bersama gejala-gejala negatif yang jika tidak dibendung, akan membawa keruntuhan akhlak dan moral, terutamanya golongan belia yang mudah dipengaruhi oleh elemen-elemen yang tidak sihat.

Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan sebagai sebuah agensi kerajaan yang bertanggungjawab terhadap



Belia pemangkin pembangunan negara



PENGEMBARAAN Belia Kebangsaan merupakan salah satu program dwitahunan yang dianjurkan oleh Jabatan Belia dan Sukan, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.



KEMENTERIAN Kebudayaan, Belia dan Sukan adalah di antara agensi kerajaan yang dipertanggungjawabkan untuk merancang dan melaksanakan program kebeliaan.

PENYERTAAN para belia negara kita dalam program pertukaran belia antarabangsa antara lain bertujuan untuk mewujudkan perasaan muhibah di antara rakan-rakan dari luar negara.

dan matlamat kerajaan untuk membawa bangsa dan negara ke arah keamanan, perpaduan, kemajuan dan kemakmuran hidup.

Bagi mencapai cita-cita muni itu, belia-belia perlu memainkan peranan dengan cara yang betul dan teratur, bukannya sebagai anggota masyarakat yang tidak acuh dan tidak mengambil endah kepada keadaan sekeliling mereka.

Apa yang pasti, untuk menjamin masa depan negara dan mempertahankan kemerdekaan, kedaulatan bangsa dan kesucian agama, negara sangat-sangat memerlukan belia-belia yang berdisiplin, tahan lasak, berdikari, bertanggungjawab dan taat setia kepada bangsa dan negara serta cinta kepada agama.

Langkah Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan melalui Jabatan Belia dan Sukan dalam merancang kegiatan-kegiatan belia di negara ini adalah kena pada tempatnya dan seharusnya mendapat sokongan yang padu oleh semua lapisan masyarakat.

Memandangkan penglibatan belia-belia teramat penting, perancangan yang teratur dalam pelbagai kegiatan kebeliaan telah, sedang dan terus dirancang dengan teliti oleh pihak-pihak yang berkenaan agar penglibatan mereka tidak akan menjadi sia-sia.

Belia-belia yang menjadi penghuni lebih 70 peratus penduduk di negara ini harus tampil ke hadapan bagi menyahut seruan dan cabaran serta berganding bahu memajukan negara yang tercinta ini.

Kejayaan pembangunan negara amat bergantung kepada terasnya mental serta fizikal dan kesedaran belia-belia kita di negara ini bagi memikul tanggungjawab tersebut, kerana mereka bukan saja objek tetapi juga menjadi subjek dalam pembangunan negara.

kesejahteraan belia di negara ini, memainkan peranan merangka apa jua bentuk aktiviti yang menjurus kepada perkembangan mental dan fizikal mereka.

Bagaimanapun ini tidak bererti usaha cuma dilaksanakan oleh pihak kerajaan semata-mata. Pihak-pihak lain seperti pertubuhan-pertubuhan bukan kerajaan perlu sama menangan tanggungjawab dalam menyusun aktiviti-aktiviti yang berfaedah untuk para belia.

Melayu Islam Beraja.

Di waktu yang sama para belia juga perlu memiliki semangat nasional yang lebih kental, matang dan mampu bersaing, bukan hanya di peringkat nasional malah di peringkat serantau dan antarabangsa.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Digadong Seri Lela Dato Seri Paduka Haji Awang Hussain seterusnya menggesa para pemimpin belia masa kini supaya mengikis sindrom 'tunggau

UNTUK menjamin masa depan negara dan mempertahankan kemerdekaan, kedaulatan bangsa dan kesucian agama, negara sangat-sangat memerlukan belia-belia yang berdisiplin, tahan lasak, berdikari, bertanggungjawab dan taat setia kepada bangsa dan negara serta cinta kepada agama.

Dalam konteks pembangunan negara masa kini, cabaran kepimpinan belia adalah cukup kuat, kerana generasi penerus itu lebih terdedah kepada globalisasi dan perubahan-perubahan yang dibawa oleh Teknologi Info-Komunikasi (ICT).

SEMANGAT NASIONAL

Di Majlis Pembukaan Rasmi Kongres Agung Perwakilan Majlis Belia Brunei baru-baru ini, Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan turut menekankan terhadap keberkesanan kepimpinan belia dalam memastikan komitmen mereka dalam sama-sama membangun kaum belia berpandukan kepada calak Brunei yang berteraskan kepada falsafah

dan lihat' yang banyak mengakibatkan belia-belia kita tertinggal kerana ketidansaan untuk bersaing.

Negara memerlukan kepimpinan belia yang dapat berperanan lebih aktif untuk sama-sama mencorakkan hala tuju agenda pembangunan negara dan bukannya sekadar menunggu dan menerima faedah daripada pembangunan tersebut.

Malah, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam pernah bertitah bahawa belia-belia merupakan penggerak dan pendukung kepada semua dasar



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam selaku ketua dan pemimpin negara amat prihatin terhadap pelaksanaan jentera pentadbiran negara dan keprihatinan baginda jelas melalui lawatan-lawatan baginda ke jabatan-jabatan kerajaan.

OLEH SITI MUSLIHAT HS

CABARAN dan saingan yang semakin pantas dalam pelbagai aspek kehidupan seperti juga kepesatan teknologi masa kini memerlukan setiap individu untuk terus berusaha menyaingi atau sekurang-kurangnya setanding dengan kemajuan semasa.

Untuk berada setanding dengan kepantasan teknologi ini, ianya memerlukan kepakaran, kemahiran dan profesionalisme daripada setiap pekerja dalam segenap sektor pekerjaan sama ada di sektor awam atau swasta.

Dalam menghadapi cabaran-cabaran abad mendatang ini setiap sumber tenaga manusia perlu dibekalkan dengan beberapa ciri penting yang menjurus kepada komitmen berterusan dalam membangun kemajuan negara.

Adalah dipercayai kemajuan negara itu banyak bergantung kepada pembentukan kualiti manusianya baik di sektor perkhidmatan awam atau swasta sejajar dengan tamadun abad ke-21.

Dalam mengharungi abad ke-21 ini ianya memerlukan sikap warga pekerja yang berdisiplin, inovatif, kreatif, berdaya tahan, berakhlak tinggi, bersikap positif, berbudaya, beragama, rajin dan bersikap ingin maju.



PARA petugas yang berada di barisan depan juga tidak ketinggalan untuk sama-sama berperanan dalam melicinkan tuntutan dan kehendak orang ramai.

Bagaimanapun masih banyak ciri-ciri yang diperlukan oleh setiap pekerja khususnya dalam perkhidmatan awam untuk sama-sama menaikan kemajuan dan pembangunan negara.

PERKHIDMATAN AWAM SESUDAH MERDEKA

Negara Brunei Darussalam telah mengisytiharkan kemerdekaan sepenuhnya pada tahun 1984. Dalam titah pemsyihuran kemerdekaan tersebut Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah beritah:

"Negara Brunei Darussalam adalah dengan izin limpah kurnia Allah Subhanahu Wataala, akan untuk selama-lamanya kekal menjadi sebuah negara Melayu Islam Beraja yang merdeka, berdaulat dan demokratik, bersendikan kepada ajaran-ajaran agama Islam menurut Ahli Sunnah Wal-Jamaah dan dengan berasaskan keadilan, amanah dan kebebasan."

Melalui titah tersebut adalah jelas bahawa Negara Brunei Darussalam telah diasaskan di atas dasar yang kukuh dan mantap kerana mempunyai falsafah negara Melayu Islam Beraja yang berasaskan sejarah, budaya, warisan dan ajaran Islam.

Falsafah ini sebenarnya telah pun berakar umbi dan diterima turun-temurun. Ini merupakan hakikat yang tidak boleh dinafikan dan ia merupakan kesinambungan sejarah dan cita-cita bangsa Brunei.

Semasa Negara Brunei Darussalam mengisytiharkan kemerdekaan penuhnya ia telah pun mempunyai Sistem Perkhidmatan

Perkhidmatan awam jentera utama pentadbiran kerajaan

DAULAT
KEBAWAH
DULI
TUAN
PATIK

Awam yang berkesan terdiri daripada orang-orang Brunei sebagai kesinambungan perkhidmatan awam di zaman Brunei Berkerajaan Sendiri yang diasaskan oleh Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien.

Sejak mencapai kemerdekaan penuh pada tahun 1984, Negara Brunei Darussalam terpaksa memikul tanggungjawab urusan dalam dan luar negara untuk memastikan ianya duduk sama rendah dan berdiri sama tinggi dengan negara-negara merdeka yang lain.

Peranan, tugas dan tanggungjawab perkhidmatan awam sejak kemerdekaan jelas lebih berat dan mencabar dalam memenuhi tuntutan kemerdekaan, aspirasi nasional dan falsafah negara yang menjadikan Islam sebagai tujuannya.

Lihat muka XXIII

RUKUN AKHLAK DAN ETIKA KERJA PERKHIDMATAN AWAM NEGARA BRUNEI DARUSSALAM



Negara bertambah makmur

OLEH SAHARI AKIM

NEGARA Brunei Darussalam yang aman makmur dan sejahtera semakin dikenali di persada antara-bangsa dengan berkat kepimpinan bijaksana Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam serta sokongan dan ketaatsetiaan rakyat dan penduduk yang tidak berbelah bahagi kepada baginda.

Walaupun Negara Brunei Darussalam sebuah negara yang kecil dengan penduduknya yang sedikit tetapi ia mampu berdiri sama tinggi dan duduk sama rendah dengan negara-negara lain di dunia. Adunan kebijaksanaan pimpinan dan sokongan serta perpaduan yang diberikan oleh rakyat, negara ini berterusan menikmati keamanan, kemakmuran dan kesejahteraan yang dengannya kita mampu merancang dan melaksanakan program-program kemajuan negara.

Negara Brunei bukan sahaja dikenali sebagai sebuah negara pengeluar minyak dan gas yang kaya dan makmur di mana rakyat dan penduduknya hidup dengan keadaan mewah tetapi ia juga terkenal sebagai sebuah negara yang berpegang teguh kepada ajaran Islam, mengamalkan nilai-nilai budaya kemelayuan dan mengekalkan institusi beraja. Rangkuman daripada tiga unsur itu sebagai falsafah negara 'Melayu Islam Beraja' (MIB) yang menjadi teras kepada sistem kehidupan berbangsa dan bernegara.

Tradisi, adat resam dan tatasusila serta nilai-nilai murni budaya orang Brunei yang unik dan menjadi kebanggaan turun-temurun itu terus dipertahankan malah cukup dikagumi oleh masyarakat luar. Nilai-nilai murni seperti itulah menjadi jati diri bangsa yang membuahkan perpaduan dan kerjasama di kalangan rakyat dan penduduk negara ini yang dapat menjamin kestabilan secara berterusan.

Rakyat dan penduduk seharusnya mensyukuri nikmat Allah yang mengurniakan negara ini dengan hasil buminya yang melimpahruah, aman dan sejahtera serta terhindar daripada malapetaka dan bencana alam.

Selain dari itu, rakyat dan negara juga patut bersyukur kerana mempunyai seorang raja yang pemurah serta prihatin terhadap kebajikan rakyat, di samping bijaksana dan berwibawa menerajui kepimpinan negara.

Nikmat Allah yang begitu banyak hendaklah dipelihara, dipertahankan serta dipupuk dan ditingkatkan agar ia akan sentiasa subur dan berkembang. Inilah khazanah yang berharga yang perlu ditatag sebaik mungkin. Inilah warisan yang akan kita turunkan kepada generasi yang akan datang.

MENGEMBANGKAN SYIAH ISLAM

Agama Islam bertapak kuat di bumi Brunei Darussalam sejak berikutan lampau dan terus menerus dikembangkan dan dimartabatkan sebagai agama rasmi negara. Kepimpinan negara serta rakyat berpegang teguh kepada ajaran Islam dan menjadikannya sebagai teras pemerintahan serta kehidupan berbangsa dan bernegara.

Di bawah kepimpinan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, ajaran Islam sangat dititikberatkan dan dikembangkan seiring dengan usaha untuk mencapai kemajuan di dunia dan keabadian di akhirat.

Islam dijadikan teras dan sandaran dalam cara kehidupan berbangsa dan bernegara khususnya diterapkan dalam pentadbiran,

**DAULAT
KEBAWAH
DULI
TUAN
PATIK**

pendidikan, ekonomi, sosial dan budaya. Perkara tersebut diberikan penekanan kerana kita tahu Allah sahajalah tempat berserah, bertawakal, memohon serta mampu menunaikan setiap hajat manusia.

Pegangan tersebut jelas kita lihat daripada wawasan dan penekanan yang sering dititahkan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia termasuklah dalam titah baginda sempena Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam tahun 1422 Hijrah baru-baru ini.

Ketika mengimbas kembali perjuangan Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam dalam menegakkan syiar Islam, Kebawah Duli Yang Maha Mulia bertitah, "Selaku Nabi dan Rasul, Baginda telah menerima amanah daripada Allah dengan penuh tawakal dan ketaatan yang menjadikan Baginda itu sentiasa berjaya dan mendapat pertolongan."

Baginda menambah titah, "Inilah sebenarnya satu rahsia besar, rahsia ketuhanan, iaitu barangsiapa yang memelihara hubungannya dengan Allah, maka orang itu pasti tidak akan disia-siakan-Nya, pasti akan memperoleh bantuan dan pembelaan-Nya."

Menurut titah baginda punca daripada nikmat dan pertolongan yang dikurniakan oleh Allah Subhanahu Wataala kepada Rasulullah itu ialah tawakal, ketaatan, yakin dan istiqamah kepada Allah.

Ketika bertitah baginda juga menekankan bahawa, "Jika kita mahukan rahmat, ingin supaya rumah dan negara kita dipenuhi dengan rahmat maka caranya ialah kita isi ia dengan segala kebajikan, dan jangan sekali-kali kita undang apa saja jenis dan rupa kemungkaran, insya-Allah kita akan selamat dan negara juga selamat."

Baginda seterusnya bertitah, "Apabila rahmat dan berkat menjadi milik kita, maka tidak ada lagi yang perlu dibimbangkan. Kerana semua ini merupakan aset dan jambatan yang



PERPADUAN Suasana kemesraan antara Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam beserta anakanda-anakanda dan adinda baginda semasa Majlis Beramah Mesra Bersama Rakyat yang berlangsung di Jerudong Park pada tahun lepas.



PERBANKAN Baginda berbual mesra dengan seorang pegawai Bank Pembangunan Islam Brunei Berhad di majlis pertukaran bank tersebut kepada perbankan Islam.

mampu untuk menyampaikan kita kepada apa saja yang kita kehendaki berupa keamanan, keselamatan dan kemakmuran."

KEMAJUAN TIDAK DIABAIKAN

Di samping memperteguh keimanan dan mengembangkan syiar Islam di negara ini, kepimpinan baginda juga menjadikan kemajuan dan pembangunan dalam pelbagai bidang sebagai salah satu agenda utama. Kita memerlukan kemajuan di segenap bidang sesuai dengan tuntutan zaman dan era globalisasi.

Negara memandang bahawa kemajuan dan pembangunan adalah juga merupakan elemen penting yang membantu kepada wujudnya kestabilan dan kesejahteraan. Di zaman sains dan teknologi ini kita tidak mam-

pu ketinggalan daripada mengecapi kemajuan yang dengannya akan membolehkan kita bersaing dengan negara-negara luar.

Dari segi prasarana umpamanya, rancangan-rancangan kemajuan infrastruktur terus dilaksanakan bagi kemudahan rakyat dan penduduk yang dalam masa yang sama akan dapat menjana pertumbuhan ekonomi negara yang mapan. Teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) yang akan menjadi budaya kehidupan sehari-hari manusia sejagat juga diberikan tumpuan di negara ini. Ia akan menjadi penggerak dan penjana pelbagai kegiatan seperti pendidikan, perdagangan dan sebagainya.

Menyentuh mengenai kemajuan, Kebawah Duli Yang Maha Mulia menekankan akan perlunya usaha dan komitmen serta pengorbanan yang bukan sedikit yang mesti dilakukan dengan tabah dan berani, bukan sahaja di peringkat ketua dan pemimpin tetapi juga di peringkat akar umbi.

Ketika bertitah Sempena Sambutan Hari Kebangsaan Ke-17 pada 23 Februari 2001 baginda menyarankan, "Pintu usaha tidak boleh ditutup sama sekali kerana dengan menutupnya bermakna kita menolak perubahan kemajuan."

Baginda juga bertitah, "Apa yang kita harapkan, negara kita mestilah mempunyai

RAKYAT dan negara juga patut bersyukur kerana mempunyai seorang raja yang pemurah serta prihatin terhadap kebajikan rakyat di samping bijaksana dan berwibawa menerajui kepimpinan negara.

Lihat muka XVII



EKONOMI Baginda berserta para pemimpin ekonomi APEC semasa Sesi Retreat Mesyuarat Ketua-ketua Ekonomi APEC ketika negara menjadi tuan rumah mesyuarat tersebut.

Dari muka XVI

pasukan untuk membawanya ke hadapan bukan berundur ke belakang. Tiap-tiap orang perlu ghairah menyertainya, jangan ada yang berkecuali."

"Kemerdekaan akan hampa jika kita hanya bersikap menonton, tetapi di samping menonton, rakyat juga perlu sedar dan peka dengan apa yang terjadi di hadapan mereka," titah baginda.

Di samping melaksanakan pembangunan infrastruktur kemudahan asas termasuk perumahan, pembinaan jalan-jalan raya, telekomunikasi dan sebagainya untuk kemudahan dan kesejahteraan rakyat, kerajaan juga menumpukan kemajuan bidang pendidikan kerana dengan adanya ilmu pengetahuan sahaja negara akan dapat bergerak maju ke hadapan.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia semasa bertitah Sempena Tahun Baru Masihi 2001 antara lain menekankan, "Mana-mana masyarakat dan negara yang tidak mencapai paras pendidikan yang tinggi, lebih-lebih lagi dalam bidang teknologi dan teknologi maklumat akan tertinggal. Inilah realiti daripada proses globalisasi yang tidak dapat dielakkan oleh mana-mana negara."

PEMBANGUNAN SUMBER TENAGA MANUSIA

Tenaga manusia yang berilmu pengetahuan dan berkemahiran sangat-sangat diperlukan dalam proses pembangunan sesebuah negara apatah lagi dalam era globalisasi di samping terciptanya peralatan-peralatan moden serta berteknologi canggih yang menjadi keperluan dalam kehidupan seharian manusia.

Memandangkan pentingnya negara mempunyai sumber tenaga manusia yang berkebolehan dan berkemahiran dalam pelbagai bidang maka kerajaan adalah sangat-sangat menitikberatkan serta mengambil perhatian mengenai perkara tersebut.

Pelbagai usaha dilakukan oleh kementerian-kementerian, agensi-agensi awam dan swasta untuk memastikan supaya kita mempunyai kepakaran dan tenaga-tenaga berkemahiran untuk menaungi tanggungjawab dalam melaksanakan hasrat pembangunan nasional.

Usaha ini diurus melalui dasar pendidikan, latihan-latihan, kursus-kursus, seminar-seminar yang dilaksanakan secara berterusan. Ia di tingkat dan dipergiatkan untuk menepati kehendak dan keperluan semasa dan akan datang.

Bidang-bidang yang diperlukan termasuklah bagi sektor ekonomi, sains, kejuruteraan, teknologi maklumat dan komunikasi (ICT), pertanian, perubatan, perkilangan, pengangkutan, perkhidmatan dan seumpamanya.

Jika negara mampu melahirkan sumber tenaga manusia yang berkualiti dan berkepercayaan, kita bukan sahaja akan dapat memenuhi jawatan-jawatan yang masih dipegang oleh pakar-pakar asing malah mampu pula mereka cipta produk-produk dan mempelbagaikan atau memberi nilai tambah kepada penghasilan sumber alam yang terdapat di negara ini.

Perhatian kerajaan dalam hal ini jelas dilihat bukan sahaja untuk kepentingan negara ini semata-mata, malah pembangunan Tenaga Manusia (HRD) juga diberikan penekanan dan diangkat sebagai salah satu agenda ketika

Negara Brunei Darussalam menjadi tuan rumah kepada Sidang Kemuncak Ketua-ketua Ekonomi APEC 2000.

Keprihatinan ini juga turut disuarakan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia dalam titah baginda sempena Tahun Baru Masihi 2001 yang antara lain menekankan, "Tidaklah dapat dinafikan betapa mustahaknya sumber-sumber hasil semula jadi kepada pertumbuhan dan kemajuan sesebuah negara, akan tetapi sumber yang paling utama hari ini adalah sumber tenaga manusia."

Memandangkan pentingnya meningkatkan pembangunan sumber tenaga manusia bagi memenuhi keperluan perkembangan ekonomi baru, baginda menekankan perkara itu sekali lagi semasa bertitah di Mesyuarat Peringkat Tertinggi APEC Mengenai Human Capacity Building yang diadakan di Beijing pada 15 Mei, 2001.

Titah baginda, untuk memanfaatkan keuntungan daripada pasaran terbuka, ekonomi-ekonomi APEC hendaklah melengkapkan rakyatnya dengan tenaga yang sentiasa terkini yang dapat dibawa ke peringkat antarabangsa yang bersifat kompetitif secara keseluruhannya.

KERJASAMA SERANTAU DAN ANTARABANGSA

Konsep Perkampungan Sejagat (Global Village) menuntut negara-negara dunia untuk saling bergantung (inter-dependence) antara satu dengan yang lain. Sesebuah negara tidak boleh hidup bersendirian atau mengamalkan pintu tertutup melainkan menjalin kerjasama dan persefahaman khususnya dengan negara-negara jiran, di peringkat serantau dan antarabangsa.

Keselamatan serantau dan antarabangsa dipengaruhi oleh ikatan kerjasama dan persefahaman antara negara-negara di rantau dan benua berkenaan. Kemajuan ekonomi dan pasaran juga memerlukan interaksi niaga dengan negara-negara sahabat.

Negara di bawah kepimpinan Kebawah Duli Yang Maha Mulia sentiasa mengamalkan sikap sederhana dan terbuka serta menghu-

lurkan kerjasama dan persahabatan terutama dengan negara-negara jiran dan negara-negara antarabangsa umumnya.

Ke arah itu kita menganggotai pelbagai pertubuhan kerjasama serantau dan antarabangsa seperti Pertubuhan Negara-Negara Asia Tenggara (ASEAN), Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB), Pertubuhan Perdagangan Dunia (WTO), Pertubuhan Negara-Negara Berkecuali (NAM), Pertubuhan Persidangan Negara-Negara Islam (OIC) dan banyak lagi.

Melalui forum-forum tersebut, seperti juga negara-negara lain kita mempunyai hak dan suara yang sama dalam memberikan pandangan dan teguran mengenai isu-isu kenegaraan, serantau dan antarabangsa. Dalam setiap forum yang dianggotai kita berperanan menyumbangkan fikiran, tenaga dan material untuk merealisasikan program-program berkebaikan.

Keanggotaan kita dalam forum-forum tersebut bukan sahaja menguntungkan negara, malah demi keamanan dan kesejahteraan manusia sejagat pada keseluruhannya.

CIPTA KECEMERLANGAN

Selama 17 tahun menikmati kemerdekaan penuh negara, kita telah membuktikan keupayaan memikul tanggungjawab berbangsa dan bernegara. Walau bagaimanapun tugas mengisi kemerdekaan akan tetap berterusan dan tidak akan berhenti sampai bila-bila.

Dalam negara, kita telah dapat mewujudkan kestabilan dan kesejahteraan untuk kebajikan rakyat manakala di peringkat serantau dan antarabangsa kita juga mampu memperihatkan identiti dan jati diri kita sebagai sebuah negara yang berdaulat.

Kita patut bersyukur atas kejayaan yang telah dicapai tetapi kita tidak semestinya berpuas hati setakat yang ada. Yang penting kita harus terus meningkatkan usaha untuk menggapai kemajuan serta melakar kejayaan dan kecemerlangan.

Dua tahun kebelakangan ini kita telah dapat menjulang dan mengharumkan nama negara atas kejayaan dan kecemerlangan mengendalikan dan menjadi tuan rumah

kepada Sidang Kemuncak Ketua-ketua Ekonomi APEC (APEC 2000) dan Sukan SEA Ke-20.

Kedua-dua acara berprestij dan bertaraf antarabangsa itu telah mengangkat lagi martabat negara di arena antarabangsa. Kejayaan negara juga menjadi sanjungan bukan sahaja daripada negara-negara peserta dan ekonomi-ekonomi terlibat malah juga mendapat pujian dari ratusan wartawan yang datang membuat liputan serta negara-negara antarabangsa yang lain.

Pada akhir tahun 2001 ini, negara akan menjadi tuan rumah kepada Sidang Kemuncak Ketua-ketua Kerjasama ASEAN. Kita berharap dengan pengalaman yang ada serta komitmen daripada semua pihak, kita akan dapat mengendalikannya dengan lebih cemerlang lagi.

UTUHKAN PERPADUAN

Perpaduan di kalangan rakyat dan penduduk dengan kerajaan adalah sangat penting kerana ia merupakan kunci utama wujudnya kerjasama dan persefahaman yang membolehkan terlaksananya perancangan dan projek-projek pembangunan yang membawa kesejahteraan bangsa dan negara.

Tanpa adanya perpaduan yang kukuh, kesejahteraan tidak akan dapat dinikmati, kerana akan berlaku persengketaan dan pergesehan yang akan membantutkan segala perancangan dan pelaksanaan program-program pembangunan dan usaha-usaha berkebaikan.

Persaudaraan dan perpaduan sangat-sangat dituntut oleh ajaran Islam seperti yang terkandung dalam firman Allah Subhanahu Wataala dalam Surah Ali 'Imran: 103 yang tafsirnya, "Dan berperang teguhlah kamu sekalian kepada tali Allah (agama Islam) dan janganlah kamu bercerai-berai; dan janganlah nikmat Allah kepada kamu ketika kamu bermusuhan-musuhan (semasa jahiliah dahulu). Lalu Allah menyatukan antara hati kamu (sehingga kamu bersatu padu dengan nikmat Islam) maka menjadilah kamu dengan nikmat Allah itu orang-orang Islam yang bersaudara."

Ke arah itu Kebawah Duli Yang Maha Mulia juga sering mengingatkan rakyat dan penduduk negara ini untuk terus bersatu-padu serta mengelakkan perpecahan seperti yang baginda tekankan semasa bertitah Sempena Menyambut Awal Tahun Hijrah 1422 yang antara lain banyak menyebut tentang pentingnya perpaduan.

Baginda bertitah, "Kita turut berharap bahawa persaudaraan atau perpaduan akan menjadi agenda utama bagi umat Islam di tahun 1422 ini. Agenda-agenda lain bolehlah menyusul tetapi tanpa perpaduan apa jua jenis agenda akan mengalami kegagalan dan sia-sia.

Perpecahan adalah racun bagi pembangunan, apa jua jenis pembangunan, sama ada mental ataupun fizikal. Sementara perpaduan pula adalah ubatnya.

Maka, rawatlah pembangunan yang kurang sihat dengan perpaduan, insya-Allah segala-galanya akan berjalan dengan baik dan lincis."

Dengan berkat perpaduan dan persefahaman di antara rakyat dan kerajaan, di samping sentiasa tahu bersyukur dan memanfaatkan nikmat kurnia Allah Subhanahu Wataala, insya-Allah kita secara berterusan akan dapat menikmati kemakmuran dan mencipta kecemerlangan untuk nusa dan bangsa yang tercinta ini.



AGAMA Baginda berserta anakanda-anakanda dan adinda baginda mengesalai perarakan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam bagi tahun 1422 Hijrah mengelilingi ibu negara.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ketika melawat Hi-Tech Industrial Park, Republik Rakyat China.

Perhubungan canggih mantapkan pertumbuhan ekonomi

TEKNOLOGI maklumat dan komunikasi (ICT) dunia di abad ini semakin canggih dan berteknologi tinggi sehinggakan dunia hari ini tidak lagi bersempadan dari segi komunikasi dan maklumat serta tidak hairanlah mengapa pengeluaran alat perhubungan gergasi dunia sering bersaing untuk menghasilkan produk terbaru dalam masa yang singkat.

Di negara ini perkembangan dan kemajuan seperti ICT tidak mudah ketinggalan malah ada kalanya negara kita yang mendahului negara-negara lain di rantau ini dalam menggunakan atau memperkenalkan produk atau sistem keluaran telekomunikasi terkini.

Ini jelas disokong dalam titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sempena Tahun Baru Masihi 2001, antara lain menitahkan mana-mana masyarakat atau negara yang tidak mencapai paras pendidikan yang tinggi, lebih-lebih lagi dalam bidang teknologi dan teknologi maklumat akan tertinggal.

Titah baginda, inilah realiti daripada proses globalisasi yang tidak dapat dielakkan oleh mana-mana negara. Kaum belia yang merupakan kumpulan majoriti di negara ini perlulah menyedari hakikat tersebut dari awal-awal lagi, kerana pembangunan dan kece merlangan masa depan negara banyak bergantung kepada mereka.

Di samping itu sebagai menyahut cabaran, Kementerian Pendidikan telah mengambil punggur ke hadapan dengan menubuhkan Jabatan Teknologi Maklumat dan Komunikasi di kementerian berkenaan, yang berperanan untuk memulakan pelaburan kepada generasi muda dan penuntut-penuntut yang masih di sekolah rendah, menengah dan pengajian tinggi di negara ini.

Jabatan tersebut ditubuhkan dengan hasrat merancang penggunaan ICT dalam pendidikan serta diharapkan akan mencapai nisbah komputer pelajar 1:5 di peringkat pelajaran menengah dan 1:2 di peringkat pelajaran rendah.

PENURUNAN SEWA

Selain itu, Jabatan Telekom Brunei (JTB) juga terus menerus meningkatkan perkhidmatannya kepada orang ramai di negara ini

DAULAT
KEBAWAH
DULI
TUAN
PATIK

OLEH ABDULLAH ASGAR

dalam pelbagai cara termasuklah dengan mengadakan dan menambah perkhidmatan yang ada serta memberikan penurunan sewa dan harga pelbagai perkhidmatan.

Ini termasuklah dengan pematangan kadar sewa telefon daripada \$17.00 sebulan bagi persendirian dan \$25.00 bagi syarikat kepada hanya \$13.00 sebulan bermula tahun 2002.

Jelas terbukti bahawa JTB

terus memberikan komitmen kepada orang ramai agar mereka terus memperoleh perkhidmatan yang disediakan oleh kerajaan walaupun perkhidmatan seumpama ini juga ada diberikan oleh pihak swasta seperti perkhidmatan telefon bimbit.

JTB juga membuat penurunan harga kepada panggilan antarabangsa (IDD) daripada 30 peratus hingga 70 peratus bermula bulan Jun 2001 dengan

harapan pengguna telefon di negara akan terus membuat panggilan antarabangsa kerana kadar bayaran yang diturunkan.

Kerajaan melalui Kementerian Perhubungan akan sentiasa memastikan yang industri komunikasi di negara ini sentiasa peka terhadap kehendak pasaran dan kepentingan negara dan supaya ia akan dapat menarik pelabur luar negeri untuk membuat pelaburan dalam industri komunikasi ke negara ini.

Dengan pengenalan bayaran baru itu, kementerian

berkenaan akan dapat menampung sebahagian daripada perbelanjaan bagi menyediakan prasarana dan operasi perkhidmatan telefon terutama sekali rangkaian tempatan.

Di samping itu, ia juga bagi memastikan pengenalan baru tersebut tidak akan mengakibatkan bayaran perkhidmatan internet melebihi tiga sen seminit bagi menggalakkan lebih banyak penggunaan internet di kalangan penduduk negara ini.

Mengikut perhitungan kasar, dalam sebulan JTB boleh mengutip lebih 2.6 juta ringgit bagi panggilan IDD, tidak termasuk panggilan STD (standard trunk dial) dan perkhidmatan-perkhidmatan yang lain termasuklah internet melalui BruNet dan sebagainya.

Sehubungan itu, sempena Hari Telekomunikasi Sedunia setiap 17 Mei, JTB juga telah membuat beberapa promosi untuk orang ramai dan pengguna-penggunaanya.

Potongan harga panggilan antarabangsa untuk beberapa hari yang ditentukan adalah sebagai usaha menarik minat penduduk di negara ini menggunakan talian IDD bagi perhubungan dengan sanak saudara atau atas urusan perniagaan dan perdagangan.

Menurut laporan kasar pengguna internet dunia sekarang sudah mencapai hampir 300 juta daripada 200 buah negara, berbanding hanya 20 negara ketika ia mula diperkenalkan. Ini belum lagi termasuk pengguna telefon bimbit (selular) dan telefon biasa.

Di negara ini saja, pengguna internet sudah me-

lebih 100 ribu orang atau lebih 1.4 daripada penduduk negara. Begitu juga dengan pengguna-pengguna telefon bimbit yang mengikut statistik setiap hari terus bertambah, tambahan lagi nombor-nombor baru telah dikeluarkan oleh Data Stream Technology (DST).

Sementara itu kerajaan juga telah memberikan kebenaran kepada sebuah lagi syarikat swasta bagi menjalankan perniagaan dalam perkhidmatan telefon bimbit dan perkhidmatan yang lain.

Melalui kaji selidik yang dijalankan di beberapa buah negara ASEAN iaitu Republik Singapura, Malaysia dan Negara Brunei Darussalam, mendapati Republik Singapura merupakan negara yang tertinggi dalam penggunaan internet, diikuti Malaysia dan Negara Brunei Darussalam.

Semua itu menandakan penduduk negara ini semakin peka terhadap perkembangan teknologi telekomunikasi hingga mewujudkan 'cyber cafe' bak cendawan tumbuh di musim hujan, namun pihak kerajaan terpaksa mengawal dengan mengeluarkan lesen penyaliran kepada syarikat-syarikat yang berhasrat membuka 'cyber cafe' atau membuka perkhidmatan internet.

Kadar bayaran telah ditetapkan oleh pihak berkuasa bagi pemohon yang berjaya antaranya pembekal perkhidmatan internet \$1,000.00 setahun, penjual semula capaian internet tidak berpusat \$250.00 setahun dan penjual semula capaian internet berpusat juga dikenakan \$250.00 setahun.

PERKHIDMATAN internet pilihan terkini untuk berhubung dengan dunia luar di mana penggunaan internet di negara ini adalah yang ketiga tertinggi di ASEAN.

Lihat muka XXII

Kerajaan dan swasta berperanan tingkat pendidikan



OLEH SAMLE HAJI JAIT

PENDIDIKAN yang sempurna merupakan faktor utama kepada pembentukan generasi dan anak bangsa yang berilmu serta berkemahiran selaku penaraju bangsa, sekali gus menjadi aset berharga yang menyumbang kepada kemajuan negara.

Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam menyedari dan memberi keutamaan serta perhatian yang penuh kepada perkembangan serta kemajuan pendidikan yang dihasratkan untuk melahirkan anak bangsa yang mampu memimpin dan meneraju negara ke arah kecemerlangan.

Melihat kepentingan itu, kerajaan telah memperuntukkan berjuta-juta ringgit bagi melaksanakan kemajuan pendidikan rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam termasuk menyediakan infrastruktur pendidikan meliputi sekolah-sekolah rendah, menengah, institusi tinggi sehingga ke menara gading.

Perkembangan persekolahan di Negara Brunei Darussalam ketika ini jelas kian menghirup kemajuan yang boleh dibanggakan sejak bermulanya persekolahan yang berstatus kerajaan dan sekolah bukan kerajaan pada tahun 1959.

Kewujudan Universiti Brunei Darussalam, Institut Teknologi Brunei, institusi-institusi serta maktab-maktab di seluruh negara dilihat sebagai bukti kemajuan pendidikan negara ketika ini. Selain bertambah bilangan sekolah-sekolah rendah dan menengah, pertumbuhan sekolah swasta yang terus meningkat yang menggambarkan petunjuk positif bagi sama-sama menyumbang peranan ke arah kejayaan pendidikan di negara ini.

KEPENTINGAN PENDIDIKAN

"Untuk menghadapi kemajuan dan arus persaingan globalisasi tentu saja memerlukan persiapan dan bekalan yang cukup dari segi pengetahuan, pendidikan dan kemahiran sumber tenaga manusia," titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sempena menyambut Tahun Baru Masihi 2000.

Baginda menjelaskan negara-negara dunia semakin menyedari bahawa sumber manusia jika dididik, diasuh dan dibekalkan dengan kepandaian serta kemahiran dalam pelbagai bidang kemajuan, adalah tidak kurang pentingnya seperti sumber-sumber asli yang lain.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia bertitah strategi pembangunan negara hendaklah memberikan keutamaan paling tinggi terhadap penerapan ilmu pengetahuan dan pendidikan bagi mendapatkan kepandaian dan kemahiran yang dapat membuahkan kemajuan yang diharapkan, terutama dalam menghadapi arus dunia antarabangsa yang menghadapi persaingan yang semakin hebat.

BERGANDING BAHU

Hasrat murni kerajaan untuk menjadikan anak bangsa Brunei berpendidikan sehingga berjaya sempurna telah mendapat sokongan padu daripada pelbagai pihak di sektor swasta di negara ini.

Penglibatan positif mereka seperti mana yang dihasratkan Kebawah Duli Yang Maha Mulia itu telah menyumbang pelbagai bentuk bantuan termasuk sumber kewangan, tenaga manusia serta keperluan-keperluan peralatan pendidikan yang berkaitan.

Kepentingan penglibatan sektor swasta agar memainkan peranan yang sama dengan pihak kerajaan dan awam dari pelbagai bidang itu amat jelas ditekankan seperti titah baginda sempena menyambut Tahun Baru Masihi 2000 lalu.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sentiasa mementingkan dan memberi keutamaan terhadap perkembangan dan kemajuan pendidikan agar semua generasi mampu memimpin dan membawa negara ke arah kecemerlangan.

Sektor swasta banyak memainkan peranan utama dalam menggerakkan jentera ekonomi dan usaha-usaha kemajuan negara, manakala sektor awam lebih merupakan sebagai pemudah cara dan lebih menitikberatkan pemedulian serta kecemerlangan di segenap bidang.

"Kita inginkan sektor swasta yang dinamik dan berdaya maju serta mempunyai daya saing yang tinggi, sebagaimana juga kita mahu sektor awam dan perkhidmatan awam yang berteraskan kecemerlangan serta mempunyai etika kerja yang tinggi," jelas baginda.

SUMBANGAN SWASTA

Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia sangat menghargai peranan dan penglibatan sekolah-sekolah swasta dalam menggalang dan mendukung usaha-usaha kerajaan bagi memajukan pendidikan di negara ini.

Sekolah swasta yang pertama ditubuhkan di Negara Brunei Darussalam telah dimulakan oleh Syarikat Petroleum Melayu British (British Malayan Petroleum Company) di Seria, dalam tahun 1950 berikutan perkembangan perindustrian minyak.

Ketika ini, pertumbuhan sekolah-sekolah swasta semakin bertambah dan telah berjaya menyumbang kepada kejayaan dan kemajuan dalam pendidikan nasional dalam sama-sama berperanan mendidik anak bangsa Brunei.

Salah satu di antara sekolah swasta yang tertua beroperasi sehingga kini ialah Sekolah Nusa Laila Puteri. Setelah sama-sama berusaha bagi mendidik anak bangsa dan beroperasi lebih 25 tahun, sekolah tersebut telah menghasilkan kejayaan penuntut-penuntutnya sehingga melanjutkan pelajaran ke peringkat tinggi, malahan ada yang menjawat jawatan-jawatan penting di dalam perkhidmatan kerajaan dan sektor swasta.

Lebih dari itu, skim bantuan dan kemudahan persekolahan secara percuma kepada anak-anak yatim yang berumur dalam lingkungan lima hingga 12 tahun yang diperkenalkan sejak tahun 1977 merupakan sumbangan murni sekolah berkenaan sebagai tanggungjawab sosial.

Usaha kebajikan itu juga membuktikan sekolah berkenaan sama-sama memastikan agar semua anak bangsa di negara ini tidak ketinggalan mendapatkan kemudahan pen-

didikan yang akan menyumbang kepada agenda perkembangan dan pembangunan pendidikan di Negara Brunei Darussalam.

SUMBANGAN YSHHB

Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (YSHHB) ditubuhkan seperti titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia sempena Sambutan Jubli Perak baginda Menaiki Takhta yang dihasratkan sebagai wadah amal jariah baginda dan ahli keluarga baginda.

Memandangkan pendidikan merupakan aset penting dalam pembangunan sesebuah negara, YSHHB menyedari kepentingan untuk memperkembangkan dan mempertingkatkan potensi tenaga manusia selaras sebagai sebuah organisasi yang bertujuan untuk mempertingkatkan kesejahteraan kehidupan rakyat.

Ke arah itu, salah satu inisiatif yang diambil oleh yayasan ke arah tujuan itu ialah dengan memberi bantuan kewangan yang berbentuk sara hidup bulanan kepada penuntut-penuntut persendirian yang menuntut di seberang laut.

Melalui bidang pendidikan juga, YSHHB juga berhasrat memberikan dermasiswa kepada penuntut-penuntut yang memerlukan bantuan dari segi bayaran yuran sekolah, buku, alat projek, pakaian seragam sekolah, kenderaan, yuran peperiksaan dan elaun tunjangan menurut syarat-syarat dan kelayakan yang dikenakan oleh pihak yayasan dari masa ke semasa.

Sejak 1994 sehingga 1999, seramai 27 orang telah menerima bantuan kewangan pendidikan bagi melanjutkan pelajaran ke luar negara di pelbagai bidang termasuk kejuruteraan dan pendidikan.

Selain itu, yayasan juga menumpukan sumbangan bantuan ke atas penyelidikan dan perkembangan yang dijalankan oleh institusi pengajian tinggi bagi kepentingan kemajuan saintifik, teknologi dan kemasyarakatan.

Penubuhan Sekolah Rendah Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah yang bermula awal tahun 2000 merupakan kesinambungan daripada kejayaan penubuhan Taman Asuhan Kanak-Kanak Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah, juga turut menyumbang penerapan pendidikan di negara ini.



ANAK Brunei juga perlu diberi pendedahan lebih awal dalam sama-sama berlumba menimba ilmu berasaskan komputer agar tidak ketinggalan dan seiring dengan negara-negara lain.

DAULAT
KEBAWAH
DULI
TUAN
PATIK

Industri pertanian ke tahap sara diri

OLEH HAJI AHMAD HS

DALAM mendukung usaha Jabatan Pertanian untuk melipatgandakan pengeluaran sehingga ke tahap sara diri patut dijadikan satu detik yang dapat dibanggakan, kerana ia dapat membangkitkan semangat yang positif ke arah peningkatan penanaman dan pengeluaran hasil-hasil pertanian.

Ke arah mencapai sasaran itu, Jabatan Pertanian telah mengadakan insentif-insentif untuk pengusaha-pengusaha tempatan seperti mendapatkan tapak tanah, bekalan air dan elektrik, khidmat nasihat dan sebagainya.

Sasaran sara diri mencukupi kesesuaian pengeluaran komoditi yang termampu bagi jenis industri tanaman tropika berbanding kesesuaian tanah, topografi kawasan setempat, sistem dan pengurusan ladang, penggunaan bahan input yang efektif dan bahan tanaman dan baka adalah penting.

Selain itu usaha-usaha yang berkaitan untuk mencapai sasaran sara diri dengan mengadakan pelbagai cara mempromosikan hasil-hasil tanaman tempatan, akan terus dipermajukan dengan berpandukan lima perkara penting dalam Mini Promosi Hasil-hasil Industri Pertanian.

Lima perkara itu sudah diambil perhatian oleh pengusaha-pengusaha yang

ngusaha-pengusaha yang menayakan mini promosi tersebut iaitu pengeluaran yang berterusan, hasil yang banyak, pengeluaran produk yang bermutu, konsep harga yang bersaing dan jaminan kebersihan dan keselamatan.

Usaha tersebut bukan saja akan menampakkan kejayaan yang besar kepada pengusaha itu sendiri malah kepada ekonomi negara. Dengan termerainya penandatangan perjanjian penyewaan tanah kerajaan yang melibatkan sebanyak 17 buah syarikat tempatan akan menjadikan sasaran semakin hampir dalam tanaman sayur-sayuran.

Syarikat-syarikat yang terpilih adalah mereka yang telah bergiat aktif di kawasan tapak Projek Kemajuan Pertanian seperti di kawasan Batumpu, Si Bongkok, Sungai Tajau, Kulapis, Maraburong, Putat dan Rampayoh akan lebih mencapai sasaran kepada tahap sara diri.

PENGLIBATAN SWASTA

Dalam hubungan ini penglibatan pihak swasta dalam perkembangan perusahaan pertanian adalah satu petanda yang baik dan memperlihatkan peningkatan yang dapat dibanggakan oleh negara, kerana negara kita tidak sepatutnya meng-

harapkan dan bergantung sepenuhnya kepada hasil utama bumi seperti minyak dan gas.

Ini terbukti dengan penyertaan oleh seramai 42 pengusaha-pengusaha tempatan dalam bidang tanaman pertanian, pemprosesan makanan daripada hasil tanaman dan ejen-ejen pembekal bahan input pertanian, dalam Mini Promosi Hasil-hasil Tanaman bagi ladang-ladang Projek Kemajuan Pertanian Kawalan Jabatan Pertanian.

Penglibatan pihak swasta itu juga adalah merupakan perintis jalan ke arah mencapai matlamat industri pertanian dalam pasaran domestik dan juga antarabangsa.

Penglibatan ini juga dapat menarik lebih ramai pengusaha yang mana pada akhir-akhir ini terdapat petanda yang menunjukkan bahawa ramai lagi bilangan pengusaha yang berminat untuk menceburkan diri dalam bidang perusahaan pertanian secara komersil.

Seperti kita maklumi bahawa faktor penyumbang sebarang kejayaan adalah terletak kepada pengusaha-pengusaha itu sendiri. Perkaranya ini telah diperkatakan oleh Pengarah Pertanian, Pengiran Haji Hassan bahawa faktor penyumbang



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam semasa menyaksikan Ekspo Pertanian pada tahun 1993.

sesuatu kejayaan bagi setiap perusahaan adalah bergantung pada tahap efisiensi dan daya saing pengusaha-pengusaha tempatan itu sendiri.

HADAPI PERSAINGAN

Dalam konteks itu tambahnya, pihak pengusaha harus bersikap sedia untuk menghadapi persaingan dalam pasaran bebas pada suatu masa nanti dan kita harus menyedari betapa situasi persaingan dalam perdagangan global yang lebih dikenali dengan E-dagang adalah semakin sengit dan mencabar dan mereka yang efisien dan produktif mampu terus bersaing dan dapat menikmati keuntungan yang lebih.

Di samping itu para pengusaha perlulah mempunyai fikiran yang positif dan proaktif dan bersedia menerima perubahan-perubahan di dalam arus perkembangan teknologi yang berdaya saing.

Pada misalnya, katanya, penghasilan tanaman ayam pedaging yang menggunakan sistem 'environment control' yang mana telah berjaya menjimatkan masa dan kadar kematian, di samping penggunaan tanah yang terhad dapat menghasilkan jumlah pengeluaran yang banyak. Begitu juga dengan pengeluaran sayur secara hidroponik dan sistem terlindung.

Dengan adanya sistem-sistem tersebut, maka pengeluaran hasil pertanian telah pun meningkat yang mana kita telah berjaya menghasilkan sehingga ke tahap sara diri seperti pengeluaran telur-telur ayam, ayam pedaging dan insya-Allah pengeluaran sayur-sayuran juga akan dapat dihasilkan sepenuhnya dengan adanya penerokaan tapak-tapak baru.

Usaha-usaha yang dijalankan oleh Jabatan Pertanian sejak beberapa tahun kebelakangan ini telah menghasilkan ke-

jayaan yang memberangsangkan seperti yang dihayati di mana negara kita sudah pun mencapai tahap sara diri dalam pengeluaran telur ayam dan ayam pedaging.

Harga runcit ayam pedaging juga sudah menurun dari \$6.00 sebelum ini di antara \$4.20 sehingga \$4.50/kg bagi ayam segar bulat. Manakala pemprosesan bagi makanan segera (fast food) sudah dihasilkan oleh beberapa pengusaha sederhana dan kecil tempatan; hasil-hasil yang diproses dipasarkan di kedai runcit dan gedung perniagaan tempatan.

Untuk menjaga keselamatan pemakanan temakan yang diproses dimajukan, telah mendapat pengiktirafan daripada jabatan yang bertanggungjawab supaya bahan pemakanan tersebut bersih, selamat, bermutu, bersaing harga dan yang penting kehalalannya bahan pemakanan tersebut digunakan untuk orang-orang Islam.

Dalam bidang industri tanaman pula, pihak swasta dan pengusaha tanaman tempatan telah dapat menghasilkan pengeluaran sayur-sayuran jenis daun tropika ke tahap sara diri. Jenis sayur-sayuran yang terlibat ialah sawi, kangkong, bayam, cangkuk manis berbatang, daun bawang tempatan dan sebagainya.

Manakala bagi komoditi sayur buah iaitu 10 senarai utama sayur buah tropika seperti timun, kacang panjang biasa, petola, bindir, peria, labu manis dan labu air sudah memenuhi keperluan tempatan menjelang akhir tahun 2000. Bagi keperluan lada hidup segar dan terung jenis panjang pula sudah memenuhi 60 peratus keperluan dalam negeri.



USAHA BERMAKNA.... Akhir-akhir ini terdapat petanda yang menunjukkan ramai lagi yang berminat untuk menceburkan diri dalam bidang perusahaan pertanian.

Lihat muka XXIII

LANGKAH Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dalam memastikan kesihatan rakyat serta kemudahan-kemudahannya mencapai tahap yang baik akan terus mendapat perhatian daripada pihak-pihak berkenaan.

Justeru itu soal kesihatan antara persoalan penting dalam memenuhi kehendak serta bagi melengkapi keperluan dalam hidup sesebuah masyarakat.

Malah sejak dulu hingga sekarang kerajaan telah mengambil berat serta membelanjakan jumlah kewangan yang bukan sedikit terutama dalam memastikan kemudahan-kemudahan serta kesihatan daripada pihak-pihak berkenaan.

Keutamaan dalam memberikan kemudahan dan keperluan dalam menangani masalah kesihatan ini tidak hanya tertumpu



Kesihatan rakyat terus terjamin

kepada rakyat dan penduduk yang tinggal di sekitar bandar, malahan juga mereka yang tinggal di pedalaman dan luar bandar, di samping sentiasa berusaha meningkatkan mutu perkhidmatan perubatan dan kemudahan-kemudahannya.

Sebagai sebuah negara yang membangun, kesihatan merupakan aspek penting dalam memenuhi keperluan kehidupan masyarakatnya kerana dengan hanya mengutamakan kesihatan rakyatlah kemajuan sesebuah negara akan dapat menjamin kemakmuran dan kejayaan serta pembangunan.

Bayangkan apa akan terjadi kepada negara jika soal kesihatan diabaikan atau tidak diambil endah, ini sudah tentunya akan mengakibatkan masyarakat dan penduduk sesebuah negara tidak sihat, lemah dan sekali gus mencemarkan nama baiknya.

Dengan gambaran tersebut bukan saja mencerminkan sebuah negara yang tidak sihat, malah menjadikannya sebagai sebuah negara yang tidak mampu bersaing sekali gus mencerminkan kemundurannya dalam pelbagai aspek pembangunan.

Menyedari akan pentingnya kesihatan rakyat dan penduduk negara ini, kerajaan melalui Kementerian Kesihatan yang bertanggungjawab

menangani masalah kesihatan di negara ini, akan terus memastikan taraf dan kemudahan-kemudahan kesihatan tersebut akan terus dinikmati dengan baik serta terjamin.

Dalam menitikberatkan soal kesihatan inilah Menteri Pendidikan sewaktu memegang jawatan sementara Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Aziz pernah berkata, "Usaha kerajaan dalam menani dan menjaga serta mempromosikan taraf kesihatan, rakyat dan penduduk negara ini merupakan satu-satunya yang mendapat perhatian kerajaan melalui berbagai-bagai usaha seperti menubuhkan rumah-rumah sakit dengan tenaga-tenaga terlatihnya sekali semamata menuju ke arah peringkat kesihatan yang setinggi-tingginya."

Menyentuh mengenai perbelanjaan, Yang Berhormat menjelaskan bahawa Kementerian Kesihatan telah membelanjakan \$43.05 juta atau 0.41 peratus daripada hasil dalam negeri pada tahun 1980 dan jumlah tersebut meningkat kepada \$192.46 juta berbanding dengan 2.37 peratus daripada hasil dalam negeri pada tahun 1998.

Daripada jumlah kewangan yang diperuntukkan, rakyat dan penduduk sepatutnya sedar serta mengambil perhatian bahawa kerajaan



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam diberi penerangan oleh seorang Pegawai Kesihatan mengenai kemudahan perubatan yang terdapat di Pusat Kesihatan Jubli Perak, Sengkuring.

OLEH
ABU BAKAR HAR

mengambil berat mengenai kesihatan di negara ini melalui peruntukan jumlah perbelanjaan setiap tahun yang semakin meningkat semata-mata untuk memenuhi tahap kesihatan yang maksima.

PUSAT KESIHATAN

Yang lebih jelas, baru-baru ini antara projek kerajaan dalam memberikan kemudahan dan memantau kesihatan rakyat ialah dengan menubuhkan beberapa buah pusat-pusat kesihatan seperti yang berlaku pada tahun lepas dan tahun ini.

Penubuhan pusat-pusat berkenaan adalah antara hasil kajian yang mengambil kira jumlah bilangan penduduk terutama di Daerah Brunei dan Muara yang semakin meningkat iaitu dianggarkan dua pertiga daripada jumlah penduduk di negara ini.

Dengan adanya pusat-pusat kesihatan ini diharapkan akan memberikan perkhidmatan yang lebih baik serta dapat mengurangkan kesesakan terutama di Rumah Sakit Raja Isteri Pengiran Anak Saleha (RIPAS), di samping dapat menjimatkan masa, malah mudah untuk dikunjungi disebabkan lokasinya yang berdekatan dengan tempat tinggal.

Antara beberapa buah pusat kesihatan yang telah dan mula beroperasi pada bulan Jun tahun lalu ialah Pusat Kesihatan Berakas A' terletak di Bangunan Flat Kerajaan Kampong Anggerek Desa, Pusat Kesihatan Berakas B' beroperasi di Simpang 485, Kampong Sungai Hancing dan Pusat Kesihatan Gadong di Bangunan Pusat Dialisis Kampong Rimba.

Sementara Pusat Kesihatan Muara di Bangunan Pusat Komersil Al-Warash dan di Pusat Kesihatan Bandar Seri Begawan beroperasi di Kondominium Jalan Ong Sum Ping.

Dalam memberikan kemudahan serta keselesaan dalam mendapatkan rawatan, dua buah pusat kesihatan telah lebih awal beroperasi iaitu Pusat Kesihatan Pengiran Anak Puteri Hajah Rashidah Sa'adatul Bolkiah, di Kampong Sungai Asam dan Pusat Kesihatan Jubli Perak, Kampong Sengkuring.

KECEMERLANGAN PERKHIDMATAN PERUBATAN

Dengan terbinanya pusat-pusat kesihatan tersebut, diharap akan dapat mengurangkan kesesakan di Rumah Sakit RIPAS, yang juga akan

berfungsi sebagai pusat untuk mengembangkan beberapa orang awam mengenai terbinanya pusat-pusat kesihatan tersebut, mereka menyatakan perasaan gembira kerana kerajaan mengambil berat kesihatan rakyat dan penduduk, malah memberikan perkhidmatan percuma kecuali pendaftaran ringgit bagi orang dewasa.

Melalui pendekatan wakil PELITA BRUNEI dengan beberapa orang awam mengenai terbinanya pusat-pusat kesihatan tersebut, mereka menyatakan perasaan gembira kerana kerajaan mengambil berat kesihatan rakyat dan penduduk, malah memberikan perkhidmatan percuma kecuali pendaftaran ringgit bagi orang dewasa.

Menurut Awang Haji Muslim, beliau tidak lagi merasa berebut-rebut untuk mendapatkan nombor bagi menerima rawatan dan tidak menunggu lama bagi menanti giliran untuk mendapatkan ubat kerana katanya, pusat kesihatan yang didirikan itu sudah memperuntukkan sebahagian penduduk yang tinggal di kawasan sekitarnya berbanding di RIPAS kerana semua orang tertumpu di sana.

Dayang Hajah Saudah yang berumur lebih 50 tahun menyatakan, beliau kini tidak lagi perlu untuk berebut-rebut bagi mendapatkan perkhidmatan kesihatan, sebagai contoh katanya, jarak kedudukan antara rumah beliau dengan pusat kesihatan tidak berapa jauh.

Oleh itu apa jua perkhidmatan yang diberikan oleh pihak kerajaan kepada rakyat dan penduduk adalah untuk memberikan kemudahan dan keselesaan. Justeru program kerajaan yang komprehensif ini memerlukan kerjasama semua pihak untuk menggunakannya dengan sebaik-baiknya.

Sebagai sebuah masyarakat yang bertuah, sepatutnya memberikan komitmen kepada setiap perancangan yang diungkapkan oleh pihak kerajaan terutama dalam memberikan keutamaan kesihatan rakyat dan penduduk di negara ini.

Oleh itu peliharalah dan gunakanlah perkhidmatan yang telah disediakan dengan sebaik-baiknya, di samping menyambut baik langkah kerajaan bagi penubuhan pusat-pusat kesihatan ini agar ia dapat beroperasi dengan baik dan sempurna.

Dengan penempatan pusat-pusat kesihatan seperti ini, sedikit sebanyak akan mencapai matlamat Kementerian Kesihatan dalam memberikan kemudahan bagi orang ramai untuk mendapatkan perkhidmatan perubatan yang berdekatan dan mudah dikunjungi, di samping dilengkapi dengan peralatan-peralatan yang diperlukan dalam memberikan perkhidmatan yang cekap, efisien dan sempurna bagi penduduk setempat.



KEMALANGAN DAN KECEMASAN.... Bahagian Kemalangan dan Kecemasan merupakan salah satu bahagian penting dalam memberi perkhidmatan kepada orang ramai yang memerlukan perkhidmatan segera di Rumah Sakit Raja Isteri Pengiran Anak Saleha.



INDAH.... Kelihatan tersergam indah bangunan Pusat Kesihatan Pengiran Anak Puteri Hajah Rashidah Sa'adatul Bolkiah yang terletak di Kampong Sungai Asam yang mampu menerima pesakit seramai 46,560 setahun atau 179 orang sehari bagi penduduk yang tinggal di Kampong Ayer dan sekitarnya.

Dari muka XIX

CABARAN

Senario cabaran abad ke-21 terus bergolak sehingga menuntut kita untuk memperhebatkan lagi kekuatan pendidikan, berusaha gigih, berkesan dan selari dengan perkembangan teknologi maklumat dan komunikasi.

Di sinilah pentingnya kerjasama serta saling bersongkongan semua sektor sama ada kerajaan, swasta, pertubuhan persendirian termasuk masyarakat korporat demi untuk melahirkan anak bangsa Brunei yang mempunyai minda saintifik, kreatif, inovatif, mencintai ilmu, berbudaya fikir demi kecemerlangan bangsa dan negara.

Ternyata sumbangan berterusan daripada pelbagai sektor swasta amat penting bagi melahirkan tenaga manusia yang ilmunya bagi meneruskan persaingan hidup di zaman berteknologi tinggi ini.

Apa yang jelas, kita patut berbangga kerana di Negara Brunei Darussalam

K'jaan, swasta berperanan tingkatkan pendidikan

sektor yang dimaksudkan yang meliputi sektor perbankan serta badan-badan persendirian sudah banyak yang tampil ke hadapan menyalurkan bantuan dan sokongan.

Sumbangan sektor swasta juga sangat menyeronokkan dan telus bagi menaja sumbangan bukan saja kepada institusi-institusi sekolah rendah dan menengah serta tinggi, malah kepada pendidikan untuk yang kurang upaya serta berkeperluan khas.

PENGHASILAN

Pembangunan dan kemajuan negara saling bergantung rapat dengan kemampuannya bagi menghasilkan anak bangsanya yang berkemahiran dan berpelajaran, sekali gus akan menentukan maju mun-

dunya sesebuah bangsa dan negara.

Hasrat kerajaan secara berterusan menyumbang keutamaan dan perhatian terhadap perkembangan pendidikan perlu diselenggarakan dengan usaha bagi mempertingkatkan pembangunan negara agar kita dapat melahirkan generasi yang mampu memimpin dan membawa negara ke arah kecemerlangan.

Ketika ini saja, kita tidak menafikan lagi kesungguhan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia dalam 'mencalak' anak Brunei berpendidikan telah memperlihatkan hasil yang cukup memberangsangkan.

Sokongan padu daripada sektor swasta bagi sama-sama berperanan men-



BANGGA..... Mereka yang kurang upaya juga mempunyai impian yang tinggi dalam bidang pendidikan.

jayakan bidang pendidikan cukup berkesan dan memberi hasil yang lumayan sebagai satu pelaburan yang menguntungkan.

Negara juga telah mampu melahirkan anak tempatan sebagai golongan pemikir, cendekiawan, doktor, jurutera dan sebagainya,

sementara masih banyak para penuntut yang sedang menuntut di dalam dan luar negeri dalam bidang-bidang pengajian yang diperlukan

Dari muka XVIII

Perlesenan yang diadakan juga menyebutkan mana-mana syarikat yang gagal untuk mendaftar dengan pihak berkuasa, jika sabit kesalahan boleh dipenjarakan tidak melebihi tiga tahun atau denda sehingga \$200,000.00 atau keduanya sekali.

Sekarang selain internet boleh dilayari melalui komputer, kini sudah boleh dilayari melalui telefon bimbit yang mempunyai akses internet yang banyak terdapat di pasaran mengikut jenis dan keluarannya.

Sesiapa yang inginkan perkhidmatan telefon bimbit masing-masing mempunyai akses internet, perlulah membuat permohonan dan bayaran perkhidmatan kepada pihak DST.

PELBAGAI PERKHIDMATAN

Selain itu bagi menampung keperluan pengguna yang semakin meningkat, Jabatan Telekom Brunei juga telah memperkenalkan 'coin pay phone' sebagai perkhidmatan pilihan, di samping perkhidmatan yang sedia ada yang menggunakan kad seperti Hallo Kad, Economy Call Hallo Kad dan Kad Emas Panggilan Antarabangsa.

Di negara ini sebenarnya penggunaan 'coin pay phone' telah pun bermula sejak tahun 80-an lagi namun penggunaannya tidaklah ketara seperti hari ini di mana ia banyak terdapat di kedai-kedai dan pusat membeli-belah serta perhent-

BAGI menampung

keperluan pengguna yang semakin meningkat, Jabatan Telekom Brunei juga telah memperkenalkan 'coin pay phone' sebagai perkhidmatan pilihan, di samping perkhidmatan yang sedia ada yang menggunakan kad seperti Hallo Kad, Economy Call Hallo Kad dan Kad Emas Panggilan Antarabangsa.

Perhubungan canggih mantapkan pertumbuhan ekonomi

lian bas yang bertujuan memberi kemudahan kepada orang ramai untuk berhubung.

'Coin pay phone' yang diperkenalkan sekarang boleh digunakan untuk panggilan dalam daerah, panggilan luar daerah (STD), pager dan mobile di samping boleh digunakan membuat panggilan luar negara terutamanya ASEAN dengan dikenakan kadar bayaran yang murah.

Setakat ini JTB telah memberikan kebenaran kepada Mesti Utama Sendirian Berhad bagi penggunaan 'coin pay phone' jenis 'Top Tone ST-636'.

Pelanggan 'coin pay phone' bukan saja tertakluk kepada syarikat atau swasta tetapi orang perseorangan boleh juga mendapatkan perkhidmatan 'coin pay phone'. Wang syiling yang digunakan pada 'coin pay phone' akan menjadi hak pemilik telefon berkenaan kerana si pengguna menggunakan talian si pemilik bagi membuat panggilan. Akan tetapi si pemilik juga perlulah membuat bayaran kepada pihak berkuasa kerana sewa talian.

'Coin pay phone' yang diperkenalkan di negara ini hanya menggunakan syiling 10, 20 dan 50 sen bagi membuat panggilan. Biasanya setiap panggilan akan bermula dengan bayaran 20 sen.

Selain itu DST Communications juga telah membuat beberapa pembaharuan perkhidmatan untuk pelanggannya. Antaranya dengan mewujudkan perkhidmatan W@rd di mana pelanggan boleh melihat tajuk berita, sukan, maklumat dan sebagainya.

Setiap pelanggan dikenakan bayaran perkhidmatan bagi SMS \$10.00 dan bukan SMS \$20.00. Manakala itu satu lagi perkhidmatan baru DST Communications ialah panggilan antarabangsa Ola-lala 095.

Perkhidmatan ini merupakan perkhidmatan VOIP yang boleh memberikan perkhidmatan untuk berhubung ke luar negara yang lebih ekonomi berbanding dengan panggilan

IDD biasa. Ia juga merupakan alternatif lain bagi membuat panggilan IDD.

Jika dibuat perbandingan 20 tahun dulu, nampak jelas perkembangan dan kemajuan telah dicapai oleh negara dalam era komunikasi dan teknologi perhubungan.

Namun apa yang penting semua itu dibuat bagi memastikan industri komunikasi dan teknologi perhubungan negara terus berkembang maju, dan semua pihak mendapat manfaat daripadanya, di samping menjana ekonomi negara akan terus



PENGUNAAN telefon mudah alih negara yang kini pelanggannya sudah melebihi beratibu orang pengguna dan bilangannya dijangka akan terus meningkat.

Dalam terus mengharungi kemerdekaan khususnya di abad ke-21 ini anggota perkhidmatan awam yang bersih, cekap, amanah, berwibawa dan berkesan perlu wujudkan dalam usaha untuk mendapatkan penghormatan daripada semua pihak sama ada dari dalam dan luar negara.

Dengan berasaskan falsafah negara dan berorientasikan nilai-nilai Islam, perkhidmatan awam adalah sebagai pemangkin kepada kemajuan, pendorong kepada rakyat agar bersikap berdaya tahan, berdaya saing, berdaya maju dan menjadi benteng ketahanan nasional.

Sehubungan dengan itu kecemerlangan perkhidmatan awam adalah bergantung kepada sejauh mana ianya dapat memenuhi dari melaksanakan ciri-ciri di atas serta sejauh mana ianya berasaskan dan berorientasikan ajaran Islam.

PERKHIDMATAN AWAM BERLANDASKAN ISLAM

Dalam konteks perkhidmatan yang berusaha ke arah meningkatkan dan melahirkan etika dan budaya kerja cemerlang di Negara Brunei Darussalam, perkhidmatan yang lebih berteraskan kepada ajaran Islam boleh membawa kepada kecemerlangan perkhidmatan disebabkan ianya boleh memimpin manusia ke arah kebahagiaan hidup di dunia dan akhirat.

Sebagai sebuah negara yang menjadikan Islam sebagai asas terpenting dan penentu dalam falsafah negara, maka Islam memainkan peranan penting dalam pembentukan bangsa Brunei dan mencorakkan dasar-dasar negara.

Kemajuan yang hendak dicapai hendaklah

Perkhidmatan awam jentera utama pentadbiran kerajaan

Dari muka XV

berdasarkan ukuran dan sukat-sukat Islam. Ini bermakna negara memerlukan perkhidmatan awam yang mempunyai kefahaman mendalam mengenai Islam, mempunyai iltizam terhadap Islam dan menghayati ajaran-ajarannya kerana perkhidmatan awam adalah merupakan nadi penggerak kepada pentadbiran negara.

Adalah dipercayai bahawa perkhidmatan awam yang cemerlang tidak akan dapat dilahirkan jauh sekali untuk dipertingkatkan jika ianya tidak menghayati akhlak dan nilai-nilai Islam yang mendidik manusia ke arah kesempurnaan hidup sebagai manusia yang lagi salih dan menjadi Khalifah di bumi.

Menyadari hakikat betapa pentingnya Islam dalam kehidupan bermasyarakat dan bernegara inilah, makanya Islam menjadi asas pembentukan bangsa dan negara.

Allah berfirman dalam Surah Al-An'am (ayat 153) yang berbunyi:

"Dan bahawa sesungguhnya inilah jalan ku (agama Islam) yang betul, lurus, maka ikutilah ia dan janganlah kamu menurut jalan-jalan (yang lain daripada Islam) kerana jalan-jalan yang lain itu menceraikan



KEBERANGKATAN Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam memberikan motivasi kepada pegawai dan kakitangan kerajaan, di samping memastikan setiap anggota perkhidmatan awam mampu melaksanakan tugas dan tanggungjawab yang dipikulkan.

kamu daripada jalan Allah dengan yang demikian itulah Allah Subhanahu Wataala, perintahkan kamu supaya bertakwa."

Dengan ayat di atas adalah jelas bahawa Islam itu merupakan jalan lurus untuk diikuti yang menuju ke arah perpaduan.

RUKUN AKHLAK DAN ETIKA KERJA

Kemajuan sesebuah negara terletak kepada pembentukan kualiti sumber manusianya. Di negara ini kualiti dibentuk melalui Rukun Akhlak dan Etika Kerja Perkhidmatan Awam Negara Brunei Darussalam.

Adalah dipercayai jika kualiti sumber manusia tidak dibentuk berasaskan Rukun Akhlak tersebut adalah sukar untuk mencapai kemajuan dan disegani.

Ke arah mewujudkan sebuah perkhidmatan awam yang benar-benar cekap, berkesan, Bersih lagi amanah, setiap anggota perkhidmatan awam perlu mengamalkan Rukun Akhlak dan Etika Kerja Perkhidmatan Awam yang telah dibukukan dan dilancarkan pada tahun 1996.

Buku terbitan Jabatan Perkhidmatan Awam ini memuatkan sebelas ciri Rukun Akhlak dan Etika Kerja yang menyeluruh yang diasaskan kepada nilai-nilai yang ditentukan oleh agama Islam yang maha suci.

Angka sebelas adalah adunan daripada Rukun Islam yang lima dan Rukun Iman yang

enam yang menjadi teras kehidupan beragama, bermasyarakat dan bernegara dalam sebuah negara yang mengamalkan falsafah Melayu Islam Beraja.

ABAD 21 PERLU PERUBAHAN SIKAP

Untuk terus maju dan meningkatkan kualiti perkhidmatan awam setiap pegawai dan kakitangan kerajaan perlu sentiasa bersedia ke arah suatu perubahan sikap pekerja kerana tanpanya negara akan terus tertinggal di belakang.

Sebagai jentera kepada pentadbiran kerajaan, anggota perkhidmatan awam memerlukan kepada beberapa ciri penting seperti cekap, jujur, amanah di samping tiuh dan lutan terhadap kepentingan negara dan orang ramai.

Selain itu dalam mencapai sasaran kualiti perkhidmatan awam ianya setentunya memerlukan kepada beberapa ciri atau wawasan yang lebih menumpukan kepada kualiti, produktiviti, prestasi, latihan dan kepuasan perkhidmatan pelanggan ke arah menjana kecekapan dalam pelbagai aspek pekerjaan.

Apa yang dihasratkan melalui penerbitan 'Rukun Akhlak dan Etika Kerja Perkhidmatan Awam Negara Brunei Darussalam' ini, semua anggota perkhidmatan awam dapat menghayati dan mengamalkannya dalam menjalankan tugas-tugas sehari-hari demi mencapai kesejahteraan bernegara.



SIKAP sabar, tabah dan bersopan santun merupakan ciri-ciri yang perlu diamalkan oleh setiap pegawai dan kakitangan kerajaan seperti yang ditekankan dalam Rukun Akhlak dan Etika Kerja Perkhidmatan Awam.

Industri pertanian ke tahap sara diri

Dari muka XX

Insya-Allah 10 senarai utama sayur buah berkenaan akan dicapai di akhir tahun 2002 nanti atau sebelum berakhir Rancangan Kemajuan Negara Ke-8 di tahun 2005.

Ke arah mendukung peningkatan hasil sayur, beberapa jenis telah dikenal pasti dan disyorkan kepada pengusaha oleh Jabatan Pertanian. Dalam hubungan ini untuk menjaga keselamatan biji-biji benih dan tanaman yang dibawa dari luar negara oleh pengusaha-pengusaha perlulah menghubungi Jabatan Pertanian untuk dikaji uji terlebih dahulu terutama dari segi pembawaan penyakit daripada bahan tanaman atau benih.

Kaji uji perlu dilakukan kerana pengalaman pada tahun sudah terdapat serangan penyakit Karat pada kacang panjang yang mana tanaman yang terlibat terpaksa dimusnahkan sebelum merebak ke kawasan lain.

Meninjau di bahagian tanaman hiasan dan keratan bunga pula didapati stok pengumpulan inventori bahan tanaman hiasan telah meningkat ke tahap 3.5 juta ringgit Brunei di tahun 2000.

Manakala pengeluaran tempatan bagi bahan tanaman hiasan bernilai \$800,000 dan

nilai keratan bunga di tahun yang sama dikeluarkan bernilai \$120,000. Ini adalah satu peningkatan daripada nilai \$80,000 di tahun sebelumnya.

Sejak tahun lepas dan 2001, pihak Jabatan Pertanian telah meneliti ladang-ladang di Projek Kemajuan pertanian di seluruh negara bagi memberikan pengiktirafan ladang-ladang tempatan yang layak menerima pengiktirafan ladang melalui Skim Pensijilan Ladang Sayur (VCS). Pensijilan ini akan disatukan juga bagi buah-buahan yang dihasilkan dalam negara.

Langkah yang dilakukan oleh pihak Jabatan Pertanian boleh dipanggil sebagai 'Skim Penggalak' ke arah memajukan industri pertanian ke tahap sara diri. Dengan cara itu syarikat yang telah memperoleh pengiktirafan seumpamanya adalah sebagai mercu tanda kejayaan sesebuah syarikat dan akan menjadi ikutan kepada syarikat-syarikat yang lain.

Sebagai kesimpulan, kita berharap segala kejayaan dan usaha yang diungkapkan oleh pihak Jabatan Pertanian itu akan menjadi garis pandu kepada pihak swasta khusus dalam bidang industri pertanian, ternakan dan sebagainya untuk terus maju jaya dan mampu menghadapi arus globalisasi yang semakin mencabar.



TANAMAN hiasan dan keratan bunga didapati stok pengumpulan inventori bahan tanaman hiasan telah meningkat ke tahap B\$3.5 juta di tahun 2000.

*Daulat
Kebawah
Duli Tuan
Patik*



*Memimpin Rakyat
Kekal Bahagia*



**DI DALAM
 MAHKAMAH MAJISTRET
 BANDAR SERI BEGAWAN**

SAMAN BIL : 1706/1999
 DI ANTARA

KERAJAAN KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA PADUKA SERI
 BAGINDA SULTAN DAN YANG DI-PUTUAN NEGARA BRUNEI
 DARUSSALAM ... Plaintiff

DAN

HAJI ABDUL RAHMAN BIN BPSRKDS HAJI TAMIN (NO. K/P : 071332
 - KUNING) ... Defendan

**NOTIS PEMBERITAHUAN MENURUT PERINTAH
 PENYAMPAIAN GANTI**

KEPADA : Haji Abdul Rahman bin BPSRKDS Haji Tamin, alamatnya
 yang terakhir diketahui ialah di No. 18, Rumah Teres, Jalan 77,
 Kampong Perumahan Lambak Kanan, Negara Brunei Darussalam.

Sila ambil perhatian bahawa satu saman Penghutang
 Penghakiman telah dilaikan terhadap kamu dalam Mahkamah yang
 disebutkan di atas oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia
 Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei
 Darussalam, yang mengkehendaki kamu hadir di Mahkamah Majistret
 di Bandar Seri Begawan pada 25 Julai, 2001 jam 9.00 pagi untuk
 memberi sebab mengapa penghakiman yang dijatuhkan dalam kes
 yang tersebut di atas tidak patut dilaksanakan dengan menahan dan
 menjual harta alih kamu dan/atau dengan menahan kamu di dalam
 penjara sebagai banduan sivil.

Dan adalah diperintahkan bahawa penyampaian saman tersebut
 dilakukan ke atas dengan menyilangkan satu salinan notis pemberi-
 tahuan menurut perintah penyampaian ganti ini dalam satu kluaran
 akhbar PELITA BRUNEI dan bahawa penyampaian tersebut hendak-
 lah dianggap sebagai penyampaian yang sah dan mencukupi ke atas
 kamu.

Dan sila ambil perhatian selanjutnya bahawa jika kamu tidak hadir,
 waran tangkap atau sesuatu perintah boleh dibuat terhadap kamu
 sebagaimana yang difikirkan patut oleh Mahkamah. Kehadiran kamu
 boleh diketepikan dengan syarat wang penghakiman yang terhutang
 kepada Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda
 Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, iaitu
 \$15,573.92 berserta dengan faedah 6 peratus setahun mulai dari tarikh
 ia dijelaskan sepenuhnya dan kos, dibayar secepatnya. Bertarih
 pada 15 Mei, 2001.

MUHAMMAD FAISAL PDJLD DSP HAJI KIFLI - Majisteret

Notis Pemberitahuan Menurut Perintah Penyampaian Ganti ini
 dilaikan oleh Jabatan Peguam Negara, Peguambela dan Peguamcara
 bagi plaintiff, yang alamat penyampaiannya di Bangunan Undang-
 Undang, Bandar Seri Begawan BA 1910, Negara Brunei Darussalam.



**DI DALAM
 MAHKAMAH BESAR
 BANDAR SERI BEGAWAN**

KEBANKRAPAN NO.130 TAHUN 2001

HAJI MOKSIN BIN TABAM (BYIC No. 253652)Penghutang Peng-
 hakiman/Pemetisyan

NOTIS KEPADA PEMIUTANG UNTUK PERJUMPAAN PERTAMA

Di bawah Perintah Penerimaan bertarikh 17 Mei, 2001.
 Notis adalah dengan ini diberikan bahawa perjumpaan Pemiutang-pemi-
 utang mengenai perkara di atas akan diadakan di Pejabat Pegawai
 Penerima Rasmi, Mahkamah Besar pada 1 Ogos, 2001 jam 9.00 pagi.
 Bagi membolehkan kamu mengundi di sana bukti-bukti kamu mestilah diser-
 erah-simpan kepada saya tidak lewat dari 24 jam sebelum waktu yang
 ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Proksi-proksi yang akan digunakan di perjumpaan ini mestilah diserah-sim-
 pan kepada saya tidak lewat dari 24 jam sebelum waktu yang telah ditetap-
 kan bagi perjumpaan ini.

Pemeriksaan awam bagi penghutang adalah ditetapkan pada 1 Ogos 2001.
 Jam 9.00 pagi.

Mana-mana pihak pemiutang yang telah menyerahkan bukti, atau wakil-
 wakil yang diberi kuasa secara bertulis, menyaoal penghutang semasa
 pemeriksaan awam penghutang, mengenai dengan hal-halnya dan juga
 sebab kegagalannya. Bertarih: 30 Mei, 2001.

DAYANG RAMZIDAH BINTI PDKD HAJI ABDUL RAHMAN - Timbalan
 Pegawai Penerima Rasmi Mahkamah Besar



**DI DALAM
 MAHKAMAH TINGGI
 BANDAR SERI BEGAWAN**

KEBANKRAPAN No. 130 TAHUN 2001

HAJI MOKSIN BIN TABAM (BYIC No. 253652)Penghutang Peng-
 hakiman/Pemetisyan

NOTIS PERINTAH PENERIMAAN

a) Sila ambil perhatian bahawa Satu Perintah Penerimaan telah di-buat
 terhadap Penghutang yang berikut pada 17 Mei, 2001.
 Nama dan alamat terakhir diketahui : Haji Moksini bin Tabam, No. 10
 Simpang 23, Kampong Lumapas, Negara Brunei Darussalam. Tarikh
 Petisyen : 16 Mei, 2001.

b) Semua si piutang-si piutang kepada nama penghutang yang tersebut di
 atas hendaklah menghadapkan borang-borang bukti hutang yang boleh
 diperolehi di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi dengan seberapa
 segera yang boleh.

c) Semua hutang-hutang yang seharusnya dibayar kepada penghutang
 tersebut di atas hendaklah dihadapkan kepada Pegawai Penerima
 Rasmi, Tingkat 2, Bangunan Mahkamah Besar, Bandar Seri Begawan,
 Negara Brunei Darussalam. Bertarih : 30 Mei, 2001.

DAYANG RAMZIDAH BINTI PDKD HAJI ABDUL RAHMAN - Timbalan
 Pegawai Penerima Rasmi Mahkamah Besar



**DI DALAM
 MAHKAMAH TINGGI
 BANDAR SERI BEGAWAN**

KEBANKRAPAN NO.17 TAHUN 1993

SUPERCRETE SENDIRIAN BERHADPemiutang / Pemetisyan
 DAN

GOH PIN KHIMPenghutang / Penentang.

NOTIS PERINTAH PENERIMAAN

a) Sila ambil perhatian bahawa Satu Perintah Penerimaan telah dibuat ter-
 hadap Penghutang yang berikut pada 30 Jun, 2001.
 Nama dan alamat terakhir diketahui Goh Pin Khim, No.91, Kampong
 Sungai Buloh, Jalan Kota Batu, Negara Brunei Darussalam. Tarikh
 Petisyen : 9 November, 2000

b) Semua si piutang-si piutang kepada nama penghutang yang tersebut di
 atas hendaklah menghadapkan borang-borang bukti hutang yang boleh
 diperolehi di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi dengan seberapa
 segera yang boleh.

c) Semua hutang-hutang yang seharusnya dibayar kepada penghutang
 tersebut di atas hendaklah dihadapkan kepada Pegawai Penerima
 Rasmi, Tingkat 2, Bangunan Mahkamah Besar, Bandar Seri Begawan,
 Negara Brunei Darussalam. Bertarih : 30 Jun, 2001.

LIM SIEW YEN - Timbalan Pegawai Penerima Rasmi



**JABATAN LAUT
 KEMENTERIAN PERHUBUNGAN**

Bilangan Tawaran : JL/10/2001

"THE SUPPLY OF DIGITAL COMMUNICATION RECORDER"

TAWARAN-TAWARAN adalah dipelawa dari Kategori MEB kelas 2 atau 3
 atau pembekal-pembekal yang berkebolehan bagi "THE SUPPLY OF DIGI-
 TAL COMMUNICATION RECORDER".

Butir-butir lengkap tawaran dan syarat am kontrak boleh didapati dengan
 bayaran yuran dokumen \$10.00 (tidak dikembalikan) semasa waktu berker-
 ja dari Pejabat Pengarah Laut, Jabatan Laut, Kementerian Perhubungan,
 Serasa, Muara BT 1728, Negara Brunei Darussalam.

Tarikh tutup tawaran: 23 Julai 2001. Jam 2.00 petang.



**PUSAT SUMBER DAN PIWAIAN,
 KEMENTERIAN PERINDUSTRIAN DAN SUMBER-SUMBER UTAMA**

PROGRAM INKUBATOR USAHAWAN

PUSAT Sumber dan Piawai, Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama ingin menjemput pengusaha-pengusaha kecil dan seder-
 hana yang berminat untuk memohon penyewaan kemudahan-kemudahan yang terdapat di pusat ini, mengikut jenis perusahaan yang akan di-
 usahakan. Kemudahan-kemudahan perusahaan/sektor yang ditawarkan bagi program ini, adalah seperti berikut :

1. Ruang-ruang Ofis
2. Reban-reban Ternakan Ayam Pedaging
3. Reban-reban Ternakan Ayam Penelur
4. Tapak-tapak kawasan ladang bagi tanaman sayur-sayuran
5. Tapak-tapak kawasan ladang bagi tanaman sementara
6. Rumah-rumah Semaian Ornamental
7. Perusahaan Ternakan Lembu Sistem 'Feedlot'
8. Pembuatan
9. Pemprosesan

KRITERIA-KRITERIA BAGI PEMILIHAN PESERTA-PESERTA DALAM PROGRAM INI ADALAH SEPERTI BERIKUT :

1. Pemohon-pemohon hendaklah rakyat Melayu Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara
 Brunei Darussalam atau rakyat Melayu yang berdaftar secara mutlak.
2. Pemohon-pemohon mestilah mempunyai Sijil Pemiagaan Syarikat yang sah berdaftar dengan Pejabat Pendaftaran Pemiagaan dari Jabatan
 Undang-Undang.
3. Bagi syarikat usaha sama, ianya hendaklah mempunyai sekurang-kurangnya 30 peratus daripada saham-saham tersebut dipegang oleh
 rakyat Melayu.
4. Perancangan pemiagaan (business plan) dan potensi kemajuannya hendaklah disertakan.
5. Bagi perusahaan-pengusaha yang baru hendak membuka pemiagaan, mereka hendaklah mengikuti dan lulus kursus-kursus Program
 Kesedaran dan Orientasi Usahawan (EQAP), Program Pembentukan Usahawan Baru (NECP) dan Kursus-Kursus Teknologi dan Bidang Usaha
 Teknikal berkaitan di Pusat Sumber dan Piawai Sinaut atau di institusi lain yang dikirafkan oleh pusat ini.
6. Bagi pengusaha yang sedang beroperasi, hendaklah menunjukkan bukti rekod kemajuan Inovasi dan Pencapaian di dalam pemiagaan yang
 diceburnya.
7. Bidang usaha yang dicadangkan hendaklah diurus oleh pemohon sendiri.
8. Pemohon hendaklah bersetuju dan mematuhi syarat-syarat dan peraturan dalam perjanjian Program Inkubator Usahawan.

ALAMAT PERHUBUNGAN

Untuk keterangan lanjut, borang permohonan Program Inkubator Usahawan bolehlah didapati daripada Pusat Sumber dan Piawai, Km. 33, Jalan
 Tulong, Kampong Sinaut TB 1741, Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama pada masa dan waktu pejabat dibuka. Sebarang per-
 tanyaan, pemohon-pemohon bolehlah berhubung terus melalui talian 04-240132 atau 04-240133, Faksimili 04-240461 dan e-mail
 resctr02@brunei.bn



**JABATAN TELEKOM BRUNEI
 KEMENTERIAN PERHUBUNGAN**

Bilangan Tawaran : JTB/NE/NIP/NMSE/04/2001

Syarat-Syarat Tawaran :

1. TAWARAN-TAWARAN adalah dipelawa bagi OVERALL PROVISION
 OF A NEW REMOTE SHELTER / CABINET EXCHANGE FOR KATOK
 'A' GADONG ON A FULL TURNKEY BASIS".
2. Tiga salinan dari tawaran-tawaran berkenaan hendaklah dihantar
 dalam sampul surat yang tertutup, ditulis dengan Tawaran bagi:
 "OVERALL PROVISION OF A NEW REMOTE SHELTER / CABINET
 EXCHANGE FOR KATOK 'A' GADONG ON A FULL TURNKEY
 BASIS". Bilangan Tawaran : JTB/NE/NIP/NMSE/04/2001. Tanpa
 menunjukkan identiti pembekal/pemborong dan ditujukan kepada:
 Pengerusi, Lembaga Tawaran Negara, Kementerian Kewangan,
 Tingkat 8, Bangunan IBB, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei
 Darussalam. Tidak lewat jam 2.00 petang pada hari Isnin, 23 Julai,
 2001.
3. Tawaran-tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang dite-
 tapkan tidak akan dilayan.
4. Dokumen-dokumen tawaran dan penerangan-penerangan yang lanjut
 bolehlah diperolehi dari Pejabat Pendaftaran Kontraktor dan
 Pengeluaran Tawaran, Tingkat Dua, Bangunan Ibu Pejabat Telekom,
 Lapangan Terbang Lama, Berakas, Negara Brunei Darussalam
 BB3510 dengan menunjukkan resit cagarun berjumlah B\$ 200.00
 (tidak dikembalikan).
5. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan
 dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak semestinya
 menerima tawaran-tawaran yang rendah atau lain-lain tawaran.
6. Pembayaran wang cagarun hendaklah dibayar sama ada dengan
 Wang Tunai atau dengan Chek Tempatan berserta dengan Bank
 Guarantee.



**JABATAN TELEKOM BRUNEI
KEMENTERIAN PERHUBUNGAN**

No. Projek : JTB/GB/01/2001

Syarat-Syarat Tawaran :

1. TAWARAN-TAWARAN adalah dipelawa daripada Syarikat-syarikat dan pembekal-pembekal yang berdaftar dengan Negara Brunei Darussalam.
2. Tawaran-tawaran yang dimaksudkan adalah bagi A Business Proposal For A Joint Venture Company Between Jabatan Telekom Brunei And A Local Company In The Publications Of Telephone Directories And Relation Services.
3. Tawaran-tawaran berkenaan hendaklah dihantar dalam sampul surat yang bertutup serta bertulis : Tender Ref : JTB/GB/01/2001 - A BUSINESS PROPOSAL FOR A JOINT VENTURE COMPANY BETWEEN JABATAN TELEKOM BRUNEI AND A LOCAL COMPANY IN THE PUBLICATIONS OF TELEPHONE DIRECTORIES AND RELATION SERVICES tanpa menunjukkan nama syarikat dan pembekal kepada Pengerusi Lembaga Tawaran Negara, Tingkat 8, Bahagian Lembaga Tawaran Negara, Bangunan IBB, Jalan Pemancha, Bandar Seri Begawan BS 8710, Negara Brunei Darussalam tidak lewat daripada hari Isnin 30 Julai, 2001 jam 2.00 petang. Tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan dilayan.
4. Dokumen-dokumen terperinci tawaran boleh didapati daripada Pejabat Pengarah Telekom di Lapangan Terbang Lama, Berakas, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam dengan pembayaran sebanyak \$200.00 (tidak dikembalikan). Pembayaran hendaklah dibuat sama ada dengan wang tunai atau cek tempatan berserta dengan surat jaminan bank.
5. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak terikat untuk menerima tawaran yang temurrah atau tertentu.
6. Penerangan lanjut mengenai projek ini adalah satu syarat tawaran dan bakal pemborong mestilah berjumpa dengan wakil Pengarah pada tarikh 10 Julai, 2001 pada jam 2.00 petang bertempat di Bahagian Perdagangan Global, Korporat & Internet, Tingkat 1, Bangunan Jabatan Telekom Brunei, Lapangan Terbang Lama, Berakas, Negara Brunei Darussalam.

PROGRAM 'JOB START'

Sebuah program usahamula diantara

Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah dan KEMUDA

Jika anda berumur diantara 18 ke 25 tahun... lepasan penuntut 'O' level... Rakyat Brunei atau penduduk tetap... sedang mencari pekerjaan dan berminat untuk belajar tentang kemahiran bekerja yang boleh membantu anda dalam pencarian kerja.. maka program ini adalah untuk anda.

4 bulan kursus kemahiran bekerja bagi pencari kerja



KEMUDA

Unit 7, Tingkat 1, Wisma 2000
Spg 51-22, Jln. Mengkai Gadong BE3919
Negara Brunei Darussalam

Tarikh tutup pendaftaran : 31 Julai 2001



**JABATAN PERTANIAN
KEMENTERIAN PERINDUSTRIAN
DAN SUMBER-SUMBER UTAMA**

JPT/TAW/09/2001

**MEMBEKAL DAN MENGHANTAR MAKANAN TERNAKAN AYAM
PEDAGING BAGI TEMPOH SATU TAHUN**

Syarat-Syarat Tawaran :

1. TAWARAN-TAWARAN hendaklah diamatkan kepada Pengerusi Lembaga Tawaran Negara dan dimasukkan ke dalam Peti Tawaran Negara di Tingkat 8, Bangunan IBB, Jalan Pemancha BS 8710, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam tidak lewat dari jam 2.00 petang pada hari Isnin, 23 Julai, 2001.
2. JPT/TAW/09/2001 : MEMBEKAL DAN MENGHANTAR MAKANAN TERNAKAN AYAM PEDAGING BAGI TEMPOH SATU TAHUN.
3. Tawaran-tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan dilayan.
4. Tawaran-tawaran hendaklah dihantar dalam sampul surat yang bertutup dan pada bahagian atas sampul surat hendaklah ditulis dengan bahagian tajuk tawaran dan tarikh tutup sahaja tanpa menunjukkan identiti pembekal.
5. Dokumen-dokumen dan borang-borang tawaran serta penerangan lanjut boleh didapati dari tarikh dan masa yang ditetapkan di Pejabat Pertanian, Jalan Lapangan Terbang Lama Berakas, Bandar Seri Begawan.
6. Cagaran tawaran sebanyak \$100.00 wang tunai bagi satu tajuk tawaran adalah dikehendaki dan akan dikembalikan kepada setiap tawaran (bona-fide tender) yang tidak berjaya.
7. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak terikat untuk menerima tawaran yang paling rendah atau sebarang tawaran.
8. Salinan Sijil Pendaftaran Perniagaan hendaklah disertakan bersama.



**JABATAN PENGAJIAN ISLAM
KEMENTERIAN HAL EHWAL
UGAMA**

TAWARAN RANCANGAN PEMAKANAN SEKOLAH-SEKOLAH (BAHAGIAN MENTAH) BAGI TEMPOH 2 TAHUN

Syarat-syarat Panduan dan Maklumat :

1. DOKUMEN-DOKUMEN tawaran serta penerangan lanjut boleh didapati dari tarikh dan masa yang ditetapkan di Pejabat Pengajian Islam Bilik A13, Tingkat 2, Bangunan Baitul Mal Jalan Kota Batu Negara Brunei Darussalam semasa waktu bekerja.
 2. Tawaran-tawaran diterima tidak lewat pada hari Isnin 23 Julai, 2001 jam 2.00 petang.
 3. Tawaran-tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan dilayan.
 4. Segala kehendak dalam borang ini mestilah ditulis dengan betul dan terang jika tidak permohonan tawaran akan ditolak.
 5. Tawaran-tawaran hendaklah dihantar dalam sampul surat yang bertutup. Pada bahagian atas sampul surat hendaklah ditulis tajuk atau bilangan tawaran seperti mana yang diiklankan serta tarikh tutup tawaran itu tanpa menunjukkan identiti pembekal/pemborong.
 6. Borang-borang tawaran yang telah diisi hendaklah dihadapkan terus kepada Peti Tawaran Lembaga Tawaran Negara di alamat berikut: Pengerusi Lembaga Tawaran Negara, Kementerian Kewangan, Tingkat 8, Bangunan IBB, Jalan Pemancha, Bandar Seri Begawan BS 8710, Negara Brunei Darussalam.
 7. Pemohon-pemohon yang tinggal di daerah tempat sekolah berkenaan adalah diutamakan.
 8. Pemohon-pemohon yang berkhidmat dengan kerajaan atau syarikat-syarikat swasta yang ada hubung kaitnya dengan kerajaan iaitu Brunei Shell Petroleum (BSP), Royal Brunei Airline, Gold Gas (LNG) dan seumpamanya tidak diterima.
 9. Pemohon-pemohon mestilah menyertakan bersama Sijil Pendaftaran Perniagaan semasa mengambil borang.
 10. Tawaran-tawaran mestilah dihantar dengan menggunakan BORANG ASAL tawaran yang disediakan.
 11. Pemohon-pemohon hendaklah mengisi borang-borang berkenaan dalam 2 salinan dan salinan Pendaftaran Perniagaan dan Salinan Kad Pengenalan hendaklah disertakan bersama.
 12. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak semestinya menerima tawaran-tawaran yang rendah atau lain-lain.
- A. BILANGAN TAWARAN : JPI/39/35/2000 TAWARAN RANCANGAN PEMAKANAN SEKOLAH-SEKOLAH (BAHAGIAN MENTAH) BAGI MAKTAB PERGURUAN UGAMA SERI BEGAWAN.
- B. BILANGAN TAWARAN : JPI/40/35/2000 TAWARAN RANCANGAN PEMAKANAN SEKOLAH-SEKOLAH (BAHAGIAN MENTAH) BAGI SEKOLAH MENENGAH ARAB LAKI-LAKI HASSANAL BOLKIAH.
- C. BILANGAN TAWARAN : JPI/41/35/2000 TAWARAN RANCANGAN PEMAKANAN SEKOLAH-SEKOLAH (BAHAGIAN MENTAH) BAGI MAHAD ISLAM BRUNEI.
- D. BILANGAN TAWARAN : JPI/42/35/2000 TAWARAN RANCANGAN PEMAKANAN SEKOLAH-SEKOLAH (BAHAGIAN MENTAH) BAGI SEKOLAH UGAMA ARAB MENENGAH PEREMPUAN RAJA ISTERI PENGIRAN ANAK DAMIT.
- E. BILANGAN TAWARAN : JPI/43/35/2000 TAWARAN RANCANGAN PEMAKANAN SEKOLAH-SEKOLAH (BAHAGIAN MENTAH) BAGI SEKOLAH PERSEDIAN ARAB BANDAR SERI BEGAWAN.



**JABATAN PENJARA
KEMENTERIAN HAL EHWAL
DALAM NEGERI**

I) BILANGAN TAWARAN : JPB/7/2001

MEMBEKALKAN ALAT PERHUBUNGAN RADIO (WALKIE-TALKIE)

II) BILANGAN TAWARAN : JPB/8/2001

MEMBAKUPULI KEROSAKAN DEWANG SERBAGUNA
PENJARA JERUDONG

Syarat-Syarat Tawaran :

- a. KETERANGAN lanjut dan borang mengenai tawaran-tawaran ini boleh didapati dari tarikh dan masa yang ditetapkan di Pejabat Jabatan Penjara, Negara Brunei Darussalam pada bila-bila masa waktu pejabat dibuka.
- b. Tawaran-tawaran hendaklah dibuat dalam sampul surat bertutup. Pada bahagian atas sampul surat hendaklah ditulis tajuk dan bilangan tawaran seperti yang diiklankan serta tarikh tutup tawaran tanpa menunjukkan identiti pengirim, dengan menyertakan salinan Sijil Pendaftaran Perniagaan. Surat tawaran hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tawaran Lembaga Tawaran Negara di Bangunan Islamic Bank of Brunei (IBB), Tingkat 8, Bandar Seri Begawan dan ditujukan kepada Pengerusi Lembaga Tawaran Negara, Kementerian Kewangan, Tingkat 8, Bangunan IBB, Bandar Seri Begawan BS 8710, Negara Brunei Darussalam.
- c. Tarikh tutup bagi tawaran-tawaran tersebut ialah pada 23 Julai, 2001 (Isnin) jam 2.00 petang.
- d. Tawaran yang lewat diterima dari tarikh dan waktu yang dinyatakan di atas tidak akan dilayan.
- e. Yuran Tawaran (Tender Fee) bagi setiap tawaran di atas adalah sebanyak sepuluh ringgit (\$10.00) dan dikehendaki pembayaran dengan wang tunai sahaja (tidak dikembalikan). Bayaran ini hendaklah dibuat di Bahagian Kewangan Ibu Pejabat Jabatan Penjara, pada waktu-waktu berikut : Isnin - Khamis - Jam 8.00 pagi hingga 12.00 tengah hari dan 1.30 petang hingga 2.30 petang. Manakala hari Sabtu jam 8.00 pagi hingga 10.00 pagi.
- f. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak terikat untuk menerima tawaran yang paling rendah.



**JABATAN PENTADBIRAN DAN
PERKHIDMATAN-PERKHIDMATAN
KEMENTERIAN PENDIDIKAN**

TAWARAN-TAWARAN hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tawaran yang terletak di Tingkat 1, Blok "A", Jabatan Pentadbiran dan Perkhidmatan-Perkhidmatan, Kementerian Pendidikan.

Tidak lewat dari jam 2.00 petang pada hari Isnin 23 Julai, 2001.

2. Tawaran-tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan diterima dan dilayan.
3. Tiap-tiap tawaran hendaklah dinyatakan tempoh pembekalannya.
4. Segala kehendak dalam borang ini mestilah ditulis dengan betul dan terang jika tidak permohonan tawaran ini akan ditolak.
5. Tawaran-tawaran hendaklah dihantar dalam sampul surat yang bertutup. Pada bahagian atas sampul surat hendaklah ditulis tajuk atau bilangan tawaran seperti mana yang diiklankan serta tarikh tutup tawaran itu, tanpa menunjukkan identiti pembekal/pemborong dan ditujukan kepada Pengerusi, Lembaga Tawaran Negara, Kementerian Kewangan, Tingkat 8, Bangunan IBB, Bandar Seri Begawan.
6. Dokumen-dokumen tawaran dan penerangan-penerangan yang lanjut boleh didapati dari tarikh dan masa yang ditetapkan di Pejabat Pentadbiran dan Perkhidmatan-Perkhidmatan, Kementerian Pendidikan, Lapangan Terbang Lama, Berakas, Negara Brunei Darussalam.
7. Cagaran tawaran adalah dikehendaki sebanyak \$100.00 dengan wang tunai pada setiap tawaran. Cagaran akan dikembalikan kepada setiap pemborong yang tidak berjaya setelah menghantar tawaran yang jujur (bona-fide tender).
8. Tawaran-tawaran mestilah dihantar dengan menggunakan borang-borang tawaran yang telah disediakan. Tawaran yang mempunyai pengecualian tidak akan dilayan.
9. Salinan Sijil Pendaftaran Perniagaan hendaklah disertakan bersama.
10. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak semestinya menerima tawaran-tawaran yang rendah atau lain-lain.

DAK/SSP/51/2001 - MEMOTONG RUMPUT DAN PEMELIHARAAN KEBERSIHAN KAWASAN DAN PADANG BAGI SEKOLAH MENENGAH SULTAN MUHAMMAD JAMALUL ALAM (SMJA) BAGI TEMPOH DUA (2) TAHUN (ANGGARAN KELUASAN 9 EKAR). Bayaran Dokumen Tawaran : \$20.00 (tidak dikembalikan).

DAK/SSP/52/2001 - MEMOTONG RUMPUT DAN PEMELIHARAAN KEBERSIHAN KAWASAN DAN PADANG BAGI MAKTAB JURURAWAT PENGIRAN ANAK PUTERI RASHIDAH SAADATUL BOLKIAH BAGI TEMPOH DUA (2) TAHUN (ANGGARAN KELUASAN 15 EKAR). Bayaran Dokumen Tawaran : \$20.00 (tidak dikembalikan).

DAK/SSP/53/2001 - MEMOTONG RUMPUT DAN PEMELIHARAAN KEBERSIHAN KAWASAN BAGI INSTITUT TEKNOLOGI BRUNEI BAGI TEMPOH DUA (2) TAHUN (ANGGARAN KELUASAN 8 EKAR). Bayaran Dokumen Tawaran : \$20.00 (tidak dikembalikan).

DAK/SSP/54/2001 - MEMOTONG RUMPUT DAN PEMELIHARAAN KEBERSIHAN KAWASAN SEKOLAH, PADANG DAN PERUMAHAN GURU BAGI SEKOLAH MENENGAH SUFRI BOLKIAH, BAGI TEMPOH DUA (2) TAHUN (ANGGARAN KELUASAN 10 EKAR). Bayaran Dokumen Tawaran : \$20.00 (tidak dikembalikan).

DAK/SSP/55/2001 - MEMOTONG RUMPUT DAN PEMELIHARAAN KEBERSIHAN KAWASAN SEKOLAH, PADANG DAN PERUMAHAN GURU, BAGI 1) SEKOLAH RENDAH KERIAM, 2) SEKOLAH RENDAH SINIAUT BAGI TEMPOH DUA (2) TAHUN (ANGGARAN KELUASAN 10 EKAR). Bayaran Dokumen Tawaran : \$20.00 (tidak dikembalikan).

DAK/SSP/56/2001 - MEMOTONG RUMPUT DAN PEMELIHARAAN KEBERSIHAN KAWASAN SEKOLAH PADANG DAN PERUMAHAN GURU BAGI SEKOLAH RENDAH ABDUL RASHID TANJONG MAYA, TUTONG BAGI TEMPOH DUA (2) TAHUN (ANGGARAN KELUASAN 6 EKAR). Bayaran Dokumen Tawaran : \$20.00 (tidak dikembalikan).

DAK/SSP/57/2001 - MEMOTONG RUMPUT DAN PEMELIHARAAN KEBERSIHAN KAWASAN SEKOLAH, PADANG BAGI SEKOLAH MENENGAH SULTAN HASSAN BANGAR, TEMBURONG BAGI TEMPOH DUA (2) TAHUN (ANGGARAN KELUASAN 9 HEKTAR). Bayaran Dokumen Tawaran : \$20.00 (tidak dikembalikan).

DAK/SSP/58/2001 - MEMOTONG RUMPUT DAN PEMELIHARAAN KEBERSIHAN KAWASAN SEKOLAH, PADANG DAN PERUMAHAN GURU BAGI SEKOLAH RENDAH RAMPAYOH, KUALA BELAIT BAGI TEMPOH DUA (2) TAHUN (ANGGARAN KELUASAN 8 EKAR). Bayaran Dokumen Tawaran : \$20.00 (tidak dikembalikan).

DAK/SSP/59/2001 - MEMOTONG RUMPUT DAN PEMELIHARAAN KEBERSIHAN KAWASAN SEKOLAH, PADANG DAN PERUMAHAN GURU BAGI SEKOLAH RENDAH LABI, DAERAH BELAIT, BAGI TEMPOH DUA (2) TAHUN (ANGGARAN KELUASAN 5.5 EKAR). Bayaran Dokumen Tawaran : \$20.00 (tidak dikembalikan).

DAK/SSP/60/2001 - MEMOTONG RUMPUT DAN PEMELIHARAAN KEBERSIHAN KAWASAN SEKOLAH, PADANG DAN PERUMAHAN GURU BAGI SEKOLAH RENDAH MERANGKING, DAERAH BELAIT, BAGI TEMPOH DUA (2) TAHUN (ANGGARAN KELUASAN 5 EKAR). Bayaran Dokumen Tawaran : \$20.00 (tidak dikembalikan).

DAK/SSP/61/2001 - MEMOTONG RUMPUT DAN PEMELIHARAAN KEBERSIHAN KAWASAN BAGI SEKOLAH MENENGAH MUMONG, KUALA BELAIT, BAGI TEMPOH DUA (2) TAHUN (ANGGARAN KELUASAN 26 EKAR). Bayaran Dokumen Tawaran : \$20.00 (tidak dikembalikan).

DAK/SSP/62/2001 - MEMBEKAL DAN MENGHANTAR ALAT-ALAT PERKAKAS SEKOLAH (MASTER ROLL & INK) UNTUK JABATAN SEKOLAH-SEKOLAH TERMASUK SEKOLAH-SEKOLAH MENENGAH/MAKTAB DAN SEKOLAH RENDAH KERAJAAN BAGI TEMPOH DUA (2) TAHUN. Bayaran Dokumen Tawaran : \$50.00 (tidak dikembalikan).

WAKTU-WAKTU MENERIMA WANG CAGARAN

ISNIN - KHAMIS : 8.00 PAGI - 11.30 PAGI, 1.30 PETANG - 2.30 PETANG.
SABTU : 8.00 PAGI - 10.00 PAGI.



**DI DALAM
MAHKAMAH TINGGI
BANDAR SERI BEGAWAN**

KEBANKRAPAN NO. 40 TAHUN 2001

IRB FINANCE BERHADPemiutang/ Pemetisyeen

DAN

HADZIZAM BIN YAHYA (Warrant Kad No. 3281) & AMINUR RASHIDIN BIN MOHAMMAD ZAIDI (Warrant Kad No. 3093)Penghutang-Penghutang/Penentang-Penentang.

NOTIS PERINTAH PENERIMAAN

- Sila ambil perhatian bahawa Satu Perintah Penerimaan telah dibuat terhadap Penghutang-Penghutang yang berikut pada 21 April, 2001. Nama dan alamat bankrap : Hadzizam bin Yahya, No.85, Kampong Plasan, Jalan Lamunin, Tutong TG 2343, Negara Brunei Darussalam dan Aminur Rashidin bin Mohamad Zaidi No. 10, Simpang 83-79, Jalan 101, Kampong Perlipindahan Salamangar, Jalan Muara, Negara Brunei Darussalam. Tarikh Pemohonan : 29 Mac, 2001.
- Semua Si piutang-si piutang kepada penghutang yang tersebut di atas hendaklah menghadapkan borang-borang bukti hutang yang boleh diperolehi di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi dengan seberapa segera yang boleh.
- Semua hutang-hutang yang seharusnya dibayar oleh penghutang tersebut di atas hendaklah dihadapkan kepada Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat 2, Bangunan Mahkamah Besar, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam. Bertarikh : 14 Jun, 2001.

LIM SIEW YEN -

Timbalan Pegawai Penerima Rasmi

KEBANKRAPAN NO. 40 TAHUN 2001

IRB FINANCE BERHAD ... Pemiutang Penghakiman/ Pemetisyeen.

DAN

HADZIZAM BIN YAHYA (Warrant Kad No. 3281) & AMINUR RASHIDIN BIN MOHAMMAD ZAIDI (Warrant Kad No. 3093)Penghutang-Penghutang/ Penghakiman/Penentang-Penentang.

NOTIS KEPADA PEMIUTANG UNTUK PERJUMPAAN PERTAMA

Di bawah Perintah Penghakiman bertarikh 21 April, 2001.

Notis adalah dengan ini diberikan bahawa satu perjumpaan pemiutang-pemiutang mengenai perkara di atas akan diadakan di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Mahkamah Besar, pada 11 Julai, 2001 jam 3.00 petang.

Bagi membolehkan kamu mengundi di sana bukti-bukti kamu mestilah diserahkan kepada saya tidak lewat dari 24 jam sebelum waktu yang ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Proksi-proksi yang akan digunakan di perjumpaan ini mestilah diserahkan kepada saya tidak lewat dari 24 jam sebelum waktu yang telah ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Pemeriksaan awam bagi penghutang adalah ditetapkan pada 11 Julai, 2001 jam 3.00 petang di Mahkamah Besar.

Mana-mana pihak pemiutang yang telah menyerahkan bukti atau wakil-wakilnya yang diberi kuasa secara bertulis, bolehlah menyol penghutang semasa pemeriksaan awam penghutang mengenai dengan hal-halinya dan juga sebab kegagalannya. Bertarikh 14 Jun, 2001

LIM SIEW YEN -

Timbalan Pegawai Penerima Rasmi

KEBANKRAPAN NO. 310 TAHUN 2000

IBB KREDIT BERHADPemiutang/Penghakiman Pemetisyeen

DAN

DAYANG NUSBAH BINTI HAJI SALLEH (BYIC NO. 029225 ...Penghutang Penghakiman/Penentang.

NOTIS PERINTAH PENERIMAAN

- Sila ambil perhatian bahawa Satu Perintah Penerimaan telah dibuat terhadap Penghutang yang berikut pada 21 April, 2001. Nama dan alamat bankrap : Dayang Nubah binti Haji Salleh, No.12, Simpang 188-20 Kampong Perlipindahan Mentiri, Jalan Kota Batu BU 1929, Negara Brunei Darussalam. Tarikh Pemohonan : 2 April, 2001.

- Semua Si piutang-si piutang kepada nama penghutang yang tersebut di atas hendaklah menghadapkan borang-borang bukti hutang yang boleh diperolehi di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi dengan seberapa segera yang boleh.

- Semua hutang-hutang yang seharusnya dibayar kepada penghutang tersebut di atas hendaklah dihadapkan kepada Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat 2, Bangunan Mahkamah Besar, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam. Bertarikh : 30 Mei, 2001.

DAYANG RAMZIDAH BINTI POKD HAJI ABDUL RAHMAN -

Timbalan Pegawai Penerima Rasmi

KEBANKRAPAN NO. 310 TAHUN 2000

IBB KREDIT BERHAD ... Pemiutang Penghakiman/ Pemetisyeen.

DAN

DAYANG NUSBAH BINTI HAJI SALLEH (BYIC NO. 029225 ...Penghutang Penghakiman/Penentang.

NOTIS KEPADA PEMIUTANG UNTUK PERJUMPAAN PERTAMA

Di bawah Perintah Penghakiman bertarikh 28 April, 2001.

Notis adalah dengan ini diberikan bahawa satu perjumpaan pemiutang-pemiutang mengenai perkara di atas akan diadakan di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Mahkamah Besar, pada 25 Julai, 2001 jam 9.45 pagi.

Bagi membolehkan kamu mengundi di sana bukti-bukti kamu mestilah diserahkan kepada saya tidak lewat dari 24 jam sebelum waktu yang ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Proksi-proksi yang akan digunakan di perjumpaan ini mestilah diserahkan kepada saya tidak lewat dari 24 jam sebelum waktu yang telah ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Pemeriksaan awam bagi penghutang adalah ditetapkan pada 25 Julai, 2001 jam 9.45 pagi di Mahkamah Besar.

Mana-mana pihak pemiutang yang telah menyerahkan bukti atau wakil-wakilnya yang diberi kuasa secara bertulis, bolehlah menyol penghutang semasa pemeriksaan awam penghutang mengenai dengan hal-halinya dan juga sebab kegagalannya. Bertarikh 30 Mei, 2001

DAYANG RAMZIDAH BINTI POKD HAJI ABDUL RAHMAN -

Timbalan Pegawai Penerima Rasmi

KEBANKRAPAN NO. 20 TAHUN 2001

STANDARD CHARTERED FINANCE (B) BERHADPemiutang/ Pemetisyeen

DAN

MOHD SAIFUDDIN BIN HAJI AWANG DAMIT (ABDB Card No. 05194)Penghutang /Penentang.

NOTIS PERINTAH PENERIMAAN

- Sila ambil perhatian bahawa Satu Perintah Penerimaan telah dibuat terhadap Penghutang yang berikut pada 18 April, 2001.

Nama dan alamat terakhir diketahui : Mohd Saifuddin bin Haji Awang Damit, F/G 19, Room 7, Berakas Camp BB 3510, Negara Brunei Darussalam. Tarikh Petye: 31 Mac, 1999.

- Semua Si piutang-si piutang kepada nama penghutang yang tersebut di atas hendaklah menghadapkan borang-borang bukti hutang yang boleh diperolehi di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi dengan seberapa segera yang boleh.

- Semua hutang-hutang yang seharusnya dibayar kepada penghutang tersebut di atas hendaklah dihadapkan kepada Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat 2, Bangunan Mahkamah Besar, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam. Bertarikh : 7 Jun, 2001.

LIM SIEW YEN -

Timbalan Pegawai Penerima Rasmi

KEBANKRAPAN NO. 20 TAHUN 2001

STANDARD CHARTERED FINANCE (B) BERHAD ... Pemiutang Penghakiman/ Pemetisyeen.

DAN

MOHD SAIFUDDIN BIN HAJI AWANG DAMIT (ABDB Card No. 05194)Penghutang Penghakiman/Penentang.

NOTIS KEPADA PEMIUTANG UNTUK PERJUMPAAN PERTAMA

Di bawah Perintah Penghakiman bertarikh 19 April, 2001.

Notis adalah dengan ini diberikan bahawa satu perjumpaan pemiutang-pemiutang mengenai perkara di atas akan diadakan di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Mahkamah Besar, pada 23 Julai, 2001 jam 2.00 petang.

Bagi membolehkan kamu mengundi di sana bukti-bukti kamu mestilah diserahkan kepada saya tidak lewat dari 24 jam sebelum waktu yang ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Proksi-proksi yang akan digunakan di perjumpaan ini mestilah diserahkan kepada saya tidak lewat dari 24 jam sebelum waktu yang telah ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Pemeriksaan awam bagi penghutang adalah ditetapkan pada 23 Julai, 2001 jam 2.00 petang di Mahkamah Besar.

Mana-mana pihak pemiutang yang telah menyerahkan bukti atau wakil-wakilnya yang diberi kuasa secara bertulis, bolehlah menyol penghutang semasa pemeriksaan awam penghutang mengenai dengan hal-halinya dan juga sebab kegagalannya. Bertarikh 7 Jun, 2001

LIM SIEW YEN -

Timbalan Pegawai Penerima Rasmi

KEBANKRAPAN NO. 155 TAHUN 2000

THE HONGKONG & SHANGHAI BANKING CORPORATION LIMITED

.....Pemiutang/ Pemetisyeen

DAN

HARITH DANNY SKINNER (BYIC NO. 055275 KUNING) ...Penghutang /Penentang.

NOTIS PERINTAH PENERIMAAN

- Sila ambil perhatian bahawa Satu Perintah Penerimaan telah dibuat terhadap Penghutang yang berikut pada 9 Jun, 2001.

Nama dan alamat bankrap : Harith Danny Skinner, No.6, Simpang 13, Kampong Manggis Dua, Jalan Muara, Negara Brunei Darussalam. Tarikh Pemohonan : 7 Disember, 2000.

- Semua Si piutang-si piutang kepada nama penghutang yang tersebut di atas hendaklah menghadapkan borang-borang bukti hutang yang boleh diperolehi di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi dengan seberapa segera yang boleh.

- Semua hutang-hutang yang seharusnya dibayar kepada penghutang tersebut di atas hendaklah dihadapkan kepada Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat 2, Bangunan Mahkamah Besar, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam. Bertarikh : 16 Jun, 2001.

LIM SIEW YEN -

Timbalan Pegawai Penerima Rasmi

KEBANKRAPAN NO. 155 TAHUN 2000

THE HONGKONG & SHANGHAI BANKING CORPORATION LIMITED ...

Pemiutang Penghakiman/ Pemetisyeen.

DAN

HARITH DANNY SKINNER (BYIC NO. 029225)Penghutang Penghakiman/Penentang.

NOTIS KEPADA PEMIUTANG UNTUK PERJUMPAAN PERTAMA

Di bawah Perintah Penghakiman bertarikh 9 Jun, 2001.

Notis adalah dengan ini diberikan bahawa satu perjumpaan pemiutang-pemiutang mengenai perkara di atas akan diadakan di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Mahkamah Besar, pada 9 Julai, 2001 jam 3.00 petang.

Bagi membolehkan kamu mengundi di sana bukti-bukti kamu mestilah diserahkan kepada saya tidak lewat dari 24 jam sebelum waktu yang ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Proksi-proksi yang akan digunakan di perjumpaan ini mestilah diserahkan kepada saya tidak lewat dari 24 jam sebelum waktu yang telah ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Pemeriksaan awam bagi penghutang adalah ditetapkan pada 9 Julai, 2001 jam 3.00 petang di Mahkamah Besar.

Mana-mana pihak pemiutang yang telah menyerahkan bukti atau wakil-wakilnya yang diberi kuasa secara bertulis, bolehlah menyol penghutang semasa pemeriksaan awam penghutang mengenai dengan hal-halinya dan juga sebab kegagalannya. Bertarikh 16 Jun, 2001

LIM SIEW YEN -

Timbalan Pegawai Penerima Rasmi

KEBANKRAPAN NO. 18 TAHUN 1995

AMERICAN EXPRESS INTERNATIONAL, INCPemiutang Penghakiman/ Pemetisyeen.

DAN

PENGIRAN TUAH BIN PENGIRAN HAJI SIDEK (BYIC NO. 065951 Kuning)Penghutang Penghakiman/Penentang.

NOTIS PEMBATALAN

Sila ambil perhatian bahawa Perintah Penerimaan yang dibuat terhadap

Penghutang berikut pada 16 September, 1995 telah dibatalkan pada 16 Jun, 2001.

Nama Penghutang: Pengiran Tuah bin Pengiran Haji Sidek, Alamat Penghutang: Lot: 3444, Simpang 18, Jalan Tanjong Batu, Muara, Negara Brunei Darussalam. Bertarikh: 16 Jun, 2001

LIM SIEW YEN -

Timbalan Pegawai Penerima Rasmi

KEBANKRAPAN NO. 70 TAHUN 1999

PERBADANAN TABUNG AMANAH ISLAM BRUNEIPemiutang Penghakiman/ Pemetisyeen.

DAN

PENGIRAN OTHMAN BIN PENGIRAN HAJI YUSSOF (BYIC NO. 064951)Penghutang Penghakiman/Penentang.

NOTIS PEMBATALAN

Sila ambil perhatian bahawa Perintah Penerimaan yang dibuat terhadap Penghutang berikut pada 16 November, 2000 telah dibatalkan pada 16 Jun, 2001.

Nama Penghutang: Pengiran Othman bin Pengiran Haji Yussof, Alamat Penghutang: No. 3, Kampong Selayun, Sengkuring B, BG 1721, Negara Brunei Darussalam. Bertarikh: 16 Jun, 2001

LIM SIEW YEN -

Timbalan Pegawai Penerima Rasmi



**JABATAN TEKNOLOGI MAKLUMAT
DAN STOR NEGARA
KEMENTERIAN KEWANGAN**

Bilangan Tawaran : TMSN/8/6.2001

Syarat-Syarat Tawaran :

- TAWARAN-TAWARAN adalah dipelawa bagi 'The Supply, Delivery And Installation Of Office Furniture For The Brunei Currency Board New Building, Negara Brunei Darussalam.'
- Dokumen-dokumen terperinci tawaran berharga \$200.00 (Ringgit Dua Ratus Sahaja) bolehlah diperolehi daripada Bahagian Tawaran dan Sebutarga, Jabatan Teknologi Maklumat dan Stor Negara, Kementerian Kewangan, Jalan Gadong, Bandar Seri Begawan BE 1110, Negara Brunei Darussalam.
- Pembelian dokumen tawaran hendaklah dibuat di Bahagian Akaun, Jabatan Teknologi Maklumat dan Stor Negara, Kementerian Kewangan, Jalan Gadong, Bandar Seri Begawan BE 1110, Negara Brunei Darussalam setiap hari Isnin hingga Khamis dari jam 8.00 pagi hingga 11.00 pagi sahaja. Tarikh akhir: pembelian dokumen tawaran pada 4 Julai, 2001.
- Tawaran hendaklah dihantar dalam sampul surat yang tertutup rapat. Pada bahagian atas sampul surat hendaklah ditulis tajuk seperti berikut : THE SUPPLY, DELIVERY AND INSTALLATION OF OFFICE FURNITURE FOR THE BRUNEI CURRENCY BOARD NEW BUILDING, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM tanpa menunjukkan nama syarikat pemborong, sampul surat itu hendaklah ditujukan kepada Pengerusi Lembaga Tawaran Negara, Kementerian Kewangan, Tingkat 8, Bangunan IBB, Jalan Pemancha, Bandar Seri Begawan BS 8710, Negara Brunei Darussalam tidak lewat dari jam 2.00 petang pada hari Isnin 30 Julai, 2001.
- Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak semestinya terikat menerima tawaran yang rendah atau sebarang tawaran difikirkan tidak munasabah.



**JABATAN PERTANIAN
KEMENTERIAN PERINDUSTRIAN
DAN SUMBER-SUMBER UTAMA**

Bilangan Tawaran : JP/TAW/09/2001

Syarat-Syarat Tawaran :

- TAWARAN-TAWARAN hendaklah dialamatkan kepada Pengerusi Lembaga Tawaran Negara dan dimasukkan ke dalam Peti Tawaran Negara di Tingkat 8, Bangunan IBB, Jalan Pemancha BS 8710, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam tidak lewat dari jam 2.00 petang pada hari Isnin 23 Julai, 2001.
- JP/TAW/09/2001 : MEMBEKAL DAN MENGHANTAR MAKANAN TERNAKAN AYAM PEDAGANG BAGI TEMPOH 1 TAHUN
- Tawaran-tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan dilayan.
- Tawaran-tawaran hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat yang bertutup dan pada bahagian atas sebelah kiri sampul surat hendaklah ditulis dengan bahagian/tajuk tawaran dan tarikh tutup sahaja tanpa menunjukkan identiti pembekal.
- Dokumen-dokumen dan borang-borang tawaran serta penerangan lanjut bolehlah dilihat dan diperolehi daripada Ibu Pejabat Pertanian, Jalan Lapangan Terbang Lama Berakas, Bandar Seri Begawan.
- Cagar Tawaran sebanyak \$100.00 worth tunai bagi satu tajuk tawaran adalah dikehendaki dan akan dikembalikan kepada setiap tawaran (bona-fide tender) yang tidak berjaya.
- Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak terikat untuk menerima tawaran yang paling rendah atau sebarang tawaran.
- Salinan Sijil Pendaftaran Pemagaan hendaklah disertakan bersama.



**JABATAN KERJA RAYA
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN**

Syarat-Syarat Tawaran :

1. TAWARAN hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tawaran kepada alamat di bawah (kecuali ditetapkan alamat yang lain dalam iklan atau dokumen tawaran) seperti dikehendaki dan dinyatakan dalam Dokumen Tawaran. Pengerusi Lembaga Tawaran Negara, Tingkat 8, Bahagian Lembaga Tawaran Negara, Bangunan IBB, Jalan Pemancha, Bandar Seri Begawan BS 8710, Negara Brunei Darussalam tidak lewat dari jam 2.00 petang pada tiap-tiap hari Isnin (seperti tarikh yang telah ditetapkan).
2. Tawaran-tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa di alamat yang telah ditetapkan tidak akan dilayan.
3. Tawaran-tawaran mestilah dihadapkan dalam sampul surat yang rapi (sealed) dengan menyatakan tajuk projek yang berkenaan tanpa menyatakan nama penawar dan dihantar kepada alamat di para satu menu-ut arahan yang dinyatakan dalam Dokumen Tawaran.
4. Dokumen-dokumen tawaran dan penerangan-penerangan yang lanjut bolehlah dilihat dan diperolehi dari Unit Pembahagian Dokumen, Tingkat Bawah, Ibu Pejabat Jabatan Kerja Raya, Lapangan Terbang Lama, Jalan Berakas, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam. Bagi tawaran yang dikeluarkan oleh Jabatan Kerja Raya Kuala Belait, dokumen itu bolehlah diperolehi dari Unit Kontrak, Jabatan Kerja Raya, Kuala Belait.
5. Cagaran tawaran bagi : i) Kelas VI - \$5,000.00/\$10,000.00 ii) Kelas V - \$1,000.00 iii) Kelas IV - \$500.00 iv) Kelas III - \$200.00; v) Kelas II - \$100.00; vi) Lukisan - \$100.00.
6. Cagaran tawaran adalah dikehendaki dan akan dikembalikan kepada setiap pemborong yang tidak berjaya setelah menghantar tawaran yang jujur (bona-fide tender). Kadar cagaran adalah seperti yang ditetapkan di iklan tawaran.
7. Sebelum dokumen-dokumen tawaran dikeluarkan, setiap pemborong dikehendaki membawa dokumen yang menunjukkan bahawa pemborong adalah yang berdaftar di Kementerian Pembangunan dalam kelas yang ditetapkan dan dikehendaki membayar dokumen tawaran itu seperti kadar yang ditetapkan di iklan tawaran.
8. Tawaran-tawaran mestilah dihantar dengan menggunakan borang-borang tawaran yang telah disediakan.
9. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak akan

semestinya menerima tawaran-tawaran yang rendah atau lain-lain tawaran.

DIBUKAKAN kepada pemborong-pemborong yang berdaftar dalam kelas IV, V & VI (Kategori 3 sahaja).
Hingga jam 10.00 pagi hari Sabtu 17 Julai, 2001. Tarikh tutup : hari Isnin 23 Julai, 2001.

BIL : JKR/DWS/021/2001 : SKIM PENYUSUNAN SEMULA KAMPONG AYER, KAMPONG KATOK 8, PEMBEKALAN AIR KE ZON I
Cagaran Tawaran : \$1,000.00. Kadar Bayaran : \$250.00 (Tidak dikembalikan).

DIBUKAKAN kepada pemborong-pemborong yang berdaftar dalam kelas II & III di kategori 5i sahaja.

Hingga jam 2.00 petang hari Sabtu 21 Julai, 2001. Tarikh tutup : hari Isnin 23 Julai, 2001.

BIL : JKR/DOD/10/2001 (AIB) T. II : INSTITUT TEKNOLOGI BRUNEI : FASA DUA - SISTEM PAPAN TANDA/PENANDA.
No. Projek : AD 616-1500. Cagaran Tawaran : \$100.00. Bayaran Dokumen Tawaran : \$25.00 (tidak dikembalikan).

DIBUKAKAN kepada pemborong-pemborong yang berdaftar dalam kelas I, II & III dalam kategori 5(G).

Hingga jam 2.00 petang hari Khamis 19 Julai, 2001. Tarikh tutup : hari Isnin 23 Julai, 2001 (LEMBAGA TAWARAN NEGARA, KEMENTERIAN KEWANGAN).

BIL : JKR/DOR/501/2001 : MENGGANTI GELADAK (DECKING) KAYU KEPADA GELADAK (DECKING) ALUMINIUM UNTUK DUA JEJATAS DI BANDAR SERI BEGAWAN.
Cagaran Tawaran : \$100.00. Bayaran Dokumen Tawaran : \$25.00 (tidak dikembalikan).

DIBUKAKAN kepada pemborong-pemborong yang berdaftar dalam kelas II, III & IV dalam kategori 1.

Hingga jam 2.00 petang hari Khamis 19 Julai, 2001. Tarikh tutup : hari Isnin 23 Julai, 2001 (LEMBAGA TAWARAN NEGARA, KEMENTERIAN KEWANGAN).

BIL : JKR/DOR/501/2001 : MEMBAIKI TEMPAT PEJALAN KAKI DI SEPANJANG JALAN DATO HAJI BASIR, BANDAR SERI BEGAWAN, NEGERA BRUNEI DARUSSALAM.
Cagaran Tawaran : \$200.00. Bayaran Dokumen Tawaran : \$50.00 (tidak dikembalikan).

DIBUKAKAN kepada pemborong-pemborong yang berdaftar dalam kelas IV (III, IV & V) Kategori 1 & 4 (d) sahaja.

Hingga jam 2.00 petang hari Sabtu 21 Julai, 2001. Tarikh tutup : hari Isnin 23 Julai, 2001.

BIL : JKR/DOS/13/2001 (CDE) T. IV : MENGOREK DAN MENDALAMI SUNGAI LIMAU MANIS.
No. Projek : O1/DOS/CDE/3 - 04901. Cagaran Tawaran : \$500.00. Bayaran Dokumen Tawaran : \$125.00 (tidak dikembalikan).

DIBUKAKAN kepada pemborong-pemborong yang berdaftar dalam kelas III (II & III) Sahaja, kategori 1 (Special Field Investigations)
Hingga jam 2.00 petang hari Sabtu 21 Julai, 2001. Tarikh tutup : hari Isnin 23 Julai, 2001.

BIL : JKR/DOS/14/2001 CDE (SPECS) - T. III : PERLINDUNGAN PANTAI SERASA (FASA II) (SPECIAL FIELD INVESTIGATIONS).
No. Projek : 01/DOS/CDE (SPECS)/816 - 017. Cagaran Tawaran : \$200.00.

DIBUKAKAN kepada pemborong-pemborong yang berdaftar dalam kelas II, III & IV dan kategori 4 (C).

Hingga jam 2.00 petang hari Khamis 26 Julai, 2001. Tarikh tutup : hari Isnin 30 Julai, 2001. (LEMBAGA TAWARAN NEGARA, Kementerian Kewangan).

BIL : JKR/DOR/502/2001 : MEMOTONG RUMPUT DAN MEMBUANG SAMPAH SEPANJANG JALAN MUARA DI ZON I DI DAERAH BRUNEI DAN MUARA BAGI TEMPOH DUA (2) TAHUN.
Cagaran Tawaran : \$200.00. Bayaran Dokumen Tawaran : \$50.00 (tidak dikembalikan).

DIBUKAKAN kepada pemborong-pemborong yang berdaftar dalam kelas II & III di kategori 1 sahaja.

Hingga jam 2.00 petang hari Khamis 19 Julai, 2001. Tarikh tutup : hari Isnin 23 Julai, 2001.

BIL : JKR/DBSKB028/2001 : MEMBINA LONGKANG KONKRIT DI SEPANJANG JALAN SUNGAI TERABAN/SUNGAI TUJUH - ANTARA FERRY RAMP DAN OUTFALL NO. 13, KUALA BELAIT.
No. Projek : 2001 DBSKB/20401. Cagaran Tawaran : \$100.00. Bayaran Dokumen Tawaran : \$25.00.

DIBUKAKAN kepada pemborong-pemborong yang berdaftar dalam kelas II & III di kategori 4A sahaja.

Hingga jam 2.00 petang hari Khamis 19 Julai, 2001. Tarikh tutup : 23 Julai, 2001. (LEMBAGA TAWARAN NEGARA, Kementerian Kewangan).

BIL : JKR/DBSKB029/2001 : KERJA-KERJA BANGUNAN UNTUK BAHAGIAN AIR DAN GAS, SERIA.
No. Projek : 01 DBSKB/20801. Cagaran Tawaran : \$100.00. Bayaran Dokumen Tawaran : \$25.00.



KEMENTERIAN PERTAHANAN

Bilangan Tawaran : MINDEF/DFP/2001/T/3027

: JPPK/LTN/28/2001

CADANGAN PENGUBAHSUAIAN 7 BLOK PENGINAPAN PEGAWAI-PEGAWAI TIDAK BERTAULAH (PTB) RENDAH & SOLDADU DI KOMPENI ASKAR WANITA ATPBDB BOLKIAH GARISON.

Bayaran Cagaran : \$100.00 Wang Bayaran Tawaran : \$10.00 (tidak dikembalikan). Kelas: II. Kategori : 2 dan 4a. Completion Period : SIX (6) MONTHS

Syarat-Syarat Tawaran :

- a) TAWARAN-TAWARAN hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tawaran, Lembaga Tawaran Negara, Tingkat 8, Bahagian Lembaga Tawaran Negara, Bangunan IBB, Jalan Pemancha, Bandar Seri Begawan BS 8710, Negara Brunei Darussalam, tidak lewat dari jam 2.00 petang hari Isnin 30 Julai, 2001. Dokumen-dokumen tawaran bolehlah diperolehi dari Unit Tawaran, Jabatanarah Kewangan dan Perbekalan seperti alamat yang disebutkan di perenggan (a) di atas semasa hari-hari bekerja (Isnin - Jumaat). Tarikh terakhir mengambil dokumen tawaran pada 27 Julai, 2001 hari Jumaat jam 10.30 pagi.
- b) Wang bayaran Tawaran "Tender Fees" dan "Tender Deposit" hendaklah dibayar secara tunai di Bahagian Kewangan, Jabatanarah Kewangan dan Perbekalan, Blok 169, Kementerian Pertahanan, Bolkliah Garison BB 3510, Negara Brunei Darussalam. Waktu bagi menerima bayaran : Isnin - Khamis : 8.00 pagi - 11.30 pagi 2.00 petang - 3.30 petang dan Jumaat : 8.00 pagi - 10.30 pagi.
- c) Wang bayaran Tawaran "Tender Fees" pembekal adalah dikehendaki bagi semua tawaran seperti yang diiklankan.
- d) Kerajaan tidak terikat untuk menerima sebarang tawaran yang paling rendah.
- e) Tawaran-tawaran hendaklah dihantar dalam sampul surat biasa dan hendaklah ditutup rapi. Pada bahagian atas sebelah kiri sampul surat hendaklah dinyatakan rujukan dan tajuk tawaran dan catatan tarikh tutup tawaran ini seperti mana yang diiklankan. Contoh-contoh atau katalog asal yang berkaitan dan bersesuaian dengan jenis tawaran yang diiklankan mestilah dihantar ke Unit Tawaran, Jabatanarah Kewangan dan Perbekalan, Blok 150, Kementerian Pertahanan, Garison Bolkliah BB 3510, Negara Brunei Darussalam sehingga hari Jumaat tidak lewat dari jam 4.00 petang pada minggu yang sama.



KEMENTERIAN KESIHATAN

Syarat-Syarat Tawaran:

DOKUMEN-DOKUMEN tawaran serta penerangan lanjut bolehlah diperolehi daripada Bahagian Akaun, Bahagian Pembelian dan Perbekalan, Bangunan Kementerian Kesihatan, Jalan Menteri Besar, Bandar Seri Begawan semasa waktu bekerja.

1. Tawaran-tawaran hendaklah dihantar ke alamat yang tersebut di bawah dalam sampul surat yang tertutup dengan ditulis bilangan, dan nama tawaran tanpa menunjukkan identiti pemborong dan diberikan kepada Pengerusi Lembaga Tawaran Negara, Tingkat 8, Bahagian Lembaga Tawaran Negara, Bangunan IBB, Jalan Pemancha, Bandar Seri Begawan BS 8710.
2. Tawaran yang mempunyai rujukan bilangan KK/30/2001 hendaklah dihantar tidak lewat dari jam 2.00 petang, hari Isnin 23 Julai, 2001.
3. Tawaran yang mempunyai rujukan bilangan KK/TK/78/2001 hingga KK/TK/80/2001 hendaklah dihantar tidak lewat dari jam 2.00 petang, hari Isnin 23 Julai, 2001.
4. Semua tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan dilayan.
5. Yuran Tawaran (Tender Fee) bagi tiap-tiap tawaran adalah seperti yang dinyatakan dan dikehendaki pembayaran dengan wang tunai sahaja (wang tidak dikembalikan). Pembayaran yuran tawaran hanya boleh dibuat pada hari dan waktu bekerja dari jam 8.00 pagi hingga 11.30 pagi dan dari jam 2.00 petang hingga 3.30 petang.
6. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak semestinya menerima tawaran yang paling rendah atau lain-lain tawaran.
7. Bagi pemborong-pemborong yang menyertai tawaran yang tersebut di bawah ini hendaklah mempunyai kelayakan seperti berikut :
Sijil Perniagaan yang masih Sah Laku.

TAWARAN-TAWARAN BIASA

Bilangan Tawaran : KK/30/2001 : MAINTENANCE & SERVICE FOR (81) UNITS OF SCIENTIFIC LABORATORY EQUIPMENT FOR THREE (3) YEARS TERM CONTRACT. Yuran Tawaran : \$200.00.

TAWARAN-TAWARAN KECIL

Bilangan Tawaran : KK/TK/78/2001 : RENOVATION OF BLOOD BANK SERVICES, RIPAS HOSPITAL. KELAYAKAN PEMBORONG/PEMBEKAL : BERDAFTAR DENGAN KEMENTERIAN PEMBANGUNAN & JABATAN PERKHIDMATAN-PERKHIDMATAN ELEKTRIK. Yuran Tawaran : \$100.00.

Bilangan Tawaran : KK/TK/80/2001 : RENTAL SERVICE OF CAR FOR THE MINISTRY OF HEALTH SERVICES. Yuran Tawaran : \$100.00.



KEMENTERIAN PERTAHANAN

Bilangan Tawaran : MINDEF/DFP/RC/64 : SUPPLY OF PAINT PRODUCTS FOR NAVY (THREE YEARS CONTRACT).

Wang Bayaran Tawaran : \$100.00 (tidak dikembalikan).

Bilangan Tawaran : MINDEF/DFP/RC/66 : DISINFESTATION OF ROYAL BRUNEI NAVY VESSELS (THREE YEARS CONTRACT).

Wang Bayaran Tawaran : \$10.00 (tidak dikembalikan).

Bilangan Tawaran : MINDEF/DFP/RC/15 VOL. 1 : TAILORING FOR RBAF (THREE YEARS CONTRACT).

Wang Bayaran Tawaran : \$10.00 (tidak dikembalikan).

Bilangan Tawaran : MINDEF/DFP/2001/X/3025 : TRUCK BOWSER FUEL.

Wang Bayaran Tawaran : \$10.00 (tidak dikembalikan).

Syarat-Syarat Tawaran :

- a) TAWARAN-TAWARAN hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tawaran, Lembaga Tawaran Negara, Tingkat 8, Bahagian Lembaga Tawaran Negara, Bangunan IBB, Jalan Pemancha, Bandar Seri Begawan BS 8710, Negara Brunei Darussalam, tidak lewat dari jam 2.00 petang hari Isnin 23 Julai, 2001. Dokumen-dokumen tawaran bolehlah diperolehi dari Unit Tawaran, Jabatanarah Kewangan dan Perbekalan seperti alamat yang disebutkan di perenggan (a) di atas semasa hari-hari bekerja (Isnin - Jumaat). Tarikh terakhir mengambil dokumen tawaran pada 23 Julai, 2001 hari Isnin jam 10.30 pagi.
- b) Wang bayaran Tawaran "Tender Fees" dan "Tender Deposit" hendaklah dibayar secara tunai di Bahagian Kewangan, Jabatanarah Kewangan dan Perbekalan, Blok 169, Kementerian Pertahanan, Bolkliah Garison BB 3510, Negara Brunei Darussalam. Waktu bagi menerima bayaran : Isnin - Khamis : 8.00 pagi - 11.30 pagi 2.00 petang - 3.30 petang dan Jumaat : 8.00 pagi - 10.30 pagi.
- c) Wang bayaran Tawaran "Tender Fees" pembekal adalah dikehendaki bagi semua tawaran seperti yang diiklankan.
- d) Kerajaan tidak terikat untuk menerima sebarang tawaran yang paling rendah.
- e) Tawaran-tawaran hendaklah dihantar dalam sampul surat biasa dan hendaklah ditutup rapi. Pada bahagian atas sebelah kiri sampul surat hendaklah dinyatakan rujukan dan tajuk tawaran dan catatan tarikh tutup tawaran ini seperti mana yang diiklankan. Contoh-contoh atau katalog asal yang berkaitan dan bersesuaian dengan jenis tawaran yang diiklankan mestilah dihantar ke Unit Tawaran, Jabatanarah Kewangan dan Perbekalan, Blok 150, Kementerian Pertahanan, Garison Bolkliah BB 3510, Negara Brunei Darussalam sehingga hari Jumaat tidak lewat dari jam 4.00 petang pada minggu yang sama.



**RANCANG PERJALANAN AWDA DENGAN RAPI -
(ELAKKAN MEMANDU TERGOPOH-GAPAH)**

BELIA BELIA

Kumpulan Pengakap Udara ditubuhkan

Oleh Bolhassan HAB

PERSEKUTUAN Pengakap Negara Brunei Darussalam (PPNBD) telah berjaya menubuhkan satu lagi cawangan iaitu Kumpulan Pengakap Udara Negara Brunei Darussalam.

Kumpulan Pengakap Udara Negara Brunei Darussalam ditubuhkan selaras dengan tujuan PPNBD untuk menggalakkan pembentukan jasmani, minda sosial dan rohani para belia supaya mereka boleh mengambil tempat yang membina dalam masyarakat.

Kaedah untuk mencapai tujuan tersebut ialah dengan menyediakan rancangan latihan progresif yang menarik, berasaskan kepada Persetiaan dan Undang-Undang Pengakap dan berpandukan kepimpinan dewasa.

Di antara aktiviti Kumpulan Pengakap Udara Negara Brunei Darussalam selain daripada aktiviti-aktiviti biasa seperti berkhemah, mengembara, berkenu, mengikat dan lain-lain, ianya diserikan lagi dengan aktiviti-aktiviti yang lebih menarik seperti ilmu penerbangan, ilmu kaji cuaca, kemahiran daya gerak udara, mengenal pasti jenis-jenis kapal terbang, pengetahuan mengenai lapangan terbang, kemahiran keselamatan udara, peraturan-peraturan asas lalu lintas udara dan sebagainya.

Sehubungan dengan itu, Kumpulan Pengakap Udara Negara Brunei Darussalam mengalu-alukan penyertaan mereka yang berminat untuk menjadi ahli kumpulan berkenaan dengan menghubungi Ibu Pejabat PPNBD melalui talian 02-425312.



IMBAS KEMBALI Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ketika berkenan berangkat ke perkhemahan yang dianjurkan oleh Persekutuan Pengakap Negara Brunei Darussalam.

Perkhemahan Belia A-bangsa Lebih 1,000 peserta luar ikut serta

JAWATANKUASA Pengelola Perkhemahan yang bertemakan 'Fostering Youth Solidarity' telah dan sedang rancang mengendalikan pelbagai persiapan dan persediaan termasuk mengadakan kutipan derma dengan menganjurkan walkaton dan Persembahan Malam Gala.

SERAMAI 4,500 orang peserta termasuk lebih 1,000 penyertaan luar negeri dijangka menyertai Perkhemahan Belia Antarabangsa kelolaan bersama Persekutuan Pengakap Negara Brunei Darussalam, Persatuan Pandu Puteri Negara Brunei Darussalam dan Persatuan Bulan Sabit Merah yang akan bermula pada 5 hingga 11 Ogos depan.

Perkhemahan seminggu sempena Tahun Melawat Brunei (TMB) 2001 yang akan berlangsung di Taman Rekreasi Jubli Perak, Anduki, Seria itu bertujuan untuk mendukung hasrat negara ke arah penglibatan belia-belia dalam sama-sama menjayakan projek TMB 2001.

Di samping itu, ianya juga adalah untuk mengukuhkan tali persaudaraan di antara belia-belia ASEAN dan Rantau Asia Pasifik serta mewujudkan satu penghayatan bersama dalam meninggikan

Oleh Bolhassan HAB

kewibawaan dalam beberapa kegiatan belia.

Jawatankuasa Pengelola Perkhemahan yang bertemakan 'Fostering Youth Solidarity' telah dan sedang rancang mengendalikan pelbagai persiapan dan persediaan, termasuk mengadakan kutipan derma dengan menganjurkan walkaton dan Persembahan Malam Gala.

Dalam pada itu, Urusetia Perkhemahan Belia Antarabangsa memaklumkan kepada semua peserta yang akan menyertai perkhemahan itu supaya akan dapat hadir ke Sesi Penerangan pada 14 Julai, jam 9.00 pagi bertempat di Dewan Digadong, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ketika berkenan beramah mesra bersama para peserta yang menyertai perkhemahan anjuran Persekutuan Pengakap Negara Brunei Darussalam.

MENYUSUR MUKIM DAN KAMPUNG



MESYUARAT atau perjumpaan bulanan para penghulu, ketua kampung dan ketua rumah panjang di keempat-empat daerah di negara ini diadakan setiap bulan sepanjang tahun.

Mesyuarat bulanan itu biasanya diadakan pada penghujung bulan bagi membincangkan pelbagai perkara yang berhubung kait dengan hal-ehwal semasa yang berlaku dalam kerajaan yang melibatkan Jabatan Daerah, penghulu, ketua kampung dan ketua rumah panjang.

Dalam mesyuarat itu perkara-perkara yang sering kali dibincangkan ialah berhubung dengan masalah pembangunan, keselamatan, kesihatan dan projek-projek pembangunan yang kemudahan dan kebajikan orang ramai di setiap mukim dan kampung serta rumah panjang di daerah masing-masing.

Hampir kesemua penghulu, ketua kampung dan ketua rumah panjang yang sempat ditanyakan dan ditemu bual berpendapat bahawa perjumpaan bulanan ini adalah penting dan berfaedah, bukan sahaja dapat mengeratkan hubungan kerjasama di antara mereka dengan Pegawai Daerah dan para pegawai Jabatan Daerah, malahan akan dapat melicinkan tugas-tugas seharian mereka.

Di samping itu juga mereka dapat mendengar penerangan dan nasihat dari Pegawai Daerah mengenai pelbagai perkara dan seterusnya berpeluang berbincang serta mengemukakan cadangan-cadangan dan permohonan-permohonan terutamanya yang berhubung kait dengan kemajuan dan kebajikan para penduduk di mukim dan kampung di kawasan masing-masing.

Adalah jelas bahawa jawatan penghulu, ketua kampung dan ketua rumah panjang adalah merupakan institusi penghubung di antara kerajaan, dengan rakyat dan di antara rakyat dengan kerajaan di mana mereka merupakan mulut, lidah dan telinga kepada pihak kerajaan dalam menyampaikan maklumat dan menerima maklumat di antara kedua-dua belah pihak.

Di satu pihak mereka bertanggungjawab terhadap tugas dan amanah yang diberikan oleh kerajaan, manakala mereka juga berperanan selaku wakil yang diamanahkan oleh para penduduk di mukim dan kampung serta rumah panjang dalam menangani kemajuan dan kebajikan mereka.

Mereka juga sebagai ejen penggerak ke arah kemajuan dan pembangunan dan usaha-usaha kebajikan mukim-mukim, kampung-kampung dan juga rumah-rumah panjang dengan kerjasama daripada ahli-ahli Majlis Perundingan Mukim dan Kampung bagi memajukan pembangunan dan kebajikan di mukim dan kampung di

Oleh Aliddin Haji Moktal



PEGAWAI Daerah Brunei dan Muara, Dato Paduka Awang Haji Dani bin Haji Ibrahim.

kawasan mereka.

Ianya juga sebahagian landasan masyarakat dalam menyumbangkan jasa-jasa mereka kepada kerajaan dan negara tanpa sebarang imbuhan atau upah dalam sama-sama menjayakan kemajuan di negara ini.

Landasan ini akan menjadi suatu haluan yang berterusan untuk dilalui oleh masyarakat kita sesuai dengan tradisi dan budaya yang maju pada masa kini.

Majlis Perundingan Mukim dan Kampung ditubuhkan mempunyai tiga tujuan utama iaitu bagi mengukuhkan keberkesanan institusi para penghulu mukim, ketua kampung dan ketua rumah panjang dalam memupuk semangat kewarganegaraan yang baik dan untuk merancang serta berusaha untuk projek-projek yang berkeajahteraan kepada rakyat dan penduduk di negara ini.

Dalam pada itu para penghulu, ketua kampung dan ketua rumah panjang digesa supaya membuat dan menghadap perancangan atau projek-projek yang akan mereka laksanakan bagi Majlis Perundingan Mukim dan Kampung kepada Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri.

Masalah pembangunan, keselamatan dan kesihatan dibincangkan

Di samping berusaha mendapatkan kemudahan-kemudahan asas untuk kemudahan dan keperluan penduduk, mereka juga sentiasa menitikberatkan ke arah kehidupan bermasyarakat dan beragama dalam menyatupadukan masyarakat kampung apatah lagi di mana dalam setiap mukim dan kampung itu penghuninya berbilang bangsa dan agama. Di sinilah terletak peranan seorang penghulu dan ketua kampung serta ketua rumah panjang dalam menyatupadukan masyarakat yang terdapat

di kawasan mereka.

Tradisi bermuzakarah dalam menyelesaikan sesuatu masalah, sikap tolong-menolong, bantu-membantu dan semangat bergotong-royong yang diwarisi sejak dahulu lagi baik dalam suka dan duka sentiasa dipupuk dan dikekalkan oleh para penghulu, ketua kampung dan ketua rumah panjang dalam melaksanakan tugas harian mereka.

Warisan yang sangat berguna ini akan dapat diteruskan oleh generasi muda kita di masa akan datang.



PEGAWAI Daerah Belait, Awang Haji Harun bin Haji Ismail.



PEGAWAI Daerah Tutong, Awang Haji Adnan bin Haji Hanafiah.



PEMANGKU Pegawai Daerah Temburong, Awang Haji Mohd. Taib bin Dato Hulus-balang Haji Abdul Wahab.

KIBLAT SYARAT SAH SEMBAHYANG

BERAKAS, 22 Jun. - Penduduk-penduduk Kawasan Dua, Rancangan Perumahan Negara Lambak Kanan telah mengadakan Pelancaran Hala Kiblat bertempat di Dewan Serbaguna Dua, Rancangan Perumahan Negara Lambak Kanan.

Ketua Kampung Kawasan Dua

Rancangan Perumahan Negara Lambak Kanan, Awang Haji Sali bin Haji Puit menyatakan, Pelancaran Hala Kiblat itu merupakan usaha kerjasama antara Jabatan Ukur dan Ahli Jawatankuasa Majlis Perundingan Kampung Kawasan Dua, dengan matlamat untuk membuat hala kiblat bagi ibadat sembahyang.

Pengarah Hal Ehwal Masjid, Awang Haji Abdul Rajid bin Haji Abdul Kadir, ketika berucap melancarkan hala kiblat berkata bahawa dalam sembahyang kiblat adalah syarat sah sembahyang.

Katanya, mengadap kiblat dan dengan penentuan arah kiblat dalam rumah akan menghilangkan keraguan dalam melaksanakan ibadat sembahyang.

"Ertinya dengan penentuan arah kiblat ini di rumah, hilang keraguan kitani, hilang uri sama ada lurus atau tidak lurus. Macam itu jua dengan ibadat-ibadat lain. Kitani mahu ibadat lain yang kitani lakukan sama ada yang berbentuk fardu atau sunat, apabila amal itu lurus menurut aturan fiqihnya, tauhidnya, insya-Allah ia akan diterima oleh Allah," terangnya.

Sehubungan itu katanya, untuk menjamin ibadat-ibadat itu diterima Allah, kita sekurang-kurangnya ada tiga ilmu yang penting iaitu Tauhid, Fiqh dan Tasawuf.

"Kitani tuntut dan pelajari mana-mana yang takat fardu ain. Setakat fardu ain maksud saya di sini ialah setakat ibadat kitani itu lurus mengikut aturan Allah dan diterima Allah," tegasnya.

Majlis pelancaran itu juga diselenggarakan dengan penyampaian sijil kepada Ahli Jawatankuasa Majlis Perundingan Kampung Kawasan Dua serta ceramah kenegamaan daripada penceramah Pusat Da'wah Islamiah.

Hadir sama di majlis itu ialah Juru Ukur Agung, Pengiran Haji Metussin bin Pengiran Haji Metassan dan Penghulu Mukim Berakas 'B', Awang Haji Ismail bin Apong.



PENGARAH Hal Ehwal Masjid, Awang Haji Abdul Rajid melihat arah kiblat sebuah rumah di Rancangan Perumahan Negara Lambak Kanan, sejurus melancarkan Hala Kiblat di kawasan tersebut. - Gambar oleh Ramli Tengah.

PELAJAR

LEBIH 4,500 MURID DAN PENUNTUT SERTAI PROGRAM UNIT PENDIDIKAN KHAS

Oleh Samle Haji Jait



SETIAUSAHA Tetap Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Datin Paduka Dayang Hajah Azizah yang juga selaku Presiden Persatuan Pendidikan Khas (FITRAH) menerima sumbangan dari Hongkong and Shanghai Banking Corporation (HSBC) yang disampaikan oleh Ketua Pegawai Eksekutif HSBC, Awang Warner Manning. - Gambar oleh Harun HR.

Persatuan Pendidikan Khas terima sumbangan alat-alat pembelajaran

Oleh Abu Bakar HAR

GADONG, 30 Jun. - Persatuan Pendidikan Khas menerima sumbangan berupa cek bernilai \$7,431.26 dari Hongkong and Shanghai Banking Corporation (HSBC) untuk keperluan membeli alat-alat pembelajaran bagi kanak-kanak yang kurang upaya berlangsung di Unit Pendidikan Khas di sini.

Sumbangan tersebut telah diterima oleh Setiausaha Tetap Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Datin Paduka Dayang Hajah Azizah selaku Presiden Persatuan Pendidikan Khas (FITRAH) yang disampaikan oleh Ketua Pegawai Eksekutif HSBC, Awang Warner Manning.

Dalam masa yang sama, Ketua Unit Pendidikan Khas, Dr. Omar bin Haji Khalid juga telah menerima dua buah komputer bagi unit tersebut yang juga disampaikan oleh Ketua Pegawai Eksekutif HSBC.

Hadir di majlis tersebut termasuklah beberapa orang pegawai dari Unit Pendidikan Khas dan beberapa orang wakil penyumbang.

Sejak Persatuan Pendidikan Khas ditubuhkan pada tahun 1996, kini mempunyai ahli sehingga 200 orang termasuk keluarga dan tenaga penjar.

PENDIDIKAN Khas ialah satu cabang pendidikan yang bertujuan khusus membantu setiap pelajar yang mempunyai keperluan khas untuk mencapai potensi sosial, emosional dan akademik mereka.

Ianya juga bagi membantu atau merancang persekitaran pembelajaran yang berkesan serta dapat memenuhi keperluan-keperluan khas para pelajar dengan menggunakan strategi pengajaran dan pembelajaran yang paling efektif serta pengawasan yang teliti kepada perkembangan diri pelajar.

Unit Pendidikan Khas (UPK) sejak ditubuhkan pada tahun 1994 telah banyak berusaha dalam memberikan perkhidmatan yang sesuai bagi kanak-kanak berkeperluan khas melalui perkhidmatan perhubungan langsung yang meliputi psikologi atau melalui program-program yang bersesuaian.

Semua perkhidmatan itu dilaksanakan dan disatukan ke dalam sistem persekolahan yang sedia ada di sekolah biasa iaitu dalam sistem pendidikan inklusif.

Dalam sistem pendidikan inklusif, semua pelajar tanpa mengira tahap kebolehan mereka akan diterima belajar di sekolah biasa yang berdekatan dengan tempat kediaman mereka bersama rakan sebaya dan seumur dengan murid berkenaan.

Pelajar-pelajar berkeperluan khas termasuk mereka yang mempunyai masalah pembelajaran yang kronik seperti masalah 'down syndrom', autistik, hiperaktif, masalah pertuturan, berkerusi roda, terencat akal, masalah penglihatan, pende-

ngaran, lemah pembelajaran dan kanak-kanak pintar, cerdas dan berbakat.

Bagi merealisasikan tujuan penubuhan UPK dan penyelarasan dengan kehendak pendidikan inklusif, UPK telah dimandatkan untuk melaksanakan 10 tugas dan tanggungjawab utama mencapai 10 objektif seperti yang telah disediakan oleh Kementerian Pendidikan.

Salah satu daripada tugas dan tanggungjawab utama UPK ialah berkaitan dengan pendidikan guru yang bertujuan untuk memberi kesedaran kepada semua guru bahawa para pelajar mempunyai keupayaan dan keperluan pembelajaran yang berbeza.

Sebahagian daripada

mereka hanya boleh berkarya untuk mencapai kemampuan mereka jika diberikan bantuan atau intervensi awal, untuk mengukuhkan asas pendidikan dan untuk mendidik para profesional supaya dapat menjalankan peranan sebagai guru khas seperti guru pembantu pembelajaran dan guru sumber bagi murid-murid yang berkeperluan khas.

Pada tahun lepas dan di awal tahun ini, beberapa orang guru telah mengikuti kursus-kursus yang berkaitan dengan kanak-kanak berkeperluan khas untuk menepati tujuan berkenaan, seperti mengikuti kursus pengurusan bilik darjah, kursus untuk membantu pelajar-pelajar yang terlibat di dalam program pravokasional, kursus bagi

pelajar-pelajar yang mempunyai masalah penglihatan, masalah pendengaran, masalah 'severe cronic' seperti autism dan kursus, bagi kanak-kanak cerdas, pintar dan berbakat.

Kursus-kursus itu bukan sahaja diungkuhkan oleh UPK dengan kerjasama Universiti Brunei Darussalam (UBD), tetapi sebahagian daripada guru telah berkursus ke luar negeri dengan perbelanjaan kerajaan, sendiri atau atas bantuan daripada pihak bukan kerajaan, seperti Persatuan Pendidikan Khas, NBT dan Erik Goh Trust Fund.

Selain pendidikan guru mengumpul data mengenai kanak-kanak yang berkeperluan khas yang memasuki sekolah-sekolah kerajaan dan bukan kerajaan yang telah dirujuk untuk meminta perkhidmatan psikologi dari UPK dan

senarai nama murid-murid atau pelajar-pelajar yang mengikuti Program-program Pendidikan Khas, adalah merupakan tanggungjawab yang sangat penting bagi UPK, bertujuan untuk kemudahan pemantauan dan penyelidikan.

Timbalan Ketua UPK, Dayang Hajah Norjum berkata, ketika ini terdapat seramai 4,639 orang murid/pelajar berkeperluan khas yang mengikuti Program Pendidikan Khas telah dimasukkan ke dalam Data Bank UPK.

UPK sangat komited dalam pembangunan negara atau 'nation building' untuk meningkatkan kualiti pendidikan pelajar yang diharap akan menjadi warga negara yang berjaya dengan menghayati falsafah 'Melayu Islam Beraja', berguna dan berfaedah kepada negara.



SEBAHAGIAN pelajar Unit Pendidikan Khas (UPK) ketika hadir di Majlis Penyampaian Sijil yang melambangkan penghargaan terhadap hasil ciptaan mereka.



PARA pelajar Unit Pendidikan Khas juga mampu menghasilkan reka cipta yang menarik termasuk bahan-bahan untuk hiasan dalaman.



BAHAN reka cipta para pelajar Unit Pendidikan Khas berpotensi untuk dipasarkan di pasaran tempatan di samping untuk kegunaan sendiri.

HADI mengalihkan pandangan matanya. Tidak sanggup untuknya terus menatap sepaang insan yang duduk tidak begitu jauh dari tempatnya berdiri. Mereka begitu mesra, begitu bahagia. Sememangnya mereka merupakan pasangan yang ideal, Suhaila dan Haris memang sepadan.

Perlahan-lahan Hadi melangkah, fikirannya separuh melayang. Tidak terlintas langsung di hatinya untuk menyemburi kebahagiaan dan kemesraan Suhaila bersama Haris, tidak sekali-kali. Dia tahu impian Suhaila hanyalah untuk bersama dengan lelaki itu. Lama sebelum mereka bersama pun dia sudah menerima hakikat yang dia hanyalah seorang teman biasa bagi Suhaila, dan dia ingin melihat orang yang diam-diam disayangnya bahagia, sekalipun dia terpaksa menanggung luka hati yang berpanjangan. Sungguhnya, dia tidak sanggup untuk terus melihat gadis itu merana dalam mengharap cinta Haris. Dia tumpang gembira melihat Suhaila kini selalu riang dan ceria.

Kini, Suhaila telah pun mendapat apa yang diimpikan dalam hidupnya. Walaupun dia sudah dapat bersama dengan lelaki yang dicintainya, dia tidak sekali-kali melupakan teman karibnya, Hadi yang selalu bersamanya dalam suka dan duka. Baginya Hadi ibarat lilin yang menerangi hidupnya takala dia dalam kegelapan. Tanpa Hadi, entah bagaimanalah hidupnya ini. Tidak pernah dia mempunyai teman baik dan sejajar Hadi. Apa pun Suhaila tetap akan mengenang Hadi selagi dia masih bernyawa. Tidak akan dia lupa kan betapa Hadi sanggup mendengar luahan hatinya yang terluka, dan betapa dia terharu kerana bila masa dia memerlukan hanya lelaki itulah yang setia di sisinya.

Hadi bukannya tidak dapat menerima kenyataan, hanya luka di hati tak tertahan. Segala-galanya hanya tersimpan jauh di lubuk hati, kepada siapalah harus dia menyalurkan derita hatinya ini. Sungguhnya, dia benar-benar ikhlas melepaskan Suhaila, tapi sekuat-kuat Hadi, dia tetap seorang manusia biasa, yang punya kelemahan dan kekurangan, sejauh mana sangatlah dia dapat bertahan dalam menghadapi badai yang hebat melanda hidupnya itu. Betapa tak terurus hatinya setiap kali Suhaila menceritakan pertemuannya dengan Haris, betapa sedih dan pilunya dia melihat setiap kali melihat mereka bersama-sama. Kalaupun boleh, dia juga tidak mahu terus terluka begini, betapa inginnya dia menghapuskan perasaan yang ada dihatinya dan juga betapa inginnya dia untuk memadam nama Suhaila dalam lipatan hatinya. Dia hampir tewas oleh perasaan yang cuba disembunyikannya, dia tidak tahu berapa lama lagi dia boleh bertahan, diam menanggung luka yang kian berdarah sedangkan Suhaila tidak pernah tahu. Dia tidak tahu sejauh mana dia mampu menipu Suhaila, dan sejauh mana juga dia mampu untuk terus hidup berpura-pura. Dia sendiri tidak rela untuk terus hidup dalam kepuraaan tapi dia tidak mempunyai pilihan lain.

Semalam dia terserempak dengan Nora, teman sekelasnya. Dia mengenali Nora hampir setahun yang lalu. Dia seorang yang peramah dan baik hati. Sudah lama juga dia mendengar cerita daripada kawan-kawannya, mereka selalu mengusik yang Nora seperti menyimpan perasaan pada Hadi. Hanya Hadi tidak begitu mempedulikan usikan mereka. Baginya mereka hanya bergurau sahaja. Dia juga tidak mahu ambil kisah tentang hal itu, apa pun dia hanya menganggap Nora sebagai teman biasa, tidak lebih dari itu.

Nora sebenarnya tidak mahu masuk campur dalam hal ini, dia sedar siapalah dirinya. Tapi dia sudah tidak terdaya untuk berdiam diri, bukan niatnya untuk menjaga tepi kain orang lain, tapi dia hanya sekadar ingin menyalurkan apa yang selama ini didengarnya mengenai Hadi, terlalu sering malah sehingga dia akhirnya memutuskan untuk menjumpai Hadi. Kalau bukan mengenai Hadi, dia tidak akan sanggup untuk menyibukkan dirinya, dan mencampuri urusan orang lain. Tapi ini melibatkan Hadi, orang yang diam-diam disukai. Sebenarannya sudah lama dia memendam perasaan pada lelaki ini tapi apakan daya, dia hanya seorang perempuan. Apa lagi yang mampu dibuatnya selain daripada memendam perasaan? Kalaupun dia seorang lelaki, tentu sudah lama berterus terang, meluahkan perasaan yang ada di dalam hatinya. Tidak perlulah dia terus di dalam keraguan dan diombang-ambingkan oleh perasaannya sendiri.

"Sebenarnya aku sendiri tidak pernah terfikir nak masuk campur dalam hal peribadi orang lain, hanya aku mahu kau tahu yang aku dah terlalu sering mendengar gosip tentang kau dan Suhaila. Banyak orang cakap yang kau dan Suhaila ada hubungan. Memang selama ini aku selalu nampak kau bersama Suhaila." Nora cuba mengawal getaran suaranya. Berdepan dengan Hadi, dia selalu dilanda perasaan resah gelisah. Dia tidak mampu membohongi dirinya, betapa dia selalu cemburu melihat Hadi bersama Suhaila. Mereka begitu rapat dan mesra. Dia hanya mampu melihat mereka dengan hati yang sedih dan sayu. Mungkin-kah Suhaila merupakan orang yang begitu istimewa dalam hidup Hadi?

Atau sekadar teman biasa? Atau pun memang antara mereka telah terjalin hubungan cinta? Kalau memang begitu, alangkah hampa dan terkilannya hati Nora. Apa pun tidak

KEIKHLASAN CINTAMU

pernah terlintas di hatinya untuk membenci Suhaila, hanya dia rasa betapa bertaubatnya gadis itu andainya benar antara mereka terjalin hubungan cinta. Dia tahu, dia terpaksa berundur meski dengan hati yang remuk dan terharis. Jauh di sudut hati dia mendoakan agar mereka selalu bahagia, biarlah dia terus memendam perasaan, pandai-pandailah dia mengubat hatinya sendiri.

"Sebenarnya aku pun ada terdengar cerita yang aku menyalin hubungan cinta dengan Suhaila. Dah selalu sangat aku dengar cerita ni tapi aku tak ambil kisah sangat. Apa yang penting aku dan Suhaila merupakan kawan rapat, memang berfikir kami selalu bersama-sama tapi itu tak bermakna kami bercinta." Hadi menjelaskan dengan tenang, tapi sebak di hatinya hanya Tuhan yang tahu. Memang sudah lama dia menyedari keakraban dan kemesraannya dengan Suhaila akan menimbulkan gosip. Sudah berkali-kali pula dia ditanya tentang gadis itu, sudah jemu dia menerangkan tapi mereka tetap tidak percaya. Mungkin mereka menganggap yang Suhaila dan Hadi ingin bercinta secara sembunyi. Hadi sudah tak terdaya lagi hendak menjelaskan kepada semua orang yang Suhaila sudah mempunyai pilihan hati. Mungkin kerana mereka tidak pernah nampak Suhaila bersama Haris maka mereka menganggap yang Hadilah teman istimewa Suhaila.

"Hadi, sebagai kawan aku doakan semoga kau gembira bersama Suhaila, kamu memang sepadan," luah Nora de-



ngan ikhlas, namun sebak dan pilu tetap hadir di dalam hatinya.

"Nora, aku benar-benar berterima kasih kerana mendoakan kebahagiaan kami tapi satu perkara yang kau mesti tahu, Suhaila sudah mempunyai pilihan hati, kami hanya merupakan kawan karib." Hadi tersenyum, menahan duka di hati. Hadi merenung Nora dengan tajam, bukannya dia tidak tahu yang gadis di depannya menaruh hati padanya tapi apa-apa daya hatinya hanya untuk Suhaila. Dia sendiri tidak pasti masih mampu untuknya menyayangi orang lain seperti mana dia menyayangi Suhaila? Kadang-kadang dia rasa begitu bodoh, untuk apalah dia terus melayan perasaan yang akan membuatnya semakin terluka.

Dia sedar tiada tempat di hati Suhaila untuknya, jadi untuk apalah dia terus membiarkan dirinya dibelenggu rindu dan harapan? Dia tidak pernah mengharapkan yang satu masa nanti gadis itu akan berpaling padanya. Entahlah dia sendiri tidak pasti. Apa yang dia tahu dia benar-benar menyayangi Suhaila. Tapi apalah gunanya terus mengharap sesuatu yang tidak pasti? Dan apalah gunanya meraih kasih yang tidak ada sedangkan ada orang lain yang begitu mengharapkannya? Dia sedar Nora sudah lama menantinya, tapi adakah dia menerima gadis itu sedangkan di hatinya terukir sebuah nama yang sudah lama dimiliki oleh orang lain? Adakah semua ini untuk Nora? Apakah perasaannya nanti andainya dia tahu yang dia langsung tidak mendapat tempat di hati Hadi.

Hadi sedar yang Nora benar-benar ikhlas mendoakannya, tapi Nora tidak sedar doanya yang tulus itu telah menghisir hati dan perasaan Hadi. Betapa tidak, dia tidak akan mungkin bersama Suhaila. Mereka hanya berjodoh sebagai kawan, itu sudah lama dia sedari.

Hadi benar-benar keliru, Suhaila sendiri pernah menasihati supaya memberi peluang pada Nora, menurutnya walaupun Hadi mula-mula tidak ada sebarang perasaan pada Nora, tapi lama kelamaan nanti akan timbul perasaan sayang, seperti kata orang, perasaan cinta boleh dipupuk.

"Tak terlintas di hatiku untuk memaksa engkau menerima Nora dalam hidupmu. Tapi sebagai seorang kawan, aku mahu lihat kau gembira. Dan aku tak mahu kau terus buang masa menanti sesuatu yang tak pasti. Mungkin kau dan orang yang kau sayangi itu ada jodoh... jadi alangkah salahnya kalau kau memberi peluang pada diri sendiri dan juga Nora, paling tidak kamu boleh saling mengenal dan mungkin dari sana timbul perasaan sayang." Suhaila benar-benar hairan mengapa Hadi tidak mahu berterus terang mengenai gadis idamannya, tentang perasaannya, katanya dia ada alasannya sendiri dan dia tidak mahu Suhaila menyebut tentang hal itu lagi. Puan sudah dia mendesak siapa sebenarnya gadis yang berakhlak di hati teman karibnya itu tapi Hadi tetap enggan menyebut namanya. Kadang-kadang Suhaila geram, dia tidak dapat menerima kenyataan

yang Hadi berniat untuk terus memendam perasaannya.

Puan sudah dia berfikir kenapalah agaknya Hadi tidak mendoakannya itu dan kenapa Hadi enggan berterus terang. Katanya mereka tiada jodoh. Dia pernah menasihati supaya Hadi berterus terang saja tentang perasaannya, paling tidak dia tidak lagi rasa terseksa dan jika ditakdirkan gadis itu menolak cintanya, luka hati Hadi tidak akan separah dan seteruk sebagaimana dia memendam perasaannya dalam diam. Apa yang penting ialah Hadi mesti berani meluahkan perasaannya, diterima atau tidak bukan soal penting.

Hadi benar-benar mengharai keikhlasan Suhaila, dia sedar Suhaila mengambil berat tentang dirinya, tapi bagaimana mungkin dia dapat menerima orang lain sedangkan hatinya hanya untuk Suhaila seorang... tapi wajarkah dia terus mengharap dan menyayangi Suhaila sedangkan dia sudah bernyawa dan sanggup kah dia untuk terus membiarkan Nora terus menanti dengan setia dan penuh harap?

Selagi dia terus begini, dos hatu akan terus terluka, hatinya dan juga hati Nora. Sungguhnya, dia benar-benar terharu dengan ketulusan Nora, sudah hampir setahun dia menanti tanpa sebarang keluhan walaupun Hadi sendiri tidak pernah memberi respon yang baik. Alangkah ruginya dia melepaskan orang yang selama ini begitu setia menantinya... masih terganggang di telinganya kata-kata Suhaila... perasaan cinta boleh dipupuk... Nora... Nora...



Suhaila duduk berdampingan dengan Haris, mereka bercerita dengan asyik tanpa menyedari ada sepaang mata yang menatap dengan sendu. Hadi hanya mampu menghisir nafas, sesak dan pedih.

Haris merenung Suhaila dengan mesra, dia tahu Suhaila amat mengambil berat tentang sahabatnya, Hadi. Bukan sekali dua dia menyuarakan tentang Hadi yang kini kian berubah. Katanya Hadi kini menjadi seorang pendiam, selalu termenung seolah-olah menanggung masalah berat yang hanya dia yang tahu. Haris lebih daripada mengerti betapa pentingnya Hadi dalam hidup gadisnya, kadang-kadang terlintas juga rasa cemburu di hatinya apabila Suhaila terlalu mengambil berat tentang Hadi, hanya dia cuba memahami dan menyingkirkan perasaan itu daripada hatinya. Tidak tahu lagi bagaimana untuknya menyatakan betapa sayangnya dia pada Suhaila, tidak pernah dia rasa begitu menyayangi seseorang, sebagaimana dia menyayangi Suhaila. Dia tidak sanggup untuk kehilangan gadis yang begitu penting dalam hidupnya, tiada gadis lain yang dapat menggantikan tempat Suhaila di dalam hatinya.

Suhaila kian resah, entah kenapa dia rasa begitu kehilangan apabila Hadi secara perlahan menjaahkan diri daripadanya, dia benar-benar tidak mengerti apa salah dan silap sehingga Hadi bertindak menjauhinya. Benar dia amat menyayangi Haris, namun dia juga tidak dapat menafikan betapa penting persahabatan mereka dengan Hadi dan dia juga tidak rela kehilangan Hadi. Sudah puas dicuba bertanya kenapa lelaki itu sampai menjauhkan diri, alasan Hadi hanya sekadar untuk mengelakkan gosip tentang mereka. Tapi Suhaila sedar bukan itu alasan yang sebenarnya, kalau sekadar itu kenapa tidak dari dulu lagi Hadi menjauhkan diri daripadanya, kenapa baru sekarang? Terguris hatinya melihat Hadi cuba mengelakkan diri daripadanya, mungkin Hadi sudah tidak lagi memerlukan sebagai kawan? Atau pun Hadi tidak mahu lagi rapat dengannya kerana dia sudah mempunyai seseorang? Mungkin-kah kerana Nora dia sampai berubah laku begitu? Beberapa kali Suhaila nampak Hadi berjalan dengan Nora, mereka nampak begitu akrab dan dekat. Kalau benarlah Hadi menjauhinya kerana Nora, alangkah sedih dan terkilannya hati Suhaila. Tidak patut benar Hadi menjauhinya hanya kerana dia sudah mempunyai seorang teman istimewa, terasa benar betapa tidak berharganya dia bagi Hadi. Dia sendiri tidak pernah pun cuba menjahdi dan melupakan Hadi sekalipun dia sudah mempunyai Haris, Suhaila benar-benar rasa kehilangan, tidak pernah dia bina begini sekali pahitnya kehilangan seorang kawan yang disayangi.

Setiap kali dia melihat Hadi bersama Nora, setiap kali itu juga dia rasa terluka. Dia tidak mengerti kenapa dia mesti disingkirkan hanya kerana Hadi sudah mempunyai seseorang. Baginya Hadi sudah tidak memerlukan lagi. Dan dia terpaksa akur dengan keadaan, untuk apalah dia terus memaksa dan mengharap agar Hadi terus bersamanya, dia tahu dia tidak berhak langsung dalam hidup lelaki itu, hanya alangkah sakitnya kehilangan seseorang yang

dulunya selalu bersamanya, suka dan duka.

Hadi mengeluh berat, dia sedar betapa perubahannya meluahkan hati Suhaila, tapi dia tidak mempunyai pilihan lain. Dia terpaksa, hanya dengan cara inilah dia dapat melupakan gadis itu, dia dapat melihat betapa terurusnya hati gadis itu setiap kali dia menjaahkan diri daripadanya, sesungguhnya dia hampir tidak sanggup berbuat begitu, dia tidak sanggup untuk melihat betapa sendunya pandangan gadis itu padanya, dia juga hampir tidak sanggup melihat sedihnya Suhaila apabila dia buat-buat tidak perasaan akan kehadiran gadis itu. Jauh di sudut hati dia juga terluka kerana terpaksa menyakiti hati orang yang disayangnya. Malah dia lebih terluka daripada Suhaila sendiri.

Hadi sudah tidak tahan lagi, benar-benar dia tidak sanggup untuk terus melukai hati dan perasaan Suhaila. Dia dapat rasakan betapa terlukanya hati Suhaila diperlakukan begitu rupa, sedangkan sebelum ini mereka amat rapat. Dia tidak sanggup untuk terus melihat kemurungan mewarnai wajah yang selamanya ceria itu, tidak sanggup juga untuk terus menjauhkan diri daripadanya. Semakin dia menjauhkan diri semakin mendalam pula perasaannya. Mungkin kerana selama ini dia tidak pernah meluahkan apa yang terpendam di hatinya, segala-galanya hanya tersimpan untuknya sahaja. Mungkin-kah duka di hatinya akan terlerai andainya dia berterus terang? Atau akan memburukkan lagi apa yang telah ada ini? Sanggupkah dia untuk terus membiarkan Suhaila terluka dan tertanya-tanya apakah salah dan silapnya sehingga Hadi memperlakukannya begitu? Sesungguhnya tiada yang salah dalam hal ini, dia tidak pernah memperlakukan Suhaila, juga tidak pernah menyalahkan dirinya, tidak pernah dia pinta semua ini berlaku. Mungkin-kah salahnya hanyalah kerana dia menyintai orang yang salah?

Nora bukannya tidak sedar yang kebelakangan ini Hadi jadi agak pendiam, walaupun dia cuba menyembunyikan se-muanya dalam senyuman namun sinar matanya tidak dapat membohongi hati Nora. Dia tahu lelaki itu menyembunyikan sesuatu, entah apa yang jelas dia tahu yang lelaki itu sedang berduka. Mungkin-kah kerana Suhaila? Nora cuba menerima dengan hati tabah, entahlah dia sendiri tidak tahu kenapa tapi dia dapat rasakan yang Hadi menaruh hati pada Suhaila. Dia akur pada keadaan sekalipun dia terluka, dia tidak sekali-kali menyalahkan Hadi. Kalau benarlah lelaki itu menyimpan perasaan pada Suhaila, maka dia sedia mengunduri. Dia tahu dia mesti menguburkan perasaannya, dia tidak boleh terlalu berharap kerana dia tahu, tiada tempat lagi di hati Hadi untuknya. Dia tidak sanggup untuk memaksa Hadi, lagipun apalah gunanya Hadi menerimanya andai hatinya hanya untuk orang lain? Biarlah dia mengalih sahaja, tabulah dia membawa diri.

"Mungkin apa yang akan aku cakap ini akan membuat kau marah tapi aku tak mahu kau terus berpura-pura. Kenapa

PUISI

GENERASI

Perlihatkan dirimu
dengan kegagahan ilmu
dunia dan akhirat
menjamin anak-anak dan
generasi
memaju bangsa
membangun negara
biar lumih-lumih
ilmu itu semua ampit
jangan dibungkus
atau disimpan dalam tin tanpa
dibuka
takut lupa, tak sampai ke mana
biar semua generasi merasanya.
Nonim HT

DUA HARI DI BENGKEL SASTERA

Di ruang sepi
suara pensyarah memecah sunyi
kritikan sastera buah bicara.
Kritik sini kritik sana
buka minda seluas-luasnya
kritik tak kena
diri merana.

Modenisme, klasisme,
pascamodenisme
pelbagai isme enta apa
tidak kufaham pelbagai kosa
kami mentah di dunia sastera.

Dua hari kita bersama
ilmu pengalaman bertambah jua
di malam akhir kita bersua
terima kasih untuk semua.

Ade Dzulkha

CINTA KOTA

Cinta kota memandang pangkat
dan kedudukan berpargakan
wang ringgit
bermandikan emas keemasan
bersulamkan kemewahan.

Cinta kota kemiskinan jurang
perpisahan
tidak sama di desa
berhujan berpanas matahari
bermandikan adat
memandang budi pekerti
bersopan santun
bersandar warisan budaya
zaman-berzaman.

Ami. JA

MALAM DI ENGLAND

Malam itu aku keluar
fikiran bergolak mencari
ketenangan
aku mendapat tekanan
dengan kerja yang diusahakan.
Memang indah malam ini
merek berhibur
tarian dan arak menjadi sajian
syaitan turut gembira atas
perbuatan.

Merenung aku memikirkan
neraka hiburan inilah
didahambakan
maksiat merata jalan
jelas syaitan menjadi kawan.

Tidak! Aku insan berpendirian
jati bukan tiruan atau nafsu raja

fikiran
jangan tergoda sang ilmu
peristiwa tersebut malam di
England.

Dalang 2001

RINDU

Kawan
kau menyata rindu
ya....
bukan
merindu aku
itu katamu
kau merindu Tuhan.

Alhamdulillah
aku lafazkan
itu aku harapkan.

Kau lafaz lagi
aku mau mati.

Adakah kau sedia
menghadap mati
sedang amalan
cuma secebis.

Jangan perkata
soal mati
sedang kau
belum cukup
bekal amalan.

Tidak kau takut
dengan dosamu
pernah kau lakukan
bertaubatlah
beramallah.

Andai kau rasa
penuh amalanmu
tidak kesal
mengundang mati
kerana Syurga
tetap menanti.

GENERASI BARU

Wahai anak
penyambung zaman
harapan warga tua
harapan anak bangsa.

Berpijak di bumi nyata
jangan ikut
budaya asing
budaya perosak
adat ketimuran.

Kekalkan
watak asli
budaya sendiri.

Sejarah lama
jangan dilupa
pewarisnya
generasi baru.

Jangan lupa
falsafah tua
biar mati anak
jangan mati adat.

Andai mati adat
tiada pewaris
resam negara.

Generasi baru
jadikan dirimu
mulia di mata dunia
agar tiada
rosak binasa.

Jangan kerana
nila setitik
rosak susu sebelanga.

Nor Azimah

Dari muka 12

mesti kau menipu diri sendiri,
cuba menyayangi aku kalau di
dalam hatimu terdapat orang
lain? Jangan sekali-kali terima
aku berdasarkan simpati, aku
tak perlukan itu semua. Apa
yang aku mahu adalah ke-
ikhlasan darimu, kalau itu tak
dapat kau berikan aku pun tak
akan memaksa. Aku sadar aku
siapa. Aku tahu tak ada guna-
nya aku terus menunggu, apa
pun aku benar-benar berharap
yang satu masa kau akan dapat
menghadapi kenyataan dan ber-
hentilah menipu diri sendiri.
Apa yang kau buat masa ini
hanya akan melukakan hatimu
sendiri, sanggupkah engkau
melihat orang yang kau sayang
terluka hanya kerana kau tak
sanggup untuk terus bersama-
nya? Aku tahu aku tak berhak
bersuara dalam hal ini tapi
kalau boleh aku mahu melihat
kau gembira. Tak sanggup aku
terus melihat engkau berpura-
pura gembira sedangkan sebe-
narnya kau sedang terluka."
Nora cuba kuatkan semangat,
dia terluka dengan keputusan-
nya sendiri, tapi apalah daya-
nya, dia tidak mendapat tempat
di hati Hadi. Kecewa dan sebak
hanya mampu dipendam dalam
hatinya. Dia sadar dia benar-
benar menyintai Hadi tapi hati
lakai itu hanya untuk Suhaila.
Alangkah bertaubatnya Suhaila,
dia memiliki segala-galanya,
dia ada Harris dan juga mem-
punyai teman yang dalam diam
menaruh hati padanya.

Hadi terpaksa, tidak diduga-
nya yang Nora akan dapat men-
gesan kesedihan yang melanda
hatinya. Dia rasa berdosa pada
Nora, tapi salahnyakah semua
ini? Dia tahu Nora terluka, tapi
dia juga amat terluka. Tidak ter-
danya untuknya mengubat luka
di hati Nora sedangkan luka di
hatinya masih berdarah. Dia
ingin meminta maaf tapi dia
tahu kata maaf tidak akan dapat
menghilangkan dan mengu-
rangkan luka hati yang semakin
mendalam itu.

"Aku tidak salahkan sesiapa
dalam hal ini, hanya kupinta
kalau kau benar-benar ingin
melihat Suhaila gembira, ja-
ngan lukakan hatinya lagi.
Walaupun dia sudah mempu-
nyai pilihan hati tapi itu tak ber-
maksud yang dia melupakan
engkau. Mungkin aku tidak me-
mahami perasaanmu tapi paling
tidak aku amat memahami pe-
rasaan Suhaila. Jangan biarkan
dia terus berduka. Bagi Suhaila
engkau tetap sahabatnya di
dunia dan di akhirat, kadang-
kadang kehilangan seorang
sahabat karib lebih menyakit-
kan dari kehilangan seorang
kekasih. Apa pun aku doakan
semoga engkau bahagia, dan
apa pun terjadi aku tetap anggap
kau sebagai seorang yang amat
istimewa dalam hidupku, dulu...
kini... dan mungkin sampai
bila-bila..." Nora berlalu de-
ngan cepat. Tak sanggup untuk
dia terus berada di hadapan
Hadi, sungguh kalaulah boleh
betapa inginnya dia untuk me-
iliki lelaki itu tapi dia benar-
benar tidak berdaya. Ditahan-
nya air mata yang hampir jatuh,
dia tahu dia mesti kuat semang-
gat, dia tidak mahu terkandas
dalam kekecewaan. Cukuplah
dia menaruh harapan tinggi di
awan pada Hadi selama hampir
setahun, dia tidak sanggup lagi.
Biarlah dia berundur, mungkin
ini yang lebih baik baginya dan
juga bagi Hadi sendiri.

Hadi terpegun, dia bukan-
nya tidak tahu yang Nora ham-
pir menangis ketika meluahkan
segala yang ada di hatinya, dia
juga sadar betapa dalamnya
perasaan gadis itu terhadapnya
dari kedukaan yang terpancar
dari sinar matanya yang redup
itu, Tuhan ku betapa aku telah
melakukan hati gadis itu. Tidak
pernah dia menjumpai seorang
gadis yang begitu setia dan me-
nyayanginya. Ada sesuatu yang
mengharukan Hadi, keikhlasan
dan kejujuran Nora itulah yang
membuatnya terpaksa, dalam
dunia ini mungkin banyak
orang yang baik tapi berapa

banyaklah orang yang seikhlas
dan sejujur Nora?

Dia sudah nekad, Nora
telah membuatnya sadar
bahawa ada yang lebih penting
dari terus memendam perasaan,
andainya dia terus begitu tidak
mustahil kalau Suhaila nanti
akan membencinya. Dan sang-
gupkah dia menghadapi ke-
nyataan yang orang paling di-
sayangi membencinya? Dia
tidak sanggup. Mungkin benar
kata Nora, persahabatan itu
lebih penting dari segala-gala-
nya. Persahabatannya dengan
Suhaila mesti dipertahankan
apa pun yang terjadi. Dia tidak
rela kehilangan gadis itu se-
bagai kawannya.

Hadi duduk berhadapan
dengan Suhaila yang nampak
resah. Memang sudah lama
merek tidak berjumpa sehing-
ga pertemuan kali ini dirasakan
janggal seakan-akan ada se-
suatu yang tidak kena. Hadi
sendiri nampak gelisah walau-
pun cuba disembunyikan di
balik senyuman.

"Aku minta maaf sekiranya
apa yang aku buat kebelaka-
ngan ini melukakan hatimu,
bukannya aku sengaja tapi aku
terpaksa buat begitu untuk
kebaikan semua orang terutama
sekarang aku sendiri." Hadi me-
renung seraut wajah yang ber-
takhta di hatinya. Betapa dia
sedih, betapa dia pedih tapi dia
cuba lapangkan dadanya. Dia
sadar Suhaila bukan untuknya.

"Kenapa engkau buat be-
gitu? Setiap kali kau buat be-
gitu, setiap kali jugalah aku ter-
tanya-tanya apakah salah dan
salapku sehingga kau buat
macam tu. Hadi, sampai hati
kau melukakan hatiku dengan
cara begini, sedangkan selama
ini aku menganggap kau seba-
gai sahabatku, berterus terang
sahajalah yang engkau sebenar-
nya sudah tidak sudi lagi ber-
kawan dengan aku, engkau
sudah ada orang lain." Su-
haila tidak dapat lagi mena-
han perasaan sedih yang terpen-
dam sekian lama di hatinya. Ke-
napa... kenapa Hadi sanggup
menyingkirkannya hanya ke-
rena dia sudah mempunyai
teman istimewa? Tidak boleh-
kah mereka terus bersahabat?

"Aku tidak marah sekalipun
kau membenci aku. Aku tak
berniat nak menyingkirkannya
engkau, tapi aku sudah tak ter-
danya lagi menahan sakit di hati,
semakin rapat semakin terluka.
Aku tidak sanggup lagi hidup
dilandai gosip orang, sudah ba-
nyak kali aku dengar yang kita
dikatakan menjalin hubungan
cinta aku tidak dapat ber-
tahan lagi."

"Aku benar-benar tak sang-
ka hanya sekadar gosip, engkau
sanggup memusnahkan ikatan
persahabatan kita. Begitu
rapuhnya hatimu, tak boleh
engkau biarkan sahaja gosip itu,
apa yang penting kita sama-
sama faham akan keadaan ma-
sing-masing." marah Suhaila,
jadi hanya kerana gosip Hadi
sampai menjauhkan diri dari-
padanya, kalau begitu alangkah
murahnya Hadi menilai persah-
abatan mereka selama ini.

"Bukan pasal gosip, semua-
nya kerana engkau, Suhaila.
Sudah lama aku pendam semua
ini tapi hari ini aku mahu kau
tahu apa yang selama ini ada
dalam hatiku. Kau selalu ber-
tanya apakah orang yang aku
sayangi selama ini? Aku tak
pernah berani menyebut nama-
nya kerana aku tak mahu
engkau salah sangka. Kau
benar-benar mahu tahu siapa
orang yang ada dalam hatiku?"

Suhaila terdiam, dia dapat
mendengar getaran suara lelaki
itu, raut wajahnya begitu sedih,
seakan menyinai beban luka
yang semakin tak tertanggung.

"Mungkin aku bodoh ke-
rena menyimpan perasaan
padanya tapi bukannya ku-
pinta jadi begini.... kalau boleh
aku juga tidak mahu terluka
sebegini. Tapi apakah daya
Tuhan penentu segala. Dalam
dunia ini hanya seorang gadis
yang kusayang, yang kucinta
tapi kami tiada jodoh. Aku

sanggup buat apa saja asalkan
orang yang kusayang baha-
gia.... betapa dalamnya pe-
rasaanku padanya hanya Tuhan
saja yang tahu." Hadi merenung
jauh ke depan.... terbayang se-
raut wajah lembut dengan sepa-
sang mata redup berkaca-kaca.
Nora... dialah yang memberinya
keberanian untuk terus terang.

"Siapa sebenarnya orang
yang ada di hatimu.... kenapa
selama ini engkau tak pernah
berterus terang padanya...
Bukankah jodoh di tangan
Tuhan? Kenapa kau begitu
yakini yang kamu tiada jodoh?
Kenapa?"

"Kau tahu, dalam hatiku
hanya ada sebuah nama....
Suhailalah gadis yang ku-
sayang, hanya dia yang ku-
cinta tapi kami tiada jodoh ke-
rena aku tahu Suhaila hanya
mencintai seorang lelaki dalam
hidupnya."

"Aku sudah cuba untuk
melupakan engkau, tapi aku tak
berdaya. Semakin lama pe-
rasaanku semakin mendalam,
aku tahu engkau amat mencintai
Harris, aku ikhlas mendoakan
kebahagiaannya bersamanya
tapi aku tak dapat menipu diri
sendiri betapa aku terluka de-
ngan kenyataan ini. Setiap hari
aku cuba kuatkan semangat dan
setiap hari jugalah aku cuba me-
mujuk hatiku untuk melupa-
kanmu tapi alangkah sukarnya.
Bagiku engkau terlalu isti-
mewa. Ketika engkau bersama
Harris aku cuba menjaui kerana
aku tidak mahu terus terluka.
Ditambah lagi dengan adanya
gosip yang mengatakan kita
bercinta, dapatkah engkau rasa-
kan betapa hancurnya hatiku
ketika itu."

Suhaila mengerti kini,
patutlah Hadi tidak pernah
mahu menyebut nama gadis
impiananya, dan patutlah dia
selalu mengatakan yang tiada
jodoh dengan gadis itu. Tidak
pernah diduganya kalau dialah
sebenarnya yang mendapat
tempat di hati Hadi. Alangkah
kejamnya dia, dulu betapa dia
selalu mengeluh tentang ke-
lukaan hatinya pada Hadi, saat
itu dia benar-benar bersyukur
yang dia mempunyai seseorang
untuk meluahkan perasaan se-
dangkan Hadi, kepada siapalah
dia hendak mengadu? Alangkah
sedihnya hati Hadi ketika dia
mendoakan yang satu masa dia
pasti akan dapat bersama de-
ngan gadis yang disayangnya,
sedangkan hakikatnya amat me-
lupakan. Dan tidak dapat di-
bayangkan betapa terlukanya
hati lelaki itu apabila mende-
ngar gosip yang melanda me-
reka. Mungkin kalau dia jadi
Hadi pun dia akan membuat
perkara yang sama, dia lebih
memilih untuk menjaui agar
luka di hati tidak semakin
parah. Dia amat memahami pe-
rasaan Hadi, dulu pun dia per-
nah terluka bila mengetahui
yang Harris ada menyimpan
perasaan pada gadis lain, tidak
dapat dibayangkan betapa
remuknya hatinya di kala itu.
Sedangkan Hadi, sudahlah dia
terluka kerana memendam pe-
rasaan dalam diam, dia juga
tahu yang gadis yang dicintai
menaruh hati pada Harris. Se-
reka terlalu rapat, itulah se-
benarnya yang membuatkan Hadi
semakin terluka.

"Maafkan aku.... selama
ini, aku ingat kau tak meng-
hargai persahabatan kita..." Ber-
getar suara Suhaila menahan
tangis keharuan.

"Aku tak pernah salahkan
kau, hanya aku yang sudah
tidak berdaya lagi untuk terus
berpura-pura, aku sudah lelah.
Apa pun aku mahu kau tahu
yang aku tetap anggap kau
sebagai sahabatku dunia dan
akhirat, aku benar-benar
sayangkan kau, tapi aku sadar
kita tiada jodoh. Tak pernah aku
menyanggahi seseorang sebagai-
mana aku sayangkan engkau.
Mungkin selepas ini kita tidak
lagi semesra dulu, tapi ingatlah
dalam hatiku, kau tetap insan
yang aku sayang. Aku doakan
agar kau berbahagia bersama

Harris, hargailah dia. Nora me-
nyedarkan aku bahawa ada
yang lebih penting dari terus
hidup dalam kepura-puraan....
persahabatannya yang paling
penting sekali, aku bahagia
memiliki seorang sahabat
sebaik engkau," betapa ikhlas-
nya pernyataan itu, sehingga
membuatkan air mata Suhaila
jatuh berderai.

Ketika Hadi berlalu,
Suhaila hanya mampu mere-
nung dengan hati yang sebak.
Tidak diduga begini dalam-
nya perasaan lelaki itu ter-
hadapnya. Ada sesuatu yang
hilang daripada hatinya, seolah-
olah terbawa bersama Hadi.
Selama ini dia tidak sadar be-
tapa pentingnya lelaki itu dalam
hidupnya. Kini ketika dia ber-
lalu, barulah Suhaila menyedari
betapa sayangnya dia pada
Hadi, benar dia mencintai Harris
tapi dia juga tak menafikan
yang dia juga menyayangi
Hadi, baginya Hadi terlalu baik,
tidak pernah dia terjumpa sese-
orang yang begitu baik pada-
nya. Hadi.... betapa sebenarnya
aku sayang padamu.... tapi
mungkin memang kita tiada
jodoh. Dia terpaksa akur de-
ngan ketentuan Allah.... cukup-
lah dengan luka yang sedia ada,
dia tidak mahu menambah lagi.
Perlahan Suhaila mengesat air
matanya.... apa pun dia masih
lagi memiliki Harris yang setia
padanya, walaupun rasanya
hidup tidak lengkap lagi tanpa
Hadi dia tetap bahu. Dia tahu
dia akan merindui lelaki itu,
tapi mungkin ini lebih baik bagi
merek berdua.

Hadi berjalan dengan
langkah lambat-lambat. Lega
rasa hatinya kini, tidak ada lagi
beban yang tersembunyi di
dalam hatinya, walaupun luka
itu masih ada tapi paling tidak
ia tidak lagi berdarah seperti
ketika ia memendam perasaan
seorang diri. Benarlah kata
orang, sesakit-sakitnya cinta
yang tak terbalas sakit lagi cinta
yang dipendam sendiri. Dia
benar-benar berterima kasih
pada Nora yang menyedarkan
dan memberinya semangat
untuk terus hidup dalam ke-
lukaan. Suhaila tetap
dalam kenangan, tidak akan ter-
padam nama gadis itu dari
hatinya, hanya dia sudah meng-
ikhlasikan yang gadis itu bukan-
lah miliknya, ada orang yang
lebih berhak daripadanya.
Suhailalah sahabatnya ter-
sayang dunia akhirat. Tiada
siapa yang dapat mengubah
kenyataan itu.

Hadi menghentikan
langkahnya ketika dia terpan-
dang seraut wajah yang amat
dikenalnya, Nora. Gadis itu
tampak terkejut melihat Hadi,
dia segera menundukkan muka-
nya, di tangannya terdapat be-
berapa buah fail yang besar.
Hadi tersenyum, kali ini tanpa
beban, sinar matanya amat ceria
dan jernih. Tiada lagi kedukaan
yang selama ini terpancar dari
sinar matanya. Tanpa bicara
dihilurkannya tangan dan di-
raihnya fail-fail yang dibawa
Nora. Nora terpaksa, tapi Hadi
hanya tersenyum mesra dan
menganggukkan kepalanya.
Akhirnya Nora tersenyum
walau masih dalam keadaan ter-
tanya-tanya. Mereka berjalan
beriringan, perlahan dan pasti.

Hadi sadar dia tidak boleh
terus leka diombang-ambing-
kan perasaannya sendiri se-
dangkan ada seseorang yang be-
gitu setia dan mengharapkan-
nya. Tidak adil untuknya terus
membiarkan gadis itu menanti-
nya sedangkan dia terus leka
dan asyik bermimpi di siang
hari. Keikhlasan dan kejujuran
Noralah yang menyedarkan
Hadi bahawa di balik kelakuan
hatinya yang berkepanjangan,
ada sebuah sinar terang yang
menanti. Hanya selama ini
dia terlalu leka sehingga tidak
pedulikan semuanya dan terus
tersengam dalam ke-
dukaan hati. Ada sesuatu pada
diri Nora yang amat menarik
hatinya kalau mereka ber-
jodoh, mereka akan bersama
juga akhirnya.



سنتیاس برسام بیسیتیت
Sentiasa Bersama Biskita

سوسون رنچاشن تیلیسیشن

susunan rancangan TELEVISYEN

PIHAK RTB berhak
menentukan mana-mana
jua rancangan

RABU 11 JULAI

PAGI

6.00	PEMBUKAAN/LAGU KEBANGSAAN
6.02	AL-QURAN
6.12	RAMPAI PAGI - Siaran Langsung
9.00	BERITA
9.15	RAMPAI PAGI - Sambungan
10.00	SIARAN TAMAT

PETANG

4.00	LAGU KEBANGSAAN
4.02	AL-QURAN
4.12	SUSUNAN RANCANGAN
4.15	ANIMATION HOUR : STATIC SHOCK// X-MEN EVOLUTION
5.00	JUARA - SIARAN LANGSUNG
5.30	ECHO CHALLENGE
5.45	BERITA
5.55	ECHO CHALLENGE - Sambungan
6.37	AZAN MAGHRIB
6.45	PEDOMAN

MALAM

7.00	LIPUTAN SEMASA
7.25	SIHAT CERGAS - Ulangan
7.53	AZAN ISYAK
8.00	BERITA NASIONAL
8.50	TEKAD
9.05	MENJELANG HARI KEPUTERAAN
9.15	DRAMA COPRODUCTION: TITIK CAHAYA
9.45	RENTAK - Siri Baru
10.00	NEWS AT 10
10.30	RENTAK - Sambungan
10.45	VENGEANCE UNLIMITED - 'Critical'
11.40	DOA DAN SIARAN TAMAT

KHAMIS 12 JULAI

PAGI

6.00	PEMBUKAAN/LAGU KEBANGSAAN
6.02	AL-QURAN
6.12	RAMPAI PAGI - Siaran Langsung
9.00	BERITA
9.15	RAMPAI PAGI - Sambungan
10.00	SIARAN TAMAT

PETANG

4.00	LAGU KEBANGSAAN
4.02	AL-QURAN
4.12	SUSUNAN RANCANGAN
4.15	ANIMATION HOUR : DENVER: THE LAST DINOSAUR/ZIRKOS KIDS
5.00	NATURE AND WILDLIFE - 'Vanishing Birds Of The Amazon'
5.45	BERITA

6.00	MARI BELAJAR MENGAJI
6.38	AZAN MAGHRIB
6.45	PEDOMAN

MALAM

7.00	SURAH YAASIIN
7.25	WARTA ISLAM
7.53	AZAN ISYAK
8.00	BERITA NASIONAL
8.50	MENJELANG HARI KEPUTERAAN
8.55	AN NUUR - Siaran Langsung
10.00	NEWS AT 10
10.30	DRAMA - 'Takana Juo Kampung'
11.00	WAYANG PILIHAN - 'The Man Next Door'
12.30	DOA DAN SIARAN TAMAT

JUMAAT 13 JULAI

PAGI

6.00	PEMBUKAAN/LAGU KEBANGSAAN
6.02	AL-QURAN
6.12	RAMPAI PAGI - Siaran Langsung
9.00	BERITA
9.15	RAMPAI PAGI - Sambungan
10.00	SUSUNAN RANCANGAN
10.15	SESAME STREET
11.15	TAMAN SARI
11.30	BERITA
11.40	JEJAK RASUL SIRI 5 - Ulangan
12.15	DISCOVER ISLAM: DR. ZAKIR NAIK
12.30	SEBAHYANG FARDU JUMAAT - Siaran Langsung

PETANG

1.30	WARTA ISLAM - Ulangan
2.00	SUKAN ANTARABANGSA
2.30	DINA-MIK - Siaran Langsung
3.00	TAYANGAN GAMBAR - 'Shark In A Bottle'
3.52	AZAN ASAR
3.57	TAYANGAN GAMBAR - Sambungan
4.40	ANIMATION HOUR: VOLTRON: DEFENDER OF UNIVERSE/SANG WIRA
5.30	SYIAR MASJID
6.00	UNEARTHED
6.38	AZAN MAGHRIB
6.45	PEDOMAN

MALAM

7.00	LIPUTAN SEMASA
7.25	BEDUDUN
7.53	AZAN ISYAK
8.00	BERITA NASIONAL
9.00	DRAMA: OPIS
9.30	TECHNOLOGY WORLD
10.00	NEWS AT 10
10.40	KHUTBAH JUMAAT

11.45	TELEDrama - 'Mei Hua'
12.15	DOA DAN SIARAN TAMAT

SABTU 14 JULAI

PAGI

6.00	PEMBUKAAN/LAGU KEBANGSAAN
6.02	AL-QURAN
6.12	RAMPAI PAGI - Siaran Langsung
9.00	BERITA
9.15	RAMPAI PAGI - Sambungan
10.00	SUSUNAN RANCANGAN
10.10	ANIMATION HOUR : FANTAGHIRO 'The Prophecy'/MIKE, LU & OG
11.00	LITTLE STAR 'Lou's Charm - Galaxy Parade'
11.30	BERITA
11.40	DRAMA CO PRODUCTION: 'Manja-Manja Piabong'
12.20	FILLER
12.27	AZAN ZUHUR
12.35	DOKUMENTARI: PRYN3A 3 'Sekolah Menengah Pengiran Anak Puteri Rashidah'

PETANG

1.05	SUSUNAN RANCANGAN
1.10	PANGGUNG PETANG
2.40	SABTU 'A Place To Grow'
3.10	KAMPUNG KITA - Ulangan
3.10	SPECIAL OPS FORCE II 'The Vestige'
3.52	AZAN ASAR
4.00	DISASTER AT SEA - 'Real Rescue To High Seas'
4.45	ANIMATION HOUR: GROUNDLING MARSH/PUPPETRY 'To Be Or Not To Be'
5.45	BERITA
5.55	DRAMA RTB 'Opis' - Ulangan
6.20	SEBAHYANG FARDU MAGHRIB BERJEMAAH MEMBACA TAHLIL MEMBACA DOA KESYUKURAN DAN SETERUSNYA SEBAHYANG FARDU ISYAK - Siaran Langsung dari Jame' Asr Hassanil Bolkiah

MALAM

8.00	BERITA NASIONAL
9.15	MENJELANG HARI KEPUTERAAN
10.00	NEWS AT 10
10.30	KONSERT SITI NURHALIZAH
12.00	DOA DAN SIARAN TAMAT

AHAD 15 JULAI

PAGI

6.00	PEMBUKAAN/LAGU KEBANGSAAN
6.02	AL-QURAN
6.12	RAMPAI PAGI - Siaran Langsung
7.30	ISTIADAT PERBARISAN KEHORMATAN HARI KEPUTERAAN KE-55 TAHUN KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA - Siaran Langsung
8.45	RAMPAI PAGI DAN BERITA
9.45	RAMPAI PAGI ISTIADAT MENGADAP DAN MENGURNIAKAN BINTANG-BINTANG KEBESARAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM - Siaran Langsung
12.00	BERITA
12.15	ANIMATION FILLER
12.27	AZAN ZUHUR
12.33	ANIMATION FILLER - Sambungan
12.50	SUSUNAN RANCANGAN

PETANG

1.00	TELETHON HARI KEPUTERAAN - Siaran Langsung dari STD
3.52	AZAN ASAR
3.58	TELETHON HARI KEPUTERAAN - Sambungan
5.10	DRAMA 'Jejak Kasih'
5.45	BERITA
6.00	DRAMA - Ulangan
6.38	AZAN MAGHRIB
6.45	PEDOMAN
6.55	SUSUNAN RANCANGAN

MALAM

7.00	SEJUTA MAKNA
7.53	AZAN ISYAK
8.00	BERITA NASIONAL
8.50	TIRAI KELUARGA - 'Pendekar Bujang Lapok'
10.00	NEWS AT 10
10.30	TIRAI KELUARGA - Sambungan
11.15	DOA DAN SIARAN TAMAT

ISNIN 16 JULAI

PAGI

6.00	PEMBUKAAN/LAGU KEBANGSAAN
6.02	AL-QURAN
6.12	SUSUNAN RANCANGAN
6.15	ANIMATION HOUR : 'The Case Of The Crook With A Conscience'
7.00	FILLER
7.15	SUKAN GLOBAL
7.45	BERITA
8.00	MIND, BODY AND SPERIT

PETANG

6.38	AZAN MAGHRIB
------	--------------

6.45	PEDOMAN
6.55	SUSUNAN RANCANGAN

MALAM

7.00	LIPUTAN SEMASA
7.25	ASBABUN NUZUL
7.53	AZAN ISYAK
8.00	BERITA NASIONAL
8.50	DRAMA CO PRODUCTION: - MANIS BERBESAN
9.30	DOKUMENTARI HARI KEPUTERAAN - Ulangan
10.00	NEWS AT 10
10.30	TEKAD - Ulangan
10.45	ISTIADAT PERBARISAN KEHORMATAN HARI KEPUTERAAN KE-55 TAHUN KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA - Ulangan
11.30	DOA DAN SIARAN TAMAT

SELASA 17 JULAI

PAGI

6.00	PEMBUKAAN/LAGU KEBANGSAAN
6.02	AL-QURAN
6.12	SUSUNAN RANCANGAN
6.15	ANIMATION HOUR BETTLE JUICE: 'Prince Of The Neither World'

PETANG

5.00	BERITA
5.45	DISCOVERY CHANNEL DOCUMENTARY - The Forzen Kingdom'
5.45	BERITA
5.55	DISCOVERY CHANNEL DOCUMENTARY - Sambungan
6.10	DRAMA CO PRODUCTION: 'Manja-Manja Piabong' - Ulangan
6.38	AZAN MAGHRIB
6.44	PEDOMAN
6.55	SUSUNAN RANCANGAN

MALAM

7.00	MY BEST FRIEND IS AN ALIEN 'Aliens Dinner Massacre'
7.25	DOKUMENTARI/WARISAN BUDAYA
7.52	AZAN ISYAK
8.00	BERITA NASIONAL
8.50	TINJAUAN
9.25	THE X FILES - 'Road Runners'
10.00	NEWS AT 10
10.30	THE X FILES - Sambungan
10.45	ISTIADAT MENGADAP DAN MENGURNIAKAN BINTANG-BINTANG KEBESARAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM DI BALAI SINGGAHSANA ISTANA NURUL IMAN - Ulangan
12.45	DOA DAN SIARAN TAMAT

PERADUAN MENULIS UCAPAN SELAMAT HARI GURU 2001

PENGENALAN:

Peraduan ini diadakan untuk memperingati Sambutan Hari Guru Ke-11 Tahun 2001 kerana bidang ucap selamat khususnya merupakan satu cara untuk men-curahkan perasaan dan semangat terhadap guru khususnya pendidik.

TUJUAN:

1. Bagi mendapat ucap-ucap selamat yang menarik dan bersesuaian yang akan di-muatkan dalam Kad Hari Guru 2001.
2. Menyemarakkan Sambutan Hari Guru.
3. Mengukuhkan dan menyemarakkan semangat cintakan guru melalui ucap selamat.
4. Menggalakkan rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam menghargai dan mencintai bahasa dan sastera.

SYARAT DAN PERATURAN:

1. Terbuka kepada rakyat dan penduduk tetap Negara Brunei Darussalam berumur 18 tahun ke atas.
2. Setiap ucap selamat yang dihasilkan hendaklah bersesuaian untuk dimuatkan ke dalam Kad Hari Guru yang memfokuskan kepada pengajaran dan pendidikan serta berunsurkan aspek globalisasi dalam pendidikan.
3. Penyerahan tidak dihadkan, akan tetapi ucap selamat yang dihantar hendaklah hasil tulisan peserta itu sendiri dan bukan yang diambil atau dceduk dari hasil penulis lain.
4. Setiap hasil ucap selamat yang dihantar kepada pihak penganjur hendaklah berserta borang penyertaan yang sah.
5. Pihak penganjur berhak menolak sebarang penyertaan yang tidak mematuhi syarat dan peraturan.
6. Borang penyertaan yang lambat atau tidak sampai tidak akan dipertanggung-jawabkan kepada pihak penganjur.
7. Keputusan panel hakim adalah muktamad. Sebarang baantahan tidak akan dilayan.
8. Peserta hendaklah mengisi borang penyertaan yang mesti disertakan dengan ucap selamat yang dihasilkan.
9. Borang boleh didapati di sekolah-sekolah menengah dan maktab-maktab serta institusi-institusi pengajian tinggi. Borang juga boleh didapati di semua pejabat pos seluruh negara.
10. Borang yang sudah lengkap berserta ucapan selamat hendaklah dihantar tidak lewat pada hari Sabtu 21 Julai 2001, jam 4.00 petang kepada:

Jawatankuasa Kecil Dokumentari, Promo dan Kuiz,
Jabatan Perkembangan Kurikulum,
Kementerian Pendidikan,
Jalan Haji Basir, Pesar Ulak,
Bandar Seri Begawan BS8410,
Negara Brunei Darussalam.

11. Ucap selamat yang terpilih akan dimasukkan ke dalam Kad Ucap Selamat Hari Guru yang akan diterbitkan oleh Jabatan Perkhidmatan Pos pada tahun ini.

PERADUAN MENULIS UCAPAN SELAMAT HARI GURU NEGARA BRUNEI DARUSSALAM KALI KE-11, 2001

Borang Penyertaan

Name penuh :

Tarikh Lahir :

No. Kad Pengenalan :

Alamat Penuh : Warna :

Nombor Telefon : Pejabat :

Rumah :

Mobile :

Nombor Faks : Mel Elektronik :

Pekerjaan :

Nama Sekolah :

(Jika Penuntut)

TEKS UCAPAN (Dalam 10 ke 20 perkataan sahaja) :

NAMA PENA (Jika ada) :

Saya mengaku bahawa Ucap Selamat Hari Guru yang saya sertakan bersama ini adalah hasil pena saya sendiri.

Tarikh : Tandatangan :

UNTUK KEGUNAAN PENGANJUR

Tarikh Diterima :

Tandatangan Penerima :

PELITA BRUNEI Akhbar Rasmi Kerajaan,
Setiap hari Rabu diterbitkan,
Rajin membaca bertambah pengetahuan,
Silalah Alai pilih jawapan.

1. Di manakah letaknya Pusat Ehsan Al-Ameerah Al-Hajjah Maryam?
 - a). Kampong Bengkurong.
 - b). Kampong Junjungan.
 - c). Kampong Jerudong.
2. Bilakah berlangsungnya Pertandingan Dikir Syarafil Anam bagi guru-guru Sekolah Rendah Daerah Brunei dan Muara di Pusat Da' wah Islamiyah yang dianjurkan oleh Jawatankuasa Pengurus-pengurus Sekolah Kawasan Brunei I ?
 - a). 29 September, 2000.
 - b). 28 September, 2000.
 - c). 27 September, 2000.
3. Di manakah berlangsungnya Majlis Perasmian Kolokium Farmasi 2000 dalam meningkatkan lagi kualiti perkhidmatan farmasi yang diadakan pada 29 September, 2000 ?
 - a). Institut Perkhidmatan Awam.
 - b). Kementerian Pendidikan.
 - c). Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan.

ALAI DIALU-ALUKAN MENGGUNAKAN
PERPUSTAKAAN RUJUKAN,
JABATAN PENERANGAN

Alai Pintar

SYARAT PERADUAN

1. Jika alai berumur 15 tahun ke bawah dan murid sekolah rendah atau menengah bawah maka alai dibenarkan mengisi borang jawapan yang disediakan.
2. Alai dibenarkan mengisi satu borang jawapan sahaja.
3. Alai hendaklah mengisi borang jawapan yang disediakan dalam PELITA BRUNEI sahaja dengan tulisan alai sendiri.

HADIAH-HADIAH MENARIK

1. Alai yang berjaya dihadkan untuk tiga orang sahaja. Undian akan dilakukan jika ramai di antara alai yang menjawab dengan tepat.
2. PELITA BRUNEI menyediakan hadiah-hadiah menarik seperti alat tulis atau buku-buku.

TARIKH TUTUP

1. Hantarkan borang jawapan alai tidak lewat seminggu dari tarikh keluaran PELITA BRUNEI ini.
- Jawapan Pat-Pat Gulambir keluaran 20 Jun, 2001.
1. C 2. A 3. A.

BORANG JAWAPAN ALAI PINTAR 483

Nama :

Umur :

Alamat :

Telefon rumah (jika ada) :

Sekolah :

Hantarkan borang jawapan alai :

Kepada,
 Ruangan Alai Pintar, 483,
 PELITA BRUNEI,
 Jabatan Penerangan,
 Jabatan Perdana Menteri,
 Lapangan Terbang Lama, Berakas, BB 3510,
 Negara Brunei Darussalam.

TIDAK ADA PEMENANG BAGI SOALAN PAT-PAT GULAMBIR KELUARAN PELITA BRUNEI 20 JUN, 2001.

وَقِيمُوا بِلِيَا اِنْتَا اِنْعَسَا



Fostering Youth Solidarity
**INTERNATIONAL YOUTH CAMP
VISIT BRUNEI YEAR 2001**

5th August - 11th August 2001

INTERNATIONAL YOUTH CAMP VISIT BRUNEI YEAR 2001



SILVER JUBILEE ANDUKI RECREATION PARK

Fostering Youth Solidarity
5th August - 11th August 2001

Venue : Silver Jubilee Anduki Recreation Park
Anduki, Seria